Bil. 64

Selasa
20 November 2012

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT

PARLIMEN KEDUA BELAS
PENGGAL KELIMA
MESYUARAT KETIGA

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT (Halaman 16)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 2013

Jawatankuasa:-

Jadual:-

Maksud B.46 (Halaman 38)
Maksud B.47 (Halaman 58)
Maksud B.28 (Halaman 93)

USUL-USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 16)

Usul Menteri – Mengecam Serangan Kejam Israel Ke Atas Wilayah Palestin Di Gaza (Halaman 17)

Usul Anggaran Pembangunan 2013

Jawatankuasa:-

Maksud P.46 (Halaman 38)
Maksud P.47 (Halaman 58)
Maksud P.28 (Halaman 93)

Diterbitkan Oleh:
CAWANGAN PENYATA RASMI
PARLIMEN MALAYSIA
2012

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Datuk Seri Panglima Pandikar Amin Haji Mulia, P.S.M., S.P.D.K., S.U.M.W., P.G.D.K., J.S.M., J.P.

2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.J.N., P.B.S. J.B.S., J.S.M. (Santubong) – PBB

3. " Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ronald Kiandee, A.S.D.K., P.G.D.K. (Beluran) – UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, D.U.P.N., S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) – UMNO

2. " Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.P., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) – UMNO

3. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon – *Senator*

4. " Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Penampang) – UPKO

5. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) – UMNO

6. " Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.P.M.P., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) – UMNO

7. " Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.S.A.P., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu) – UMNO

8. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop, (Tasik Gelugor) – UMNO

9. " Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Dato' Sri Peter Chin Fah Kui, S.S.A.P., P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP

10. " Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) – UMNO

11. " Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) – UMNO

12. " Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Sri Mustapa bin Mohamed (Jeli) – UMNO

13. " Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) – PBS

14. " Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Seri Douglas Uggah Embas (Betong) – PBB

15. " Menteri Pelancongan, Dato' Sri Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.K., D.P.M.P., P.J.K. (Raub) – MCA

16. " Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Noh bin Haji Omar, D.G.S.M., D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) – UMNO

17. Yang Berhormat Menteri Pertahanan, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., S.S.A.P., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO

18. " Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor, D.S.N.S., D.S.A.P., A.N.S., J.P., D.G.S.M (Tampin) – UMNO

19. " Menteri Kesihatan, Dato' Seri Liow Tiong Lai, D.G.S.M., S.S.A.P., D.I.M.P., S.M.P., (Bentong) – MCA

20. " Menteri Belia dan Sukan, Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) – UMNO

21. " Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, D.G.S.M (Segamat) – MIC

22. " Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi II, Dato' G. Palanivel – *Senator*

23. " Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, D.I.M.P., D.M.S.M., A.D.K. (Bera) – UMNO

24. " Menteri Kewangan II, Dato' Seri Haji Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) – UMNO

25. " Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Kong Cho Ha (Lumut) – MCA

26. " Menteri Luar Negeri, Dato' Sri Anifah bin Aman, S.S.A.P. (Kimanis) – UMNO

27. " Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin, D.P.T.J. – *Senator*

28. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum, P.S.A.T., D.I.M.P., D.S.N.S., D.S.D.K., P.A.T., J.S.M., K.A.T., K.M.N., A.M.K., P.J.M. – *Senator*

29. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Idris Jala – *Senator*

30. " Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Chor Chee Heung, D.G.S.M., S.S.A.P (Alor Setar) – MCA

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup (Pensiangan) – PBRS

2. " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Liew Vui Keong, P.G.D.K., A.D.K., J.P. (Sandakan) – LDP

3. " Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad (Mersing) – UMNO

4. " Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan I, Dato' Joseph Salang anak Gandum (Julau) – PRS

5. " Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah II, Datuk Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) – PRS

6. " Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani I, Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum, S.I.M.P., D.S.D.K., D.M.S.M., D.I.M.P., D.S.M., A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Kubang Pasu) – UMNO

7. " Timbalan Menteri Dalam Negeri I, Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., B.K.T., J.P. (Masjid Tanah) – UMNO

8. " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim – *Senator*

9. " Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Yong Khoon Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin) – SUPP

10. Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan II, Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim (Batang Lupar) – PBB

11. " Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II, Dato' Jacob Dungau Sagan, P.S.B.S., J.B.S., K.M.N., P.P.B., P.P.N. (Baram) – SPDP

12. " Timbalan Menteri Pelajaran I, Datuk Dr. Wee Ka Siong, D.M.S.M. (Ayer Hitam) – MCA

13. " Timbalan Menteri Pengangkutan II, Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) – SPDP

14. " Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Haji Fadillah bin Yusof, P.G.B.K., (Petra Jaya) – PBB

15. " Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan I, Dato' Tan Lian Hoe, D.P.M.P. (Gerik) – GERAKAN

16. " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy, S.M.P., P.P.T. (Cameron Highlands) – MIC

17. " Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Datuk Saravanan a/l Murugan (Tapah) – MIC

18. " Timbalan Menteri Luar Negeri I, Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu – *Senator*

19. " Timbalan Menteri Pengajian Tinggi I, Datuk Dr. Hou Kok Chung (Kluang) – MCA

20. " Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi I, Dato' Hamzah bin Zainudin, D.P.M.P., D.P.T.J., K.M.N., A.M.P., P.P.T., J.P. (Larut) – UMNO

21. " Timbalan Menteri Pengajian Tinggi II, Dato' Saifuddin bin Abdullah, D.S.A.P., D.P.M.P., D.S.M. (Temerloh) – UMNO

22. " Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah I, Dato' Haji Hasan bin Malek, D.S.N.S., D.M.S.M., D.S.M., J.P., K.M.N., A.M.N., P.M.C., P.J.K., B.K.C., (Kuala Pilah) – UMNO

23. " Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Maznah binti Mazlan – *Senator*

24. " Timbalan Menteri Pengangkutan I, Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) – UMNO

25. " Timbalan Menteri Kewangan I, Datuk Dr. Awang Adek Hussin, D.M.S.M., D.J.M.K., S.I.M.P., D.P.M.K., D.C.S.M., J.S.M. – *Senator*

26. " Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Noriah binti Kasnon, S.M.S., P.J.K., D.M.S.M., D.S.A.P. (Sungai Besar) - UMNO

27. " Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin, P.G.D.K., A.D.K. (Papar) – UMNO

28. " Timbalan Menteri Pelajaran II, Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi, P.I.S. (Batu Pahat) – UMNO

29. " Timbalan Menteri Belia dan Sukan I, Dato' Razali bin Haji Ibrahim (Muar) – UMNO

30. " Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri I, Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir (Jerlun) – UMNO

31. " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan, D.M.S.M. (Pontian) – UMNO

32. Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri II, Dato' Lee Chee Leong, D.P.M.P., A.M.P. (Kampar) – MCA

33. " Timbalan Menteri Pelancongan, Dato' Dr. James Dawos Mamit, P.S.B.S., P.P.B., P.P.S., P.P.D. (Mambong) – PBB

34. " Timbalan Menteri Kewangan II, Dato' Donald Lim Siang Chai – *Senator*

35. " Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II, Datuk Maglin Dennis D'Cruz – *Senator*

36. " Timbalan Menteri Belia dan Sukan II, Tuan Gan Ping Sieu – *Senator*

37. " Timbalan Menteri Luar Negeri II, Datuk Richard Riot anak Jaem, P.J.N., J.B.S., K.M.N. (Serian) – SUPP

38. " Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani II, Datuk Chua Tee Yong, D.P.S.M. (Labis) – MCA

AHLI-AHLI (BN)

1. Yang Berhormat Datuk Aaron Ago anak Dagang (Kanowit) – PRS

2. " Datuk Abd. Rahman Bakri, A.S.A. (Sabak Bernam) – UMNO

3. " Dato' Abd. Rahman Dahlan, D.I.M.P., A.D.K. (Kota Belud) – UMNO

4. " Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur Salleh (Kalabakan) – UMNO

5. " Tun Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.U.M.Z., D.K.1 (Johor), S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.U.N.M., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) – UMNO

6. " Dato' Seri Dr. Abdullah Md. Zin, D.P.M.T. (Besut) – UMNO

7. " Dato' Abdul Manan Ismail, D.I.M.P., P.K.C. (Paya Besar) – UMNO

8. " Datuk Abdul Wahab Dolah (Igan) – PBB

9. " Dato' Paduka Abu Bakar bin Taib, D.H.M.S., D.S.D.K., S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K., (Langkawi) – UMNO

10. " Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., P.J.K. (Jasin) – UMNO

11. " Tuan Haji Ahmad Lai Bujang, A.B.S. (Sibuti) – PBB

12. " Datuk Alexander Nanta Linggi (Kapit) – PBB

13. " Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said, S.P.M.P. (Pengerang) – UMNO

14. " Yang Berhormat Dato' Seri Haji Azmi Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) – UMNO

15. " Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed, D.M.S.M., A.M.N., P.I.S. (Sekijang) – UMNO

16. " Datuk Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) – PRS

17. " Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) – UMNO

18. " Tuan Ding Kuong Hiing (Sarikei) – SUPP

19. " Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, D.G.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) – MCA

20. " Datuk Halimah binti Mohd. Sadique, P.J.N., P.I.S. (Tenggara) – UMNO

21. " Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) – UMNO

22. Yang Berhormat Tuan Haji Hasbi Haji Habibollah (Limbang) – PBB
23. " Dato' Henry Sum Agong (Lawas) – PBB
24. " Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron, D.M.S.M., D.S.M., D.C.S.M (Tangga Batu) – UMNO
25. " Dato' Ismail bin Abd. Muttalib, D.I.M.P., S.A.P., A.A.P., A.M.P., P.K.C. (Maran) – UMNO
26. " Datuk Ismail Kasim, D.P.M.P., S.M.P., A.M.P. (Arau) – UMNO
27. " Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said (Kuala Krau) – UMNO
28. " Dato' Seri Dr. Jamaluddin Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) – UMNO
29. " Tan Sri Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) – PBS
30. " Datuk Juslie Ajirol (Libaran) – UMNO
31. " Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan (Hulu Selangor) - MIC
32. " Tuan Khairy Jamaluddin (Rembau) – UMNO
33. " Tuan Liang Teck Meng (Simpang Renggam) – GERAKAN
34. " Dato' Lilah bin Yasin, D.S.N.S. (Jempol) – UMNO
35. " Datin Linda Tsen Thau Lin (Batu Sapi) – PBS
36. " Datuk Dr. Marcus Mojigoh, P.G.D.K., J.S.M., A.D.K., B.S.K. (Putatan) – UPKO
37. " Tuan Masir Kujat, P.P.B. (Sri Aman) – PRS
38. " Datuk Matulidi Jusoh, P.P.N., P.J.K. (Dungun) – UMNO
39. " Datuk Md. Sirat Abu, D.M.S.M., K.M.N., B.K.T., P.J.K., J.P. (Bukit Katil) – UMNO
40. " Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) – UMNO
41. " Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman, D.I.M.P., A.M.P. (Lipis) – UMNO
42. " Dato' Mohd. Jidin Shafee, D.P.M.T., D.M.S.M., K.M.N., A.M.N. (Setiu) – UMNO
43. " Datuk Mohd. Nasir Ibrahim Fikri, D.M.P.T. (Kuala Nerus) – UMNO
44. " Tuan Haji Mohd. Nor Othman, A.M.N., P.J.C., P.J.K. (Hulu Terengganu) – UMNO
45. " Tuan Mohd. Nizar Haji Zakaria, A.M.P. (Parit) – UMNO
46. " Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad (Kangar) – UMNO
47. " Dato' Sri Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.M.S., D.P.T.J., S.S.A.P., J.P. (Sepang) – UMNO
48. " Dato' Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah, P.N.B.S., P.G.B.K., J.B.S. (Mukah) – PBB
49. " Puan Hajah Nancy Shukri (Batang Sadong) – PBB
50. " Datuk Hajah Norah Abd. Rahman (Tanjong Manis), P.J.N. – PBB
51. " Dato' Noraini binti Ahmad (Parit Sulong) – UMNO
52. " Datuk Nur Jazlan Mohamed (Pulai) – UMNO
53. " Dato' Seri Ong Ka Chuan, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P. (Tanjong Malim) – MCA
54. " Tan Sri Dato' Seri Ong Ka Ting, P.M.N., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Kulai) – MCA

55. Yang Berhormat Dato' Sri Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) – MCA
56. " Tan Sri Rafidah Aziz, S.M.P.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) – UMNO
57. " Datuk Raime Unggi (Tenom) – UMNO
58. " Tuan Haji Salleh Kalbi, A.D.K., B.K.M., P.J.K. (Silam) – UMNO
59. " Datuk Sapawi Ahmad Wasali (Sipitang) – UMNO
60. " Tan Sri Shahrir bin Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
61. " Dato' Shamsul Anuar Nasarah, D.P.M.P., S.M.S., P.P.N., P.P.T. (Lenggong) – UMNO
62. " Datuk Siringan Gubat (Ranau) – UPKO
63. " Dato' Sri Sulaiman Abdul Rahman bin Abdul Taib (Kota Samarahan) – PBB
64. " Tan Sri Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, P.M.N., S.P.M.K., S.P.M.J., D.P.P.N., D.G.S.M., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) – UMNO
65. " Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman, D.P.M.P., D.M.S.M., K.M.N., A.M.P., J.P. (Pasir Salak) – UMNO
66. " Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) – MCA
67. " Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) – MCA
68. " Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor, S.S.A.P. (Putrajaya) – UMNO
69. " Tan Sri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) – UMNO
70. " Tengku Razaleigh Hamzah (Gua Musang) – UMNO
71. " Dato' Seri Tiong King Sing (Bintulu) – SPDP
72. " Datuk Tiong Thai King, P.G.B.K. (Lanang) – SUPP
73. " Datuk Dr. Tekhee @ Tiki anak Lafe, D.M.S.M. (Mas Gading) – SPDP
74. " Datuk Wee Jeck Seng (Tanjong Piai) – MCA
75. " Tuan William @ Nyallau anak Badak, P.B.B., P.P.S. (Lubok Antu) – PRS
76. " Datuk Haji Yusof Haji Mahal, D.M.S.M. (Labuan) – UMNO
77. " Dato' Sri Haji Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N., (Setiawangsa) – UMNO

AHLI-AHLI (PKR)

1. Yang Berhormat Tuan Haji Ab. Aziz Ab. Kadir (Ketereh)
2. " Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim, D.P.M.S., D.S.A.P., P.S.M. (Bandar Tun Razak)
3. " Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid (Kuala Langat)
4. " Tuan Ahmad Kasim (Kuala Kedah)
5. " Tuan Amran bin Ab. Ghani (Tanah Merah)
6. " Dato' Seri Anwar Ibrahim (Permatang Pauh)
7. " Tuan Azan Ismail (Indera Mahkota)
8. " Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua (Batu)
9. " Puan Fuziah Salleh (Kuantan)

10. Yang Berhormat Tuan Gwo Burne Loh (Kelana Jaya)
11. " Tuan Hee Loy Sian (Petaling Jaya Selatan)
12. " Dato' Johari Abdul, D.S.D.K., (Sungai Petani)
13. " Dato' Kamarul Baharin Abbas, D.S.S.A. (Telok Kemang)
14. " Dr. Lee Boon Chye (Gopeng)
15. " Tuan Mohamed Azmin Ali (Gombak)
16. " Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff (Balik Pulau)
17. " Puan Nurul Izzah Anwar (Lembah Pantai)
18. " Dato' Rashid Din, S.M.K., D.I.M.P. (Merbok)
19. " Tuan R. Sivarasa (Subang)
20. " Dato' Saifuddin Nasution Ismail (Machang)
21. " Tuan S. Manickavasagam (Kapar)
22. " Tuan William Leong Jee Keen (Selayang)
23. " Puan Hajah Zuraida Kamaruddin (Ampang)

AHLI-AHLI (DAP)

1. Yang Berhormat Tuan Charles Anthony Santiago (Klang)
2. " Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching)
3. " Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
4. " Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
5. " Tuan Er Teck Hwa (Bakri)
6. " Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
7. " Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
8. " Tuan Gobind Singh Deo (Puchong)
9. " Tuan Hiew King Cheu (Kota Kinabalu)
10. " Tuan Jeff Ooi Chuan Aun (Jelutong)
11. " Tuan John Fernandez (Seremban)
12. " Tuan Liew Chin Tong (Bukit Bendera)
13. " Tuan Lim Guan Eng (Bagan)
14. " Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timur)
15. " Tuan Lim Lip Eng (Segambut)
16. " Tuan Loke Siew Fook (Rasah)
17. " Tuan M. Kulasegaran (Ipoh Barat)
18. " Tuan M. Manogaran (Telok Intan)
19. " Tuan Nga Kor Ming (Taiping)
20. " Dato' Ngeh Koo Ham (Beruas)
21. " Prof. Dr. P. Ramasamy (Batu Kawan)
22. " Tuan Tony Pua Kiam Wee (Petaling Jaya Utara)
23. " Tuan Karpal Singh (Bukit Gelugor)
24. " Tuan Sim Tong Him (Kota Melaka)

25. Yang Berhormat Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
26. " Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
27. " Puan Teo Nie Ching (Serdang)
28. " Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
29. " Tuan Wong Ho Leng (Sibu)

AHLI-AHLI (PAS)

1. Yang Berhormat Dato' Seri Haji Abdul Hadi Awang (Marang)
2. " Dato' Ab. Halim bin Ab. Rahman, D.P.M.K. (Pengkalan Chepa)
3. " Tuan Che Uda bin Che Nik, B.C.K., A.M.N. (Sik)
4. " Dr. Che Rosli Che Mat (Hulu Langat)
5. " Dr. Dzulkefly Ahmad (Kuala Selangor)
6. " Dato' Kamaruddin Jaffar, B.C.M., D.S.N.S. (Tumpat)
7. " Tuan Khalid Abd. Samad (Shah Alam)
8. " Dato' Mahfuz bin Haji Omar, D.S.D.K., (Pokok Sena)
9. " Dato' Seri Ir. Mohammad Nizar bin Jamaluddin (Bukit Gantang)
10. " Tuan Haji Mohd. Abdul Wahid bin Endut (Kuala Terengganu)
11. " Tuan Mohd. Firdaus bin Jaafar (Jerai)
12. " Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli (Kuala Krai)
13. " Dato' Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang)
14. " Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria (Padang Terap)
15. " Tuan Muhammad bin Husin (Pasir Puteh)
16. " Dr. Mujahid Yusof Rawa (Parit Buntar)
17. " Tuan Haji Nasharuddin Mat Isa (Bachok)
18. " Tuan Salahuddin Haji Ayub (Kubang Kerian)
19. " Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud (Kota Raja)
20. " Puan Siti Zailah Mohd. Yusoff (Rantau Panjang)
21. " Dato' Haji Taib Azamudden Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
22. " Dato' Haji Wan Abd. Rahim Wan Abdullah, D.J.M.K. (Kota Bharu)

AHLI (PSM)

1. Yang Berhormat Dr. M. Jeyakumar Devaraj (Sungai Siput)

AHLI-AHLI (Bebas)

1. Yang Berhormat Datuk Chua Soon Bui, P.G.D.K. (Tawau)
2. " Datuk Eric E. Majimbun, P.G.D.K. (Sepanggar)
3. " Tuan N. Gobalakrishnan (Padang Serai)
4. " Dato' Ibrahim Ali, D.J.M.K., D.P.M.S., D.M.S.M. (Pasir Mas)
5. " Datuk Seri Panglima Haji Lajim bin Haji Ukin, P.G.D.K., S.P.D.K., J.M.N., J.P. (Beaufort)
6. " Tuan Mohsin Fadzli Samsuri (Bagan Serai)
7. " Tuan Tan Tee Beng (Nibong Tebal)

8. Yang Berhormat Tuan Wee Choo Keong, S.M.K. (Wangsa Maju)
9. " Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing, S.P.D.K., P.G.D.K., P.J.N., J.S.M., J.P. (Tuaran)
10. " Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim, D.S.P.N., P.J.K. (Bayan Baru)
11. " Dato' Zulkifli bin Noordin (Kulim Bandar Baharu)

Kosong

1. - Tiada - (Titiwangsa)

DEWAN RAKYAT

Ketua Pentadbir Parlimen
Dato' Lamien bin Sawiyo

Setiausaha Dewan Rakyat
Datuk Roosme binti Hamzah

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)
Encik Che Seman bin Pachik

PETUGAS-PETUGAS PENYATA RASMI (HANSARD)
Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd Hassan
Rosna binti Bujairomi

Nurziana binti Ismail
Suriyani binti Mohd. Noh
Aisyah binti Razki
Yoogeswari a/p Muniandy
Nor Liyana binti Ahmad
Zatul Hijanah binti Yahya
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan
Hafilah binti Hamid
Siti Norhazarina binti Ali
Mulyati binti Kamarudin
Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli
Sherliza Maya binti Talkah
Mohd Salleh bin Ak Atoh

Nor Hamizah binti Haji Hassan
Azmir bin Mohd Salleh
Nur Nazihah binti Mohd. Nazir
Noraidah binti Manaf
Mohd. Fairus bin Mohd. Padzil
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa
Nor Kamsiah binti Asmad
Siti Zubaidah binti Karim
Aifarina binti Azaman
Noorfazilah binti Talib
Farah Asyraf binti Khairul Anuar
Julia binti Mohd. Johari
Syahila binti Ab Mohd Khalid
Siti Norlina binti Ahmad
Hazwani Zarifah binti Anas
Mohd. Zaidi bin Mahmood

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 20 November 2012

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. Datuk Raime Unggi [Tenom] minta Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air menyatakan, apakah penemuan dan pencapaian terkini dalam penggunaan tenaga baru atau alternatif yang lebih mesra alam bagi kegunaan negara ini sebagai gantian kepada penggunaan bahan bakar fosil seperti petroleum, arang batu dan gas asli.

Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Dato' Sri Peter Chin Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman ahli Yang Berhormat, Dasar dan Pelan Tindakan Tenaga Boleh Baru 2010 telah menggariskan lima sumber tenaga boleh baru (TBB) yang telah dikenal pasti berdaya maju untuk dimajukan iaitu mini hidro, *biomass,* biogas, solar dan sisa pepejal perbandaran.

Syarikat yang ingin membangunkan projek TBB berasaskan sumber ini layak untuk memohon tarif jualan premium di bawah mekanisme *feed-in tariff (FIT)* yang telah dilaksanakan mulai 1 Disember 2011. Selaras dengan penguatkuasaan Akta Tenaga Boleh Baharu 2011, mekanisme FIT membenarkan syarikat atau individu yang menjana tenaga elektrik dari sumber TBB untuk menjualkannya kepada syarikat utiliti seperti Tenaga Nasional Berhad dan *Sabah Electricity Sendirian Berhad.*

Buat masa ini Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air melalui Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari, *Sustainable Energy Development Authority* (SEDA) sedang mengkaji potensi dan kesesuaian tenaga angin dan *geothermal* sebagai sumber baru TBB yang boleh digunakan. Jika didapati sesuai, sumber tersebut akan ditambah ke dalam Jadual Sumber TBB Akta Tenaga Boleh Baharu 2011.

SEDA Malaysia telah mewujudkan kerjasama dengan Universiti Malaysia Terengganu untuk melaksanakan kajian pemetaan angin di seluruh Malaysia. Kajian selama dua tahun ini dijangka siap pada awal tahun 2015. SEDA Malaysia juga akan bekerjasama dengan Jabatan Mineral, Geosains dan Galian untuk melaksanakan kajian potensi *geothermal* di Malaysia. Kajian-kajian ini akan menentukan sama ada sumber-sumber yang dikenal pasti ini mempunyai potensi untuk dieksploitasi sebagai sumber bahan api bagi penjanaan tenaga elektrik di negara ini. Selain itu, SEDA Malaysia juga dalam peringkat awal untuk mewujudkan kerjasama dengan Universiti Malaysia Pahang bagi mengkaji potensi dan teknologi tenaga lautan di negara ini.

Kementerian ini melalui SEDA Malaysia juga sentiasa bekerjasama dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dalam usaha untuk mengenal pasti sumber tenaga baru dan alternatif yang lebih mesra alam bagi mewujudkan alam sekitar yang lebih lestari demi generasi yang akan datang. Sekian.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita lihat seperti bahan bakar fosil seperti petroleum, arang batu ataupun gas asli telah digunakan sejak dahulu lagi. Hari ini kita lihat penggunaan yang tinggi ke atas bahan tersebut dan bukan sahaja boleh menyusutkan hasil rizab itu tetapi juga memerlukan kos bahan yang tinggi daripada segi pengurusan, malah juga sering dikaitkan dengan pencemaran alam sekitar serta peningkatan pemanasan dunia.

Tuan Yang di-Pertua, kajian telah banyak dibuat seperti mana Menteri jawab tadi. Dalam soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, adakah dakwaan Malaysia pada hari ini gagal menggunakan sumber alam secara menyeluruh yang mana lazimnya tenaga alternatif adalah merupakan tenaga daripada unsur-unsur seperti mana Yang Berhormat Menteri jawab tadi daripada angin, hidro dan juga tenaga solar dan juga nuklear.

Jadi, kajian telah dibuat ke atas angin, ke atas lautan seperti mana Yang Berhormat Menteri sebut tadi.

Bagaimana pula dengan penggunaan solar? Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, setakat ini sejauh manakah penggunaan solar di negara kita yang saya lihat suatu penggunaan yang boleh memberi kelengkapan kepada infrastruktur terutama kepada bekalan elektrik di kawasan-kawasan luar bandar. Jadi, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, sejauh manakah penggunaan solar ini telah membantu rakyat kita, khususnya di luar bandar?

Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, sejauh manakah inovasi sains kita dalam merungkai dan juga mencipta tenaga biomas di mana dijelaskan oleh juga Yang Berhormat Menteri yang mana diperolehi daripada sisa organik seperti hampas padi dan juga kelapa sawit serta diproses untuk menjana sumber tenaga bagi kegunaan setempat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Peter Chin Fah Kui: Terima kasih Yang Berhormat. Memang adalah tepat bahawa buat masa sekarang ini penggunaan arang batu dalam negara ini masih dalam satu tahap yang tinggi. Ini kerana kalau kita banding dengan bahan sumber bahan api yang lain seperti gas atau juga sumber-sumber alternatif seperti yang kita sebutkan kecuali hidro. Kos bagi sumber alternatif semua ini adalah tinggi kalau banding dengan arang batu.

Buat masa sekarang walaupun kos satu tan arang batu itu sudah meningkat sampai hampir USD90 lebih satu tan, ia masih kalau banding dengan sumber gas dan juga sumber yang boleh dibaharui itu, kos arang batu masih dalam satu tahap yang lebih murah. Sebab itu untuk mendapatkan *tariff electricity* yang agak munasabah, maka kita terpaksa menggunakan loji-loji yang menggunakan bahan api arang batu. Walaupun kita sedang dalam untuk loji yang baru yang kita rancangkan, kita akan gunakan teknologi yang lebih mesra alam. Walaupun bahan apinya adalah arang batu yang disebutkan sebagai, dengan izin, *super critical coal*. Sebab itu bahan api ini lebih mesra alam, bermakna karbon dioksida yang dilepaskan daripada teknologi baru itu adalah lebih rendah kalau dibandingkan dengan yang lama.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kita memang ingin menambahkan jumlah *installed capacity,* dengan izin, bagi bahan api alternatif seperti yang saya sebutkan tadi. Jumlah yang kita rancangkan bagi tahun 2020 nanti ialah 2,080 megawatt jumlahnya dari semua sumber-sumber alternatif ini seperti mini hidro, solar, biogas, biomas. Sebab itu kita juga faham bahawa solar ini memang adalah satu bahan api yang senang didapati kerana kita dapat membeli *solar panel*nya dan selepas itu kita terus dapat sumber tenaga daripada solar panel. Sebab itu, maka di Malaysia pun kita banyak hari-hari yang mempunyai matahari atau *sun (solar)* dan sebab itu kita sedang dalam kajian *feed-in tariff* atau pelaksanaan *feed-in tariff* ini kita tumpukan kepada satu tumpuan yang lebih untuk solar ini. Dimana buat masa sekarang kita merancangkan 167.78 megawat untuk solar dalam *feed-in tariff* ini.

Sebab itu kita harap dalam masa akan datang, kos untuk mewujudkan sistem *solar panel* ini akan lebih murah lagi. Kalaulah dengan teknologi yang baru dan sebagainya, kos bahan api solar ini akan turun, kita akan menambahkan lagi jumlah yang kita akan galakkan dalam sistem FIT di masa akan datang. Mengenai biomas, saya setuju Yang Berhormat, sebab negara ini sudah banyak biomas. Saya hendak sebut juga pada pagi ini bahawa di dalam negara kita ini *off-grid installation,* dengan izin, iaitu di mana tenaga alternatif ini yang diwujudkan di dalam loji-loji sawit di negara ini sudah sampai 430 megawat yang sudah dipasang.

Ini bermakna untuk industri sawit ini, biomas ini adalah satu bahan api yang sesuai untuk digunakan. Sekian.

Puan Siti Zailah Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya mengemukakan soalan, saya juga mengambil kesempatan ini mengutuk sekeras-kerasnya kezaliman terhadap rakyat Islam di Palestin. Soalan tambahan saya, kita mengalu-alukan di atas usaha kerajaan untuk jadikan tenaga baru sebagai alternatif yang lebih mesra alam. Soalan saya ialah sejauh mana daripada pemantauan dan kajian yang telah dibuat oleh pihak kementerian terhadap sumber semula jadi tenaga yang ada dalam negara kita. Sejauh mana dapat bertahan dan setakat ini berapakah jumlah eksport kita berbanding dengan import dengan keperluan yang ada dalam negara.

Bilakah agaknya dalam kajian pihak kementerian, negara kita akan berdepan dengan krisis tenaga yang kita terpaksa menggunakan sumber baru untuk berdepan dengan keperluan tenaga negara. Terima kasih.

Dato' Sri Peter Chin Fah Kui: Yang Berhormat, soalan itu adalah terlalu luas untuk saya jawab dengan terperinci. Walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kita dalam negara ini apa yang kita inginkan ialah bahawa ialah kita memang akan sedaya upaya memastikan bahawa penjanaan elektrik bagi kegunaan rakyat kita atau industri kita akan terus dibela dan akan terus di dalam tahap yang sihat dan *sustainable* dan mampan.

■1020

Oleh sebab itu kita dalam kajian untuk kegunaan elektrik di negara kita ini, kita memang akan terus menggunakan sumber-sumber yang kita boleh peroleh walaupun agak kos itu kita tidak dapat seperti bahan api arang batu ini, kita memang tidak dapat mengenal pasti atau mengawal kos yang akan naik di seluruh negara. Sama juga bahan api gas.

Walau bagaimanapun, itu kita akan pastikan *energy mix* ini iaitu sama ada kita pakai guna bahan api fosil atau bukan fosil ini, kita akan dari semasa ke semasa untuk membuat kajian yang lebih sesuai, yang lebih menguntungkan negara kita. Oleh sebab itu saya akan pastikan bahawa kita tidak akan menghadapi masalah krisis elektrik bagi negara kita.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya dapat soalan ketiga memandangkan soalan itu sangat luas dan singkat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sudah 21 minit untuk satu soalan.

2. Tuan Azan bin Ismail [Indera Mahkota] minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan, apakah perkembangan terkini mengenai status usaha sama perdagangan perusahaan dan pelaburan dengan negara China terutamanya usaha sama Taman Perindustrian Malaysia China di Kuantan Pahang.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri I [Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir]: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Salam sejahtera, salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, hubungan perdagangan dua hala di antara Malaysia dan Republik Rakyat China (RRC) kini sedang berada pada tahap terbaik selama ini. Kerjasama yang akrab dan memberangsangkan dalam perdagangan, perusahaan dan pelaburan telah menyumbang kepada pembangunan ekonomi kedua-dua negara. RRC kini merupakan rakan dagang terbesar bagi Malaysia, manakala Malaysia merupakan rakan dagang terbesar RRC di kalangan semua negara-negara anggota ASEAN untuk empat tahun berturut-turut semenjak tahun 2008.

Pada tahun 2011, perdagangan dua hala di antara Malaysia dan RRC mencecah RM166.77 bilion, jumlah yang tertinggi yang pernah dicatatkan dalam sejarah perdagangan di antara kedua-dua buah negara. Keadaan ekonomi dunia yang kurang menentu pada tahun 2012 dijangka akan memperlahankan pertumbuhan ekonomi RRC. Akan tetapi RRC dijangka akan mengekalkan kedudukannya sebagai rakan dagangan terbesar Malaysia.

Antara bulan Januari dan Ogos tahun ini, perdagangan dua hala Malaysia dan RRC telah mencecah RM118.33 bilion iaitu peningkatan sebanyak 10.5 peratus berbanding tempoh yang sama pada tahun lepas. Sehingga tahun 2011, sebanyak 133 projek perkilangan dengan penyertaan ekuiti syarikat-syarikat RRC telah dilaksanakan dengan nilai pelaburan sebanyak RM826.2 juta.

Secara keseluruhannya, RRC merupakan negara punca ke-22 terbesar bagi Malaysia dalam pelaburan sektor perkilangan yang telah dilaksanakan. Antara sektor-sektor yang terlibat adalah sektor elektronik dan produk elektrik, pembuatan makanan serta produk fabrikasi logam. Untuk tempoh Januari hingga Julai 2012, sebanyak 14 projek perkilangan dari pelaburan asing dari RRC bernilai RM230.67 juta telah diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, semasa lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia ke RRC pada 1 April 2012 untuk merasmikan pelancaran *China-Malaysia Qinzhou Industrial Park* atau nama singkatannya QIP, Malaysia telah mencadangkan kepada pihak China sebuah taman perindustrian yang serupa dengan QIP atau dengan izin, *sister industrial park* iaitu Malaysia-China*, Kuantan Industrial Park* atau nama singkatannya KIP.

Sehubungan dengan itu, perjanjian antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Republik Rakyat China mengenai kerjasama Taman Industri Kuantan Malaysia-China telah ditandatangani sempena lawatan Tuan Yang Terutama He Guoqiang, Setiausaha Pemeriksaan Disiplin RRC ke Malaysia pada 15 Jun 2012. Projek tersebut menikmati sokongan yang kuat daripada pucuk kepimpinan kerajaan pusat RRC di Beijing.

Duta Khas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke China, Yang Berhormat Tan Sri Ong Ka Ting yang merangkap Pengerusi Majlis Perniagaan Malaysia-China (MCBC) sedang menyelaras serta memantau pelaksanaan kedua-dua projek ikonik tersebut. Kerajaan Negeri Pahang telah memberi kerjasama yang amat positif dan telah mengenal pasti kawasan tanah seluas 1,800 ekar bagi tujuan pembangunan projek tersebut di Kuantan.

Sejak perjanjian dua hala ditandatangani, pihak Kerajaan Guangxi telah menghantar dua rombongan secara berasingan ke Malaysia pada 19 Julai dan 30 Julai 2012 untuk menetapkan penubuhan syarikat usaha sama KIP dengan pihak yang berkaitan di Malaysia. Perbincangan antara kedua-dua pihak berjalan lancar. Pelbagai industri yang digalakkan di KIP telah dicadangkan termasuk petroleum dan gas asli, industri petrokimia, kayu balak, minyak sawit dan getah. Sebagaimana yang dikendalikan oleh pihak usaha sama tentang memajukan dan menarik pelaburan ke QIP, KIP juga akan dimajukan secara usaha sama di mana rakan kongsi dari RRC dan Malaysia adalah dari pihak swasta. Peranan Kerajaan Persekutuan, Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC), Kerajaan Negeri Pahang dan pihak kerajaan RRC akan memudahcarakan urusan pembangunan KIP.

Untuk memberi keterangan lebih lanjut tentang pelaksanaan dan manfaat projek tersebut kepada orang ramai, sesi perjumpaan dengan masyarakat setempat di Kuantan telah diadakan pada 10 Oktober 2012. Di samping itu, pihak pemaju KIP bersama Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur dan pihak Kerajaan Negeri Pahang juga sedang merancang upacara pecah tanah bagi pelancaran KIP.

Tuan Yang di-Pertua, semasa lawatan kerja Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ke Ekspo China-ASEAN kesembilan di Nanning atau CAEXPO RRC pada 20 September 2012, pihak Kerajaan Guangxi dan Qinzhou telah menganjurkan taklimat berhubung perkembangan QIP. Kerja-kerja pembinaan di tapak QIP sudah bermula secara berperingkat. Fasa pertama melibatkan kawasan yang seluas 15 kilometer persegi dijangka siap dan beroperasi sepenuhnya sebelum tahun 2017. Pemimpin-pemimpin tertinggi kedua-dua negara tetap memberi sokongan dan komitmen yang kukuh bagi merealisasikan pembangunan QIP dan KIP.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Sebelum saya menjemput Yang Berhormat Indera Mahkota untuk mengemukakan soalan, saya ingin berkongsi maklumat. Saya terbaca dalam surat khabar hari ini iaitu Speaker Selangor, kerajaan Pakatan di Selangor telah membuat satu tindakan iaitu dalam Dewan dia ada macam *traffic light. Green* untuk Yang Berhormat berucap, lepas itu bila boleh berhenti dan sedemikiannya.

Saya terbaca dalam surat khabar itu bahawa untuk mengemukakan soalan tambahan, dia beri kepada Yang Berhormat tiga puluh saat untuk bertanya. Jadi kalau ADUN Selangor boleh buat, kenapa Ahli-ahli Parlimen tidak boleh buat yang lebih bijaksana? Tadi baru satu soalan sudah 21 minit. Kalau begitu amalan kita, tiga soalan setiap sesi soal jawab. Itu sebab kenapa kadang-kadang saya *stress*. Sila Yang Berhormat Indera Mahkota, 25 saat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Selangor kerajaan PKR Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh pakailah.

Tuan Azan bin Ismail [Indera Mahkota]: Saya tidak perlu *traffic light.*

Tuan Yang di-Pertua: 25 saat.

Tuan Azan bin Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih. Saya hendak tumpukan soalan tambahan berkenaan dengan QIP tadi. Saya hendak merujuk kepada pengumuman Pengerusi Jawatankuasa Tetap Biro Politik Parti Komunis China yang mengatakan QIP ini adalah keuntungan besar kepada Kerajaan China kerana mendapat manfaat yang kita sediakan iaitu seperti pengecualian cukai, BTA, pengecualian cukai dua kali dan sebagainya kerana perkara itu telah pun siap... *[Dewan riuh]* Jadi, apakah...

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, kalau Ahli-ahli Yang Berhormat ganggu, tidak bolehlah dia buat dalam 25 saat. Tidak diganggu pun mahu setengah jam, apa lagi kalau diganggu. Sila Yang Berhormat Indera Mahkota.

Tuan Azan bin Ismail [Indera Mahkota]: Jadi bagaimana kita hendak mengimbangi manfaat itu? Di Kuantan, kawasan itu belum mampu lagi dipecah tanah, belum wujud apa-apa lagi. Akan tetapi QIP di China telah pun beroperasi dan telah dibuka secara rasminya. Jadi ada dua ketidakseimbangan manfaat yang didapati oleh Kerajaan China dengan kita di Malaysia ini. Soalan saya mengatakan Tuan Yang di-Pertua, kerugian yang kita tanggung, keuntungan besar yang didapati oleh Kerajaan China yang tidak seimbang tadi. Terima kasih.

■1030

Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir: Terima kasih Yang Berhormat Indera Mahkota di atas soalan tambahan tersebut. Tuan Yang di-Pertua, suka saya nyatakan bahawa saya juga pernah melawat Taman Industri Qinzhou ini dan saya dapati bahawa walaupun ia baru dibuka tetapi belum lagi ada sebarang industri yang didirikan. Atas sebab itu saya lihat tidak timbul sebarang isu mengenai kerugian yang mungkin kita tanggung dan daripada keuntungan yang mereka dapat. Sebaliknya Tuan Yang di-Pertua, kita dapati bahawa pendekatan yang diambil oleh RRC ini berbeza dengan Malaysia di mana mereka tidak menawarkan insentif dalam bentuk pelepasan cukai, sebaliknya mereka memberikan mungkin insentif dalam bentuk tanah dan sebagainya dan kita pula dengan pendekatan kita yang berbeza.

Daripada situ kita dapati bahawa kedua-dua pihak akan mendapat manfaat dengan caranya sendiri tetapi yang penting sekali ialah hubungan di antara dua taman industri ini di Kuantan dan juga di Qinzhou. Kuantan merupakan satu pelabuhan yang terletak di bahagian timur Semenanjung Malaysia. Atas sebab itu pergerakan kapal daripada Kuantan ke Qinzhou hanya memakan masa tiga hari paling maksima. Itu membuka ruang perdagangan bagi kedua-dua pihak yang akan dimanfaatkan sepenuhnya oleh kedua-dua Qinzhou dan Kuantan secara khususnya dan RRC dan Malaysia secara amnya. Terima kasih.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Terima kasih. Saya akur pada Tuan Yang di-Pertua. 25 saat. Apakah perancangan strategik pihak kerajaan dalam memastikan bahawa Kuantan ini dapat dilonjakkan menjadi kawasan utama industri petroleum dan gas? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau cara begitu, berkali-kali saya panggil Yang Berhormat Arau nanti... *[Ketawa]*

Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir: Tahniah Yang Berhormat Arau kerana mengambil masa 10 saat untuk menjawab- untuk bertanya. Saya dapati bahawa antara sektor yang digalakkan bagi kawasan industri di Kuantan ini adalah minyak dan gas walaupun kita tahu tak jauh daripada situ, di Pengerang pun sudah ada pelabuhan yang agak besar. Walaupun begitu kita dapati potensi Kuantan kerana ia merupakan satu pelabuhan yang bertempat di belah timur. Maka ada kelebihan-kelebihan tertentu yang boleh kita ambil kesempatan khususnya dalam perdagangan kita dengan negara-negara Asia di belah timur ini dan khusus lagi Korea Selatan, Jepun dan China.

Atas sebab itu saya ingat kalau kita nak beri tumpuan kepada industri yang boleh memberi pulangan yang paling tinggi bagi kita khususnya di Kuantan, mungkin antara lain saya tak rasakan bahawa itu satu perkara yang mengehadkan tetapi antara lain sektor minyak dan gas juga boleh diterokai. Terima kasih.

3. Dato' Ismail bin Abd. Muttalib [Maran] minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan berapakah jumlah persatuan belia berdaftar dan aktif dalam jangka masa lima tahun ini. Apakah ada bentuk pemantauan tertentu bagi mengelakkan persatuan belia ini terjerumus dan terpengaruh kepada aktiviti yang kurang sihat.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan I [Dato' Razali bin Haji Ibrahim]: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, sehingga 16 November 2012 bilangan pertubuhan belia yang berdaftar adalah sebanyak 8,188 buah persatuan. Manakala jumlah belia yang menganggotai pertubuhan-pertubuhan belia ini adalah seramai 2.5 juta orang iaitu lebih kurang 20.8 peratus daripada 12 juta orang belia.

Buat masa kini tidak ada sebarang istilah yang merujuk kepada ketidakaktifan memandangkan Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia baru dilaksanakan mulai tahun 2007. Walau bagaimanapun, daripada jumlah tersebut sebanyak 653 buah persatuan didapati telah gagal mengemukakan penyata tahunan dan telah diberikan surat amaran pertama iaitu perintah mengemukakan penyata tahunan. Manakala dari jumlah tersebut sebanyak 243 pertubuhan belia telah dikenakan perintah bubar sementara akibat kegagalan memberi maklum balas terhadap surat amaran yang telah diberikan.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tidak ada satu cara khusus dalam mengekang persatuan belia daripada terlibat dalam aktiviti-aktiviti tidak sihat. Namun adalah dipercayai bahawa setiap belia yang menyertai pertubuhan belia akan mengikuti program-program yang memberi manfaat serta nilai tambah kepada mereka. Di samping itu juga program-program dirancang untuk golongan ini turut merangkumi:

(i) lapan program gaya hidup Rakan Muda;

(ii) program di bawah NKRA – Pengurangan Jenayah iaitu *Crime Awareness Team* dan Skuad Muda RELA; dan

(iii) *i-Volunteer* yang mana mereka mendaftarkan diri sebagai sukarelawan dan terlibat dalam aktiviti-aktiviti kesukarelaan.

Dalam usaha supaya pertubuhan belia tidak terjerumus di dalam pengaruh aktiviti tidak sihat, pemantauan terhadap pertubuhan belia akan dilaksanakan secara berterusan iaitu antaranya melalui:

(i) pemeriksaan maklumat yang diberi, maklumat yang kena beri pada setiap tahun;

(ii) program pemantauan ke setiap daerah melalui program naziran; dan

(iii) maklumat daripada aduan awam serta anggota pertubuhan belia.

Selain daripada pemantauan yang juga dibuat dengan kerjasama pegawai agensi di peringkat zon negeri dan daerah. Terima kasih.

Dato' Ismail bin Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Timbalan Menteri. Saya ucapkan syabas dan tahniah kepada kementerian dalam usaha memperkasakan belia. Cuma Timbalan Menteri saya mendapat maklumat pandangan, akta baru ini yang mana disyaratkan belia mestilah mereka yang berumur 40 tahun ke bawah. Maknanya lebih daripada itu tidak boleh menjadi anggota ataupun jawatankuasa belia. Inilah akta yang menyebabkan sebahagian besar ataupun sebahagian daripada persatuan belia yang dulunya aktif, sudah tidak aktif. Macam disebutkan tadi 653 gagal mengemukakan laporan tahunan- 253 telah pun diminta bubar.

Ini pada saya adalah disebabkan oleh golongan belia yang bawah 40 ini mereka baru matang. Saya tidak akan katakan semuanya tidak matang dan mereka belum ada kekuatan kerana mungkin mereka lepas *graduate*, baru habis belajar dan sebagainya. Mereka tidak mempunyai asas atau pengalaman yang cukup hebat dalam perjuangan. Begitu juga dari segi ekonomi. Jadi apakah dakwaan ini betul?... *[Disampuk]* Pembangkang ini tak reti betullah. Saya tak pernah persoal kalau pembangkang tanya Tuan Yang di-Pertua. Inilah perangai- kita tidak ada doakan yang jahat pada orang baik.

Tuan Yang di-Pertua, apakah dakwaan ini betul dan saya nak tanya sebab apa peranan pemimpin belia lama masih ada. Apakah ada mekanisme yang dibuat oleh kementerian dalam menjalinkaitkan peranan kepimpinan belia hari ini dan kepimpinan bekas pemimpin belia yang masih aktif dalam masyarakat kita. Terima kasih.

Dato' Razali bin Haji Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat Maran. Saya rasa akta yang diluluskan di Dewan ini yang telah dilaksanakan sejak Julai 2007 yang menetapkan pemimpin belia hendaklah berusia 40 tahun ke bawah dikatakan menyumbang kepada kelemahan. Sebenarnya pada saya tidak berapa tepat kerana dulu persatuan-persatuan belia ini berdaftar di bawah ROS. Mana-mana persatuan di bawah ROS yang ratusan ribu ini mengadakan program yang bersifat kebeliaan, maka dia dapat dana daripada Kementerian Belia dan Sukan. Akan tetapi hari ini selepas akta baru diwujudkan, persatuan belia akan menganjurkan apa juga program tidak semestinya bertemakan kebeliaan tetapi yang penting dijalankan oleh belia.

Tak perlu dia berumur 40 tahun ke atas tetapi dia boleh buat cerita tentang alam sekitar, tentang apa juga permasalahan warga tua, yang penting pelaku itu adalah belia. Ini bagi memberi peluang supaya dana yang disediakan dapat terus digunakan oleh para belia dan mereka dilatih daripada peringkat usia yang lebih muda daripada mereka terus bergantung kepada kepimpinan yang lama dan dibahas, dilulus atas sifat tersebut.

■1040

Namun begitu saya percaya peralihan itu mengundang kepada persepsi seolah-olah mereka dikatakan lemah khususnya dalam bidang pentadbiran. Oleh sebab itu kita mengadakan kursus supaya mereka dapat mengemukakan dengan cara tatacara yang lebih tersusun. Namun begitu saya setuju dengan Yang Berhormat pengalaman daripada belia yang telah pun tamat usia 40 tahun masih kita perlukan. Oleh sebab itu saya ambil contoh Belia 4B menubuhkan alumni 4B yang mana mereka yang telah melepasi usia 40 tahun, berada dalam alumni tersebut bagi membantu Belia 4B yang ada pada hari ini malahan ada juga persatuan yang melantik bekas-bekas pemimpin belia yang telah berusia lebih 40 tahun sebagai penasihat atau penaung kepada persatuan-persatuan mereka sebagai usaha untuk berkongsi pengalaman seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat. Terima kasih.

Tuan Mohd. Firdaus bin Jaafar [Jerai]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin soalan saya adalah bagaimana penglibatan kementerian terhadap golongan anak muda yang tidak sertai belia yang terbiarlah isunya. Bagaimana kementerian ambil alih golongan ini dan berapakah langkah-langkah yang telah dibuat setelah gabungan 12 kementerian yang disebut dua tahun yang lalu tahap pencapaian dia? *Wallahualam*.

Dato' Razali bin Haji Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat. Pertama saya suka menyatakan bahawa belia ini ramai. Oleh sebab itu saya nyatakan tadi hanya 20.8 peratus sahaja yang berada di bawah pengendalian terus Kementerian Belia dan Sukan. Maksudnya ada ramai lagi belia di luar sana yang tidak berpersatuan betul. Ambil contoh ada belia di bawah Kementerian Pertanian, di bawah dana belia tani. Ada belia yang datang daripada UniSZA yang masih lagi di bawah pengendalian Kementerian Pengajian Tinggi. Oleh sebab itu kita ada jawatankuasa dahulunya untuk membuat satu koordinasi.

Namun begitu, bagi mendekati kumpulan yang tidak berpersatuan ini saya boleh ambil contoh- Hai! Patah, masalah pun UMNO jugakah?

Datuk Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]: Yang salah itu ah! Dia doa salah. Kaki dia hampir patah.

Dato' Razali bin Haji Ibrahim: Telah pun diumumkan beberapa inisiatif yang tidak diletakkan dananya terus kepada Kementerian Belia dan Sukan sebagai contoh Dana Belia 1Malaysia. Diletakkan di bawah satu agensi di mana boleh mendekati mana-mana belia tidak semestinya yang berpersatuan ataupun yang terbaru yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dana sejumlah RM100 juta di bawah 1M4U boleh dipohon oleh mana-mana belia atas apa juga program yang hendak mereka laksanakan termasuk juga walaupun mereka tidak berpersatuan termasuk juga dana yang disediakan untuk kesukarelaan.

Jadi ini adalah salah satu cara yang dibuat oleh kerajaan hasil daripada koordinasi itu tadi untuk dia gunakan walaupun mereka tidak berpersatuan. Akan tetapi yang penting gangguan, kekeliruan yang wujud bagi mendekati para belia ini perlu kita kurangkan supaya para belia kita hanya dapat menikmati perkara yang baik-baik kerana usia muda, kita Yang Berhormat semua pernah muda dan darah bergelora. Apabila menerima maklumat kita kadang-kadang terikut, tertarik sama ada baik atau tidak sebenarnya lebih kepada teladan yang diberi oleh kepimpinan ibu bapa dan kita yang lebih dewasa. Terima kasih.

4. Tuan Haji Ab. Aziz Ab. Kadir [Ketereh] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, jumlah kecederaan akibat permainan mercun di seluruh negara sejak tiga tahun kebelakangan ini, mengikut kategori kaum. Apakah punca kegagalan agensi penguatkuasaan dalam membendung penyeludupan mercun di negara ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri I [Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Ketereh yang mengemukakan pertanyaan ini. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, kerajaan telah mengharamkan aktiviti pembakaran semua jenis mercun semenjak tahun 1995 demi memelihara keselamatan dan ketenteraman awam.

Memandangkan aktiviti bermain mercun telah banyak membawa musibah dan bencana seperti kecederaan diri, kematian serta boleh menjadi punca kebakaran. Setakat ini kemalangan akibat bermain mercun bagaimanapun tidak pernah dilaporkan kepada pihak polis oleh mana-mana pihak. Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan mercun yang terdapat di negara ini dipercayai diseludup melalui oleh negara jiran. Walaupun agensi-agensi penguat kuasa seperti PDRM, Unit Pencegahan Penyeludupan, Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia sentiasa berusaha untuk membanteras penyeludupan bahan tersebut.

Didapati penyeludupan masih berlaku dan ianya adalah disebabkan oleh yang pertama dipengaruhi oleh permintaan yang tinggi terhadap bahan tersebut disebabkan Malaysia sebagai negara *multiracial,* dengan izin, di mana mempunyai pelbagai hari perayaan dan ini termasuklah Hari Raya Aidilfitri, Tahun Baru Cina, Deepavali, Krismas, Chap Goh Meh dan sebagainya.

Kedua, sempadan darat negara iaitu Malaysia, Thailand, Sabah, Sarawak, Kalimantan Indonesia dan sempadan laut Selat Melaka dan Laut China Selatan adalah terlalu panjang dan luas. Tuan Yang di-Pertua, pihak KDN ingin merayu kepada masyarakat umum bahawa kita perlu sedar tanggungjawab membanteras pembakaran mercun bukanlah terletak di bahu kerajaan semata-mata tetapi harus dipikul bersama oleh masyarakat setempat, ibu bapa dan juga keluarga. Terima kasih.

Tuan Haji Ab. Aziz Ab. Kadir [Ketereh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya juga ingin tahu selama manakah mercun-mercun yang dirampas itu disimpan dan bagaimanakah usaha menghapuskannya? Ini kerana kita tidak mahu dengar lagi mungkin tohmahan dari mana bekalan sebab sampai sahaja musim perayaan banyak bekalan mercun mudah didapati. Paling menyedihkan ada tohmahan mungkin yang mengatakan dari mana dapat bekalan daripada kastam, daripada UPP. Saya rasa perkara ini tidak patut berlaku kerana ini mencemarkan imej pasukan beruniform kita. Jadi saya hendak minta Menteri menjelaskan bagaimana proses penyaliran pasti dihapuskan supaya tidak timbul lagi soal-soal bekalan mercun yang banyak dalam pasaran kita.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Ketereh. Sehubungan dengan kes-kes rampasan yang berkaitan dengan mercun-mercun yang dibuat adalah merupakan ekshibit dan ianya ada peraturan yang tertentu yang mana perlu diikuti dan ada tempoh yang perlu di simpan sebagai ekshibit. Dakwaan bahawa ianya diperolehi daripada jabatan-jabatan seperti mana yang didakwa itu adalah tidak adalah tidak benar Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ringkas sahaja. Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah kementerian tidak berhasrat untuk mungkin mengadakan satu program kesedaran di kalangan murid-murid sekolah itu sendiri.

Ini sebab apa pun akta undang-undang yang kita ada tetapi ternyata apabila kerajaan mengharamkan penggunaan dia memang penyeludupan berlaku yang untung ialah penyeludup. Macam-macam tohmahan seperti perbekalan daripada kastam, daripada penguat kuasa dan sebagainya walaupun tidak betul. Ini kerana benda ini di seludup tetap seluduplah dan apabila tidak ada kesedaran maka ramailah budak-budak kita, remaja-remaja kita yang terlibat, terjebak dengan masalah-masalah seperti putus tangan, putus jari, buta mata dan sebagainya.

Apabila juga dibendung dia orang juga mencipta sendiri. Pokoknya dia boleh berdentum, dia boleh meletup sebab meriam buluh pun ada, meriam besi pun ada. ini dibuat di rumah sendiri. Jadi langkah-langkah kesedaran harus diutamakan oleh kementerian untuk memastikan bahawa mungkin walaupun ada penyeludupan tetapi mereka tetap selamat. Terima kasih.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebagaimana yang saya telah nyatakan pada jawapan asal tadi, oleh kerana permintaan yang begitu banyak terutamanya semasa musim perayaan jadi justeru itu mereka walaupun barang di seludup mereka cuba mendapatkan juga bahan-bahan seperti ini. Selain daripada tindakan-tindakan untuk mencegah dan membanteras berkaitan dengan penyeludupan bahan-bahan mercun ini yang kita buat dari semasa ke semasa kita juga ada melaksanakan program kempen atau publisiti bagi tujuan kesedaran melalui kempen-kempen orang ramai mendidik tentang peranan mereka menyalurkan maklumat kepada pihak berkuasa supaya kita mendapat tindakan yang lebih tegas terhadap penyeludup-penyeludup ini.

■1050

5. Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit] minta Menteri Kewangan menyatakan, apa kesan buruk atau sebaliknya terhadap ekonomi Malaysia akibat masalah kemelut kewangan dan kemelesetan ekonomi yang berlarutan melanda Eropah.

Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Donald Lim Siang Chai]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedia maklum bahawa kegawatan ekonomi yang melanda Eropah berlaku akibat daripada sistem kewangan yang terlalu terbuka berasaskan pasaran kapitalisme. Krisis ini diburukkan dengan tadbir urus kewangan kerajaan yang tidak cekap sehingga menyebabkan rantau berkenaan dibebani dengan defisit hutang yang tinggi. Perkembangan ini seterusnya membawa kepada permasalahan antarabangsa daripada segi pertumbuhan ekonomi dan perdagangan global yang perlahan dan tidak ketidaktentuan dalam pasaran kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah pasaran ekonomi yang terbuka, Kerajaan Malaysia sedia makmum bahawa persekitaran luar yang kini melanda Eropah boleh memberikan kesan kepada pertumbuhan ekonomi negara melalui impak pasaran kewangan dan aliran perdagangan. Namun demikian, kesan tersebut tidak begitu ketara ke atas Malaysia memandangkan struktur pasaran luar negara kini lebih pelbagai dan disokong oleh kekuatan daya tahan dalaman dan asas ekonomi yang mampan. Di samping itu, ketangkasan dan kecekapan kerajaan dalam menyusun strategi dan tindakan untuk memastikan ekonomi terus berkembang dengan kukuh terutamanya melalui pelaksanaan program di bawah Dasar Transformasi Nasional (DTN) akan menggegarkan momentum kecergasan aktiviti ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pengurusan makroekonomi yang kukuh, ekonomi negara telah tumbuh kukuh pada kadar 5.3 peratus dalam tempoh sembilan bulan tahun 2012 dan dijangka berkembang ke 5 peratus bagi keseluruhan tahun 2012. Sungguhpun persekitaran luar yang mencabar, permintaan domestik akan menjadi pemacu utama pertumbuhan ekonomi negara disokong oleh perbelanjaan sektor swasta dan awam dari sudut penawaran, pertumbuhan ekonomi yang menggalakkan dijangka disumbang oleh sektor perkhidmatan dan pembuatan dengan sektor pembinaan memainkan peranan yang lebih kukuh dalam menyokong aktiviti ekonomi domestik. Meskipun ekonomi domestik berkembang pada kadar yang lebih tinggi, dalam tempoh sembilan bulan tahun 2012, tekanan inflasi dijangka dapat dikurangkan melalui peningkatan produktiviti dan kapasiti pengeluaran yang berterusan. Kadar inflasi dijangka kekal terkawal dalam lingkungan 2 peratus pada tahun 2012.

Di samping itu, ekonomi akan terus beroperasi dalam keadaan guna tenaga penuh dengan kadar pengangguran kekal rendah dalam lingkungan 3 peratus. Peningkatan keyakinan pelabur terhadap inisiatif transformasi ekonomi dan asas ekonomi yang kukuh dapat mengekalkan aliran masuk Pelaburan Langsung Asing (FDI) sebanyak RM23.2 bilion dalam tempoh sembilan bulan tahun 2012. Perkembangan ini turut dicerminkan oleh keadaan pasaran saham negara yang antara paling aktif di dunia terutamanya berikutan sambutan kepada penyenaraian saham FELDA Global Ventures Holdings Berhad, IHH Healthcare Berhad dan Astro Malaysia Holdings Berhad.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan akan sentiasa memantau ketidaktentuan perkembangan luar yang semakin mencabar serta berusaha mengukuh daya ketahanan ekonomi negara bagi memastikan pertumbuhan ekonomi kekal mampan. Di samping itu, amalan pengurusan kewangan awam secara berhemah terus diberikan keutamaan. Kerajaan terus komited untuk mengurangkan paras defisit dan hutang awam dalam jangka masa sederhana. Sehubungan dengan ini, Bajet 2013 yang telah dibentangkan pada 28 September 2012 juga mengambil kira langkah-langkah untuk memastikan ekonomi terus berkembang kukuh dalam menghadapi kemerosotan kewangan dan kemerosotan ekonomi yang berlarutan melanda Eropah. Sekian.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Banyak yang saya hendak minta tidak terjawab tetapi tidak mengapa. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya. Saya minta penjelasan dan kenyataan daripada kementerian, apakah strategi dan langkah-langkah walaupun sudah disebut sebahagian, saya hendak minta satu atau dua yang agak spesifik lagi, yang perlu diambil untuk kita mengebalkan lagi ekonomi Malaysia, *to make it more resilient to negative outside forces*.

Tuan Yang di-Pertua, apakah pendirian kerajaan atau nasihat daripada kerajaan kepada banyak syarikat Malaysia ataupun syarikat kepunyaan Malaysia yang sekarang nampak begitu gemar melabur di United Kingdom, di Eropah. Berita dalam *Star Business* hari ini melaporkan dengan izin, *"Trade and investment between Britain and ASEAN, it is expected to intensify amid the revolving Eurozone sovereign debt crisis and volatile United States economy".* Ini seolah-olah ada *caution* sedikit. *"50 Malaysian companies have invested in various sectors in the UK".* Yang besar sekali di *Battersea Power Station Redevelopment value* 8 billion pound.

Saya ingin mendapat kenyataan juga, apakah GLCs Malaysia ataupun adakah EPF juga ada pelaburan di *Europe* buat masa sekarang? Ini disebabkan seperti yang kita sedar bahawa negara kita mudah ditempiaskan oleh *negative environment* di wilayah Eropah. Sekian terima kasih.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kapit yang telah menyentuh dengan isu iaitu syarikat Malaysia dan juga GLC telah melabur di negara United Kingdom. Untuk makluman Yang Berhormat, seperti yang telah saya jawab tadi, Malaysia sebagai sebuah negara berpasaran ekonomi terbuka. Kita memang beri peluang atau kebebasan untuk mereka yang melabur di mana-mana tempat.

Untuk mereka yang melabur di United Kingdom, memang kita tahu sungguhpun UK pada masa ini, suku yang ketiga pertumbuhan ekonomi pun kosong tetapi kita tahu negara ini memang ada ramai kawanlah sebab ia sebagai ketua Komanwel dan juga *Pound Sterling* daripada segi *exchange* pada masa ini memang rendah. *Investment* di UK memang pada pandangan *economics* memang boleh menjana lebih pulangan. Kita memang tidak hendak memberhentikan mereka.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, kerajaan memang telah mengarahkan bahawa GLC supaya kita lebih kuat sedikit bekerja di rantau ini sebab pertumbuhan ekonomi untuk 50 tahun yang akan datang, memang ada di negara Asia iaitu di China, India dan *South Asia.*

■1100

Oleh itu kita haraplah GLC dan juga syarikat-syarikat tempatan yang ada tersenarai di bursa saham boleh pergi ke luar negara kita sebab kita ini rakyat hanya 28 juta. Oleh kita harap semua memberi bantuan dalam hal ini. Sekian terima kasih.

Dato' Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, daripada jawapan tadi saya faham bahawa kesan kemelut ekonomi Eropah memberi impak kepada saluran perdagangan kita dan saluran kewangan agak terkawal. Cuma membaca beberapa laporan media lewat kebelakangan ini, sudah ada tanda-tanda syarikat-syarikat tempatan atau syarikat luar negara yang beroperasi dalam negara sudah pun mengambil langkah-langkah pengurangan kos seperti waktu bekerja yang lebih pendek, kurangkan upah dan memberhentikan pekerja. Sudah tentu ini ada kaitannya dengan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi kerana eksport Malaysia ke Eropah itu iaitu utama daripada industri perkilangan yang berorientasikan eksport ini agak signifikan antara 10 peratus hingga 12 peratus.

Jadi ingin saya tanya apakah langkah ke hadapan, langkah yang lebih proaktif yang diambil oleh kerajaan dalam menangani fenomena yang telah pun ada tanda-tanda yang sedang dilakukan oleh sektor perkilangan di negara kita.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Machang. Terima kasih Yang Berhormat di atas pandangan mengenai isu ini. Memang kita akui bahawa ada penurunan dari segi eksport pembuatan negara kita ke Eropah. Untuk tahun 2011, jumlah eksport kita ke negara EU adalah 10.5 peratus dan untuk tempoh lapan bulan tahun ini, kita nampak ada kekurangan kalau dari segi peratusan lebih kurang 20 peratus. Walau bagaimanapun seperti yang saya katakan tadi 10.5 peratus iaitu bukan angka yang besar sebab kita eksport ke negara lain jumlah itu lebih besar.

Memang kalau dibandingkan jumlah eksport kita ke negara Eropah hanya 10.5 peratus untuk tahun lepas, ke Amerika 9.3 peratus dan yang lain kita eksport ke negara Asia yang buat pada masa ini tidak ada masalah besar. Yang mustahak untuk kita ialah kita memang hendak jaga keadaan di negara kita iaitu begitu mustahak. Kita lihat dari segi FDI ada peningkatan, sungguhpun masa kini seluruh dunia ada masalah besar dari ekonomi.

Untuk makluman Yang Berhormat, kita tengok sukuk yang ketiga, negara seperti South Korea, *growth* hanya 1.6 peratus. Negara seperti Taiwan 1 peratus, Singapura jiran kita hanya 1.3 peratus *growth*. Itu kita memang *with* 5.2 peratus *growth* untuk sukuk ketiga, kita memang ada dalam keadaan yang baik. Kita haraplah kawan yang ada di sebelah sana pun mengambil langkah, membantu jangan buat demonstrasi lebih-lebih dan kacau. Pelabur asing pun tidak mahu datang, pelancong pun tidak mahu datang, mereka janganlah buat bising-bising. Oleh itu saya harap semua rakyat Malaysia bertanggungjawab menjaga kebaikan nama negara kita. Sekian.

6. Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena] minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan tentang projek *Malaysian Institute of Aviation* (MIAT) Subang:

(a) berapakah kos keseluruhan projek tersebut dan nama syarikat kontraktor yang telah dipilih untuk membina projek tersebut; dan

(b) adakah kementerian telah menjalankan *'Value Management Lab'* bagi memastikan projek tersebut dilaksanakan secara optimum dengan siling yang ditetapkan.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah I [Dato' Haji Hasan bin Malek]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat, MARA berterima kasih dan amat menghargai keprihatinan Yang Berhormat kepada perkembangan sektor pendidikan MARA, terima kasihlah. Untuk makluman Yang Berhormat *Malaysian Institute of Aviation Technology* (MIAT) ini merupakan institusi latihan penyelenggaraan kapal terbang dan teknologi penerbangan di bawah seliaan Universiti Kuala Lumpur UniKL yang dimiliki oleh MARA.

Pada ketikan ini UniKL MIAT beroperasi di Sepang Selangor sejak tahun 2002. Walau bagaimanapun kerajaan telah bersetuju seperti UniKL MIAT Sepang yang ada ini dipindahkan ke Subang berdasarkan keperluan kampus UniKL MIAT perlu mempunyai *life aircraft* di dalam latihan penyelenggaraan pesawat dan kampus perlu mempunyai akses landasan kapal terbang atau *taxiways*. Pihak MARA telah mendapat kelulusan Unit Perancang Ekonomi (EPU) di Jabatan Perdana Menteri untuk membina sebuah kampus yang dengan kemudahan untuk menjalankan program *maintenance, repair* dan *overhaul* (MRO).

Kos keseluruhan projek UniKL MIAT Subang adalah sebanyak RM179,779,310. Kos ini sebenarnya melibatkan pembinaan dua hangar, satu blok bangunan akademik, bangunan bengkel, *taxiway* dan perolehan peralatan. Kontraktor yang telah dipilih untuk membina projek ini adalah Nadi Cergas Sdn. Bhd.. Untuk makluman Yang Berhormat Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah telah menjalankan *value management lab* sebagaimana soalan Yang Berhormat tadi pada bulan Januari dan April 2011 yang melibatkan pihak Jabatan Kerja Raya, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Selangor, TNB, MARA dan dikendalikan oleh pihak EPU Jabatan Perdana Menteri. Hasil daripada makmal tersebut, kos yang dipersetujui untuk projek UniKL MIAT Subang adalah RM179 juta iaitu penjimatan sebanyak 10.5 peratus daripada kos asal iaitu RM200 juta.

Dengan adanya makmal tersebut, projek ini akan dapat dilaksanakan, *insya-Allah* secara optimum menepati skop dan siling yang ditetapkan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang telah pun memberikan penjelasan yang baik dan saya ingin mendapatkan penjelasan tambahan iaitu kenapa projek ini dilaksanakan secara *direct nego* dan tidak dilaksanakan secara tender terbuka? Walaupun dikatakan tadi ada penjimatan selepas daripada *value management lab* yang dilakukan oleh pihak kerajaan dan kementerian. Akan tetapi saya percaya kalau ia dibuat secara tender terbuka, kita akan mendapat harga yang lebih baik dan dapat memberikan penjimatan serta menyelamatkan wang kerajaan dan negara.

Saya menyebut perkara ini kerana sudah tentu bahawa projek ini bukan projek keselamatan sehingga menghalang kita untuk mengadakan projek secara tender terbuka, paling tidak pun saya katakan kalau tidak tender terbuka pun sekurang-kurangnya tender terhad untuk membuka ruang kepada persaingan di kalangan kontraktor untuk memberikan sesuatu keputusan yang lebih baik kepada penggunaan wang kerajaan dan wang negara. Oleh sebab itu saya minta penjelasan kenapa perkara ini tidak dilakukan dalam keadaan saya mempersoalkan Nadi Cergas ini saya difahamkan tidak ada pengalaman untuk membuat hangar.

Oleh sebab itu saya katakan bahawa kalau dibuat secara tender terbuka, maka ia sudah tentu akan mendapat kontraktor yang betul-betul mempunyai pengalaman dan sebagainya, walaupun Nadi Cergas selepas ini akan sub lah kepada orang yang ada pengalaman tetapi seharusnya kita memberi kepada kontraktor yang betul-betul mempunyai pengalaman dalam melakukan kerja yang sepatutnya. Terima kasih.

■1110

Dato' Haji Hasan bin Malek: Tuan Yang di-Pertua dan juga kepada Yang Berhormat Pokok Sena yang prihatin dan begitu merasakan- memberikan cadangan-cadangan yang baik dan saya menerima cadangan Yang Berhormat itu. Cuma apa yang saya hendak sentuh sedikit di sini ialah kementerian ataupun MARA secara khusus, kita telah melalui bermacam-macam pengalaman. Kita ada membuat *direct negotiation,* kita ada membuat tender terbuka, tender terhad dan bermacam-macam kita buat, jadi macam-macamlah. Ada pro dan konnya. Kalau buat begini, ini untung, ini rugi dan sebagainya. Berdasarkan pengalaman-pengalaman yang banyak oleh MARA ini, projek ini kita serahkan secara *direct negotiation,* secara rundingan.

Ini kerana kita berpendapat berdasarkan pengalaman yang lalu. Dahulu pun ada juga yang kita buat tender terbuka, kadang-kadang projek ini juga gagal. Ada juga yang kita buat secara terhad dan ada juga yang gagal tetapi ada juga yang berjaya. Akan tetapi setelah diambil kira semuanya, kita berpendapat untuk tujuan projek ini kita buat *direct negotiation*, sebab pada saya muafakat itu berkat. Itu dia. Elok kita runding, elok dan sebagainya.

Jadi berkenaan dengan syarikat tadi Yang Berhormat, sebenarnya macam-macam. Kita ini kadang-kadang atas nama syarikat dia tetapi kadangkala pengendalian yang menjalankan syarikat tadi memang ada pakar-pakar tertentu di dalamnya. Jadi tidak gunalah kita syarikat besar yang tidak ada pengalaman, syarikat itu sendiri akan kerugian apatah lagi misalnya MARA, UniKL. Oleh sebab itu, syarikat ini berdasarkan kepada rundingan kita itu, kita fikir ini syarikat yang layak. Ini bagi pendapat kita. Jadi pada pendapat Yang Berhormat, tidak tahu. Jadi kita begitulah keadaannya.

Jadi kita yakin dan kita mendoakan supaya projek ini akan berjaya dan akan memberikan manfaat kepada anak-anak kita di dalam bidang penerbangan. Apa yang ada di Sepang ini saya melawat pada hari itu, saya tengok *alhamdulillah* syukur, di dalam keadaan yang cukup baik dan sebab itu kita hendak pindahkan ke Subang. Jadi penerangan saya cukup jelas. Kalau ada yang tidak jelas, kita boleh berunding di luar Yang Berhormat. Terima kasih.

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ada *direct negotiation,* ada *outside negotiation* juga, perundingan di luar. Akan tetapi apa pun MIAT iaitu *Malaysian Institute of Aviation Technology* ini bukan sahaja mendapat pengiktirafan daripada *Department of Civil Aviation* di Malaysia tetapi Tuan Yang di-Pertua, menurut bacaan saya MIAT ini juga mendapat pengiktirafan daripada *UK Civil Aviation Authority.* Pengiktirafan ini adalah merupakan sebahagian daripada *output* ataupun keberhasilan *outcome* yang dikehendaki oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat anak-anak kita yang mengaji di institut ini, mereka membaca buku yang tebal-tebal berasaskan kepada matematik dan juga fizik, bahasa Inggeris dan sebagainya dan kita lihat kualiti mereka cukup tinggi. Kerunsingan saya ialah apabila mereka ini *graduated* daripada institut ini, mereka tidak mempunyai satu *career advancement,* kemajuan kerjaya yang mereka inginkan iaitu menjadi seorang jurutera berdaftar yang boleh membaiki pesawat, kawalan radio dan sebagainya.

Jadi saya memohon, apakah satu tindakan atau inisiatif yang dibawa oleh kementerian yang boleh memberikan satu jaminan bahawa anak-anak kita ini, seramai lebih kurang 918 orang ini, yang telah *graduated* ini akan mempunyai satu kerjaya yang amat besar, kerana industri *repair and maintenance* bagi *aircraft* ini di *region* ini, dalam wilayah Asia Tenggara ini masih lagi belum wujud. Apakah peranan kementerian dalam membina kerjaya ini supaya anak-anak kita ini diiktiraf sebagai penyumbang kepada industri *aviation* ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Hasan bin Malek: Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Tangga Batu yang telah bercakap dan mengakui kejayaan-kejayaan yang telah dicapai oleh MIAT ini. Sebenarnya saya ingat Yang Berhormat Tangga Batu juga tahu, sebab ia bermula daripada Melaka. Kampus yang dahulu di Jasin, kemudian berpindah ke Sepang, *insya-Allah* selepas ini ke Subang.

Soal pengiktirafan daripada pengiktirafan daripada antarabangsa ini, tidak ada siapa yang boleh menafikannya, sebab dari segi– saya ada beberapa sijil-sijil pengiktirafan-pengiktirafan yang kita peroleh daripada *Asia Pacific Aerospace* dan juga *defend award* yang telah kita terima selama ini. Maknanya memang kita tidak dapat menafikan tentang kejayaan MIAT ini. Cuma apa yang disebutkan tadi soal *career development* mereka. Sebenarnya daripada rekod kita, pelajar-pelajar yang pernah belajar di MIAT ini, hari ini telah mendapat pekerjaan yang cukup baik bukan sahaja di dalam negara tetapi di luar, di Dubai, di Hong Kong ada budak-budak kelulusan MIAT ini sendiri. Waktu ini pun sebenarnya MIAT ada pensyarah daripada Rusia yang kita datangkan ke sini untuk mengajar anak-anak.

Ini kerana kita melihat tentang perkembangan masa depan. Maknanya mungkin pensyarah daripada Rusia tadi boleh menerangkan kerana ada kaitannya juga dengan *defend* industri kita yang ada kaitan dengan pihak Rusia dan sebagainya. Jadi memang ada di dalam perancangan. Ini kerana MIAT ini juga seperti yang saya sebutkan tadi, daripada Jasin secara kecil-kecilan bagi sijil, kita pergi pula kepada diploma dan sekarang pula kita ada menganjurkan ijazah-ijazah tentang *aviation engineering* ini. Memang ada di dalam perancangan itu. Cuma kita sama-sama berdoa kejayaan ini akan terus kita capai. Doa yang baik-baik. Terima kasih.

7. Datuk Siringan Gubat [Ranau] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, bilangan Ketua Polis Daerah yang terdapat di Sabah. Nyatakan juga berapa Ketua Polis Daerah yang disandang oleh anak tempatan Sabah serta keturunan berbilang bangsa dan pangkat-pangkat yang diperoleh oleh mereka.

Timbalan Menteri Dalam Negeri I [Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih Yang Berhormat Ranau. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, negeri Sabah mempunyai sebanyak 20,000 pejabat polis daerah ataupun IPD yang mana setiap satunya diketuai oleh Ketua Polis Daerah yang berpangkat Timbalan Penguasa Polis atau DSP hingga Penolong Pesuruhjaya Polis atau ACP.

Daripada jumlah tersebut, lapan orang Ketua Polis Daerah adalah berasal daripada negeri Sabah. Mereka ini terdiri daripada dua orang pegawai berketurunan Dusun, dua orang berketurunan Kadazan, dua orang berketurunan Melayu dan juga baki dua orang berketurunan Murut dan Bajau. Jawatan Ketua Polis Daerah Kota Kinabalu, Sandakan dan Tawau disandang oleh pegawai polis berpangkat Penolong Pesuruhjaya Polis atau ACP. Manakala lima orang Ketua Polis Daerah iaitu IPD Keningau, Kinabatangan, Papar, Semporna dan Sipitang adalah berpangkat Timbalan Penguasa Polis atau DSP. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Siringan Gubat [Ranau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga saya ucapkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan. Berpandukan jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, daripada 20 jawatan Ketua Polis Daerah yang terdapat di Sabah, hanya lapan jawatan yang disandang oleh anak tempatan. Walaupun keadaan ini, saya merasa berpuas hati tetapi sebenarnya lapan daripada 20 ini masih lagi belum berpuas hatilah. Seharusnya hari ini kita sudah mencapai kemerdekaan, 49 tahun melalui pembentukan Malaysia dan hari ini sebenarnya saya ingin mengetahui sekurang-kurangnya 9, 10, 12, 13 anak tempatan dari Sabah untuk menjawat jawatan ini. Jadi dengan pencapaian yang belum lagi memuaskan ini, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan adakah sebab-sebab tertentu kenapa terlampau lambat untuk mencapai kejayaan yang lebih membanggakan. Sekian, terima kasih.

■1120

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pihak polis memang sentiasa kalau boleh mahu menghantar seramai mungkin yang berkelulusan untuk mereka menyandang tempat-tempat seperti yang telah dinyatakan tadi. Sebenarnya dalam kita memilih OCPD ataupun Ketua Polis sesuatu daerah, ia bukan tertakluk kepada bangsa, kaum atau tempat lain. Apa yang lebih penting adalah daripada segi pengalaman tugas, kelulusan akademik, prestasi kerja dan juga kemahiran. Jadi apa yang kita lihat daripada sejumlah anggota dan juga pegawai-pegawai daripada Sabah yang berkhidmat dalam PDRM, kita banyak memberi pendedahan kepada mereka di kawasan-kawasan yang lebih besar seperti di Kuala Lumpur, seperti di Johor Bahru dan lain-lain tempat.

Mereka boleh menimba pengalaman dan juga mendapatkan kemahiran supaya apabila mereka telah cukup dengan ilmu kemahiran di mana kita boleh menempatkan lagi anak-anak negeri Sabah ini ke Sabah dan kita juga pada hari ini bahawa daripada segi pangkat kita tidak kira daripada mana asalnya tetapi di negeri Sabah iaitu Dato' Seri Mohd Bakri bin Mohd Zinin, Pengarah Siasatan Jenayah PDRM yang berpangkat *Commissioner of Police* adalah anak Sabah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Eric E. Majimbun [Sepanggar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya ialah mengenai pengambilan ataupun *recruiting* bagi anak watan Sabah ini di mana kita dapati bahawa sekarang ini bila kita ada pengambilan anggota polis, nampaknya anak watan daripada Sabah ini selalunya tidak diberi keutamaan mengenai pengambilan ini.

Begitu juga dengan kebimbangan kita kerana ini disebabkan ramai anak-anak orang asing yang sudah menjadi rakyat Malaysia di Sabah ini juga ada direkrut sebagai pihak polis atau anggota polis, jadi kebimbangan ini agak merunsingkan sekali. Kalau ini terjadi di mana ramai di antara orang-orang yang baru menjadi rakyat Malaysia ini sudah dapat masuk di dalam keanggotaan *enforcement of police* ini. Minta penjelasan.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih Yang Berhormat Sepanggar. Sebagai mana yang kita sedia maklum bahawa bagi seseorang untuk menyertai anggota polis, ada kelulusan-kelulusan yang ditetapkan bagi seseorang untuk memasuki anggota polis.

Sekurang-kurangnya mereka mestilah memiliki Sijil Pelajaran Malaysia dan bagi pangkat hendak masuk daripada sarjan mestilah memiliki diploma dan begitu juga kalau hendak menjadi inspektor mestilah mempunyai ijazah.

Jadi inilah asas pengambilan berkaitan dengan mengambil anggota-anggota polis, bukan ianya berasaskan daripada tempat. Jadi apa pun kalau mereka mempunyai syarat asas, saya percaya bahawa tidak akan di pinggir terutamanya bagi anggota kalau hendak ditempatkan di kawasan-kawasan seperti di Sabah ini. Jadi inilah asas yang diguna pakai syarat kerajaan dalam pengambilan anggota polis ini.

8. Tuan Che Uda bin Che Nik [Sik] minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan, di bawah NKEA kerajaan menyasar perusahaan getah menyumbangkan sebanyak RM52.9 bilion kepada GNT menjelang 2020 (2010 - RM24.7 bilion), adakah ini akan tercapai memandangkan turun naik harga getah yang tidak terkawal dan terlalu tinggi kadarnya.

Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi I [Dato' Hamzah bin Zainudin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan sentiasa memastikan setiap dasar tercapai mengikut perancangan yang terperinci di bawah Bidang Utama Ekonomi Negara (NKEA) yang disasarkan untuk menyumbang kepada transformasi ekonomi negara kepada negara berstatus maju menjelang tahun 2020. Industri getah dijangka menyumbang Pendapatan Negara Kasar (GNI) sebanyak RM52.9 bilion menjelang tahun 2020 dan semua ini dijangka akan dicapai melalui keempat-empat *Entry Point Project* (EPP) seperti berikut:

(i) EPP I: meningkatkan produktiviti nasional getah asli;

(ii) EPP II: memastikan kemampanan sektor huluan getah;

(iii) EPP III: meningkatkan pasaran dunia sarung tangan lateks; dan,

(iv) EPP IV: mengkomersialkan pengeluaran bahan getah termaju dan mesra alam.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga sedar bahawa harga getah adalah antara faktor yang kita ambil kira dalam perancangan ini. Maka bagi memastikan sasar NKEA ini menjadi kenyataan, Kerajaan Malaysia akan terus bekerjasama dengan lain-lain negara pengeluar utama getah dunia iaitu Thailand dan Indonesia bagi memperkukuhkan harga getah di bawah rangka kerjasama *International Tripartite Rubber Council* (ITRC). Dalam hal ini ketiga-tiga negara ini akan mengadakan rundingan dan mengambil langkah-langkah proaktif sekiranya harga getah berada di paras yang membimbangkan.

Ini termasuk melaksanakan *Scheme Agreed Export Tarnish* (AETS) bagi mengawal eksport getah ke pasaran dunia secara kolektif. Selain itu, sekiranya paras harga getah terus jatuh ke paras yang membimbangkan, lain-lain mekanisme di bawah ITRC adalah Skim Pengurusan Bekalan, *Supply Management Scheme* (SMS) yang melibatkan program penanaman semula dan *Strategic Market Operation* (SMO) bagi tujuan membeli getah dari pasaran terbuka juga akan digunakan. Terima kasih.

Tuan Che Uda bin Che Nik [Sik]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Apa yang membimbangkan kita ialah kenaikan turun apa peristiwa pun turun naik harga yang keterlaluan. Tidakkah boleh kerajaan mengambil satu tindakan memastikan bahawa had minimum harga getah itu ditentukan? Ini kerana kalau ini kita lakukan sebahagian besar rakyat Malaysia adalah mendapat faedah dan ini saya rasa kita akan dapat keluar daripada kemiskinan tegar yang dialami selama ini. Terima kasih.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Sik. Cuma saya hendak jelaskan di sini kepada Yang Berhormat bahawa harga pasaran ini tidak boleh kita tetapkan kerana harga getah adalah merupakan salah satu harga mengikut pasaran dunia. Dia mengikut *market forces, supply and demand.* Oleh sebab itu kita mengadakan kerjasama dengan Thailand, Indonesia dan Malaysia ini kerana hendak menentukan supaya kita dapat mengimbangi harga ini ketika kekurangan *supply* dan juga apabila *demand* juga kurang, ini menyebabkan ada turun naik harga.

Saya hendak beri contoh bermula daripada tahun 2001, apabila kita mengadakan ITRC ini harga getah stabil dan dia mula naik daripada tahun 2001 lagi. Pada tahun 2001 contohnya harga getah adalah RM2.05 ketika itu satu kilo SMR20. Akan tetapi hari ini sudah mencapai sehingga semalam sebagai contoh sudah melebihi RM8. Ini menunjukkan bahawa harga getah ini sentiasa naik dan harganya tidak lagi turun bawah daripada RM6 mulai dari tahun 2009.

■1130

Jadi Yang Berhormat, sebenarnya inilah langkah-langkah yang kita ambil dan selalunya kita dapat menentukan supaya harga tidak menurun sehingga bawah daripada RM6 sekilo. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan berakhir.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA (PINDAAN) 2012

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Sumber Manusia [Datuk Seri Dr. S. Subramaniam]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

11.30 pg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

> "Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), saya mohon mencadangkan bahawa Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 9.30 malam dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Rabu, 21 November 2012."

Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Yong Khoon Seng]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujukan.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]

USUL

MENGECAM SERANGAN KEJAM ISRAEL KE ATAS WILAYAH PALESTIN DI GAZA

11.32 pg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang hadir walaupun notis yang dikeluarkan mengenai sidang hari ini adalah secara tergempar. Saya amat berterima kasih di atas keprihatinan Ahli-ahli Parlimen Malaysia tidak mengira agama, bangsa ataupun haluan politik kerana bersedia membahaskan bersama satu isu yang sangat rapat di hati rakyat Malaysia iaitu penderitaan semasa yang dialami oleh saudara kita di Palestin dan masa depan keamanan dan keselamatan bagi negara Palestin. Semuanya terancam akibat serangan berterusan ke atas Wilayah Gaza, Palestin oleh rejim Zionis di Israel baru-baru ini.

Sesungguhnya tindak tanduk tentera Israel melancarkan operasi dengan izin, *'Pillar of Defence'* dari 14 November 2012 melalui pengeboman dari udara, laut dan darat secara besar-besaran dan di beratus-ratus kawasan di Gaza, Palestin sehingga ke hari ini merupakan satu tindakan angkuh dan tanpa berasa belas ihsan terhadap warga Palestin yang menetap di Gaza. Serangan-serangan kejam ini telah mengakibatkan banyak nyawa warga Palestin terkorban termasuk kaum wanita, kanak-kanak dan warga tua yang tidak mampu untuk mempertahankan diri mereka. Tentera Israel terus membedil Wilayah Gaza dan melakukan kerosakan serta kemusnahan harta benda. Tindakan kejam oleh Zionis Israel di Wilayah Gaza perlu dikecam dan dikutuk oleh seluruh dunia. Keganasan Israel ini juga melibatkan pencabulan undang-undang antarabangsa, pencerobohan dan kezaliman ke atas manusia yang dilakukan oleh manusia juga.

Sebagai sebuah negara yang telah sekian lama lantang dalam memperjuangkan rakyat Palestin, kita harus bersepakat menjelaskan kepada seluruh dunia akan pendirian Malaysia terhadap tindakan yang tidak berperi kemanusiaan oleh rejim Zionis ke atas saudara kita di Palestin khususnya mereka yang berada di Wilayah Gaza yang pada ketika ini dizalimi secara terang-terangan.

Tuan Yang di-Pertua, maka dengan ini saya ingin mencadangkan bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 27(3), Dewan ini mengambil ketetapan-ketetapan berikut;

> **BAHAWA**, Israel telah melancarkan serangan ketenteraan yang dinamakan operasi "*Pillar of Defence"* pada 14 November 2012 ke atas Wilayah Palestin di Gaza meliputi pengeboman dan serangan udara, laut dan darat;
>
> **BAHAWA,** serangan Israel ke atas Wilayah Palestin di Gaza merupakan tindakan yang mencabuli undang-undang antarabangsa, undang-undang hak asasi manusia, undang-undang kemanusiaan antarabangsa, piagam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu serta merupakan jenayah perang yang menyalahi Konvensyen Keempat Geneva 1949 mengenai Perlindungan Orang-orang Awam Dalam Masa Perang;
>
> **BAHAWA,** rakyat Malaysia berpegang teguh kepada pendirian bahawa tiada alasan bagi penggunaan kekerasan yang dilakukan secara tidak seimbang, sembarangan dan melampau ke atas Wilayah Palestin di Gaza dan dengan itu menolak tindakan hukuman kolektif yang diambil ke atas rakyat Palestin di Gaza; dan
>
> **BAHAWA,** rakyat Malaysia berasa sangat dukacita yang teramat dan kesal dengan ketidakmampuan masyarakat antarabangsa terutamanya Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu untuk menghentikan dengan serta-merta keganasan Israel yang dilakukan ke atas Wilayah Palestin di Gaza.

Dengan ini, Dewan ini mengambil ketetapan seperti berikut:

(i) mengecam sekeras-kerasnya serangan ketenteraan Israel ke atas Wilayah Palestin di Gaza yang mengakibatkan kehilangan nyawa rakyat awam Palestin termasuk golongan wanita, kanak-kanak, bayi dan warga tua dan kemusnahan harta benda dan infrastruktur serta menggesa pengunduran menyeluruh Israel dari Wilayah Palestin di Gaza dan Tebing Barat;

(ii) menggesa Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu membuat ketetapan supaya Israel menghentikan dengan serta-merta serangan ketenteraannya ke atas Wilayah Palestin di Gaza melalui gencatan senjata dan memutuskan untuk menempatkan pasukan pengaman Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi menguatkuasakan gencatan senjata tersebut;

(iii) menggesa Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu supaya mengadakan sesi tergempar khas Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (*Uniting for Peace*) di bawah Resolusi 377A(V) sekiranya Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu gagal menjalankan tanggungjawabnya;

(iv) menggesa pihak-pihak yang terlibat supaya menyambung semula usaha terhadap proses damai serta melaksanakan dan mematuhi pelbagai resolusi yang telah ditetapkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu berhubung isu Palestin dan konflik Arab-Israel;

(v) memutuskan Malaysia bekerjasama dengan negara anggota-anggota Pertubuhan Kerjasama Islam, Pergerakan Negara-negara Berkecuali, Liga Arab dan negara-negara sependapat untuk mengambil tindakan yang lebih konkrit bagi mendukung prinsip-prinsip undang-undang antarabangsa dan Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dalam menangani konflik yang berlaku di Timur Tengah sekarang;

■1140

(vi) menzahirkan sokongan padu rakyat Malaysia kepada perjuangan rakyat Palestin ke arah mewujudkan negara Palestin yang merdeka dan berdaulat;

(vii) menyeru rakyat Palestin supaya bersatu padu dengan tujuan mempertahankan hak mutlak dan menubuhkan negara Palestin yang merdeka dan berdaulat;

(viii) merayu kepada masyarakat antarabangsa supaya menghulurkan bantuan kemanusiaan kepada penduduk Wilayah Palestin di Gaza dengan serta-merta;

(ix) menggesa Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu untuk menyiasat dan mengambil tindakan bagi maksud pendakwaan ke atas penjenayah perang Israel yang disyaki terlibat dengan kekejaman dan keganasan ke atas rakyat Palestin; dan

(x) mengambil keputusan untuk menyampaikan resolusi ini kepada semua Dewan Perundangan dan Parlimen yang berkenaan khasnya Kongres Amerika Syarikat, Parlimen Britain dan Parlimen Kesatuan Eropah, Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan Presiden Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan Dewan yang mulia ini membahaskan isu serangan Israel ke atas Wilayah Gaza pada hari ini. Izinkan saya memberikan sedikit latar belakang mengenai serangan terbaru oleh rejim Zionis Israel ini.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pada 8 November 2012 tentera Israel telah bertindak dengan menembak di sebuah kawasan awam iaitu di Pekan Abbasan di Selatan Gaza. Tembakan tersebut telah mengenai seorang kanak-kanak berusia 13 tahun yang sedang bermain bola sepak bersama rakan-rakannya dan beliau meninggal dunia beberapa minit kemudian. Selang beberapa hari iaitu pada 10 dan 11 November 2012, Israel telah membedil beberapa kawasan awam di Gaza yang telah mengakibatkan enam warga Palestin terbunuh termasuk wanita dan kanak-kanak serta mencederakan lebih daripada 40 warga Palestin. Serangan-serangan Israel tersebut telah mengakibatkan pihak Hamas melancarkan serangan balas roket ke atas Israel.

Bermulanya dari situ Israel telah menggunakan serangan Hamas berkenaan sebagai alasan untuk melancarkan operasi dengan izin *the Pillar of Defence* pada 14 November 2012. Operasi ini melibatkan serangan terancang melalui pengeboman udara, laut dan darat ke atas Gaza. Serangan udara Israel telah membunuh Ahmad Aljabari seorang pemimpin Hamas dan orang awam termasuk seorang wanita hamil, kanak-kanak dan seorang guru *United Nation Relief and Works Agency* (UNRWA) dan mencederakan ramai rakyat Palestin. Sebagai langkah untuk mempertahankan diri pihak Hamas telah melancarkan serangan balas. Roketnya telah membunuh tiga warga Israel.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini sekurang-kurangnya 106 warga Palestin di Gaza telah terkorban di Gaza. Manakala lebih daripada 700 orang telah cedera. Keadaan di Gaza dijangka akan bertambah buruk akibat sekatan Israel terhadap bantuan kemanusiaan khususnya bahan perubatan dari negara-negara luar ke Gaza bagi merawat mangsa-mangsa kekejaman Israel.

Pada 14 November 2012 wakil tetap Mesir ke Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu telah mengutus sepucuk surat kepada India yang memegang jawatan sebagai Presiden Majlis Keselamatan PBB (UNSC) bagi bulan November 2012 untuk mengadakan mesyuarat tergempar UNSC bagi mendesak Israel untuk menghentikan serangan ke atas penduduk Palestin di Gaza. Malangnya, UNSC tidak mengambil sebarang keputusan kerana terdapat beberapa negara yang telah mempertahankan tindakan Israel melancarkan serangan ke atas Gaza sebagai langkah mempertahankan diri dari serangan roket Hamas. Sungguhpun demikian, terdapat beberapa buah negara di dalam UNSC seperti Afrika Selatan dan Pakistan yang telah menyeru agar UNSC mengambil tindakan segera ke atas Israel yang bertindak keterlaluan melalui serangan-serangan yang dilakukan ke atas Gaza dan menyeru agar serangan balas roket dari Gaza dihentikan.

Kita sedar bahawa Majlis Keselamatan PBB telah beberapa kali gagal menjalankan tanggungjawab dan memenuhi obligasi serta mandatnya untuk mengekalkan keamanan dan keselamatan antarabangsa. Kegagalan ini lazimnya disebabkan oleh kuasa veto yang diberikan kepada anggota tetap Majlis Keselamatan PBB yang seterusnya telah menyekat badan tersebut daripada bertindak terhadap Israel. Akibatnya selepas tujuh hari operasi *Pillar of Defence* dilancarkan oleh tentera Israel, serangan hebat Israel ke atas Gaza tidak dapat dihentikan oleh masyarakat antarabangsa dan masih berterusan.

Warga Palestin di Gaza terus dibedil rejim Zionis Israel yang mengakibatkan lebih ramai rakyat Palestin yang terkorban dan cedera. Bekalan makanan, bahan bakar, ubatan dan keperluan-keperluan asas terus berkurangan hari demi hari. Bekalan bantuan dari dunia luar tidak dapat sampai kepada mangsa-mangsa serangan yang memerlukannya kerana jalan-jalan ditutup dan tidak selamat bagi pembantu-pembantu untuk bergerak bebas. Barang bantuan juga tidak dapat sampai menerusi pantai Gaza kerana lautan sekeliling Gaza dikepung dan disekat secara haram oleh Israel.

Tuan Yang di-Pertua, serangan ke atas Wilayah Gaza kali ini adalah yang terburuk pernah dilakukan oleh rejim Zionis ke atas Palestin sejak operasi, dengan izin, *'Cast Lead'* yang dilancarkan oleh Israel pada tahun 2008 dan 2009. Operasi ini telah mengakibatkan lebih daripada 1,400 warga Palestin terkorban dan ribuan lagi cedera. Kita tidak mahu peristiwa hitam seperti ini sekali lagi melanda warga Palestin seperti mana yang mereka telah alami pada tahun 2008 sehingga tahun 2009.

Harus diingati Kerajaan Malaysia tidak akan berputus asa sekiranya usaha pihak-pihak berkenaan tidak dapat menamatkan keganasan Israel terhadap Palestin. Malaysia akan terus berusaha dan bekerjasama dengan negara-negara yang bersependapat untuk meminta Presiden Perhimpunan Agung PBB mengadakan sidang tergempar perhimpunan agung berdasarkan Resolusi No. 377A(V) *Uniting for Peace*.

Sekuriti UNFC masih berdiam diri, Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Luar Negeri akan memastikan pejabat perwakilan tetap Malaysia ke PBB di New York akan terus mengetengahkan perjuangan rakyat Palestin untuk mencapai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat.

■1150

Malaysia merasa amat sedih dan kesal dengan situasi yang berlaku di Gaza akibat serangan dan tindakan kejam tentera Israel. Serangan ini telah melumpuhkan sebuah wilayah kecil yang tidak berupaya mempertahankan dirinya dari serangan kejam Israel yang dilancarkan ke atas Gaza secara bertubi-tubi. Sekatan atau, dengan izin, *blockade* yang dilakukan oleh tentera laut Israel sejak tahun 2007 telah menyekat bantuan memasuki Gaza melalui laut.

Malaysia hampa dengan kegagalan masyarakat antarabangsa untuk mengambil tindakan menghentikan serangan ini terutama kegagalan *United Nations Security Council* (UNSC) yang masih belum mengambil sebarang tindakan tegas ke atas Israel. Oleh yang demikian, usul bertajuk, "Mengecam Serangan Kejam Oleh Israel Ke Atas Wilayah Palestin Di Gaza" ini merupakan salah satu cara bagi Malaysia untuk melaksanakan tanggungjawabnya sebagai sebuah negara yang prihatin terhadap warga Palestin di Gaza yang ditindas oleh rejim Zionis Israel. Masyarakat antarabangsa secara keseluruhan mengutuk tindakan rejim Israel menyerang Gaza. Malangnya, ada juga pihak yang tidak bersikap adil dan menyalahkan sepenuhnya pihak Palestin di Gaza dalam memulakan krisis ini. Namun demikian, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian haruslah sedar bahawa tiada cara lain yang boleh digunakan oleh pihak Palestin untuk mempertahankan bumi Gaza yang masih dikepung oleh Israel yang sering kali menyerang penduduk di Gaza mengikut sesuka hati mereka.

Tuan Yang di-Pertua, mengambil kesempatan ini saya ingin menyeru kepada Ahli-ahli Dewan yang mulia ini untuk turut membantu usaha murni ini dengan menggalakkan semua rakyat Malaysia dari semua lapisan masyarakat untuk membantu rakyat Palestin yang kini berada dalam keadaan yang amat daif akibat serangan tentera rejim Zionis. Selaku masyarakat Malaysia yang sentiasa prihatin dan simpati kepada kesengsaraan golongan yang tertindas, marilah kita sama-sama menghulurkan sedikit sumbangan ikhlas bagi membantu rakyat Palestin di Gaza. Bersama-samalah kita memanjatkan doa kepada yang Maha Esa agar bencana kemanusiaan yang tragis ini dapat dihentikan serta-merta. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Usul ini perlu sokongan. Ada siapa yang menyokong, ada yang menyokong?

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokongnya.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas dan sebelum saya menjemput pembahas pertama, saya ingin nyatakan sesuatu perkara iaitu berhubung dengan masa. Saya mahu Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab membentang usul ini tadi untuk menjawab pada jam 2.30 petang. Kita mempunyai masa berbahas lebih kurang sekitar 70 minit. Jadi setiap Ahli-ahli Yang Berhormat yang membahas itu mesti membahas tidak lebih daripada 10 minit.

Saya ada terima nama-nama senarai daripada pihak BNBBC iaitu empat orang pembahas. Lebih baik saya sebut nama supaya mereka tahu lebih awal iaitu Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat Tebrau, Yang Berhormat Hulu Selangor dan Yang Berhormat Simpang Renggam. Daripada pihak Pembangkang kalau seboleh dengan bolehnya empat orang juga dan terpulang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat siapa nanti yang dibenarkan untuk berucap. Akan tetapi kalau boleh Yang Berhormat Permatang Pauh, Yang Berhormat Ipoh Timur dan Yang Berhormat Marang. Sila Yang Berhormat Permatang Pauh.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat. Di bawah Peraturan Mesyuarat 27(3), usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Menteri. Memandangkan usul ini penting dan kandungan ucapan Yang Berhormat Menteri yang membawa usul, hampir lebih daripada setengah jam.

Maka, saya berpendapat untuk memohon pertimbangan Tuan Yang di-Pertua, masa yang ditentukan untuk perbahasan usul ini begitu singkat, memandangkan usul yang begini penting. Tadi sudah ditetapkan empat, empat dan wakil daripada Bebas pun tidak disebut.

Jadi, saya cadangkan supaya dilanjutkan perbahasan ini sampai katakan contohnya, daripada sekarang paling tidak pukul 4.30 petang, untuk banyak pihak mengambil bahagian, memberi pandangan, memandangkan usul ini begini penting. Kalau tidak, ia dianggap sebagai usul biasa sebelum-sebelum ini. Seolah-olah macam lepas batuk di tangga sahaja. Kita hendak tunjuk betapa seriusnya tentang apa yang berlaku di Gaza, maka sepatutnya seboleh-bolehnya, seluas-luasnya diberi peluang kepada Ahli-ahli Parlimen bercakap... *[Tepuk]* Kita sedar memang kita mempunyai masa yang terhad kerana Parlimen akan tamat pada 29 hari bulan. Banyak lagi ada beberapa kementerian, ada usul. Akan tetapi hendak tidak hendak...

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat Pasir Mas.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Ya, kita terpaksa teruskan...

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, terima kasih.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: ...Dengan masa yang lebih panjang. Saya mohon mencadangkan supaya dipertimbangkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tahu dan saya sedar bahawa usul ini adalah penting. Saya faham juga setiap usul yang dibawa seperti begini telah kita buat beberapa kali. Tidak ada perbezaan pendapat. Pendapat saya ialah kalau ia dianggap sebagai usul penting, seharusnya tidak payah dibahas. Sokong sahaja sebulat suara apa yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri. Bermakna, apabila kita buat begini, kita bermakna bersatu padu, tidak ada perbezaan pendapat. Bagi saya, apa yang disebut adalah menyeluruh. Tindakan saya masih lagi begitu, 10 minit seorang. Yang Berhormat Menteri jawab pukul 2.30 petang. Sila Yang Berhormat Permatang Pauh.

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Terima kasih...

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Kepada wakil BEBAS. Seorang wakil BEBAS.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh, nanti Timbalan saya nanti akan pertimbangkan. Sila Yang Berhormat Permatang Pauh.

11.57 pg.

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk menyuarakan sokongan kepada usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Menteri bagi pihak kerajaan dengan beberapa gesaan tambahan.

Kita menyaksikan bukan sahaja bagi kali pertama tetapi berulang kali kezaliman yang menunjukkan bahawa negara dan masyarakat antarabangsa seolah-olah kelu dan tidak dapat berbuat apa-apa secara berkesan.

Kita oleh yang demikian, kenyataan kita harus keras dan tegas dan kita juga mengusulkan bahawa kerajaan mengambil beberapa langkah tambahan. Kita tidak mahu merujuk hanya khusus kepada Gaza dan perkembangan terakhir. Ini kerana tindakan terhadap Gaza itu adalah sebagai satu cebisan daripada dasar rejim Israel yang rakus dan zalim dan menakluki wilayah Arab yang dijajah. Gaza itu hanya sebahagian daripada wilayah yang dijajah yang selama ini belum menunjukkan tanda-tanda Israel mengurangkan tekanan. Ini juga mengambil kira beberapa langkah tambahan Israel untuk memperkukuh kawasan-kawasan yang sedia diduduki secara haram di wilayah Arab.

Saya tidak melihat ini disentuh walaupun saya faham bahawa Yang Berhormat Menteri merujuk khusus kepada perkembangan mutakhir. Akan tetapi saya bimbang kerana kenyataan kalau kita mengetepikan permasalahan lebih besar kezaliman Israel dalam soal penaklukan sebagai penjajah di kawasan wilayah Arab, terutama bumi Palestin, ia tidak memberikan gambaran tentang apa yang disebut, dengan izin, *politic of dispossession*. Masalahnya itu *dispossession*. Tanah milik manusia Palestin dirampas dan kemudian disahkan kerana tidak ada usaha penekanan yang cukup kuat.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar) ***mempengerusikan Mesyuarat]***

Selama ini dalam sejarah kita tahu pengorbanan besar oleh rakan-rakan dari Fatah dan sekarang sejak Intifadah kebangkitan rakyat yang memberikan sokongan kepada Hamas untuk menunjukkan bahawa mereka menentang kezaliman ini. Oleh yang demikian, gesaan tentang masyarakat Palestin itu harus bersatu sudah dijawab kerana memang ada perjanjian di Doha di antara Fatah dan Hamas yang menunjukkan kesediaan mereka bekerjasama dan kita alukan-alukan tindakan dan keputusan tersebut. Akan tetapi kebiadaban ini nampaknya tidak ada tanda. Saya lihat berakhirnya. Saya lihat kenyataan Menteri ada menyentuh usaha-usaha pihak asing seolah-olah memberikan kelonggaran, memberikan restu.

■1200

Oleh yang demikian, saya ingin menamakan dan meminta Dewan ini menamakan kerana saya tidak percaya Israel mampu berbuat demikian. Israel tidak mungkin berani bertindak tanpa restu ataupun persetujuan Amerika Syarikat. Maka, wajar Dewan ini menambah, menggesa supaya Amerika Syarikat mengambil satu pendirian yang lebih wajar dan adil untuk bertindak menahan Israel daripada terus melakukan kezaliman pembunuhan termasuk wanita dan anak-anak.

Untuk menggesa adanya sidang khas Majlis Keselamatan, sidang khas PBB, kita setuju, tidak ada halangan, walaupun kita tahu Majlis Keselamatan pernah mengambil keputusan sebelumnya yang tidak dipatuhi oleh Israel. Kita tahu ada usul PBB yang diluluskan yang juga diketepikan oleh Israel. Ini ada kaitannya dengan kedegilan, kerakusan, kezaliman mereka yang secara langsung atau tidak langsung dapat muafakat dan persetujuan dari Amerika Syarikat.

Ada perkembangan yang lebih positif akhir-akhir ini ialah kerana ketegasan Liga Arab, ketegasan beberapa negara demokrasi baru di Timur Tengah terutama Tunisia, Mesir dan Turki yang mengambil langkah yang cukup berani, malah saya difahamkan beberapa Menteri Luar termasuk Perdana Menteri Mesir telah pun masuk ke Gaza dan mengambil risiko dan menghadapi risiko dalam keadaan pembedilan yang berterusan oleh kerajaan dan rejim Israel yang ada sekarang.

Saya juga tidak mempertikai keputusan atau usul Menteri untuk menggesa supaya ada penyiasatan dan langkah pendakwaan kepada penjenayah yang terlibat kerana ini satu proses biasa dalam sidang dan badan antarabangsa. Akan tetapi juga kita harus sedar bahawa setakat ini PBB tidak menunjukkan kesan malah melalui Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dalam kes terakhir ini tidak mampu bersidang. Oleh sebab itu saya dalam menyokong usul ini ingin menggesa Menteri khususnya Menteri Luar supaya dalam kenyataan kita tidak hanya mengecam Israel kerana bertindak sebagai penjenayah antarabangsa tetapi juga meminjam ungkapan Perdana Menteri Tayyip Erdogan, dengan langkah terakhir, ternyata Israel itu merupakan *terrorist state* kerana mengambil tindakan pembunuhan, pembedilan secara yang meluas termasuk terhadap rakyat awam yang tidak bersenjata, wanita dan anak-anak.

Saya sekali lagi Tuan Yang di-Pertua, ingin menggesa supaya kita perluaskan skop kerana *chase of Gaza* ini yang disebut *open air prison* ini, ini juga suatu yang berterusan. Maknanya, andai kata Israel menghentikan serta-merta serangan terhadap Gaza, ia bukan juga penyelesaian kerana Gaza itu masih dalam sekatan makanan, minuman, perkembangan ekonomi, keselamatan mereka masih belum terjamin dan kedegilan Israel itu berterusan. Apa yang berlaku dalam kes Gaza ini hanya tambahan daripada, pertama, penaklukan wilayah yang saya sebut tadi *politic of dispossession,* keduanya memenjarakan rakyat Gaza dan ketiganya keengganan mengambil langkah-langkah yang wajar untuk menyelamatkan rakyat Palestin secara menyeluruh.

Oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan membaca kenyataan sokongan terhadap usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Menteri kerana pada umumnya kita sependapat. Saya ingat wajar dalam kes seperti ini ada suara yang bulat, muafakat di kalangan seluruh rakyat dan seluruh parti memberi sokongan yang cukup tegas dan keras... *[Tepuk]*

Cuma, saya menggesa supaya kenyataan yang berkait dengan memperluaskan skop ini sebagai mukadimah menggesa supaya Menteri Luar sendiri dapat hadir ke kawasan yang berkenaan, kalau tidak pun Gaza, di negeri-negeri sekitarnya untuk menyatakan sokongan kepada inisiatif Liga Arab, Tunisia, Turki dan Mesir dalam keadaan yang gawat sekarang ini. Juga dalam kenyataan yang menunjukkan kefahaman kita tentang isu ini bukan sekadar mengutuk Israel tetapi memberi tekanan kepada Amerika Syarikat yang memberi ruang yang cukup lunak bagi Israel meneruskan keganasan dan kezaliman ke atas rakyat Palestin. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Macam biasa, gilir macam biasa Yang Berhormat ya, terima kasih. Yang Berhormat Arau.

12.06 tgh.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: *Bismillaahir Rahmaanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Di sebalik kedamaian yang telah kita nikmati di bumi yang bertuah ini, sekali lagi rakan-rakan kita di belahan dunia yang lain terus bermandi darah dan berendam air mata menghadapi ancaman zalim dari Zionis Israel yang bukan sahaja merupakan persoalan umat Islam di dunia ini tetapi juga merupakan persoalan *humanitarian* sejagat yang harus ditangani sebaik mungkin oleh kita sebagai sebuah negara yang amat prihatin tentang nasib rakyat Palestin.

Tuan Yang di-Pertua, serangan yang bernama *operation cloud pillar* dengan izin yang telah membunuh As-Syahid Ahmad Al-Ja'bari, bermula pada 15 November 2012 bersamaan 1 Muharam 1434 Hijrah yang dilakukan oleh ketenteraan Israel yang digelar sebagai IDF atau *Israel Defence Forces,* menjadikan Gaza sebagai *target* utama serangan seperti mana yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri iaitu serangan yang menjadikan Gaza yang sebesar negeri Perlis yang mempunyai kepadatan penduduk lebih daripada 1.06 juta sebagai penjara terbuka yang sudah memasuki hari keenam dan ketujuh serangan yang berterusan yang telah dilakukan oleh pihak Israel.

Sebelum itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Dewan tentang satu kenyataan yang cukup penting yang dikeluarkan oleh *Congress Statesman* pada tahun 1865. Abraham Lincoln sebelum dia mati ditembak dia telah mengeluarkan satu kenyataan yang cukup keras iaitu*,"Saya mempunyai dua musuh besar, tentera selatan di depan saya dan institusi kewangan yang berada di belakang saya. Antara dua tersebut, yang di belakang adalah merupakan musuh yang paling besar."* Kemudian satu kenyataan lagi yang dikeluarkan oleh pensyarah daripada MIT yang mengatakan*, "Amerika sejak zaman Eleanor Roosevelt, mereka sengaja mewujudkan keadaan instability di dunia ini termasuk serangan setiap dua tahun sekali ke atas rakyat Palestin bagi tujuan mereka untuk kepentingan mereka bagi memulakan serangan ataupun peperangan."*

Berdasarkan pada hakikat ini, kita merasakan satu keadaan yang tidak adil berlaku, satu peperangan yang tidak adil sama sekali. Di satu pihak mempunyai kelengkapan *military* yang mencukupi, darat, laut dan udara, dan di satu pihak lagi hanyalah berbekalkan semangat jihad untuk mempertahankan diri. Peperangan ini adalah merupakan peperangan yang tidak adil dan mereka yang bertindak atas seruan jihad hanya untuk mempertahankan diri ini, kita lihat dari segi statistik serangan sekalipun, jumlah roket yang telah dilancarkan oleh pihak Israel setakat ini lebih daripada 527 sementara serangan daripada pihak Hamas hanyalah sekitar 138 sahaja.

Sekali lagi dunia mempamerkan pelbagai reaksi. Amerika Syarikat selaku rakan kongsi Israel telah mengatakan sokongan terhadap ini atas alasan ideologi dan juga untuk membasmi pengganas dan yang terakhir sebagai untuk membela diri.

Adakah ini merupakan satu kenyataan yang adil dan kita berharap dan pernah mengucapkan tahniah di Dewan yang mulia ini, pemilihan Barack Obama selaku Presiden Amerika Syarikat masih tidak memberi sebarang perubahan dasar Amerika Syarikat kepada dunia, kerana apa yang diamalkan, apa yang dipraktikkan oleh Amerika Syarikat dia mahu penyelesaian terhadap Palestin ini dibuat secara menyeluruh ataupun bersepadu tidak secara berasingan seperti mana yang dikehendaki oleh beberapa negara.

■1210

Baru-baru ini Presiden Mesir, Dr. Muhammad Mursi turut bercakap selama 15 minit dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dan termasuk juga telah menghubungi beberapa pimpinan-pimpinan dunia yang lain untuk mencapai kesepakatan bagi menolak kezaliman yang dilakukan oleh Israel terhadap warga Palestin.

Tuan Yang di-Pertua, isu Palestin bukanlah isu yang bermusim. Kita lihat pada tahun 2008, sekali lagi satu operasi yang bernama *Operation Cast Lead,* dengan izin, yang kononnya menggunakan alasan yang sama yang menggunakan bom fosforus iaitu menyebabkan kecacatan kekal kepada rakyat Palestin masih lagi digunakan. Jadi kita mohon di sini OIC dan Sidang kemuncak Liga Arab supaya memainkan peranan yang penting seperti mana yang diambil tindakan oleh King Faisal pada tahun 1973 iaitu dia menghentikan pembekalan minyak kepada Israel dan negara-negara yang bersekutu yang terlibat dalam serangan terhadap rakyat Palestin.

Dalam hal ini juga kita mohon peranan media antarabangsa yang memainkan peranan yang tidak begitu jelas yang menggambarkan keadaan di Palestin hanyalah satu keadaan yang merupakan konflik antarabangsa yang tidak ada kesudahan dan kita harus memaparkan bahawa persoalan ini adalah persoalan sejagat yang melampaui batasan agama yang harus diambil tindakan oleh semua pihak. Perbuatan Israel yang bermula daripada peristiwa tembak Morag pada tahun 1967 dan kemudian peristiwa Masjid Al-Aqsa yang dibakar pada tahun 1969 yang merupakan di antara peristiwa permulaan serangan yang tidak henti-henti yang dilakukan oleh kekejaman rejim Zionis Israel terhadap rakyat Palestin.

Kita sedar bahawa ini merupakan di antara niat Israel yang mahu memadam terus hak dan kedaulatan rakyat Palestin di bumi mereka sendiri dan dalam hal ini sebagai kita umat Islam dan juga rakan-rakan yang bukan Islam yang turut mengutuk serangan ini. Palestin adalah merupakan tempat para ambia dan para ulama disemadikan. Ini merupakan kiblat pertama daripada umat Islam dan merupakan destinasi perjalanan Rasulullah SAW ketika Israk dan Mikraj dan inilah di antara tempat sejarah yang cukup penting dan cukup suci bagi umat Islam sejagat.

Persoalan ini bukan sahaja isu Palestin dan bukan sahaja isu agama, malah ianya berkait rapat dengan isu kemanusiaan dan hak asasi serta hak mereka sebagai warganegara yang sah akibat pendudukan Israel yang haram yang mula pada tahun 1948.

Jadi hal ini kita mohon Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bahawa usaha yang lebih serius yang setakat ini tidak ada tindakan-tindakan yang boleh membela hak, yang menjamin hak nasib rakyat Palestin terus dibela sedangkan mereka berada terus di dalam ketakutan dan kebimbangan, sedangkan rakan-rakan mereka di negara lain berada dalam keadaan keamanan dan keharmonian.

Dalam hal ini isu ini sebagai isu kemasyarakatan yang sekadar bukan berunsur agama semata-mata. Kalau seekor binatang peliharaan dibunuh di Amerika Syarikat, dia sudah tentu mendapat liputan yang meluas daripada pihak media. Tetapi ini pula pembunuhan kejam yang dilakukan tanpa mengira kanak-kanak orang dewasa dan wanita yang zalim dan tanpa perikemanusiaan masih tidak ada tanda-tanda penyelesaian secara konstruktif, belum pun ada resolusi yang telah dibuat oleh mana-mana pihak termasuklah Majlis Keselamatan dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk melihat isu Timur Tengah ini diselesaikan secara ikhlas untuk melihat bahawa isu ini diselesaikan secara telus bagi semua pihak bagi menjamin hak kedaulatan rakyat Palestin.

Walaupun beberapa siri perjanjian ramai telah dibuat semenjak perjanjian Ken David pada tahun 2000 yang masih juga memihak kepada Israel dan OIC sekarang kita lihat masih lagi menikus dan menjadi pemerhati kepada keadaan-keadaan yang berlaku pada hari ini. Jadi sekali lagi kita mohon kepada Liga Arab untuk terus mendesak kepada UNSC bagi mengambil tindakan tegas bagi menggantikan keganasan Israel terhadap warga Palestin di Gaza dan kita mohon Liga Arab untuk merasakan bahawa UNSC sekurang-kurangnya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Masa habis Yang Berhormat.

Dato' Ismail Kassim [Arau]: ...Harus mengeluarkan satu kenyataan akhbar mengenai isu ini bagi memperlihatkan kesungguhan Setiausaha Agung PBB dalam menangani isu ini. Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Sila Yang Berhormat Ipoh Timur.

12.16 tgh.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berdiri memberikan sokongan penuh bagi pihak DAP dan Pakatan Rakyat terhadap usul di hadapan Dewan yang mulai ini untuk mengecam sekeras-kerasnya serangan ketenteraman Israel ke atas Wilayah Palestin di Gaza serta menggesa Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu membuat ketetapan supaya membuat Israel memberhentikan dengan serta-merta serangan ketenteraan ke atas Wilayah Palestin di Gaza melalui gencatan senjata dan memutuskan untuk menempatkan pasukan pengaman Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi menguatkuasakan gencatan senjata tersebut.

Satu kemungkaran yang amat kejam dan tidak berperikemanusiaan sedang berlaku di Gaza Palestin sejak hari Rabu yang lepas. Rejim Israel telah melancarkan serangan udara secara bertubi-tubi ke atas rakyat Palestin di Gaza. Yang lebih jahatnya, serangan-serangan terbaru bertumpu kepada kawasan-kawasan padat penduduk. Antara mangsa-mangsa yang terkorban termasuk kanak-kanak dan orang awam yang tidak bersalah.

Angka kematian kian meningkat dengan kematian hampir 109 nyawa termasuk pemimpin-pemimpin Hamas- Ahmed Al-Jabari, sementara 840 orang lain mengalami kecederaan. Separuh daripada jumlah yang terkorban merupakan orang awam dan mereka yang tercedera termasuklah 225 orang kanak-kanak. Keadaan ini sungguh mendukacitakan. Rakyat Palestin selama ini ditindas oleh rejim Israel di tanah sendiri dan lagi teruk dianaktirikan oleh kuasa-kuasa besar yang sampai hari ini masih tidak menghormati kedaulatan wilayah tersebut.

Kini mereka sekali lagi menjadi mangsa dasar luar negeri Israel serta tindakan zalim pasukan pertahanan Israel atau IDF yang tidak teragak-agak untuk menyasarkan serangan ke atas orang awam. Sikap rakus kepimpinan rejim Israel yang suka menggunakan taktik kekerasan dan keganasan terhadap rakyat Palestin harus dikutuk dengan sekeras-kerasnya. Lagi-lagi apabila Israel mempunyai kelebihan, ketenteraan yang jauh lebih dahsyat.

Oleh itu sebarang tindakan keganasan oleh Israel secara lazimnya akan mengakibatkan kematian dan kerosakan yang keterlaluan seperti yang jelas kelihatan dalam serangan-serangan yang sedang berlaku. Adakah dunia sanggup melihat lagi pengorbanan insan yang tidak bersalah dan pencetusan perang secara besar-besaran di Timur Tengah. Sekiranya keganasan rejim Israel tidak dibendung perang akan menjadi satu kepastian. Malah mengikut laporan-laporan berita, tentera Israel sudah pun bersedia dan telah pun dihantar ke sempadan Gaza.

Tuan Yang di-Pertua, DAP dan Pakatan Rakyat menyuarakan sokongan kami dalam semangat kesetiakawanan bersama rakyat Palestin. Kami juga menyokong jalan penyelesaian *bilateral* melalui Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Sungguhpun begitu kami amat kecewa dengan tindakan Presiden Amerika Syarikat Barack Obama yang lekas membela rejim Israel dengan menyatakan bahawa Israel mempunyai hak untuk mempertahankan diri daripada serangan roket daripada militan Palestin.

Walau bagaimanapun, bagaimana pula dengan hak rakyat Palestin untuk mempertahankan diri daripada penindasan sistematik dan keganasan kerajaan Rejim Israel yang membawa kematian dan kerosakan skala besar.

■1220

Pada masa yang sama Presiden Obama berkata bahawa *violence is not the answer* ataupun keganasan itu bukan penyelesaian. Apakah serangan udara oleh rejim Israel itu bukan keganasan? Pendirian lidah bercabang dua ini tidak akan membantu dalam penyelesaian masalah rakyat Palestin.

Justeru kami menggesa Wisma Putra agar membuat bantahan diplomatik yang menyampaikan pesanan yang tegas kepada pihak-pihak berkuasa seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan Amerika Syarikat. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu hendaklah mengeluarkan ketetapan melalui Majlis Keselamatan untuk mengutuk keganasan yang sedang berlaku serta segera menghentikan keganasan oleh rejim Israel.

Pada masa yang sama Amerika Syarikat harus lebih bertanggungjawab dan memberi tekanan yang kuat kepada rejim Israel dan bukan hanya beromong kosong. Sekiranya komuniti antarabangsa hanya membiarkan sahaja keganasan dan pencabulan hak asasi yang sedang berlaku ke atas rakyat Palestin, maka kita semua akan berkongsi dosa. Kekejaman rejim Israel adalah amat terkutuk dan wajib diberhentikan dengan serta-merta. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Tebrau.

12.21 tgh.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri bagi pihak MCA untuk memberi sokongan kepada usul Yang Berhormat Menteri sebentar tadi. Tuan Yang di-Pertua, melalui media kita mengetahui Israel telah menggunakan serangan roket Hamas sebagai alasan untuk melancarkan operasi *Pillar of Defence,* kini sedang mengerakkan seramai hampir 70,000 anggota tentera darat berserta kereta kebal di sempadan Gaza-Israel sebagai persediaan untuk serangan darat.

United Nations Security Council telah gagal mengambil sebarang tindakan untuk memberhentikan serangan itu. Seperti yang kita sedia maklum, setiap kali berlaku peperangan di Wilayah Gaza, yang menjadi mangsa ialah rakyat awam termasuk golongan wanita, kanak-kanak, bayi dan warga tua. Kami berasa amat kesal mesyuarat terkini pada 14 November 2012 masih gagal mengambil sesuatu keputusan oleh *United Nations Securities Council* untuk menangani perselisihan Israel-Palestin.

Setiausaha Agung PBB Ban Ki-Moon pun telah menyuarakan kebimbangan beliau mengenai situasi semasa di Gaza yang semakin meruncing dan telah menggesa kedua-dua pihak untuk berhenti melakukan serangan dengan serta-merta. Pesuruhjaya Tinggi Hak Asasi Manusia di Geneva, Navenathem Pillay telah pun mengecam serangan tentera Israel ke atas wilayah Palestin di Gaza yang telah mengorbankan banyak nyawa awam.

Beliau juga menggesa kedua-dua pihak menghentikan serangan dan mematuhi undang-undang antarabangsa hak asasi manusia dan kemanusiaan. Malangnya hingga kini Majlis Hak Asasi Manusia di Geneva masih belum menyuarakan pendiriannya. Kami berasa amat kesal PBB khususnya Majlis Keselamatan PBB gagal memainkan peranannya untuk menyelesaikan persengketaan di Wilayah Gaza yang telah berterusan begitu lama. Pelan damai, *Road Map For Peace* dihasilkan melalui kerjasama di antara Amerika Syarikat, Rusia, Kesatuan Eropah dan PBB telah menggariskan negara Palestin yang berdaulat diwujudkan berjiran dengan Israel dan seramai 132 daripada 193 anggota PBB telah memberi pengiktirafan terhadap negara Palestin.

Walau bagaimanapun, UNSC ataupun Majlis Keselamatan PBB harus menerima dan menghormati pandangan dan pendirian majoriti masyarakat antarabangsa terhadap negara Palestin. Kita maklum bahawa penyelesaian isu Palestin hanya dapat dicapai melalui rundingan komprehensif di antara Israel dan Palestin dan juga kuasa-kuasa besar dalam UNSC memainkan peranan masing-masing dengan adil demi kepentingan rakyat Palestin dan orang awam termasuk wanita, kanak-kanak dan warga tua di kedua-dua negara itu.

UNSC harus memainkan peranannya untuk memelihara keadilan di kalangan masyarakat antarabangsa. Ekoran daripada itu, kami mendesak UNSC dan Israel menghormati resolusi-resolusi PBB berkenaan Palestin yang telah diluluskan di Perhimpunan Agung PBB sejak tahun 1947, menghormati hak rakyat Palestin untuk membina negara Palestin. Amerika Syarikat sentiasa *championed the cause of human right*, mengkritik dan membidas negara China atas isu *human right* mahupun melibatkan seorang pun warganegara China. Namun tidak mengambil pendirian yang tegas apabila keseluruhan orang awam di seluruh negara seperti Palestin menderita *and this is outright abuse of human rights.*

Kami tidak faham apa jenis hak asasi manusia yang diamalkan. Kami dengan perasaan kecemasan dan terdesak merayu kepada keseluruhan rakyat Malaysia memberi sokongan padu kepada segala usaha kepada Kerajaan Malaysia khususnya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak atas segala usaha untuk mendapatkan sokongan masyarakat antarabangsa demi mencapai pendamaian di Gaza dan juga menghulurkan bantuan kemanusiaan kepada penduduk-penduduk Wilayah Palestin dan Gaza dan kami mengecam sekeras-kerasnya serangan ketenteraan Israel ke atas Wilayah Palestin di Gaza. Kami juga menggesa Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan *United Nations Securities Council* supaya mengadakan sesi tergempar khas untuk memulihkan perdamaian di Wilayah Gaza. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Marang.

12.27 tgh.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi Awang [Marang]: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, PAS bersama dengan rakan-rakan Pakatan Rakyat dan kerajaan menyokong usul yang dibentangkan ini di atas semangat kemanusiaan sejagat. Pada pagi ini saya ingin menyampaikan salam daripada Hamas yang saya hubungi malam tadi melalui telefon dan memaklumkan ada sidang, mereka menyampaikan salam kepada Parlimen khususnya, kepada Malaysia, kerajaan dan pembangkang, rakyat dan kerajaan kerana menyatakan simpati kepada apa yang mereka alami pada sekarang ini.

Gaza merupakan satu daerah yang paling padat penduduk, daerah yang sempit, penduduknya macam sebuah negara yang luas. Ini kerana ramainya pelarian yang dipaksa dengan ditubuhkan sebuah negara haram yang dinamakan Israel, negara yang ditubuhkan oleh kuasa-kuasa besar dunia selepas Perang Dunia Kedua untuk membuang masyarakat Zionis Yahudi yang menguasai ekonomi di negara mereka lalu dipilih bumi Palestin menjadi negeri bagi kumpulan Zionis dengan berhujahkan sejarah-sejarah dongeng yang tidak tepat. Bahkan sejarah *Red Indians* lebih tepat untuk diberi negara di Amerika Syarikat.

Negara haram ini tetap tidak menghormati segala keputusan masyarakat antarabangsa sama ada PBB, perhimpunan agung, Majlis Keselamatan, mereka tetap tidak menghormati yang telah lalu, yang sekarang dan akan datang. Saya yakin mereka tidak menghormati keputusan itu sebabnya kerana dilindungi oleh kuasa-kuasa besar dunia khususnya Amerika yang akan terus-menerus memberi kuasa veto kepada segala keputusan yang dibuat.

■1230

Satu kuasa veto yang merupakan kezaliman yang masih ada dalam masyarakat antarabangsa yang perlu dihapuskan sehingga Barat yang kebanyakan mereka kuasa besar berlaku *double standard* dalam segala pengadilan, dalam segala keputusan yang dibuat terhadap sebarang isu yang berlaku dalam dunia semata-mata untuk kepentingan mereka. Kita melihat bagaimana Zionis dapat mempengaruhi pilihan raya di Amerika Syarikat. Mana-mana calon yang mahu menang presiden mesti sokong Zionis. Kalau tidak sokong Zionis tidak menang.

Oleh kerana itulah maka Obama dengan cepat mempertahankan tindakan Israel di atas nama keselamatan rejim itu tanpa mengira keselamatan rakyat Palestin, kanak-kanak dan kaum wanita yang tidak ada perlindungan bahkan sehingga hari ini malangnya masyarakat antarabangsa masih tidak menghormati keputusan pilihan raya Palestin yang memenangkan Hamas di Gaza, di Tebing Barat. Mereka ada kerajaan yang sah, yang dipilih oleh rakyat tetapi kerana tekanan Israel, minoriti yang memerintah dan kaedah minoriti inilah yang digunakan dengan segala penyelesaian bagi menghina rakyat Palestin.

Sudah tibanya masyarakat antarabangsa mengiktiraf pilihan raya di Palestin itu. Kerajaan Hamas yang memerintah di Gaza masih dianggap sebagai kerajaan yang tidak sah walaupun mereka kerajaan yang dipilih oleh rakyat.

Sudah tiba masanya Malaysia memainkan peranan yang proaktif dalam menangani isu ini khususnya melalui OIC supaya adakan sidang tergempar dan mempengaruhi dengan rakan-rakan daripada OIC dan negara Arab dan NAM dalam Perhimpunan Bangsa-Bangsa Bersatu dan Majlis Keselamatan supaya membuat satu keputusan yang lebih tegas terhadap Israel. Mendukung pembukaan sempadan yang dibuat oleh Mesir sekarang dan kita ucapkan kepada Kerajaan Mesir yang berani membuka sempadan dan saluran itu akan menjadi saluran yang membantu rakyat Palestin dan membela Hamas yang sedang dikepung melalui udara, laut dan serangan darat akan dilakukan bila-bila masa sahaja.

Satu tindakan yang tegas seperti pemulauan ekonomi, pemulauan ekonomi terhadap Israel perlu dilakukan. Pemulauan media termasuk media di negara kita sendiri supaya memainkan peranan di Asia Tenggara. Jangan dipengaruhi oleh *Reuters* yang masih dikuasai oleh Zionis seolah-olah membela Israel yang zalim sejak beberapa lama dan kalau perlu bantuan ketenteraan untuk mengajar negara haram ini.

Seterusnya, supaya mengambil satu tindakan yang tegas, menyenaraikan pemimpin-pemimpin Israel dalam senarai penjenayah perang kerana melakukan satu tindakan yang kejam, yang diketahui oleh umum. Membunuh mereka yang tidak dilibatkan dalam peperangan seperti wanita, kanak-kanak, orang-orang awam, hospital, kemudahan awam dibom, diserang. Nelayan yang daif, yang menangkap ikan di Gaza juga diserang maka satu tindakan yang tegas perlu diambil supaya disenaraikan pemimpin-pemimpin ini dalam penjenayah perang yang boleh diambil tindakan yang sewajarnya dan mendapat dukungan masyarakat antarabangsa. Masalah ini adalah masalah kemanusiaan yang tidak membezakan kita semua maka PAS menyokong bersama dengan rakan-rakan yang lain. Sekian, terima kasih... *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Hulu Selangor.

12.34 tgh.

Tuan P. Kamalanathan a/l Panchanathan [Hulu Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana sudi memberi peluang kepada saya memberi sokongan kepada usul bagi pihak MIC. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melalui Yang Berhormat Menteri, mengecam sekeras-kerasnya serangan ketenteraan Israel ke atas Wilayah Palestin di Gaza. Menyekat usaha membunuh wanita, kanak-kanak dan orang awam.

Jumlah angka korban kekejaman Israel wajar dan mesti ditamatkan segera demi menghormati hak kemanusiaan sejagat. Malaysia perlu bersatu hati, bulat muafakat menyarankan Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bertindak tegas mengarahkan Israel menghentikan serangan maut serta-merta termasuklah proses gencatan senjata. Presiden Amerika Syarikat yang berada di Myanmar semalam menyatakan tentang isu kebebasan demokrasi dan juga masa depan malangnya tidak tersentuh langsung tentang kematian orang awam di Gaza.

Kita harus menyeru masyarakat dunia termasuk Presiden Amerika Syarikat Barack Obama sekali lagi bertindak tegas mendukung kukuh panji-panji keamanan dengan mendorong semua negara khususnya kuasa Barat bersama mengutuk peristiwa berdarah ini. Malaysia sentiasa berdoa dan mencadangkan Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu segera menjalankan sesi tergempar khas perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu, *Uniting For Peace* di bawah Resolusi 377 A5. Sekiranya Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu gagal jalankan tanggungjawabnya.

Melahirkan kekesalan dan kekecewaan berulangnya kronologi serangan Israel terhadap Gaza yang beberapa kali terpahat dalam lipatan sejarah sejak 15 tahun dahulu. Saya ingin memetik kenyataan kejam dan zalim beberapa pemimpin Israel.

Dengan izin, Gilad Sharon anak kepada Ariel Sharon menulis dalam *The Jerusalem Post* dengan izin, *"We need to flatten entire neighborhood in Gaza, flatten all of Gaza".* Seterusnya Timbalan Perdana Menteri Israel pula Eli Yishai menyatakan kepada *The Yeshiva World News*, dengan izin, *"We must blow Gaza back to the middle ages destroying all the infrastructure including roads and waters. The goals of operation is to send Gaza back to the middle ages,"* dengan izin.

Presiden Perez pula dengan izin menyatakan, *"We are trying our best not to hit any civilian on the other side but war is war, what can we do",* dengan izin. Inilah kenyataan iblis, kenyataan seorang manusia yang tidak bertanggungjawab langsung dan kita harus mengambil tindakan yang sewajarnya kalau perlu seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Marang sebentar tadi kita harus kemukakan mereka di *criminal court*.

Tuan Yang di-Pertua, bersatu idea bersama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita gesa pihak-pihak terbabit menyambung proses perdamaian dan juga mematuhi resolusi yang ditetapkan oleh PBB berkaitan isu Palestin dan konflik Arab-Israel ini. Justeru marilah kita bersama menjulang piagam PBB dalam menangani konflik ini. Kerjasama Malaysia bersama negara-negara anggota Pertubuhan Kerjasama Islam, Pergerakan Negara-negara Berkecuali Liga Arab dan negara-negara sependapat untuk ambil tindakan konkrit.

Malaysia negara bebas merdeka. Bertitik tolak dari sini kita harus mendorongkan sokongan kepada rakyat Palestin yang berjuang di negara mereka sendiri, yang merdeka dan berdaulat. Keharmonian rakyat menjulang prinsip 1Malaysia, hidup aman lebih 55 tahun selepas kemerdekaan menjadi contoh negara dan kuasa besar di dunia. Kita seru rakyat Palestin bersatu-padu pertahankan hak merdeka- berat mata memandang, berat lagi bahu memikul.

Di Dewan yang mulia ini satu suara, satu tekad perlu dilahirkan bersama, marilah kita hulurkan bantuan keamanan kepada penduduk Palestin dan Gaza kerana Kerajaan Malaysia sentiasa prihatin, ke depan untuk membantu masyarakat dunia. Contohnya mangsa-mangsa di Rohingya, bantuan Kerajaan Persekutuan kepada rakyat Sri Lanka berketurunan Tamil terus diberi bantuan. Pasukan-pasukan MERCY Malaysia, Kelab Putera 1Malaysia sentiasa menghulurkan bantuan. Saya ingin mencadangkan bahawa kita teruskan perjuangan kita dengan bantuan kerjasama-kerjasama untuk memastikan kita membina semula Gaza dengan sokongan padu Kerajaan Malaysia.

Mahkamah Keadilan dituntut oleh warga Malaysia. PBB wajib menjalankan siasatan dan mendakwa penjenayah dan tindakan kejam yang dilakukan ke atas rakyat Palestin. Resolusi yang dicadangkan oleh Perdana Menteri disokong penuh, disampaikan kesemua dewan perundangan dan Parlimen di beberapa negara khasnya Amerika Syarikat, Britain, Kesatuan Eropah dan PBB.

■1240

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak parti MIC, Barisan Nasional, rakyat Hulu Selangor dan rakyat negeri Selangor menyeru seluruh dunia yang cintakan keamanan dan toleransi *wasatiyyah* Malaysia akan bersama kita dalam isu ini atas nama cintakan kedamaian. Saya mohon menyokong resolusi suci setulus ikhlas ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, kita sudah dengar wakil-wakil parti. Saya juga dapat permohonan dan berbincang dengan Tuan Yang di-Pertua tadi sedikit, saya hendak kalau dapat, kalau lima minit, saya lihat di sini lima minit, enam minit, tujuh minit sahaja bercakap. Jadi kalau dapat lima minit sahaja, saya minta Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu. Yang Berhormat, *keep to the time please*.

12.40 tgh.

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh... [Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Tuan Yang di-Pertua, telah diperjelaskan di dalam Al-Quran bahawa, "*Sesungguhnya Yahudi Nasara tidak akan reda dengan kamu umat Islam sampai bila-bila selagi kamu tidak mengikut cara kehidupan mereka*." Surah Al-Baqarah :120.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih atas kesempatan untuk turut berbahas dalam tragedi kemanusiaan yang sedang berlaku depan mata kita pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, kebetulan saya baru sahaja kembali dari Misi Timur Tengah, antaranya ialah Misi Gaza. Saya berkesempatan melihat sendiri pengalaman yang berlaku di Semenanjung Gaza.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, provokasi rejim Zionis terhadap Gaza adalah satu tindakan provokasi yang berterusan bukan sahaja baru berlaku. Saya ingin menceritakan sedikit pengalaman yang saya lalui sendiri di Gaza. Antara tindakan provokasi yang dilakukan hampir setiap hari, contohnya bagaimana jet pejuang Israel hampir setiap hari melalui ruang udara Gaza dengan penerbangan yang begitu rendah, dengan bunyi *super sonic boom* yang terlalu kuat sehingga menimbulkan trauma kepada rakyat di Gaza terutamanya kanak-kanak sekolah. Tembakan *sniper* berlaku berkala mengikut suka tentera Israel yang menjaga sempadan. Dia rasa hendak tembak, dia tembak tanpa ada sebab, tanpa ada provokasi.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Yang Berhormat, boleh mencelah sedikit.

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Nanti kejap.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Saya berkongsi masa, sedikit.

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Sekejap, nanti. Bekalan elektrik dan air yang dikuasai oleh Israel dicatu mengikut mereka. Bagaimana sedang operasi pembedahan dijalankan di Hospital As-Shifa'a contohnya di Jabaliyah, Gaza. Sedang pembedahan berjalan, tiba-tiba bekalan elektrik ditutup menyebabkan berlaku beberapa perkara yang tidak sepatutnya berlaku kepada pesakit-pesakit. Adakah kita tahu bagaimana Perdana Menteri, menteri-menteri, pemimpin Kerajaan Palestin di Gaza yang dipilih secara sah oleh rakyatnya terpaksa menukar tempat tinggal hampir tiap malam kerana sentiasa diburu oleh tentera Israel. Ringkasnya Tuan Yang di-Pertua, Gaza adalah satu penjara terbuka yang terbesar di dunia dengan sekatan yang dikenakan terhadap Gaza di udara, laut dan juga di daratan.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Boleh, sedikit? Terima kasih Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu. Ringkasnya untuk kefahaman mengenai dengan serangan Israel ini, mereka memberikan alasan untuk keselamatan Israel. Manakala yang kita tahu yang diperlukan keselamatan ialah Gaza, penduduk Palestin. *Security for Gaza and security for Palestinian people*. Jadi sebab itu selain daripada kita mengecam Israel, kita turut juga mengutuk Amerika yang menjadi sekutu kepada serangan yang dibuat oleh Israel.

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Baik, saya setuju Yang Berhormat Pasir Mas.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Sedikit sahaja. Selepas itu yang kedua...

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Saya ada tiga minit sahaja Yang Berhormat Pasir Mas.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Sikit sahaja. Saya kongsi sikit sahaja. Kedua saya hendak cadangkan, adakah Yang Berhormat setuju selepas usul ini dibahas, dijawab oleh Menteri, saya hendak minta Dewan yang mulia ini bertafakur dengan membaca surah Al-Fatihah bagi umat Islam kepada Ahmad Al-Jabbar, pejuang Hamas yang terbunuh dan juga kepada mereka yang mati, yang tidak berdosa dan mudah-mudahan roh mereka diletakkan di kalangan para syuhadah. Sekian, terima kasih.

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Mas. Saya minta maaf Yang Berhormat Pasir Mas kerana masa tidak begitu banyak. Masa saya pun dekat hendak habis sudah.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini untuk kita mengambil kesempatan untuk mengutuk bukan sahaja rejim Zionis Israel tetapi juga dalang besarnya iaitu Amerika Syarikat, yang tanpa peranan dan sokongan daripada Amerika Syarikat, saya cukup yakin Israel tidak akan berani untuk melakukan tindakan kezaliman kemanusiaan yang sedang mereka lakukan.

Tuan Yang di-Pertua, isu Palestin ini sebenarnya adalah isu kemanusiaan yang besar yang perlu ditangani dan diselesaikan dengan kita mengadakan satu penyelesaian menyeluruh ke atas isu Palestin; dengan pembebasan Wilayah Palestin kembali kepada anak watannya. Saya juga mencadangkan Tuan Yang di-Pertua, supaya Menteri Luar Negeri ataupun Parlimen Malaysia menghantar wakil ke Gaza untuk menunjukkan sokongan dan simpati kita kepada mereka.

Ketiga, saya cadangkan seperti yang saya cadangkan dalam bahas tahun 2009 Tuan Yang di-Pertua, supaya Malaysia mempelopori cadangan kepada OIC supaya mengadakan dan mewujudkan satu pasukan pengaman OIC supaya perkara-perkara seperti ini boleh kita tangani dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan masa yang tidak banyak, saya ingin menegaskan bahawa Rejim Zionis Israel ini tidak faham bahasa diplomatik, mereka tidak faham bahasa rundingan. Yang mereka faham ialah bahasa peluru, yang mereka faham ialah bahasa perang. Jadi sebab itu Tuan Yang di-Pertua, pada saya Israel ini adalah negara *terrorist* yang halal melanggar apa juga undang-undang dan peraturan selagi ianya didalangi oleh Amerika. Jadi sebab itu Tuan Yang di-Pertua, saya pohon supaya dalam kita menyokong usul yang baik yang dibawa oleh Menteri pada hari ini mewakili rakyat Malaysia, saya juga mengambil kesempatan supaya kita juga mengambil ketetapan mengutuk dalang besar bagi Rejim Zionis ini iaitu Amerika Syarikat sendiri. Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Simpang Renggam.

12.48 tgh.

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berdiri bagi mewakili Parti Gerakan Rakyat Malaysia untuk menyokong usul yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, sejak kebelakangan ini dunia terjerumus di dalam pelbagai konflik. Namun begitu, konflik terkini yang paling hangat merupakan tindakan Israel menyerang Palestin dengan melancarkan serangan roket pejuang. Tindakan ini adalah menyalahi undang-undang antarabangsa kerana ia dianggap telah mencerobohi Palestin. Konflik Israel-Palestin di Gaza yang telah berlanjutan selama seminggu sejak pelancaran operasi *Pillar of Defense,* dengan izin, pada 14 November oleh pasukan pertahanan Israel telah menyebabkan lebih daripada 100 kematian rakyat Palestin termasuk kaum wanita dan kanak-kanak. Sementara itu, beratus-ratus tercedera dalam tindakan pengeboman udara oleh pihak Israel di Gaza.

Saya berasa amat sedih dengan kematian orang awam dalam tindakan serangan Israel yang tidak bertanggungjawab itu. Adalah sukar dipercayai di dalam abad ke-21 ini, masih terdapat negara yang bersikap tidak bertamadun dengan menindas golongan yang lemah. Saya ingin mengutuk tindakan pelancaran bom oleh Israel tersebut yang telah mengakibatkan kematian dan kecederaan di kalangan rakyat Palestin yang tidak bersalah.

■1250

Memang dapat dilihat bahawa rejim Zionis di bawah pimpinan Benjamin Netanyahu merupakan satu rejim yang sentiasa bertindak agresif bagi meluaskan kuasa mereka. Ini boleh dibuktikan dengan beberapa tindakan mereka yang mencabuli kedaulatan negara jiran mereka seperti pelancaran bom ke atas tanah Syria dan juga ugutan akan melancarkan pengeboman kepada pusat nuklear di Iran bagi mengekalkan hegemoni di dunia ini.

Pendirian Parti Gerakan Rakyat Malaysia adalah sangat jelas dan tegas. Kami mengutuk sekeras-kerasnya tindakan kejam Kerajaan Israel yang tidak mementingkan nyawa seseorang individu yang bukan rakyatnya itu. Apa yang lebih menyedihkan ialah serangan kejam Israel ini telah membunuh nyawa yang tidak berdosa. Ini membuktikan sekali lagi bahawa rejim Zionis adalah satu rejim zalim yang langsung tidak berperikemanusiaan.

Oleh itu, sebuah parti yang terdiri daripada ahli-ahli yang berbilang kaum dan berlainan agama, kami bukan sahaja mengutamakan keharmonian dan keamanan masyarakat tapi juga mementingkan dan mengamalkan semangat toleransi dan saling menghormati antara agama dan masyarakat. Oleh itu, saya menyokong sepenuhnya gagasan Gerakan Kesederhanaan Global yang diperkenalkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada tahun lepas.

Saya percaya ini adalah satu semangat yang amat penting bagi kita mengekalkan keamanan dan juga keharmonian dunia dan satu pendekatan yang perlu diterapkan di semua negara bagi memastikan kelangsungan, kestabilan politik dan menjamin keamanan sejagat. Saya juga ingin menggesa Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Luar Negeri bersama rakan-rakan luar yang lain dengan segera mendesak Majlis Keselamatan PBB untuk mengambil tindakan yang keras terhadap Israel.

Tuan Yang di-Pertua, laporan terkini mengatakan bahawa usaha untuk menamatkan konflik terkini di antara kedua-dua pihak sedang giat dijalankan dengan Setiausaha Agung PBB, Ban Ki-moon dijangka mendarat di Kaherah, Mesir untuk memeterai perjanjian gencatan senjata di antara kedua-dua pihak yang mempunyai sejarah permusuhan yang melangkaui beberapa dekad malahan kurun lamanya.

Maka saya berharaplah bahawa usaha pendamaian yang diterajui oleh Ban Ki-moon akan berhasil dan saya ingin menyeru semua pihak yang terlibat terutamanya Kerajaan Israel dan Kumpulan Militan Hamas di Gaza supaya memberhentikan serangan *offensive* masing-masing secara serta-merta. Menahan diri bagi mengelak situasi semasa di Gaza daripada bertambah buruk sehingga tercetusnya perang terbuka.

Dengan itu, saya masih optimistik dan amat berharap bahawa situasi di Gaza akan kembali menjadi tenang semula. Saya sekali lagi menyeru kepada semua pihak yang terbabit supaya menghormati permintaan asas rakyat awam di Gaza. Malah hasrat daripada masyarakat Malaysia dan seluruh dunia untuk mengembalikan keamanan di Genting Gaza untuk masa sekarang dan buat selama-lamanya.

Akhirnya, saya juga ingin menggesa semua pihak yang terlibat untuk menghentikan sebarang tindakan provokatif, bertenang dan mengekang sebarang tindakan yang boleh menyebabkan kerosakan yang lebih besar dan kehilangan nyawa terutama di kalangan penduduk awam di Gaza.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Baik, Yang Berhormat.

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Oleh kerana kami percaya bahawa sebarang masalah hanya boleh diselesaikan di meja perundingan bersama dan bukannya secara kekerasan dan peperangan. Dengan ini saya menyokong usul tergempar oleh Yang Berhormat Menteri yang mengecam sekeras-kerasnya serangan Israel ke atas rakyat Palestin. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat Tumpat.

12.54 tgh.

Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi izin kepada saya untuk turut terlibat bersama-sama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat dari semua pihak pada hari ini di bawah Peraturan Mesyuarat 27(3) berkaitan dengan serangan ganas sekali lagi oleh Israel terhadap bumi Gaza, bumi Palestin.

Tuan Yang di-Pertua, PAS sentiasa bersama-sama dengan semua pihak untuk menentukan dan memastikan bahawa Palestin diwujudkan sebagai sebuah negara yang sah dan Israel dikutuk di segala medannya kita kutuk daripada segi tindakan-tindakannya. Oleh itu, saya tidak berhajat untuk berucap panjang, sekadar menyokong ucapan-ucapan yang kita dengar di kedua-dua pihak tadi dan memberi sedikit pandangan kepada Yang Berhormat Menteri mewakili Perdana Menteri yang membentangkan ketetapan-ketetapan di bawah usul ini tadi.

Pertamanya, saya khusus merujuk kepada ketetapan yang kedua iaitu membuat ketepatan supaya Bangsa-Bangsa Bersatu mengarahkan Israel menghentikan serta-merta serangan dan memutuskan untuk menempatkan pasukan pengaman Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di kawasan tersebut. Tuan Yang di-Pertua, tindakan ini pada kes-kes antarabangsa yang lain adalah baik dan sesuai tetapi sebagaimana yang kita dengar, untuk sekadar mempertahankan Gaza adalah tidak sesuai dan tidak mencukupi kerana Gaza sebagaimana semua pihak menyebut tadi adalah *a prison camp*, penjara.

Jadi sekadar mempertahankan penjara sepertilah mewujudkan dan mengukuhkan tembok yang sedia ada yang mengekalkan kesusahan yang dihadapi oleh rakyat Gaza. Jadi saya cadangkan supaya ketetapan yang kedua itu dipinda supaya ianya sebenarnya mengarahkan kepada memastikan Gaza bebas, Palestin terwujud dan Gaza serta Tebing Barat dan lain-lain wilayah lagi dijadikan wilayah baru untuk negara baru Palestin tersebut... *[Tepuk]*

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan supaya kita, Ahli-ahli Parlimen Malaysia ini menghantar satu rombongan Ahli Parlimen semua parti, *all party delegations... [Tepuk]* Ke Pejabat OIC untuk mendesak tindakan yang lebih berkesan untuk mempertahankan negara dan rakyat Palestin daripada keadaan yang ada hari ini dan kalau boleh dipimpin oleh Tuan Yang di-Pertua sendiri untuk mewakili kita semua.

Keduanya Tuan Yang di-Pertua ialah sebagaimana yang disebutkan tadi, saya ingin menegaskan sekali lagi supaya Parlimen Malaysia hari ini mengisytiharkan pengiktirafannya terhadap Hamas sebagai kerajaan yang sah di Gaza... *[Tepuk]* Setelah mereka dipilih dalam pilihan raya yang diperhatikan oleh perwakilan seluruh dunia sebagai pilihan raya yang adil pada tahun 2006 itu.

Ketiganya, saya ingin menyarankan bahawa Parlimen Malaysia hari ini mengisytiharkan Israel sebagai sebuah negara *terrorist... [Tepuk]* Ini kerana mereka telah membunuh kanak-kanak, orang-orang awam, wanita dan orang-orang tua dan akhirnya yang keempat, kita menyeru supaya Malaysia memutuskan semua bentuk perhubungan dengan Israel... *[Tepuk]* Termasuklah menjual kelapa sawit kita kepada negara Israel kita melalui negara-negara yang ketiga. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat Sepanggar. Ada dua minit Yang Berhormat.

12.58 tgh.

Datuk Eric E. Majimbun [Sepanggar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin menyertai perbahasan mengenai konflik di Palestin ini di mana kita nampak bahawa konflik ini mesti harus dan dihentikan dan saya daripada Parti SAPP menyokong sepenuhnya supaya konflik ini haruslah dihentikan dan Bangsa-Bangsa Bersatu mesti mengambil peranan yang utama mengenai konflik ini. Tanpa Bangsa-Bangsa Bersatu, saya rasa konflik ini sukar kita tangani dan begitu juga dengan *super power* yang lain supaya mereka haruslah mengambil peranan yang betul-betul diutamakan oleh kerana kita tahu bahawa konflik ini tidak akan diselesaikan dan dapat ditangani tanpa diambil tindakan oleh pihak-pihak yang ada kaitan dengan konflik-konflik yang sedang melanda di Palestin ini.

Maka inilah sebenarnya kita minta supaya sokongan padu supaya Malaysia sebagai satu negara yang menyokong penuh supaya penyelesaian konflik ini harus dan mesti ditangani tanpa sempadan dan tanpa konflik yang kita nampak bahawa ini haruslah ditangani dengan cepat dan supaya anak-anak yang kita dapat lihat di kaca TV begitu kejam sekali dengan serangan ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat kerana telah memberi kerjasama dengan kami. Menteri akan menjawab pada jam 2.30 petang. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang sahaja sesi waktu pagi dan Dewan ditangguhkan hingga 2.30 petang nanti.

[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 petang.]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.]

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) ***mempengerusikan Mesyuarat****]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

2.32 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan usul di bawah Peraturan Mesyuarat 27(3) iaitu bagi mengecam serangan kejam oleh Israel ke atas Wilayah Palestin di Gaza dan izinkan saya memberikan penjelasan terhadap perkara-perkara yang telah dibangkit di dalam perbahasan tersebut.

Saya juga ingin menyampaikan salam daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia yang sedang berada di Kampuchea waktu ini. Suka saya maklumkan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengadakan pertemuan dengan Presiden Barack Obama pada hari ini, iaitu 20 November 2012 sempena sidang kemuncak ASEAN yang sedang diadakan di Phnom Penh, Cambodia.

Perkara utama yang diketengahkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kepada Presiden Obama adalah tentang perlunya keganasan Israel ke atas penduduk di Gaza dihentikan serta-merta. Presiden Obama telah menyatakan bahawa beliau akan berusaha untuk menamatkan serangan Israel ke atas Gaza dan menghidupkan semula proses damai terutamanya penyelesaian dua negara atau dengan izin, *the two state solution* yang merupakan penyelesaian adil dan berkekalan terhadap isu Palestin Israel.

Dalam pada itu, wakil tetap Malaysia ke Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) pada 19 November 2012 semasa mesyuarat ke 6,865 dengan izin, *Meeting on Maintenance From International Peace and Security* telah menggesa Majlis Keselamatan PBB supaya mengambil tindakan serta-merta bagi menghentikan serangan ketenteraan Israel terhadap Gaza. Pada masa yang sama, Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) dalam Mesyuarat ke-39 Majlis Menteri Luar Negeri OIC atau singkatan dalam bahasa Inggeris OICCFM yang telah diadakan di Republik Djibouti pada 15 dan 17 November 2012 telah mengeluarkan satu kenyataan dengan izin *communicate,* yang mengecam sekeras-kerasnya tindakan Israel yang mencabuli undang-undang antarabangsa dan menyebabkan penderitaan berterusan warga Gaza di Palestin.

Dalam mesyuarat itu, delegasi Malaysia juga telah menyatakan pendirian Malaysia yang mengecam serangan tentera Israel tersebut dan menggesa Majlis Keselamatan PBB untuk mengambil tindakan segera bagi menghentikan sebarang kekejaman dan serangan tentera Israel ke atas rakyat Gaza di Palestin. Ahli-ahli Yang Berhormat, sememangnya kesemua tindakan kejam Israel terhadap rakyat Palestin harus dilihat sebagai satu tindakan keganasan yang tidak berperikemanusiaan dan perlu dikutuk oleh masyarakat antarabangsa. Malaysia tidak pernah mempunyai sebarang urusan eksport ataupun import secara langsung dengan Israel.

Ahli-ahli Yang Berhormat ingin saya jelaskan bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang mengamalkan perdagangan bebas. Justeru, kita tidak dapat mengawal urusan perdagangan antarabangsa termasuklah destinasi akhir bagi barangan kita. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Malaysia akan meneruskan usaha menerusi badan-badan antarabangsa seperti PBB dan OIC serta negara-negara bersependapat untuk membuat ketetapan supaya satu pasukan pengaman ditempatkan di seluruh wilayah Palestin.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Hamas hanya merupakan salah satu parti politik di Palestin. Oleh yang demikian, Malaysia hanya mempunyai hubungan diplomatik dengan pihak berkuasa Palestin- *Palestine National Authority,* dengan izin, yang diterajui oleh Presiden Mahmoud Abbas yang diiktiraf oleh masyarakat antarabangsa termasuk negara-negara anggota PBB.

Berkenaan isu-isu teras konflik Palestin-Israel seperti Baitulmuqaddis, pelarian, persempadanan, keselamatan Israel, pembinaan tembok pemisah haram Israel, penempatan haram Israel di Tebing Barat, sekatan Israel ke atas Gaza dan tahanan politik-ingin saya tegaskan di sini bahawa Malaysia sentiasa lantang memperjuangkan isu-isu ini di platform antarabangsa bagi penyelesaian keseluruhan yang adil dan berkekalan agar sebuah negara Palestin yang berdaulat dan merdeka dapat ditubuhkan.

Dalam hal ini, Malaysia sentiasa menyokong segala resolusi-resolusi PBB, OIC, Majlis Hak Asasi Manusia, Liga Arab dan lain-lain pertubuhan termasuk penyelesaian dua negara dengan Al-Quds, Al-Sharif iaitu Baitulmuqaddis Timur ataupun East Jerusalem dengan izin sebagai ibu negara Palestin. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, baru-baru ini Jawatankuasa NAM Mengenai Palestin yang dianggotai oleh Malaysia pernah menjadualkan untuk mengadakan mesyuarat luar biasa peringkat menteri di Ramallah Palestin dari 4 hingga 6 Ogos 2012...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Dato'...

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Yang Berhormat Menteri Luar Negeri telah menyertai mesyuarat ini namun demikian pihak Israel tidak membenarkan beberapa buah negara termasuk Malaysia untuk memasuki Ramallah dengan alasan Malaysia tidak mempunyai hubungan diplomatik dengan Israel.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Boleh, boleh?

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Namun begitu, Malaysia akan terus berusaha bersama-sama negara NAM dalam memastikan usaha-usaha sebegini diteruskan pada masa-masa hadapan. Ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya menjadi rakyat dan sebahagian daripada negara Malaysia bangga, bangga usul ini dapat kita kemukakan dan *insya-Allah* akan disokong sebulat suara oleh Dewan yang mulia ini.

■1440

Saya hendak mencelah di sini sedikit sahaja. Apa peranan kita dan apa cara kita, apa usaha kita dalam hendak menjayakan usaha yang sedang dijalankan oleh pihak di Palestin untuk mendapat kerusi di Bangsa-Bangsa Bersatu sebagai pemerhati untuk Persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu. Apa usaha yang kita akan jalankan bagi menyokong usaha mendapatkan sebuah kerusi pemerhati bagi Palestin.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Yang Berhormat boleh sambung? Sikit sahaja.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, Malaysia adalah di antara negara yang paling awal sekali, di antara lebih daripada 123 negara yang telah mengiktiraf Palestin sebagai sebuah negara merdeka. Kita percaya kerana inilah sebenarnya peranan dibuat terhadap Palestin bagi mendatangkan keadaan huru-hara untuk menggagalkan usaha pengiktirafan terhadap Palestin sebagai sebuah negara merdeka.

Usaha-usaha yang dilakukan oleh Malaysia mestilah menerusi Bangsa-bangsa Bersatu kerana di luar daripada itu agak sukar untuk kita mendapat apa yang dihajatkan untuk rakyat Palestin iaitu sebuah negara merdeka Palestin.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pasir Mas.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya ada dua perkara. Kita tidak dapat melakukan apa yang lebih, kecuali kita terpaksa merujuk dan berdoa kepada Allah SWT dengan cara yang betul. Jadi apakah Yang Berhormat bercadang untuk berunding dengan Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang menjaga JAKIM supaya hari Jumaat yang akan datang ini, semua masjid, kalau boleh madrasah, surau mengadakan solat hajat memohon agar keselamatan bagi pihak rakyat Palestin yang diserang oleh Zionis Israel, itu yang pertama.

Yang kedua apakah mungkin usul yang kita akan luluskan ini bagi menunjukkan serius dan betapa komited kita Ahli-ahli Dewan yang mulia. Bolehkah tidak Yang di-Pertua Dewan Rakyat dengan diwakili beberapa Ahli Parlimen menghantar usul yang diluluskan ini kepada Duta Amerika. Selama ini kita lihat nota bantahan dibuat oleh NGO-NGO biasa dan orang-orang perseorangan. Kenapa tidak usul ini sekali dalam sejarah untuk membuktikan betapa kita mengambil berat dan tunjukkan kepada dunia, Dewan yang mulia ini menghantar rombongan yang diketuai oleh Yang di-Pertua Dewan Rakyat ataupun Yang Berhormat sendiri selaku Menteri di Jabatan Perdana Menteri menghantar nota usul ini kepada Duta Amerika supaya dapat disampaikan kepada pihak-pihak yang berkenaan.

Jadi, yang akhirnya kalau Yang Berhormat Menteri kelapangan, mungkin ada program dan semua Ahli-ahli Dewan yang mulia ini saya mengundang ke majlis bacaan Yasin dan tahlil malam ini di Masjid Kampung Baru untuk kita doakan kepada...

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: ...Malam ini, pukul 9.30. Tidak boleh tetapi tidak apa. Saya hendak pergi kepada Ahmad Al-Jabar, pemimpin Hamas. Kita akan bersolat, baca Yasin di masjid. Mana yang ada kelapangan dijemput hadir. Sekian, terima kasih. Anjuran Perkasa.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, sebelum itu bagi memperkemaskan jawapan kepada Yang Berhormat Sri Gading sebentar tadi iaitu berkenaan dengan status terkini permohonan Palestin untuk menjadi ahli Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada 8 November 2012, Palestin telah mengedarkan satu draf resolusi berhubung permohonannya untuk meningkatkan taraf dari entiti pemerhati kepada negara pemerhati di dalam PBB untuk pertimbangan untuk sesi ke-67, Perhimpunan Agung PBB.

Draf resolusi ini dijangka akan dipertimbangkan pada 9 November 2012. Selain dari permohonan status pemerhati, draf resolusi ini juga menekankan supaya pihak Palestin diberi hak menentukan hak nasib sendiri dengan izin, *self-determination*, menyatakan keperluan menyambung semula dan mempercepatkan proses damai di Timur Tengah mengikut resolusi-resolusi PBB yang berkaitan dan menggesa semua anggota PBB dan agensi-agensi khusus PBB untuk terus menyokong dan membantu rakyat Palestin memperoleh kemerdekaan.

Draf resolusi ini masih lagi dibincangkan di peringkat pegawai di New York. Pada masa ini 132 anggota PBB telah memberi pengiktirafan. Silap saya kata tadi sebut 123 sebenarnya 132, terbalik. Seramai 132 anggota PBB telah memberi pengiktirafan terhadap negara Palestin di mana 105 darinya adalah merupakan negara-negara anggota NAM. Palestin perlu mendapat sokongan majoriti mudah di Perhimpunan Agung yang diwakili 193 negara untuk meluluskan draf resolusi ini.

Bagi jawapan Yang Berhormat daripada Pasir Mas. Saya akan sampaikan perkara ini kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan dan *insya-Allah* saya percaya ia tidak merupakan satu perkara yang sukar untuk diputuskan. Berkenaan dengan penyampaian usul ini kepada Kedutaan Amerika di Kuala Lumpur, saya akan bincang bersama Tuan Yang di-Pertua dan keputusannya akan disampaikan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tadi Yang Berhormat Menteri kata bahawa berkaitan dengan Hamas ia hanya sebuah parti politik yang tidak boleh diberikan satu pengiktirafan. Akan tetapi saya hendak minta hari ini ialah supaya Dewan ini, apa salahnya kerana serangan itu berlaku di Gaza dan sasarannya juga ialah pejabat Hamas itu sendiri dan antara yang terbunuh ialah salah seorang daripada pemimpin Hamas. Jadi apa salahnya dan pilihan raya pun yang berlaku sebelum ini dan pihak Hamas menang.

Pihak Hamas sebelum ini merupakan kerajaan yang menguasai, memerintah di Gaza dan juga West Bank dan sebagainya. Jadi apa salahnya kita memberikan satu pengiktirafan atas nama Parlimen ini kepada Hamas yang berhak untuk mewakili umat Islam di Gaza. Sekurang-kurangnya kalau tidak pun menyeluruh kepada Palestin keseluruhannya tetapi kepada Wilayah Gaza itu sendiri.

Ini saya katakan bahawa seharusnya diberikan pengiktirafan itu oleh Parlimen untuk menunjukkan kebersamaan kita, simpati kita. Saya percaya bahawa sepatutnya Parlimen mengirim kepada Ismail Haniyeh selaku Perdana Menteri. Parlimen mengirimkan satu utusan simpati kita terhadap mereka.

Yang keduanya boleh atau tidak Parlimen pada hari ini meminta supaya Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, walaupun tadi Yang Berhormat sebut bahawa kita tidak boleh halang barang itu hendak pergi melalui orang ketiga dan sebagainya. Akan tetapi persoalannya saya difahamkan, di Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri itu sendiri pun mempromosikan urusan-urusan perdagangan dengan Israel. Ada majalah-majalah mereka, ada perpustakaan dengan majalah mereka. Maknanya mereka sendiri memberikan galakan seperti dorongan ke arah tersebut. Jadi saya fikir bahawa sepatutnya Parlimen harus menegaskan kepada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Terima kasih Yang Berhormat. Saya percaya kalau ditanyakan kepada setiap rakyat Malaysia berkenaan dengan sama ada kita amat bersimpati dengan Hamas ataupun tidak, saya percaya tidak ada seorang pun rakyat Malaysia yang boleh berkata bahawa mereka tidak bersimpati, semuanya bersimpati. Namun Yang Berhormat, Malaysia sebagai sebuah negara yang menganggotai Bangsa-Bangsa Bersatu terpaksa akur dengan syarat-syarat yang ada dikenakan kepada ahli-ahlinya iaitu bahawa kita tidak boleh menafikan iaitu pengiktirafan terhadap adanya sebuah negara iaitu Israel.

Oleh kerana Hamas di dalam artikel penubuhan partinya itu mempunyai hasrat pertamanya sudah tentu tidak mengiktiraf Israel. Keduanya berusaha untuk menghapuskan negara Israel. Maka ini satu perkara yang tidak diterima oleh Bangsa-Bangsa Bersatu. Oleh kerana Malaysia merupakan ahli kepada Bangsa-Bangsa Bersatu ini, kita sebenarnya tidak ada pilihan melainkan untuk tidak mengiktirafkan Hamas ini.

■1450

Akan tetapi kita mempunyai hubungan secara tidak langsung dengan Hamas sebagai sebuah parti yang menguasai atas pilihan rakyat Palestin untuk menubuhkan kerajaan. Jadi inilah bukannya soal bahawa Malaysia tidak mahu mengiktiraf tetapi ini ialah kerana peraturan telah ditentukan oleh Bangsa-Bangsa Bersatu yang mana kita menjadi anggota kepada Bangsa-Bangsa Bersatu.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Sikit. Saya faham Tuan Yang di-Pertua bahawa Malaysia itu bermaksud kerajaan. Akan tetapi, apakah Parlimen juga terikat? Parlimen sebagai satu institusi yang sepatutnya bebas dan sepatutnya tidak terikat dengan peraturan. Saya fikir peraturan itu mengikat eksekutif semata-mata. Akan tetapi Parlimen untuk menyatakan saya rasa bahawa ini satu yang boleh kita buat atas nama Parlimen bukan atas nama kerajaan. Saya tidak maksud atas nama kerajaan. Tidak. Saya faham. Saya minta atas nama Parlimen.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Saya pun faham juga maksud Ahli Yang Berhormat. Tengok jawapan sekejap ya. Okey, saya ada jawapan daripada Kementerian Luar. Pada masa ini Hamas dan Fatah sedang berusaha ke arah satu pembentukan kerajaan perpaduan nasional. Beberapa rundingan telah dijalankan di antara kedua-dua pihak untuk menjalankan pilihan raya Palestin. Malaysia tidak mahu dilihat mengganggu proses penyatuan Hamas dan Fatah tersebut.

Namun Yang Berhormat, itu jawapan daripada Kementerian Luar. Akan tetapi Yang Berhormat faham tentang sistem politik negara kita di mana iaitu bahawa Parlimen, parti yang menguasai Parlimen itu menubuhkan eksekutif. Jadi kalau sekiranya Parlimen membuat satu keputusan yang bebas daripada eksekutif, saya kira sistem kita itu tidak boleh menyembunyikan hakikat bahawa itu juga adalah kerajaan.

Kita mesti berhati-hari dalam perkara ini kerana yang lebih penting ialah untuk menyelesaikan masalah Palestin dan bukan masalah sama ada sesuatu parti politik itu diiktiraf oleh kita ataupun tidak. Sama ada dia diiktiraf oleh kita ataupun tidak, dia tetap kerajaan.

Oleh sebab itu bagi kita, kita kerajaan yang penting ialah *substance* iaitu kita memberi dorongan dan sokongan kepada Palestin untuk menjadi bukan sahaja satu entiti tetapi akhirnya menjadi sebuah negara pemerhati dan seterusnya akan menjadi sebuah negara yang merdeka dan berdaulat.

Berkenaan dengan apa Yang Berhormat sebut tentang MITI, saya tidak mempunyai maklumat pada saya waktu ketika ini. Kalau itu sekiranya apa yang disebut oleh Yang Berhormat itu adalah tepat dan betul sudah tentu kita akan meminta kepada pihak MITI untuk menghentikan perkara ini serta-merta.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira perkara-perkara yang perlu dijawab telah pun dijawab. Sekali lagi saya ucapkan banyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi sokongan. Kita berdoa kepada Allah SWT kepada Tuhan Yang Maha Esa iaitu suatu masa nanti, di masa yang terdekat sebuah negara Palestin yang merdeka dan berdaulat *insya-Allah* akan wujud di muka bumi ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul Yang Amat Berhormat Perdana Menteri seperti yang tertera di dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini di bawah perkara 1 hendaklah disetujukan.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2013

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 2013

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas, bahawa, "Rang Undang-undang Perbekalan 2013 dan Anggaran Pembangunan 2013 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." ***[Hari Ketiga Belas]***

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) ***mempengerusikan Jawatankuasa****]*

Maksud B.46 [Jadual] -
Maksud P.46 [Anggaran Pembangunan 2013] -

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Kepala Bekalan B.46 dan Kepala Pembangunan P.46 di bawah Kementerian Sumber Manusia dilanjutkan perbahasan. Yang Berhormat Hulu Selangor.

2.55 ptg.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan [Hulu Selangor]: Terima kasih Tuan Pengerusi. RM50 juta untuk melatih 3,200 pelajar masyarakat India bagi memperlengkapkan mereka dengan kemahiran telah pun diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam pembentangan Bajet 2013 baru-baru ini.

Institut Latihan Perindustrian dan kolej-kolej di bawah Skim Latihan Dual Nasional ini telah pun diberi amanah untuk menjayakan, memastikan pelajar-pelajar ini dilatih. Ini bersangkut paut dengan Butiran 020200. Soalan saya, berapakah ILP yang sedia ada sekarang dan sama ada ILP ini dapat menampung pelajar-pelajar ini di kawasan-kawasan yang tertentu. Ini kerana ada lokasi yang mana majoriti pelajar-pelajar ataupun belia-belia India di sana tidak ada Institut Latihan ILP.

Maka apakah perancangan kementerian untuk memastikan pelajar-pelajar ini tidak perlu melalui satu perjalanan yang jauh untuk melanjutkan latihan mereka atau pelajaran mereka. Sama ada kementerian mempunyai perancangan untuk membina ILP-ILP yang baru, untuk memastikan pelajar-pelajar ini ataupun belia India ini dapat memperlengkapkan kemahiran mereka.

Pada masa yang sama satu program yang mana dikenal dengan izin, *train and place* telah pun diperkenalkan oleh kementerian tidak lama dahulu dan telah memberi satu kesan yang begitu positif terhadap mereka yang telah menghadiri program-program seumpama ini. Sama ada kementerian berhasrat untuk meneruskan projek ini oleh kerana saya harap kementerian mempertimbangkan bahawa ia diteruskan kerana ia telah membawa banyak kebaikan terhadap belia-belia India yang memerlukan latihan tersebut.

Butiran seterusnya ialah Butiran 040000 - Keselamatan Kesihatan dan Kesejahteraan Pekerja. RM200 *million* telah diagihkan dan lebih kurang RM1.9 juta Ahli-Ahli PERKESO swasta yang berumur 40 tahun ke atas akan menikmati skim kesihatan percuma ini. Ada tidak perancangan untuk menurunkan tahap umur dari 40 tahun ke 30 tahun ataupun lebih muda lagi? Oleh kerana ahli PERKESO ini tidak mengikut usia. Apabila dia mula bekerja, dia layak menjadi ahli.

Sekiranya seorang mula bekerja pada usia 20 tahun dia harus menunggu sampai 40 tahun untuk menikmati kemudahan saringan kesihatan percuma ini. Oleh yang demikian, boleh tidak kementerian mempertimbangkan mungkin kepada mereka yang belum mencapai usia 40 tahun sekurang-kurangnya memberi peluang untuk mereka membuat saringan kesihatan percuma ini setahun sekali. Apabila sampai umur 40 tahun, dua tahun sekali seperti mana yang telah dicadangkan oleh kementerian.

Seterusnya Butiran 060000 - Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran. Sebanyak 11,032 permohonan pinjaman latihan kemahiran telah diluluskan. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk memastikan lebih ramai pemohon-pemohon yang dapat menerima bantuan ini. Apakah cara-cara yang dapat diluaskan dan supaya segala inisiatif kerajaan ini dapat dipakai guna untuk semua belia-belia.

Seterusnya Butiran 090400 - Program Azam Kerja 1Malaysia. Setakat ini menurut maklumat, 40,811 siswazah dan 126,533 bukan siswazah telah pun berjaya ditempatkan pekerjaan setakat Oktober 2012. Tahniah saya ucapkan kepada kementerian kerana ini juga merupakan satu projek yang benar-benar turun ke akar umbi untuk memastikan semua belia, siswazah dan bukan siswazah ditempatkan di sebuah tempat untuk mereka bekerja.

■1500

Apakah perancangan kementerian untuk memastikan lebih ramai lagi belia dapat ditempatkan? Sama ada program-program ini akan diluaskan lagi ke kawasan luar bandar. Bagaimana kerjasama-kerjasama dapat ditingkatkan oleh agensi-agensi bukan kerajaan, pertubuhan-pertubuhan belia dan sebagainya untuk membantu menjayakan program ini? Setakat ini berapakah majikan yang telah memberi pengiktirafan untuk mengambil bahagian dan memberi peluang pekerjaan kepada belia-belia siswazah dan bukan siswazah.

Itu sahaja. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Telok Intan.

3.01 ptg.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh B.46, Butiran 030300 – Mahkamah Perusahaan. Saya ingin tahu dari Yang Berhormat Menteri, berapakah jumlah Mahkamah-mahkamah Perusahaan di seluruh negara dan juga di Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan.

Saya juga ingin tahu apakah taraf Pengerusi Mahkamah Persekutuan ataupun Hakim Mahkamah Persekutuan. Statusnya berbanding Hakim Mahkamah Tinggi atau Hakim Mahkamah Sesyen.

Seterusnya, saya ingin tahu berapakah jumlah kes-kes yang dirujuk oleh kementerian ataupun Yang Berhormat Menteri kepada Mahkamah Perusahaan dan berapakah kes-kes yang tidak dirujuk kepada Mahkamah Perusahaan.

Saya juga ingin tahu daripada kes-kes yang tidak dirujuk kepada Mahkamah Perusahaan, berapakah kes-kes yang telah dibawa kepada, dengan izin, *judicial review* ke Mahkamah Tinggi. Berapakah jumlah kes-kes yang dibenarkan di Mahkamah Tinggi setelah semakan kehakiman- *judicial review*?

Seterusnya, saya juga ingin tahu berapakah kes-kes yang dimenangi oleh penuntut atau pekerja di Mahkamah Perusahaan setelah kes mereka dirujuk bukan oleh Menteri tetapi oleh Mahkamah Tinggi. Ini bermakna Mahkamah Tinggi telah membenarkan permohonan semakan kehakiman - *judicial review,* yang dahulunya tidak dibenarkan oleh Yang Berhormat Menteri. Ini mengikut rujukan seksyen 20(3), Akta Perhubungan Perusahaan 1997.

Seterusnya Tuan Pengerusi, saya juga ingin tahu di bawah Butiran 010800 – *Institute of Labor Market Information and Analysis* (ILMIA). Apakah tanggungjawab institut ini? Apakah skop institusi ini untuk memberi perkhidmatan mengenai *market information* dan analisis? Apakah faedah yang dibawa kepada pekerja-pekerja di negara kita?

Seterusnya 020200 – Perkhidmatan Latihan. Saya tengok sejumlah besar RM262 juta telah diperuntukkan. Apakah perkhidmatan latihan yang diberi oleh institut-institut ini? Di seluruh negara saya tengok hampir semua wilayah ataupun negeri di negara kita telah ada latihan ini. Apakah latihan-latihan yang diberi? Adakah latihan-latihan ini merangkumi kerja-kerja yang dibuat oleh pekerja dari negara lain ataupun *expatriate,* dengan izin? Adakah khususnya latihan diberi oleh institut-institut ini? Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, setakat yang bangun ini saya akan panggil. Selepas itu Menteri menjawab. Mulakan dengan Yang Berhormat Batang Sadong, Yang Berhormat Kuala Selangor, Yang Berhormat Tangga Batu dan Yang Berhormat Lipis.

3.04 ptg.

Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hanya nak menyentuh dua perkara di sini yang saya percaya boleh dikaitkan dengan Butiran 86000 – *Strategic Reform Initiatives* (SRI) dan juga 94000 – NKEA. Perkara ini adalah perkara yang berhubung dengan pencen yang telah diminta oleh orang di kawasan untuk dikemukakan kepada Menteri. Mungkin dapat disarankan di sini mengenai kenaikan pencen untuk pesara dan pesara terbitan daripada RM720 kepada RM820. Ini adalah untuk pesara yang telah berkhidmat melebihi 25 tahun. Akan tetapi apa yang dinyatakan kepada saya adalah yang berkhidmat melebihi 25 tahun kebanyakannya telah pun menerima pencen lebih daripada itu.

Penerima pencen yang kurang daripada ini adalah mereka yang berkhidmat kurang daripada 25 tahun ke atas sebab bersara awal kerana antara masalahnya kerana kesihatan tidak mengizinkan. Saya telah berjumpa sendiri dengan salah seorang daripada orang yang menerima implikasi ini. Mereka juga tidak layak untuk menikmati kenaikan ini disebabkan perkhidmatan mereka kurang daripada 25 tahun. Jadi, sekiranya pelarasan ini dapat dirasai oleh semua warga pesara dan pesara terbitan, janganlah diambil kira jumlah tempoh perkhidmatan mereka. Ini satu saranan ya Menteri.

Satu lagi perkara yang diminta untuk saya kemukakan di sini Tuan Pengerusi ialah mengenai isteri orang yang berpoligami, mengenai isteri nombor dua. Misalnya, isteri pertama telah meninggal dunia. Si suami telah tamat perkhidmatan ataupun telah bersara. Apabila suami meninggal dunia, adakah isteri nombor dua ataupun anak-anaknya yang menjadi tanggungannya, layak untuk menuntut pencen peninggalan suami ini. Itu sahaja Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Selangor.

3.07 ptg.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hanya ada satu perkara besar yang mungkin saya mahu masukkan dalam perbahasan di peringkat Jawatankuasa ini Tuan Pengerusi. Bersabitan dengan dasar perburuhan, *labor policy* dan juga dasar sumber manusia. Bersekali dengan itu juga mungkin saya masukkan juga perbahasan tentang atas Kepala 00600 – Kemajuan Guna Tenaga Manusia. Saya juga mahu sekalikan dengan satu lagi di bawah Kepala B.46, 08100 – Sistem Gaji Yang Dikaitkan Dengan Produktiviti/Prestasi (PLWS).

Tuan Pengerusi, saya memerhatikan satu dasar perburuhan dan, dengan izin, *fair wages* perlu digarap oleh Kementerian Sumber Manusia di luar kotak perbincangan tentang gaji minima. Saya kira polemik dan perbahasan gaji minima dari segi gaji lantainya dan sebagai sudah lumat dibincangkan tetapi ia tidak mengeluarkan kita daripada- akhirnya, membawa satu perbahasan yang menyinggung persoalan apa akan dapat memperbaiki kedudukan warga kerja dan yang mesti dilihat dalam konteks bagaimana pertumbuhan dan kemajuan negara itu pada akhirnya akan berlaku apa yang dikatakan *the trickling down effect*.

Saya mengambil contoh baru-baru ini minggu yang lalu apabila pengumuman tentang bonus dan gaji seorang CEO satu syarikat. Saya sebutkan Sime Darby yang dikejutkan oleh pasaran *analyst* kewangan ketika beliau dibayar gaji dan bonus untuk tahun berakhir kewangan Jun 2012 yang lalu sebanyak RM5.2 juta. Tentunya ia meninggalkan satu kesan yang sukar mahu diterima begitu sahaja. Kecualilah kalau benar-benar di sana terdapat satu polisi. Ini kerana ia menyinggung persoalan GLCs juga kalau benar-benar GLC itulah *outperform* industri di dalam sektor yang sama, mengapakah seorang CEO sahaja yang mendapat habuan yang lumayannya.

■1510

Bilakah akan kita dapat saksikan bahawa ia akan berakhir dengan limpahan *the trickling down effect* itu sehinggakan seluruh warga kerja Sime Darby itu akan sama-sama mendapat habuan dan lumayan hasil keuntungan bersih itu yang sekali gus akan dapat merapatkan jurang pendapatan *particularly* yang juga mungkin akan menyinggung persoalan jurang kekayaan, *wealth disparity* dan *income disparity*?

Terdahulu daripada itu kita dengar Dewan Rakyat ini bercakap tentang, sahabat saya Yang Berhormat Pokok Sena mempertikaikan tentang seorang CEO, saya sebutkan Tabung Haji yang mendapat habuan bayaran kurang lebih RM200,000 bonus tahun lalu dengan kenaikan gaji daripada RM75,000 tahun sebelumnya kepada RM85,000 tahun ini. Itu juga dipertikaikan. Kita boleh banding-bandingkan, dalam industri yang sama, kalau Sime Darby, *plantation,* dengan *private sector* itu tentunya boleh kita buat.

Akan tetapi yang saya mahu bangkitkan untuk Menteri memberikan penjelasan adalah dalam atas kepala kajian sistem gaji yang dikaitkan dengan produktiviti dan prestasi, kalaulah CEO Sime Darby tadi kalau kita ambil, apa sebenar-benarnya kriteria yang disifatkan *performance-based* yang beliau seorang CEO yang dikatakan boleh diberikan habuan yang begitu besar, atas apa? Adakah hanya sekadar harga CPO?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Boleh saya mencelah di sini?

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Tertarik juga Yang Berhormat Sri Gading dengan perbahasan saya petang ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Kuala Selangor dalam lampu hijau sekarang ini.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Dia lampu hijau.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Bagi lampu hijau?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Hijau hendak habis sudah, tinggal dua minit.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Boleh saya Tuan Pengerusi? Boleh saya?

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Saya banyak lagi. Kalau hendak, kalau betul-betul berkaitan ya, Yang Berhormat Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ya, berkaitlah. Saya pun peliklah, ramai CEO GLC dalam negara ini tetapi Tabung Haji dijadikan sasaran. Tabung Haji punya CEO, perladangan, urusan haji, umrah, macam-macam lagi, banyak syarikat di bawahnya. Jadi kalau dia dapat imbuhan seperti ini, dia orang Melayu, dia Islam, soalnya kenapa?

Seolah-olah macam ada kaitan dengan perkara-perkara yang berkaitan dengan Islam, oh, jadi tumpuan orang PAS dan kutuk! Cukuplah, terima kasihlah kepada mereka yang berkhidmat di dalam Tabung Haji. *Alhamdulillah,* antara orang Islam di dunianya yang mendapat mengerjakan haji dan umrah dengan terbaik, inilah tenaga-tenaga yang telah pun menjalankan tugas dan tanggungjawabnya... *[Tepuk]* Janganlah asyik hendak kutuk sahaja.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Syabas, Yang Berhormat Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: PAS asyik kerja hendak mengutuk orang Islam sahajakah? Sudahlah doa orang Islam doa yang tidak baik, apa sahaja orang Islam yang maju yang berjaya akan dikutuk. Apa ini kerja PAS kah? Doa cakap...

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Dia jurucakap pada orang lain itu. Dia jadi jurucakap.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Doakan orang menjadi kalah...

Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]: Itu memang kerjanya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Bersangka baiklah kita sesama Islam.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Cukup sudah Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Terima kasih kakanda Yang Berhormat Sri Gading. Sebenarnya Yang Berhormat Sri Gading belum dengar hujah saya yang mahu... *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Yang Berhormat Sri Gading, saya mahu melanjutkan perbahasan saya. Dalam nafas dan semangat Yang Berhormat Sri Gading bawakan sebentar tadi, kalau CEOnya mendapat habuan begitu, persoalan besar bagi saya bertanya Menteri di Dewan yang mulia ini, apakah tidak layak keseluruhan kakitangan Tabung Haji dan keseluruhan kakitangan Sime Darby diberikan imbuhan bonus dan gaji yang setara, *equitable*? Bukan sama tapi adil.

Ini yang sebenarnya kalau saya diizinkan Tuan Pengerusi, membawa kepada apa yang dikatakan sebagai *inequality of income* dengan izin, yang saya perhatikan digunakan GNI per kapita dalam perbahasan yang digarap oleh Jabatan Perdana Menteri. GNI per kapita yang hari ini diberikan jumlahnya tahun 2009, jikalau menggunakan GNI per kapita, dengan izin, data *from the Household Income and Basic Amenities Survey Report 2009 by Department Statistic of Malaysia* melaporkan bahawa GNI per kapita adalah RM23,700. Akan tetapi *average income per household member* adalah di sekitar RM11,208, hampir dua kali ganda GNI per kapita yang sekali gus membawa perbincangan saya di sini bahawa sudah sampai masanya Kementerian Sumber Manusia jangan lagi bercakap tentang memberikan parameter GNI per kapita kerana ia tidak membayangkan dan melambangkan apa yang dibawa balik oleh warga kerja kita dalam pasaran kerja kita. Ini kerana apa yang menjadi pertikaian hari ini adalah *a fair labor policy* yang akan dapat mengagihkan kekayaan negara bukan hanya kepada seorang dua CEO atau CFO tetapi pada seluruhnya warga kerja.

Saya tidak perlu mengangkat suara saya sebegini kalau tidak Yang Berhormat Sri Gading yang memprovokasi saya. Persoalannya di sini adalah sebenar-benarnya persoalan *a pertinent question* dengan izin, persoalan sistem gaji yang dapat mengurangkan jurang...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya sudah ketawa, tidak boleh ketawakah?... *[Ketawa]*

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Terima kasih Yang Berhormat Sri Gading memberikan saya ruang untuk berbahas lagi. Jurang *in the income equality* ataupun kesenjangan perbezaan *income* dan cara kita mengurus *GLCs* dan juga mungkin syarikat-syarikat swasta yang mungkin kerajaan tidak punya kuasa, namun di sini saya mengingatkan Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Sumber Manusia, kalau terus-terusan begini cara kita memberikan dan terus membawa apa yang dikatakan sebagai sistem upahan ataupun tidak wujudnya sistem upahan *fair wages* di negara kita ini, kita bolehlah bercakap dan berkokok dengan apa jua parameter GNI per kapita yang mahu kita lonjakkan ke paras yang telah...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, habiskan.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Okey. Oleh kerana itu, saya minta dalam penggulungan dan penjelasan Menteri Sumber Manusia supaya perkara ini digarap dengan teliti. *We have to stop talking about GNI per capita and revert to household per capita* kerana di situlah baru kita nampak penderitaan warga kerja kita di pasaran kerja sama ada di sektor awam mahupun sektor swasta, sama ada *plantation*, pembuatan mahupun *services*. Perkara ini saya ingin minta penjelasan. Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberikan peluang ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Terima kasih Yang Berhormat Sri Gading.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Tangga Batu.

5.17 ptg.

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. terima kasih banyak-banyak. Tuan Pengerusi, Butiran 010500, Butiran 010600 antaranya yang membabitkan beberapa penggubalan dasar di peringkat sumber manusia dan juga perburuhan.

Tuan Pengerusi, saya hendak tanya kementerian sama ada jangkauan peranan dan tanggungjawab kementerian tadi kesampaian atau tidak kepada agensi-agensi kerajaan yang lain? Umpamanya, tidak terdapat satu *uniformity* atau keseragaman di antara pasukan beruniform di negara kita di antara, contohnya tentera dan polis. Dalam satu keadaan- jangan bila saya sebut demikian Tuan Pengerusi, nanti kajian hanya tertumpu kepada tentera. Tentera yang hari ini kita mengenali mereka sebagai kumpulan penguat kuasa bagi menentukan ketenteraman negara dari ancaman luar. Polis di bahagian keselamatan *internal* atau domestik dan sebagainya yang mempunyai peranan, skop yang lebih luas.

Maknanya jika berlaku sesuatu dengan tentera, polis pun datang tetapi dari segi skim ganjaran atau sistem ganjaran kepada polis walaupun mereka memakai pangkat yang sama, umpamanya seorang kolonel berbanding dengan seorang ACP di peringkat polis akan menerima gred yang lebih rendah mengakibatkan gaji yang lebih rendah termasuk skim-skim ganjaran yang lain. Kapal terbang umpamanya, polis akan menggunakan kelas ekonomi dengan pangkat yang sama dengan tentera dan juga pegawai-pegawai beruniform yang lain.

■1520

Jadi rayuan saya kepada pihak kementerian, keseragaman dasar ini perlu dipanjangkan, perlu ada satu mekanisme kerjasama dengan pihak polis untuk menyamakan taraf pangkat ini daripada Inspektor bersama Leftenan, ACP, ASP dengan Kapten dan seterusnya. Itu yang pertama.

Kedua, Butiran 020100 – Khidmat Pengurusan dan juga Butiran 020200. Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian sejauh manakah keberkesanan penguatkuasaan *Department of Safety and Health* ini, Jabatan Pemeriksaan *Occupational, Safety and Health* ini, Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan? Saya lihat rata-rata di peringkat pelaksanaan tidak menampakkan Malaysia ke arah sebuah negara maju. Pelaksanaan negara maju ini pertama sekali ialah keselamatan diutamakan, *safety first.*

Kalau kita lihat kerja-kerja dilaksanakan di bawah sana masih lagi menampakkan bahawa pengabaian kepada ciri-ciri keselamatan dan pekerjaan. Pekerja-pekerja yang berkhidmat di jalanan umpamanya dilihat tidak menggunakan, tidak mematuhi langsung peraturan keselamatan. Tidak menggunakan topi keselamatan, tiada *safety harness, safety boot* dan sebagainya. Akhirnya kita dapati ramai pekerja kita bertongkat seperti Yang Berhormat mana? Bukan Yang Berhormat Pokok Sena tadi. Pakai tongkat tadi siapa?... *[Disampuk]* Yang Berhormat Kuala Krai. Jadi kita tidak mahu peristiwa seperti ini berlaku dan ia menjadi kebiasaan, *"Ah! Biasalah itu kemalangan".*

Jadi Yang Berhormat Menteri, kalau boleh cuba semak *on the ground* sama ada mereka faham atau tidak semangat kesihatan dan keselamatan pekerjaan ini. Lori hantu itu Tuan Pengerusi, lori yang tidak ada lesen, tidak ada cukai jalan ini, yang pengawal jalan ini dia boleh tahan trafik ini, mengakibatkan kesesakan lalu lintas. Sepatutnya dia tahan lori hantu, lori yang tidak ada cukai, yang tidak ada lesen ini. Dia tahan kita, lepaskan lori hantu yang mengangkut tanah melintasi jalan baru dilepaskan trafik kita, *traffic user,* pengguna jalan raya yang bayar cukai, bayar lesen dan sebagainya.

Jadi, kefahaman ini tidak sampai ke peringkat bawah sana. Mungkin kementerian mempunyai polisi yang baik tetapi pelaksanaannya, perincian itu perlu dilaksanakan dan dipantau secara terperinci. Kalau pihak penguatkuasaan tidak memahami, maka latihan itu perlu diadakan dari semasa ke semasa. Itu sebab saya bawa dua butiran sekali.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, jelingan manja itu menampakkan lampu hijau sudah hendak pergi ke kuninglah... *[Ketawa]* Seperti yang disebutkan oleh rakan-rakan, Butiran 07500 - Program Peningkatan dan Penambahbaikan Kualiti Latihan yang menelan anggaran belanjawan yang agak tinggi iaitu RM174 juta. Apakah peningkatan kualiti ini *value for money,* berbaloi*?* Dengan peruntukan ini, kalau kita lihat pada hari ini penekanan terhadap aspek-aspek kualiti di peringkat pekerja-pekerja di akar umbi, penyampaian perkhidmatan yang mana perkhidmatan dan produk itu dirasai oleh pelanggan-pelanggan. Adakah piawaian kualiti itu diletakkan di atas sekali? Produk dan perkhidmatan yang disediakan menepati kehendak dan kemahuan pelanggan-pelanggan.

Jadi, bagaimana program ini boleh membantu? Ini kerana saya masih lagi merasai perkhidmatan yang disediakan oleh pekerja-pekerja ini masih lagi di bawah tahap kualiti tertinggi, masih lagi di peringkat *mediocre* ataupun lebih kurang, cincai Tuan Pengerusi. Lebih-lebih lagi industri yang ada sentuhan fizikal perkhidmatan, meletakkan mereka yang tidak boleh berbahasa kebangsaan dengan baik umpamanya. Pekerja-pekerja dari Bangladesh, Pakistan, Myanmar diletakkan sebagai mengambil *order* minuman dan makanan. Ini perlu dilihat secara terperinci yang saya kira perlu digariskan *the do's and the don't's* supaya pekerja-pekerja ini memahami aspek itu.

Tidak disebut dengan bau badan yang begitu tidak menyelerakan di restoran-restoran yang berjenama sehingga kita terpaksa meninggalkan restoran kerana orang yang ambil *order* makanan itu Yang Berhormat Menteri, *"Alamak!",* bukan kita hendak menyentuh tetapi mereka *intangibly* telah menyentuh kita. Jadi, kita terpaksa tinggal, *"Lah, restoran engkau ini bau satu macamlah".* Terpaksa kita tinggalkan kerana pekerja itu terpaksa bekerja 24 jam. Lebih-lebih lagi di restoran 24 jam ini dengan pakaian yang sama, tidak ditukar dan sebagainya. Kita tahu ia akan menjejaskan industri mereka tetapi pada masa yang sama kualiti perkhidmatan negara ini dilihat berada di bawah tahap *mediocre*, bahawa *mediocrity* itu Tuan Pengerusi.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, ganjaran yang dikaitkan dengan produktiviti. Ini perlu diletakkan secara objektif. Kita tidak boleh mengira secara subjektif apabila seperti yang disebutkan oleh rakan-rakan tadi, pegawai-pegawai eksekutif, ketua-ketua sesetengah GLC akan membuat perbandingan GLC A,B,C, akan membuat perbandingan. Perlu ada satu *cap* diletakkan untuk GLC yang mengeluarkan produktiviti mengikut angka-angka yang telah ditetapkan berasaskan kepada KPI, indeks-indeks pencapaian utama yang ditentukan oleh kerajaan umpamanya. Jika mereka mencapai melepasi itu, maka ditetapkanlah gaji-gaji mereka secara objektif, ganjaran mereka secara objektif, tidak hanya mengikut pemikiran ahli-ahli lembaga pengarah dan sebagainya.

Saya kira kalau boleh diletakkan secara berjadual, ia tidak akan menjadi ungkitan mana-mana pihak dan tidak ada GLC-GLC yang menganggap ini sebagai satu era persaingan di antara mereka walaupun pada masa yang sama ukuran produktiviti itu boleh dipersoalkan di dalam banyak aspek. Terima kasih Tuan Pengerusi kerana mengizinkan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya. Yang Berhormat Lipis.

3.27 ptg.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Di bawah Bekalan dan Pembangunan 46 Kementerian Sumber Manusia ini. Pertamanya saya hendak bercakap mengenai dengan Butiran 03200 – Pembangunan Standard dan Kurikulum Sumber Manusia Mahir.

Jadi, saya hendak bertanya kepada kementerian, sejauh manakah pembangunan standard dan kurikulum sumber manusia mahir ini telah mencapai matlamatnya? Adakah dalam proses pembangunan standard dan kurikulum ini semua kementerian yang terbabit dengan program-program pembangunan atau program-program standard dan kurikulum sumber manusia mahir telah diambil kira? Sebagai contoh tadi saya bersetuju dengan Yang Berhormat Tangga Batu yang membandingkan tangga gaji yang dapat antara tentera, polis dan orang awam.

Sebagai contohnya kalau kita lihat dalam pasukan tentera dan pasukan polis, pasukan tentera khususnya banyak kemahiran yang diajar dan banyak *trait* yang terdapat yang dipunyai oleh anggota-anggota tentera dan sebagainya. Kadang-kadang anggota tentera ini berhenti awal dan sebagainya kerana dalam angkatan tentera rasa-rasanya banyak *core* kejuruteraan, pelajaran, pergigian, semboyan dan sebagainya. Adakah *trait* ataupun kemahiran yang ada pada anggota tentera ini diambil kira sebagai satu standard atau distandardkan sekali dengan *trait* yang ada dalam perkhidmatan awam?

Ini kerana banyak juga kes yang diberitahu kepada saya kadang-kadang mereka ada *trait* sebagai pemandu mahir, mempunyai lesen kelas yang tinggi tetapi apabila mereka tamat perkhidmatan dan bekerja di swastakah atau di dalam perkhidmatan awam, *trait* itu tidak diambil kira kerana tidak diiktiraf oleh Kementerian Sumber Manusia dan sebagainya. Jadi, saya berharap, saya menyarankan supaya keseluruhan *trait* yang ada atau kemahiran-kemahiran yang ada itu terutamanya mungkin di dalam TUDM, dalam TLDM, dalam angkatan tentera sendiri diambil kira dan apabila mereka keluar, mereka tidak perlu lagi dengan sijil yang mereka ada itu mereka tidak perlu lagi menjalani latihan dan sebagainya. Daripada segi *trait* mungkin latihan yang hendak diberi adalah hanya latihan peralihan kepada mereka daripada angkatan tentera untuk menjadi orang awam.

■1530

Butiran yang berikutnya ialah Butiran 060000 – Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran. Saya juga hendak tahu siapakah yang perlu atau kena menyumbang kepada tabung ini dan bagaimanakah tabung ini dikendalikan serta diuruskan? Apakah kursus-kursus atau jenis latihan yang boleh dipohon oleh para pekerja, sama ada untuk latihan semula dan sebagainya daripada tabung ini? Ini kerana ada juga mereka mengatakan bahawa mereka cuba memohon pada Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran tetapi banyak sangat birokrasi dan sebagainya serta sukar untuk mereka peroleh.

Berikutnya adalah Butiran 07500 – Program Peningkatan dan Penambahbaikan Kualiti Latihan. Kalau kita lihat banyak institut latihan perindustrian dan lain-lain institut yang berkaitan dengan Kementerian Sumber Manusia ini. Jadi, ada juga para pelatih kadang-kadang mereka mengatakan bahawa apa yang dilatih itu kadang-kadang tidak realistik. Dalam konteks makna kadang-kadang, kemahiran yang diberi terlalu tinggi.

Jadi apabila mereka hendak bekerja di luar, kata dia *tools* yang ada di dalam institut itu terlebih tinggi daripada apa yang ada dalam industri dan sebagainya. Kalau boleh pihak tenaga pengajar, pihak penggubal skim atau kokurikulum latihan ini memikirkan semula dan melihat, biarlah benda yang mereka kata *tools* yang ada dalam institut-institut ini maknanya realistik dan boleh. Bila mereka keluar daripada institut, mereka juga sebenarnya boleh memindahkan latihan yang dipelajari itu kepada alam pekerjaan mereka secara lebih jelas dan sebagainya.

Berikut Butiran 080100 – Kenaikan Kadar Makanan Bermasak. Saya rasa tidak pasti sebab dia letakkan dalam Kementerian Sumber Manusia. Saya hendak kepastian apa maksudnya itu, adakah dia hendak membayar kenaikan kadar di institut-institut latihan yang ada dalam itu atau perkara-perkara yang lain?

Berikutnya ialah Butiran 020000 – Kemajuan Guna Tenaga Manusia dan juga Butiran 020100 – Khidmat Pengurusan, di mana kita melihat sekarang memang kita menuju ke arah negara maju 2020 dan kita perlukan banyak tenaga mahir.

Kalau kita lihat, sekarang ini peningkatan gaji sentiasa diberi agar pekerja kita mempunyai gaji yang lebih tinggi dan sebagainya. Walau bagaimanapun, saya berharap peningkatan gaji itu mestilah juga dengan peningkatan produktiviti dan peningkatan kualiti.

Oleh sebab itu kadang-kadang ada majikan juga yang mengeluh dan sebagainya kalau kita meletakkan gaji minimum yang terlalu tinggi sehingga mereka tidak dapat hendak membayar gaji tersebut kerana produktiviti yang mereka ada tidak sampai ke tahap itu. Jadi kesannya mereka tidak dapat membayar gaji, pekerja-pekerja boleh lari dan sebagainya, ini menyebabkan industri mereka juga, sama ada perkhidmatan atau pembuatan boleh ditutup. Ini sebagai contohnya mereka yang bekerja di dalam syarikat-syarikat keselamatan.

Kadang-kadang kontrak yang mereka dapat itu rendah. Kalau seboleh mungkin kadang-kadang majikan yang mengaji mereka itu, yang *hire* perkhidmatan itu bagi kontrak yang rendah. Namun pada masa yang sama mereka hendak pengawal keselamatan yang tinggi, tegak, sasa tubuh badannya, maknanya kalau pandang sekali menimbulkan rasa gerun. Besar, teguh dan peramah dia kata. Akan tetapi gaji yang diberi itu kadang-kadang menyedihkan, maknanya tidak ada persamaan. Oleh sebab itu bagi saya, apa yang saya fikirkan walaupun dalam era kita hendak meningkatkan kualiti dari segi gaji dan apa yang pekerja dapat. Pada masa yang sama, apakah peningkatan kualiti dan mereka yang hendak memberikan kontrak perkhidmatan kepada syarikat-syarikat ini juga mesti memikirkan, jangan hendak yang murah tetapi kualiti hendak baik.

Jadi ini tidak seimbang dan sebagainya. Oleh sebab itu bagi saya, saya harap kementerian memikirkan perkara ini dan boleh berbincang dengan kementerian-kementerian yang berkaitan yang ada agar perkara ini dapat dilaksanakan. Jadi, dengan itu, saya mengucapkan terima kasih dan pohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Sila Yang Berhormat Menteri.

3.36 ptg.

Menteri Sumber Manusia [Datuk Seri Dr. S. Subramaniam]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang pada dua hari yang berturut telah mengambil bahagian di dalam isu-isu yang berkenaan dengan Kementerian Sumber Manusia. Banyak daripada perkara-perkara yang telah dibangkitkan ialah perkara-perkara yang sudah dibangkit pada masa perbahasan di peringkat dasar dan telah dijawab oleh saya.

Oleh itu untuk soalan-soalan yang telah dibangkit sebelum ini saya tidak akan jawab, saya ingat jawapan ada di dalam *Hansard*. Untuk perkara-perkara baru yang telah dibangkitkan atau maklumat-maklumat yang terkini kepada isu-isu lama, maka saya akan sampaikan pada petang ini. Yang Berhormat Ipoh Barat telah membangkitkan isu tentang *Appellate Board* di bawah PERKESO dan isu *documentation*. Saya sudah semak dan diberitahu lebih daripada 95 peratus dari kes-kes yang mana keluaran Borang E iaitu hendak memberitahu kepada pihak memohon tentang kes yang akan didengar dan maklumat-maklumat lain yang ada di dalam *blue file* disampaikan seperti yang ditetapkan di dalam peraturan iaitu sepuluh hari sebelum itu.

Walaupun ada satu dua kes seperti Ahli Yang Berhormat Ipoh Barat, diberi lewat sedikit kerana kes itu sudah dijadualkan lebih cepat setelah mendapat permohonan. Akan tetapi perkara ini sudah diambil kira dan saya sudah beritahu kepada pihak PERKESO bahawa mereka kena mematuhi apa yang ada dalam peraturan dan memberi sekurang-kurangnya sepuluh hari seperti yang telah ditetapkan kepada mereka supaya mereka boleh menyediakan kes, supaya diberikan pandangan di dalam perbicaraan nanti.

Lagi satu isu yang telah ditanya oleh Yang Berhormat Ipoh Barat ialah tentang penyakit-penyakit yang disebabkan oleh pekerjaan dan hak pekerja untuk membuat tuntutan. Walaupun di bawah akta, ada tempoh masa yang telah ditetapkan tetapi akta pun telah membenarkan dan memberi kuasa kepada pihak berkuasa untuk menggunakan budi bicara mereka untuk membenarkan mereka yang layak. Kalau ada bukti daripada pihak pakar-pakar perubatan bahawa kes ini atau penyakit ini ialah sebenar-benarnya disebabkan oleh faktor-faktor di dalam tempat kerja walaupun sudah lebih daripada lima tahun tetapi mereka masih akan diberi layanan oleh PERKESO dan mereka masih boleh beri tuntutan.

Apa yang paling mustahak di dalam perkara ini adalah bukti bahawa kes atau penyakit ini terdiri daripada punca pekerja dan kalau ada bukti daripada pihak perubatan, pihak PERKESO akan memberi layanan kepada itu dan memberi manfaat kepada pekerja. Berkenaan dengan isu...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *[Bangun]*

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Nanti. Kesatuan *General... Works*. Kita sudah semak keadaan dan tentang aduan atau tuduhan bahawa majikan tidak membenarkan pekerja-pekerja tempatan peluang untuk kerja lebih masa. Melalui semakan daripada majikan, kita diberitahu bahawa walaupun peluang diberi kepada semua pekerja iaitu pekerja tempatan dan pekerja asing tetapi pekerja tempatan kerana mereka ada isu-isu dengan majikan, enggan untuk membuat kerja lebih masa. *It is a kind of work rule* di mana mereka tidak membuat kerja lebih masa kerana isu kesatuan mereka.

■1540

Tentang isu kesatuan ini ialah walaupun mereka telah mendapat kelayakan untuk mendapat pengiktirafan melalui pengundian sulit tetapi kerana majikan telah membuat semakan kepada pihak hakim iaitu *judicial review* dan ada *stay order*- kementerian tidak boleh membuat apa-apa untuk membenarkan *union* berterusan atau diberi pengiktirafan sampai isu yang ada di hadapan pihak kehakiman ini sudah diselesaikan. *So* ini adalah sama dengan *electrical union* yang dibawa oleh Yang Berhormat Kuala Langat kerana kedua-dua kes ini ada *judicial review.*

Di dalam keadaan *judicial review,* kementerian tidak ada ruang untuk membuat tindakan dengan mengetepikan satu isu yang ada dibawa kepada penghakiman. Ini kerana kalau kita buat sedemikian, *it might be subjective to sub judice and contempt of court.* Oleh itu kita mematuhi apa yang dibuat, keputusan di peringkat kehakiman. Selepas mereka telah menyelesaikannya di peringkat itu, maka kementerian boleh menghormati keputusan yang telah dibuat dan membenarkan mereka menggunakan kuasa. Ya, Yang Berhormat Ipoh Barat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Menteri. Ada beberapa hal. Pertama mengenai SOCSO itu yang dahulu telah dijanjikan kepada kami semasa di dalam *Parliamentary Accounts Committee* itu bahawa SOCSO akan menulis surat kepada semua pekerja apabila mereka akan *retire* supaya memberitahu mereka ada hak dan sebagainya supaya mereka dapat tahu. *It is because we must understand the* yang tidak ada pelajaran atau berpendapatan rendah, maka mereka *left out* di dalam sistem ini. Itu yang telah dijanjikan. Ini sudah lima tahun belum lagi diimplementasikan *and it is very easy later, just to inform that* dia ada hak. Itu yang pertama.

Kedua Tuan Pengerusi ialah mengenai *'General Aluminium Work,* satu syarikat di Taiping di mana hari ini piket sedang berlaku. Saya tidak tahu Yang Berhormat, saya ada beritahu. Mungkin pegawai-pegawai boleh pergi ke sana hari ini untuk mendapat tahu. *They won't be doing the picket for no reason.* Kalau mengatakan pandangan Yang Berhormat memberitahu, semestinya daripada hasil, dari pegawai-pegawai bawahan, tetapi untuk mengatakan 175 pekerja enggan bekerja *overtime, that is too difficult to believe*. Saya rasa itu satu perkara.

Ini bukan satu perkara yang luar biasa. Saya pun dahulu ada beritahu dengan Yang Berhormat Menteri, di Kampar pun ada satu kilang sedemikian. Sekarang kilang ini di Taiping, keadaan yang serupa juga. Hari ini apabila piket sedang berjalan, semua rakyat Malaysia ada di luar, dia tidak masuk dalam kilang langsung dan semua pekerja asing masih menjalankan tugas. *They have overtime.* Macam mana boleh menolong mereka? Saya hendak pastikan adalah pekerja-pekerja kita tidak dianiaya lebih-lebih lagi oleh kementerian. Kementerian patut- *Ministry of Labor should be worker oriented, that's not ministry anti labor.* Itu yang perlu diberikan satu mesej kepada semua pekerja-pekerja di dalam negara ini.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Kalau Ahli Yang Berhormat membuka mata dan mendengar apa yang berlaku di dalam negara ini, memang Ahli Yang Berhormat akan sedar bahawa banyak yang telah dibuat oleh Kementerian Sumber Manusia untuk meningkatkan taraf kehidupan dan menjaga hak pekerja. Di dalam beberapa tahun ini, banyak yang dibuat dan saya ingat itu sudah dibawa pengetahuan Ahli Yang Berhormat.

Walaupun kerana untuk daripada segi politik ataupun Yang Berhormat mahu menyoal apa yang dibuat oleh Kementerian Sumber Manusia, seolah-olah kita tidak memperjuangkan hak pekerja.

Tentang isu- kalau ada bukti, bahawa mana-mana majikan di dalam negara kita memberikan layanan yang berbeza kepada pekerja tempatan dan pekerja asing, kementerian akan mengambil tindakan ke atas mereka serta-merta. Di dalam kes ini, walaupun kita sudah mendapat laporan, apabila membuat siasatan, kita ada bukti bahawa majikan telah berusaha untuk memberikan peluang kepada semua pekerja yang ada di dalam majikan itu supaya mereka boleh membuat kerja *overtime.* Akan tetapi ada isu tentang kesatuan sekerja dan kesatuan kerja mereka memberi nasihat supaya kita kena menyelesaikan isu tentang pengiktirafan *union.* Ini yang telah membangkitkan supaya pekerja itu tidak mahu bekerjasama dengan majikan. *So,* isunya ialah *union.* Kalau ada bukti tentang isu ini, tolong beritahu kita dan saya berjanji kita akan mengambil tindakan supaya tidak ada perbezaan layanan oleh mana-mana majikan di antara pekerja asing dan pekerja tempatan.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat Menteri, Tuan Pengerusi. Semasa pegawai-pegawai tenaga daripada kementerian telah pergi, nombor satu tidak memberikan notis kepada *union,* tidak memberikan notis kepada pekerja tetapi memberikan notis kepada majikan. Itu perkara yang menghairankan kerana *you are giving the enemy well advance notice to get everything ready.* Jadi itu *the elemental surprise,* macam saya katakan *elemental surprise was not there.* Inilah yang perlu kita ambil dan saya berharap Yang Berhormat...

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: *[Menyampuk]*

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *There are two issues* di sini. Yang Berhormat jangan- minta maaf. Yang Berhormat, nombor satu kita semua mengakui kementerian betul-betul ada kerja untuk pekerja tetapi ada kelemahan-kelemahan. Itu sebabnya kita sebagai wakil rakyat memberitahu kepada Dewan yang mulia ini. Nombor dua, jangan kita mengaitkan dua perkara. Di sana ada dua beza, dua perkara. Nombor satu iaitu isu *overtime,* itu lain. Lagi satu pengiktirafan.

Pengiktirafan saya boleh kata, semestinya kawan saya Yang Berhormat Kuala Langat pun akan bersetuju bahawa untuk kes-kes lain, kita boleh mencari jalan untuk meminda undang-undang semasa satu pengiktirafan telah dibuat *per se, to proceed on*. Itu perkara yang lain. Akan tetapi apa yang menyedihkan, Yang Berhormat sendiri sebagai Menteri, ada satu kes tuntutan kerja mengambil 25 tahun sebelum diselesaikan. *How can this happen? If this is not anti labor, what else it is?* Ada kes-kes yang tertentu, *so* kita mencari jalan- patut di sana dan di sini, kita setuju...

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Tidak apa. Yang Berhormat, di dalam perhubungan perusahaan, pihak pekerja ada hak dan pihak majikan juga ada hak. Apa yang dibuat oleh pihak majikan ialah mereka menggunakan hak yang ada di dalam sistem perundangan kita, bukan luar daripada sistem perundangan. Ini kerana di dalam undang-undang, pihak majikan mempunyai hak untuk membuat rayuan kepada pihak *High Court,* Mahkamah Tinggi supaya untuk membuat *judicial review*. Ini ada di dalam undang-undang. Mereka menggunakan hak yang ada di dalam sistem perundangan kita. Kalau Ahli Yang Berhormat bercakap pada hari ini kita menafikan apa yang ada di dalam sistem perundangan atau tidak memberikan hak kepada majikan, hanya menjaga hak pekerja sahaja, itu tidak memberikan pengertian kepada konsep perhubungan perusahaan atau *industry harmony* yang kita amalkan di dalam negara kita.

Sekarang, berasaskan kepada konsep *industry harmony* iaitu perhubungan perusahaan yang sedia ada, pihak majikan menggunakan hak mereka dan membuat semakan mahkamah. Itu bukan dibuat oleh kementerian. Sebelum mereka buat, tambahan pula kalau mereka ada *stay order* ke atas kementerian supaya kementerian tidak boleh menjalankan dengan urusan memberi pengiktirafan, kita tidak ada jalan yang lain. Kita kena mematuhi seperti Ahli Yang Berhormat ialah seorang peguam, memang sedar dan tahu bahawa di dalam keadaan ini, kita tidak ada pilihan lain tetapi kena mematuhi apa yang dibuat oleh pihak mahkamah. Itu yang ada di dalam kes ini dan kes lain di mana semakan kehakiman telah dibuat oleh pihak majikan ke atas satu-satu keputusan yang dibuat oleh kementerian.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Menteri. Dalam kes ini saya ada sedikit pengetahuan, *specialty of this case*. Nombor satu, telah menyelewengkan kuasa mahkamah. Itu sebab satu surat apabila kesatuan tulis, mereka berjumpa dengan saya- saya menulis bagi pihak mereka, mendraf surat tersebut kepada Yang Berhormat Menteri mengatakan *legal advisor have a look at integrity of matter.* Fakta perkara itu diwujudkan di satu mahkamah di Taiping, selepas itu *stakeholders* di Ipoh. Semua beza *of mischief* yang *misleading* dan sebagainya, itu khusus dalam kes ini. Saya harap- *I do not want to discuss…*

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Itu bukan tanggungjawab saya.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *[Menyampuk]*

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Itu bukan tanggungjawab saya atau tanggungjawab kementerian...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat Menteri, *I do not want to talk about merit of this matter...*

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Itulah perkara yang Ahli Yang Berhormat kena bawa kepada mahkamah. Kalau ada isu tentang penyelewengan di peringkat mahkamah, ini mesti diselesaikan...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Bukan...

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Di peringkat mahkamah.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat ada *legal advisor, legal advisor can do the intermediately*

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Yalah. Kita sebagai responden...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Itu perlu dibuat.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Ini kena diselesaikan. *So,* Ahli Yang Berhormat...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Mahu tolong dengan pekerja.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Perlu memberitahu bahawa isu ini diselesaikan di peringkat mahkamah, bukan...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Itu...

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Kementerian Sumber Manusia yang mempunyai kuasa untuk mengatasi satu-satu keputusan yang dibuat oleh mahkamah.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Okey Yang Berhormat Menteri, lagi satu. Bila kita kata ...

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Saya ingat kita jangan pergi ke isu yang...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Sedikit...

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Nanti-nanti. Saya teruskan kerana isu ini...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Mengenai hak pekerja.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Kita boleh berbincang selepas ini,

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Sedikit sahaja, bukan. Selalunya Yang Berhormat, *bargaining position of party* kita perlu fikir. Majikan *bargaining position* sangat berbeza dengan pekerja. Itulah sebabnya kita ada undang-undang terutamanya kita khaskan untuk menolong pekerja. *So we must see, it cannot be equal, it's unequal...*

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Ahli Yang Berhormat saya minta maaf. Di dalam kes ini dia adalah responden...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *Okay, in this case okay but* legal *advisor can look integrity of the matters* juga khususnya.

■1550

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Berkenaan isu PERKESO, Kementerian Sumber Manusia telah mengambil banyak langkah untuk memastikan bahawa pencarum-pencarum PERKESO memberitahu maklumat terkini tentang hak mereka dan ini dibuat melalui seminar-seminar yang diadakan di seluruh negara. Baru-baru ini kita dalam mengeluarkan buku garis panduan yang diberikan kepada tiap-tiap pekerja di mana semua hak mereka termasuk caruman, hak untuk membuat tuntutan, bila masa mereka boleh membuat tuntutan, semua ada.

So, kerajaan telah membuat usaha beberapa bolehnya supaya pekerja mendapat tahu dan banyak ruang yang kita sudah buka melalui *call centre*, melalui *SMS,* melalui e-mel dan melalui seminar dan program-program untuk mendekati rakyat dan melalui buku-buku garis panduan yang diberi kepada tiap-tiap seorang pencarum. Mereka mendapat maklumat tentang segala kemudahan dan segala program yang telah disediakan oleh kementerian supaya pihak kementerian pun mempunyai pandangan yang sama seperti Yang Berhormat bahawa pihak pencarum itu pihak pekerja mereka mempunyai hak.

Hak ini mesti diberi perlindungan dan kita sebagai pihak yang memperjuangkan haknya. Mengapa kerajaan menubuhkan PERKESO, untuk memberi perlindungan kepada pihak pekerja dan itu ialah tujuan asal PERKESO. Kalau itu ialah tujuan asal, memang kerajaan akan membuat kerja-kerja untuk memastikan tujuan asal itu boleh disampai. Ya, Yang Berhormat Kuala Langat.

Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]: Ya. Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Menteri. Memang saya akui kita sudah buat maksimum untuk pengetahuan untuk maklumat tetapi ada juga yang tidak faham dan tidak tahu hak mereka. Okey, perjalanan tugas itu bagus tetapi yang ada sekarang ini ialah beberapa dalam klausa-klausa di bawah Akta PERKESO itu sendiri yang sudah ketinggalan, yang sudah tidak relevan lagi, yang tidak boleh diterima pakai dan juga saya melihat perkembangan dalam keadaan dunia internet hari ini.

Setakat ini saya sudah minta kepada Yang Berhormat Menteri sebelum ini memaklumkan dalam Dewan ini, bila boleh diadakan penyata kepada ahli-ahli pencarum PERKESO yang dijanjikan bulan Jun tahun ini. Saya tidak nampak hasilnya. Jadi saya minta satu komitmen satu perkara yang penting yang saya hendak minta pada Yang Berhormat Menteri ialah kaji semula mana-mana klausa atau artikel peraturan yang tidak mencerminkan keadilan dan sudah lapuk ditelan zaman.

Kedua saya mohon supaya yang ada itu dikemaskinikan dan di*upgrade*kan supaya sekurang-kurangnya pencarum itu dia dapat mengetahui bahawa potongan gaji yang telah dilakukan seperti mana EPF setiap tahun diberikan maklumat sebegitu dan saya tidak nampak kenapa SOCSO tidak mampu berbuat demikian.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Okey, terima kasih.

Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]: Mohon supaya Menteri pandang serius soal ini.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Terima kasih Ahli Yang Berhormat.

Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]: Ini kerana haknya atau tuntutannya patut dan wajib diberikan kepada pekerja.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Banyak daripada perkara itu ialah cadangan saya ambil kira. Cuma satu perkara saya perlu jelaskan kita mesti memahami perbezaan di antara KWSP dan PERKESO. KWSP ialah satu badan dan programnya ialah program simpanan. KWSP ialah program simpanan iaitu tiap-tiap satu semester yang di masuk ke dalam KWSP akan dikembalikan balik kepada pekerja dengan dividennya selepas mereka bersara.

Akan tetapi PERKESO itu berbeza. PERKESO *is a solidarity fund* di mana ada pekerja-pekerja yang mencarum kepada PERKESO sepanjang umur mereka. Kalau mereka tidak ada kemalangan, kalau mereka tidak ada penyakit, mereka tidak akan mendapat apa-apa daripada pihak PERKESO walaupun ada satu-satu orang yang mungkin menimpa satu penyakit yang paling teruk, beliau akan mendapat bantuan beberapa kali ganda daripada caruman yang mereka sudah buat. *So* ini ada perbezaan.

Oleh kerana ini ada perbezaan, ini adalah *solidarity fund* di mana pihak pekerja sebagai kumpulan sokong satu dengan satu supaya seorang yang mendapat penyakit akan diberi perlindungan oleh saudara-saudara dan pekerjanya yang lain yang telah memberi caruman. Oleh kerana ini, cara kita menangani KWSP dan cara kita menangani PERKESO mesti berbeza kerana sistem-sistem yang berlainan.

Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]: Yang Berhormat Menteri, seperti mana yang saya ketahui dan seperti mana yang saya maklum, sebenarnya banyak pekerja yang tidak dipotong SOCSO, tetapi gaji mereka dipotong. Tindakan lanjutan atas hak itu. Saya percaya dengan penyata itu dapat memberi penjelasan.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Itu saya faham dan kita akan mengambil kira.

Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]: Dari itu kita boleh ambil tindakan terhadap majikan.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Ya, betul. Terima kasih.

Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]: Itu maksud saya.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Okey, terima kasih.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Yang Berhormat Menteri, Klang. Dalam sidang Parlimen yang lalu ataupun yang lalu itu, Yang Berhormat Menteri adalah mengatakan bahawa skim PERKESO akan dipanjangkan untuk pemandu teksi dan juga *special benefit plan* akan diberikan kepada mereka dan juga kementerian telah membuat beberapa kajian untuk *the view of* pelaksanaan projek itu. Boleh memberi penjelasan apa status projek itu?

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Terima kasih Yang Berhormat Klang. Kita sudah membuat kajian awal tentang pemandu-pemandu teksi dan di dalam proses untuk membawa ini kepada pihak Jemaah Menteri untuk mendapat kelulusan secara dasar. Untuk lihat kepada cara pelaksanaan dan sama isu itu juga pun kita sedang lihat macam mana kita boleh meluaskan perlindungan yang diberi oleh PERKESO untuk kumpulan-kumpulan lain yang jatuh di dalam kategori apa yang dipanggil *self employed.*

Akan tetapi kerana sistem PERKESO ini yang ada pada masa sekarang ialah yang diasaskan kepada penubuhan pekerja majikan iaitu *employer-employee relationship* dan untuk pekerja yang bekerja di dalam satu tempat dan untuk satu tempoh masa yang ditetapkan memang bila ini diperluaskan kepada mereka yang tidak mempunyai *employer-employee relationship* dan mereka yang tidak tahu kerja di dalam satu-satu tempat dan mereka tidak kerja untuk satu tempoh masa yang tetap memang ada perbezaan. Oleh itu kita kena lihat daripada semua segi dan macam mana kita boleh menangani walaupun daripada segi semangat dan dari segi dasar, pihak kerajaan sedar bahawa ada kebaikan untuk memperluaskan kemudahan yang ada di bawah PERKESO untuk meliputi mereka yang *self employed* tetapi kita akan membuat keputusan cara macam mana ini dibuat, sistem yang paling baik dengan mengambil kira perbezaan-perbezaan ini.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Celahan Yang Berhormat Menteri. *So,* lebih kurang implementasi itu bila?

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Kita akan melalui segala proses atau meliputi *self employed* yang lain kita memerlukan *actuarial implication studies* dan selepas segala proses itu sudah dibuat secepat mungkin kita boleh melaksanakan. Akan tetapi saya tidak boleh beri *you* satu tempoh masa yang tetap kerana proses-proses ini kadangkala mengambil masa. Okey?

Ahli Yang Berhormat dari Ipoh Barat telah tanya tentang satu topik yang paling disayangi oleh saya pun ialah tentang NTS Arumugam Pillai. Pada masa sekarang, bilangan murid-murid di dalam ILP Nibong Tebal lebih daripada 35 peratus hingga 40 peratus ialah daripada keturunan masyarakat India. Saya memang memahami sejarahnya. Sejarah NTS Arumugam Pillai dan *the emotion behind it* dan kita akan pastikan bahawa tujuan asalnya diberi perlindungan dan bahawa tanah seperti Yang Berhormat telah beritahu yang dahulunya dimiliki oleh *South Indian Labour Fund* dan selepas itu dibina oleh satu institusi. Soalan asas kepada perbahasan dan perbincangan yang telah dibuat pada masa itu kita akan pastikan bahawa tujuan asalnya dijaga dan akan usaha seberapa boleh untuk meningkatkan bilangan murid dan bilangan pekerja-pekerja yang ada di dalam institusi itu.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat Menteri, dua hal. satu, adakah *South Indian Labour Fund* ini akan dihidupkan balik...

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Tidak ada.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Untuk menjadi satu kawal selia *the original objective.* Itu soalan saya. Nombor dua adalah sudah 12 tahun *since* kolej *this one*, bolehkah Yang Berhormat setakat usaha tidak cukup. *There must be some other magic to be done* supaya boleh betul-betul boleh- *it is because* ini adalah tanah warisan masyarakat India. So ini menjadi satu hal sensitif kepada semua pihak. Bolehkah Yang Berhormat- ini Yang Berhormat sendiri telah menjadi Menteri lebih kurang empat tahun. Kalau sudah empat tahun tidak boleh dicapai, saya kurang faham macam mana apa cara lain?

■1600

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Okey, terima kasih. Lagi satu isu yang dibangkitkan ialah tentang *HRDF fund*. Ada satu perkara di mana satu majikan yang sudah membuat caruman lebih daripada apa yang diwajibkan dan Yang Berhormat Ipoh Barat telah tanya bolehkah duit ini kembalikan? Melalui akta di bawah Akta Pembangunan Sumber Manusia, kalau ada caruman yang dibuat lebih daripada apa yang diwajibkan, mereka boleh memohon dan boleh dapat balik bayaran itu dan mungkin Ahli Yang Berhormat boleh memberi nasihat kepada pihak yang membuat aduan kepada Yang Berhormat bahawa mereka mempunyai hak. Kalau mereka sudah bayar untuk pekerja asing, mereka boleh ambil balik duit yang sudah dibayar kepada mereka.

Ahli Yang Berhormat daripada Arau telah membangkitkan tentang...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat Menteri, yang saya tanya semalam, saya difahamkan bila sesuatu kilang telah menjadi anggota, dia tidak boleh keluar. *You can go in but cannot go out.* Jadi itu yang menjadi masalah. Itu nombor satu. Kedua, mengenai adakah...

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Yalah, cuba kalau sektor dia sudah dipindah atau bilangan pekerja sudah kurang.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Turun. Itu boleh?

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Itu sahaja.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Okey, *thank you.* Lagi satu, mengenai *Southern Labor Fund.* Adakah dia akan diaktifkan balik? Hidup balik.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Ahli Yang Berhormat tahu jawapan ini. Pada masa itu bila tabung itu dimansuhkan, *Southern Labor Fund* telah dimansuhkan dan baki yang ada di dalam rumah warga emas itu sudah diserap ke dalam rumah di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat dan itulah sebab penubuhan satu-satu institusi telah dibuat. Jadi, pada masa sekarang, selain daripada satu *scholarship*, saya ingat yang masih ada. Selain daripada itu, *Southern Labor Fund* dengan tujuan asal yang diwujudkan untuk menghantar balik mereka yang tidak ada peluang atau untuk memberi perlindungan kepada mereka yang tidak ada saudara mara itu tidak wujud di dalam kategori yang ada pada masa sekarang ini.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat Menteri, pada tahun 1999, saya ada cadangkan kepada kerajaan supaya kita menjadikan *Southern Labor Fund* sebagai satu *vehicle* untuk masyarakat India untuk menyalurkan semua kepentingan untuk masyarakat India. Adakah ia boleh ditimbangkan memandangkan Yang Berhormat ada *special task? Chairman for special task*.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Kita telah pertimbangkan pada masa itu. Selain daripada satu *vehicle,* kita mempunyai banyak *vehicle* sekarang yang menjaga hak masyarakat India dan sebagai rakyat Malaysia, banyak peluang yang telah disediakan melalui sistem-sistem yang berlainan. Oleh itu ini adalah satu perkara yang bersejarah. Sekarang, semua yang ada di sini ialah warganegara Malaysia yang kebanyakan yang beranak di dalam negara ini dan mempunyai hak sebagai warganegara di Malaysia.

Oleh itu mereka mempunyai segala hak sebagai rakyat Malaysia melalui institusi-institusi yang sedia ada.

Yang Berhormat Arau telah membangkitkan tentang isu pekerja asing dan kesulitan untuk mendapatkan pekerja-pekerja dan telah bertanya khasnya tentang satu isu iaitu reaksi yang kita hadapi daripada negara jiran kita apabila sampai satu-satu insiden berlaku di dalam negara kita. Ini adalah satu perkara yang betul. Akan tetapi pada keseluruhannya, daripada peringkat pucuk pimpinan, kita mempunyai perhubungan yang baik dan sihat di antara negara Indonesia dan negara Malaysia. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita mempunyai perhubungan yang baik dengan Presiden Indonesia, Yang Berhormat Menteri-menteri di dalam Kabinet mempunyai perhubungan yang baik dengan Menteri-menteri yang sama perjuangan mereka di Indonesia dan Indonesia adalah salah satu daripada negara di mana tiap-tiap tahun kita ada *bilateral meeting* di mana lebih kurang sepuluh orang menteri daripada Malaysia dengan sepuluh orang Menteri daripada Indonesia mengadakan perbincangan. Oleh itu daripada segi *bi-lateral relationship* di peringkat nasional iaitu di peringkat kerajaan, kita mempunyai perhubungan yang baik.

Akan tetapi apabila satu-satu perkara yang berlaku kepada pekerja-pekerja mereka di dalam Malaysia, ada pihak-pihak tertentu di Indonesia khasnya ialah media dan NGO dan satu kumpulan daripada pihak wakil politik yang menggunakan ini sebagai satu isu emotif dan ini yang menyebabkan insiden-insiden yang kita nampak apabila ada satu-satu perkara yang berlaku di dalam negara kita. Akan tetapi di dalam menangani ini, apa yang paling mustahak ialah kita kena menangani ini berasaskan kepada sistem perundangan. Sistem perundangan yang ada di dalam negara kita dan sistem perundangan yang ada di dalam negara mereka. Untuk negara kita, kita memahami bahawa ada majikan yang bertanggungjawab. Saya ingat 98 peratus, 99 peratus daripada majikan di Malaysia adalah majikan yang bertanggungjawab. Mungkin ada segelintir majikan yang tidak bertanggungjawab. Macam itu juga ada pihak pekerja yang bertanggungjawab dan ada pihak pekerja yang tidak bertanggungjawab.

Oleh itu, di dalam menangani, kalau kita memberi tumpuan kepada sistem perundangan iaitu kalau ada majikan yang tidak bertanggungjawab atau ada insiden-insiden yang berkaitan dengan pekerja asing, apa yang diharapkan oleh negara-negara sumber ialah bahawa kita mengambil tindakan secepat mungkin ke atas kes-kes ini untuk memberitahu bahawa pekerja mereka mempunyai perlindungan melalui sistem perundangan di dalam negara kita. Itulah mesej yang kita hantar kepada negara itu. Kalau kita mematuhi ini, saya ingat tidak ada ancaman kepada perhubungan. Isu pembekalan pekerja asing dan penerimaan pekerja asing, memang negara kita sebagai negara ada bidang-bidang tertentu di mana kita masih memerlukan pekerja asing. Negara-negara sumber ini kadang-kadang berbeza kerana keadaan ekonomi di negara-negara bukan satu perkara yang statik, satu perkara yang dinamik.

Kalau di negara itu ada peluang-peluang yang lebih baik, pekerja mereka tidak akan datang ke negara kita. Kalau gaji di negara mereka sudah naik, mereka mengharapkan gaji yang lebih tinggi daripada negara kita dan ini adalah satu faktor ekonomi yang diasaskan kepada *supply and demand* yang kita boleh cuba kawal tetapi tidak boleh kawal 100 peratus. Oleh itu kita kena menerima hakikat ini dan dengan keadaan ini membuat persiapan yang sepatutnya dibuat supaya untuk jangka masa panjang, macam mana kita boleh mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing di dalam semua sektor. Itu ialah salah satu daripada cabaran kita dan saya berharap semua pihak termasuk pihak mereka di dalam politik dan pihak majikan akan mengambil kira perkara ini dan membuat apa yang sepatutnya dibuat untuk mengurangkan kebergantungan pekerja-pekerja asing, kena dengan masa, boleh jadi satu masa yang akan datang di mana kebolehan kita untuk mendapat jumlah pekerja asing yang banyak daripada negara-negara yang lain akan menghadapi satu masalah.

Oleh itu untuk memastikan kita boleh menghadapi masalah itu, kita kena membuat apa yang boleh dibuat pada masa sekarang untuk mengurangkan kebergantungan ini untuk jangka masa panjang.

Yang Berhormat Kuala Langat telah meminta tentang apakah usaha yang dibuat untuk mengurangkan jangka masa dan meningkatkan lagi proses-proses merujuk di Jabatan Perhubungan Perusahaan. Sekarang kementerian di bawah usaha untuk lihat balik kepada proses itu.

Dan kini kita sedang mengadakan perbincangan kepada semua *stakeholders* termasuk MTUC dan wakil-wakil kesatuan sekerja macam mana kita boleh memperbaiki prosesnya daripada masa aduan dibuat di peringkat pejabat negeri sampai habis perbicaraan di mahkamah perusahaan. Macam mana proses ini boleh dipercepatkan, boleh dipendekkan dan macam mana kuasa-kuasa tertentu seperti apa yang Ahli Yang Berhormat Ipoh Barat telah membangkitkan kuasa Menteri. Adakah ia masih diperlukan atau boleh ditukar dengan proses-proses yang lain. Perkara-perkara ini sedang diberi tumpuan dan kita pun sudah minta daripada pihak majikan dan pihak pekerja untuk memberi input kepada kita dalam usaha ini supaya ini akhirnya proses ini ialah untuk kebaikan *stakeholders*.

Kedua-dua pihak iaitu majikan dan pekerja, kedua-dua mereka mahu supaya perkara ini diselesaikan secepat mungkin kerana kalau lebih lambat, lebih kos kepada majikan dan lebih kerugian kepada pekerja. Ini difahami oleh pihak kerajaan dan kita akan membuat semua yang boleh dibuat untuk memendekkan masa ini dan saya berharap pihak pekerja boleh memberi input kepada kita di dalam mewujudkan satu sistem yang lebih baik.

Yang Berhormat Jasin telah membangkitkan isu tentang pembukaan kesatuan-kesatuan sekerja. Melalui Akta Kesatuan Sekerja, tidak ada halangan untuk mana-mana pihak untuk membuka kesatuan sekerja.

Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]: *[Bangun]*

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Memang prosesnya senang dan pendek. Mahukah mereka membuka sesuatu, menubuhkan satu kesatuan sekerja *in-house* atau mereka mahu menubuhkan satu kesatuan sekerja yang menjadi cawangan kepada nasional, itu terbuka kepada pilihan pekerja. Itu adalah satu perkara yang pekerja kena membuat keputusan dan mereka membuat keputusan *whether they want in-house* atau- ya, Yang Berhormat Kuala Langat.

■1610

Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]: Ya, saya ada dua isu Yang Berhormat Menteri. Saya hendak minta jawapan sebab saya tanya pada semalam iaitu satunya bila mana kita memohon permohonan pengiktirafan itu, dia ambil daripada tarikh kita memohon. Apabila berlakunya kelewatan lima tahun atau empat tahun, dikira pada waktu itu empat hingga lima tahun yang lalu. Di waktu itu ada pekerja yang sudah meninggal, dikira sebagai pengundi. Orang yang tidak bekerja, dikira sebagai pengundi. Saya telah maklumkan di bawah artikel ini tidak sesuai lagi digunakan. Jadi, adakah kementerian memandang serius bahawa ini sudah dianggap tidak adil. Ini kerana dikira permohonan di peringkat awal dan saya nampak ini sudah tidak menyebelahi pihak pekerja.

Yang keduanya, saya ada bawa kes *electrical union* yang mana bila ia dibatalkan ataupun di*appeal* ataupun dirayu ke Mahkamah Tinggi oleh pihak majikan kerana tidak ada *locus standi* dan sebagainya, mahkamah telah tolak. Bila tolak didengar, kementerian sepatutnya mengambil inisiatif untuk meneruskan juga sama ada *verification* ataupun *secret ballot,* dengan izin, di bawah seksyen 9, yang membolehkan mereka itu diberikan hak sementara menunggu Mahkamah Rayuan. Ini kerana Mahkamah Rayuan tidak tahu lagi apa hukumnya tetapi proses itu kena dilakukan.

Mohon kementerian mengambil langkah segera supaya langkah ini tidak mencacatkan waktu. Boleh dibuat demikian?

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Isu tentang senarai masa membuat undian, saya ingat apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Langat ada asas. Akan tetapi di dalam amalan kita, kita cuba seberapa banyak untuk mengambil kira perkara-perkara ini. Saya pun sedar bahawa kita pun tidak boleh harap seseorang yang sudah meninggal dunia untuk datang dan memberi pengundian. Kita akan mengambil kira perkara ini untuk memastikan bahawa isu-isu ini tidak akan timbul.

Tentang kes yang nombor dua, tentang rayuan yang dibuat kepada Mahkamah Rayuan. Pada biasanya, apabila sesuatu kes sudah masuk ke dalam sistem *judicial review,* kita membenarkan mereka *exhaust the process of judiciary* dan biasanya mereka ada *stay order. Stay order* itu ada walaupun dia pergi ke Mahkamah Rayuan, *they still maintain the stay order* melainkan keadaan di mana Mahkamah Rayuan sudah *set aside the stakeholders.*

Kalau sudah *set aside the stakeholders,* memang ada hak. Ini kerana kadang-kadang kita dihadapi dengan suasana di mana *stakeholders* masih ada dan mereka ada membuat rayuan kepada Mahkamah Rayuan. Pihak kementerian tidak ada pilihan yang lain melainkan menunggu supaya Mahkamah Rayuan membuat keputusan kepada kes ini supaya boleh diselesaikan.

Selain daripada itu, Yang Berhormat Jasin telah membangkitkan- saya sudah jawab itu dan tentang SRI iaitu Strategic Reform Initiative. Ini adalah satu usaha oleh kerajaan untuk meningkatkan lagi beberapa sistem pentadbiran dan salah satu daripada SRI ialah *human capital development.* Salah satu agenda utama di dalam *human capital development* ialah untuk memastikan bahawa menjelang tahun 2020 negara kita mempunyai 50 peratus daripada pekerja yang mempunyai kemahiran.

Banyak usaha yang dibuat oleh kerajaan untuk memastikan kita boleh meningkatkan bilangan pekerja-pekerja yang mempunyai kemahiran. Ini dibuat melalui meningkatkan peluang-peluang latihan kemahiran di peringkat institusi politeknik, kolej komuniti dan melalui proses yang dibuat oleh Kementerian Pelajaran. Pada tahun yang akan datang, 2013 di mana Kementerian Pelajaran akan memastikan semua murid selepas PMR, mereka yang tidak mendapat satu pencapaian yang cemerlang di bidang akademik, mereka akan diberi peluang untuk mendapat latihan vokasional.

Melalui sistem ini berpuluh-puluh ribu anak-anak kita akan mendapat peluang untuk mendapat peluang untuk mendapat latihan kemahiran. Program ini akan membantu kita untuk menghasilkan jumlah tenaga mahir di dalam negara kita supaya boleh mencapai sasaran 50 peratus daripada pekerja kita menjelang 2020 ialah mereka yang mempunyai kemahiran.

Yang Berhormat Hulu Selangor telah membangkitkan tentang isu RM50 juta yang telah diperuntukkan untuk memberi latihan kepada murid-murid keturunan India. Cara pelaksanaan yang akan dimulakan pada Januari tahun akan datang di bawah perbincangan di pihak kementerian. Kita akan mengambil kira segala perkara. Salah satu daripadanya ialah menentukan kursus-kursus yang mempunyai peluang yang baik. Kursus-kursus yang akan memberi pulangan yang lebih lumayan dan untuk memastikan bahawa tempat-tempat latihan ini ada yang mencukupi dan ada di tempat-tempat di mana ada keperluan yang tinggi. *So*, perkara-perkara ini akan diambil kira untuk menentukan cara pelaksanaan.

Dua tiga orang Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan tentang ILMIA. ILMIA ialah satu institut yang dibangunkan oleh kementerian dalam dua tahun ini. Dengan tujuan untuk menjadikannya sebagai *the institute of excellence* yang akan memberi dan menghasilkan segala maklumat berkenaan dengan kegunaan tenaga kerja di dalam negara kita. Salah satu daripadanya institut ini akan membuat kajian yang mereka sedang buat sekarang, tentang keperluan untuk jangka masa depan. Apakah bidang-bidang yang mempunyai keperluan, apakah kemahiran-kemahiran yang diperlukan.

Selepas itu membuat pemadanan dengan *supply* iaitu macam mana pengeluarannya. Apakah kemahiran yang kita perlu sediakan supaya *the supply/demand of labor, the predictability of labor* dan *the planning of human resource* boleh dibuat oleh seluruh negara iaitu mereka yang di peringkat swasta atau di peringkat sektor awam boleh dibuat secara lebih terperinci. Itu ialah fungsi utama institut ini dan kita baru sahaja telah mewujudkan, mendapat jawatan-jawatan. Kita telah memperoleh bantuan daripada pakar-pakar, *the World Bank.* Kita telah pun mendapat sebagai pekerja tetap *on secondment, some experts on labor, labor research* untuk menjadi ahli di dalamnya. Saya berharap dengan masa, institusi ini akan menjadi satu institusi unggul di dalam negara kita, institusi yang cemerlang yang akan menghasilkan maklumat kepada negara untuk menentukan kegunaan tenaga kerja secara lebih optimum.

Yang Berhormat daripada Batang Sadong dan Yang Berhormat Lipis telah membangkitkan tentang isu berkenaan dengan penjawat awam. Itu di luar skop Kementerian Sumber Manusia. Oleh itu, saya tidak boleh jawab.

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: *[Bangun]*

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Tentang *pensioner* dan isteri *pensioner,* dengan pengiktirafan kepada pihak mereka di dalam tentera, polis dan sebagainya. Itu di luar skop kementerian saya.

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Jasin.

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Jasin, Jasin.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Ya.

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tadi Yang Berhormat Menteri ada sebut tentang perkara penubuhan ILMIA. Satu daripada peranannya adalah untuk membantu PKS sekarang dalam usaha kita untuk mewujudkan *human resource development*.

Selain daripada itu, kita juga telah membuat bukan sahaja kajian akan memulakan untuk *minimum wage* pada tahun hadapan. Saya ada buat soalan, setakat manakah kajian kita terutama tentang PKS ini, setakat manakah impak yang akan berlaku? Adakah kerajaan akan berperanan membantu mereka kerana satu peningkatan kos pengeluaran yang cukup ketara sekali. Ini kerana dalam usaha kita untuk meningkatkan pendapatan sebagai sebuah negara yang berpendapatan tinggi. Jadi, banyak daripada PKS ini tidak mempunyai keupayaan. Adakah kerajaan akan membantu ataupun sekurang-kurangnya akan melambatkan penangguhan untuk tarikh mula *effective* kita. Terima kasih.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Soalan ini tentang gaji minimum, saya ingat. Untuk PKS yang kurang daripada lima orang pekerja, mereka sudah diberi peluang untuk pelaksanaannya ialah enam bulan lepas syarikat-syarikat yang lain. Syarikat-syarikat yang lain, pelaksanaannya ialah daripada Januari tahun yang akan datang. Untuk PKS yang kurang daripada lima orang pekerja ialah selepas bulan Jun.

Akan tetapi kalau soalan Yang Berhormat adakah kerajaan akan memberi bantuan secara bantuan kewangan. Perkara ini kita sudah bincang dan buat kajian sedikit tetapi kita sedar bahawa ini luar daripada keupayaan kerajaan untuk memberi bantuan daripada segi *subsidy of wages*.

■1620

Akan tetapi kita sudah cadangkan kepada kedua-dua SME Corp dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Perindustrian bahawa kita kena menolong mereka untuk menukar cara membuat perniagaan, *the style of business,* khasnya untuk menggalakkan mereka menggunakan *automation* yang lebih tinggi dan menggunakan *mechanization* yang lebih tinggi supaya mereka boleh mengurangkan menggunakan tenaga kerja yang banyak. Ini adalah satu cara melalui mana kerajaan boleh bantu mereka dan memberi *tax incentive* dan *grants* dan *loan* supaya perubahan di bawa kepada sistem PKS kita untuk meningkatkan produktiviti, mengurangkan kos buruh dan meningkatkan *investment in capital*. Terima kasih.

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Walaupun kita memberikan kelonggaran untuk tarikh kuat kuasa enam bulan daripada sekarang, adakah kerajaan menjangka akan berlaku pengangguran? Ini kerana banyak daripada PKS ini ataupun SME yang tidak ada mempunyai keupayaan untuk membayar gaji minimum pada ketika ini. Jadi selain daripada *cost of production* akan meningkat, maka barangan itu akan dikenakan kepada pengguna. Maka akan berlakulah inflasi. Bagaimana dengan pandangan daripada kerajaan untuk mengatasi perkara ini?

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Kerajaan sebelum membuat keputusan untuk melaksanakan gaji minimum, kena melihat kepada semua perkara ini. Walaupun kita tahu ada kesan sedikit iaitu *5 percent to 10 percent increase in cost of doing business*, kerajaan berpendapat asas kepada semua kajian dibuat ini tidak akan membawa kesan negatif yang ketara kerana kalau kita lihat kepada semua perkara ini, kerajaan tidak boleh berjaya di dalam proses melaksanakannya.

Lagi satu perkara yang kerajaan pun telah kena beri pandangan ialah kita tidak boleh membezakan kepada pekerja Malaysia kepada kategori-kategori yang berbeza iaitu mereka yang kerja di dalam syarikat yang lebih besar dan mereka yang kerja dengan PKS. Kalau mereka yang di PKS gaji mereka selalu rendah dan mereka yang kerja di syarikat yang besar itu untuk kelayakan yang sama, kemahiran yang sama dan kerja yang sama, kalau mereka dibayar gaji yang berbeza, ini bukan satu perkara yang adil.

Ini kerana perkara ini, kalau gaji ialah diasaskan kalau mereka buat kerja yang sama, kelulusan yang sama, kemahiran yang sama, tidak boleh beza di atas gaji walaupun mereka kerja di satu syarikat besar atau satu syarikat kecil. Kita tidak mahu wujudkan satu budaya diskriminasi daripada satu dengan yang lain.

Satu isu yang dibawa oleh Yang Berhormat Kuala Selangor yang menarik ialah tentang *income inequality* dan peranan kerajaan untuk mengatasinya. Itu ialah satu perkara yang luas dan permulaannya ialah gaji minimum. *It is a beginning, it is a beginning. I am not saying it is end,* bukan, *it is a beginning* kerana dengan itu, lebih daripada 40 peratus daripada pekerja Malaysia akan menghayati kenaikan gaji. Ini sedikit sebanyak akan mengurangkan jurang yang ada di atas. Ada di antara mereka yang mendapat gaji yang lebih tinggi dan gaji yang lebih rendah.

Akan tetapi untuk menghadapi isu yang dibangkitkan ini, penyelesaian yang pada keseluruhannya ialah *our system of economy* dan apa yang diperlukan ialah transformasi ekonomi. Ini yang telah dihadapi melalui apa yang telah diumumkan *our status gold of a high income economy* kerana tujuan *high income economy* ada beberapa sudut. Satu ialah kita akan membawa transformasi ekonomi, meningkatkan kerja-kerja yang sekarang dibayar gaji yang rendah kepada satu tahap kerja-kerja yang akan membayar gaji yang lebih tinggi. Ini akan dibuat melalui sistem kerja yang berlainan, cara kerja yang berlainan yang memerlukan kemahiran yang berlainan dan pencapaian yang berlainan.

Ini ialah cara yang saya ingat kita akan mengikuti untuk memastikan bahawa semua rakyat di Malaysia ada peluang untuk meningkatkan pendapatan mereka dan melalui itu, *the Gini coefficient can be reduce* dan jurang yang ada di antara mereka yang berpendapatan yang tinggi dan yang pendapatan rendah boleh dikurangkan. Saya terima bahawa konsep itu memang sangat menarik tetapi untuk mencapai itu kita akan mengambil masa. Terima kasih.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya cukup menyanjungi respons Yang Berhormat Menteri yang memahami apa yang cuba saya sampaikan. Teguran yang saya buat sebentar tadi adalah kita perlu keluar berbicara hanya dalam kotak minimum *wage* dan pergi dan melepasi apa yang hari ini menjadi pertikaian besar untuk keluar daripada *middle income trap* kepada apa yang dikatakan sebagai *higher income economy*.

Di situ saya menyarankan supaya kita juga mesti beralih daripada hanya menggunakan parameter GNI per kapita kepada *household per capita*. Selagi kita bercakap tentang GNI per kapita yang tidak membayangkan sebenarnya apa yang sebenarnya menjadi pendapatan, *let alone*, kita tidak bercakap tentang *disposable income* lagi. Jadi oleh sebab itu perkara yang saya bangkitkan itu perlu hari ini Yang Berhormat Menteri, sebab kita kerap bercakap tentang mahu melonjak kepada satu *trajectory higher income economy* tetapi saya memerhatikan dalam semua perbahasan, perkara ini sama ada sengaja diketepikan ataupun semacam saya fikirkan bahawa ia menjadi satu yang *in your blind spot*, maaf, bukan Yang Berhormat Menteri tetapi mungkin PEMANDU dan Datuk Idris Jala punya kementerian.

Jadi oleh sebab itu, sudah sampai waktunya- sebab selagi kita terperangkap dan kita kerap mengatakan kalau sebaik sahaja kita sebut tentang *minimum wage*, kita bercakap kepada satu golongan *minimum wage*. Kita sekarang ini bercakap tentang, saya sebutkan tadi contohnya tentang Sime Darby. Kita mahu *trickling down effect* itu melimpahi. Jadi bukan hanya pada *floor wage which is the entry wage* tetapi kepada sejauh mana akhirnya *income inequality* akan dapat kita keluar daripada kepompong itu dan garis itu ketika kita ada dasar *fair wage.* Saya ingat Yang Berhormat Menteri sudah cukup faham dan sekarang ini kita mahu pastikan bahawa ada perbincangan, ada polisi ke arah itu. Terima kasih.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat daripada Tangga Batu telah bangkit tentang keberkesanan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dan program-program yang dijalankan.

Untuk jawab itu, saya ingat Malaysia mungkin boleh dikatakan salah satu daripada negara di dalam rantau ini di mana program-program keselamatan dan kesihatan pekerjaan telah mendapat dan memberi hasil yang baik dan kadar kemalangan dan kadar maut di dalam tempat kerja tiap-tiap tahun menghadapi kekurangan.

Pada kadar pada masa sekarang saya ingat 5.25 atau 5.3 untuk 1,000 orang pekerja boleh dikatakan satu kadar yang rendah kalau dibandingkan kepada negara-negara yang lain.

Program-program dan sistem-sistem yang kita ada pada masa sekarang memang memberi satu kesan dan pencapaian yang tinggi, tetapi di dalam menukar atau membuat satu perubahan kepada budaya pekerja supaya mereka boleh menggunakan pengetahuan yang mereka ada ini di dalam pengamalan tiap-tiap hari ini, itu adalah satu cabaran yang besar. Kita sedang berusaha supaya semua pekerja di dalam industri-industri dan termasuk mereka yang semasa mereka pulang dan balik dari tempat kerja, mereka boleh amalkan budaya-budaya yang sihat dan ini dibuat oleh banyak program yang dibuat melalui JKKP dan oleh pihak PERKESO dan agensi-agensi yang lain.

Yang Berhormat Kuala Lipis telah bangkitkan dengan isu NOSS iaitu *National Occupational Skills Standard*. Ini adalah tujuan kerajaan. Kerajaan telah mewujudkan lebih daripada 7,000 NOSS di dalam beberapa bidang untuk beri pengiktirafan. Bila kita mewujudkan sistem NOSS ini, pandangan diterima daripada industri berkenaan untuk memastikan bahawa NOSS yang diwujudkan itu iaitu standard yang diwujudkan adalah selaras dengan keperluan industri. Pada masa sekarang, di dalam latihan yang diberi oleh kementerian di dalam institusi-institusi, pelatih-pelatih selalu didedah kepada suasana di tempat kerja dan keperluan di dalam tempat kerja.

■1630

Oleh itu melalui pendedahan ini mereka yang keluar daripada institusi-institusi kita mereka mempunyai dan mendapat kemahiran selaras dengan apa yang diperlu oleh pihak industri. Ini adalah langkah-langkah yang dibuat supaya bukan sahaja kurikulum kita iaitu *occupational standard* tetapi sistem latihan pun ialah selaras dengan keperluan industri dan ini dibuat dengan kerjasama pihak industri yang dibawa untuk menjadi penasihat yang memberi nasihat di dalam semua peringkat daripada mula masa mereka mewujudkan kurikulum sampai masa mereka beri latihan di tempat kerja. Inilah Tuan Pengerusi isu-isu yang telah dibangkit saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah membuat dan memberi input yang baik dan yang akan membawa membantu kementerian untuk beri perkhidmatan yang lebih baik. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM714,706,000 untuk Maksud B.46 di bawah Kementerian Sumber Manusia jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]

[Wang sebanyak RM714,706,000 untuk Maksud B.46 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM792,920,000 untuk Maksud P.46 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2013 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]

[Wang sebanyak RM792,920,000 untuk Maksud P.46 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2013]

Maksud B.47 [Jadual] -
Maksud P.47 [Anggaran Pembangunan 2013] -

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Kepala B.47 dan Pembangunan P.47 di bawah Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Sri Gading.

4.32 ptg.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Pengerusi, selamat petang.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Petang Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Salam sejahtera. Tuan Pengerusi saya bersama-sama dengan rakan-rakan yang lain akan memperkatakan beberapa perkara tentang Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan B.47 dan P.47. Saya hendak menyentuh perkara-perkara yang berkaitan dengan 200000 - Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA), 040000 – Komunikasi, 050000 – penyiaran.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Tuan Pengerusi, Oh! Tidak sedar. ASWARA ini Tuan Pengerusi objektifnya ialah menyediakan ruang pembelajaran, pengajaran, pendidikan, penerbitan akademik, khidmat nasihat profesional dan dalam bidang seni budaya dan warisan. Ini yang mula-mula hendak saya sentuh. Saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Penerangan kerana telah menubuhkan Kerusi P. Ramlee di ASWARA pada 18 Oktober 2012, sebulan lebih yang lalu. Ini satu pengiktirafan kepada Allahyarham Tan Sri P. Ramlee.

P. Ramlee ialah sorang manusia biasa yang luar biasa. Tuan Pengerusi, siapa P. Ramlee, siapa P. Ramlee? Saya menelaah P. Ramlee ini Tuan Pengerusi dia penyanyi Tuan Pengerusi, *of course*lah semua orang tahu hari-hari kita dengar, pemuzik- "P". Saya mencatatkan sini ada 14 "P" ini Tuan Pengerusi, penyanyi, pemuzik, pengubah lagu, pelakon, pengarah filem, penulis lirik lagu, penulis skrip, penulis lakon layar filem, pelawak, pemilih pelakon sesuai, penyesuaian alat muzik dengan melodi lagu, pengajar dan pemangkin pelakon dan penyanyi, pengajar dan memberikan contoh terbaik untuk menyedarkan masyarakat yang diselit dalam lagu dan juga filem dan yang terpenting ialah seorang manusia yang pematuh kepada bidang kerjayanya Tuan Pengerusi.

Jadi apabila diwujudkan kerusi P. Ramlee di ASWARA ini boleh tidak akhirnya akan lahir orang yang seakan Tan Sri P. Ramlee, bolehkah tidak? Itu cabaran, itu cabaran yang harus dilakukan oleh penuntut atau pelajar yang mengambil pelajaran. Dia semua ini sampai ke ijazah Tuan Pengerusi. Supaya mereka benar-benar akan tampil ada hasil seni yang boleh dihargai, boleh dicontohi, boleh diberikan penilaian.

Jangan apabila Kerusi P. Ramlee ini jangan hina kerusi P. Ramlee sehingga akhirnya nanti agaknya kalau kita gagal ASWARA yang menubuhkan kerusi P. Ramlee dan pihak kementerian harus menentukan bahawa kerusi P. Ramlee itu benar-benar mengikut apa yang dihasratkan oleh Yang Berhormat Menteri di kementerian.

Dato' Seri Haji Azmi Khalid [Padang Besar]: *[Bangun]*

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Boleh minta laluan?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Sila Yang Berhormat Padang Besar.

Dato' Seri Haji Azmi Khalid [Padang Besar]: Terima kasih, terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Sri Gading. Oleh kerana Yang Berhormat Sri Gading memang memberi pengiktirafan dan juga memberi sanjungan kepada P. Ramlee, saya hendak tanya Yang Berhormat sama ada bersetuju atau tidak pihak kementerian yang bertanggungjawab pergi mengunjungi ke kubur makam P. Ramlee di Jalan Ampang. Di kuburnya itu di sebelahnya A. R. Tompel di sebelahnya lagi sebelah kanannya Saloma. Namanya ditulis di makam Encik Ramlee bin Nyak Putih (A.M.N) dan yang satu lagi Puan Saloma. Jadi adakah Yang Berhormat bersetuju kalau kita beri pengiktirafan dengan bukan sahaja kita bercakap di peringkat atasan biarlah kuburnya juga diberi pengiktirafan. Terima kasih.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Boleh saya sambung sedikit Yang Berhormat? Selain daripada bertanya Yang Berhormat bersetuju atau tidak Yang Berhormat Sri Gading, selain daripada pewujudan kerusi P. Ramlee di ASWARA tetapi kita harus lihat lebih daripada itu, ini langkah yang baik.

Akan tetapi langkah ke depan bagaimana lagenda Allahyarham Tan Sri P. Ramlee ini dijadikan sumber inspirasi budaya bangsa nasional iaitu kita lihat setakat ini rumah Allahyarham P. Ramlee di Setapak memang dinaikkan taraf tetapi tempatnya tidak begitu sesuai. Tinggal lagi dikekalkan di situ sebab itulah rumah asalnya.

Akan tetapi kenapa kita tidak mengambil contoh seperti di setengah-setengah negara yang lain. Apabila mereka ada produk-produk yang berkaitan dengan kehebatan sejarah dia jadikan gedung ataupun tempat besar di mana saya hendak cadang kalau Yang Berhormat setujulah, diwujudkan replika rumah P. Ramlee yang berada di Jalan Setapak itu dijadikan satu teater yang besar sehebat teater Istana Budaya. Di situ di sebelahnya itu pula diadakan pula muzium Raja-Raja Melayu dan juga kepahlawanan Melayu seperti cerita Hang Tuah dahulu. Di dalam bangunan itu macam-macam perkara ditunjuk seperti di rumah di Setapak dan ianya jadi produk pelancongan dan tempatnya dibuat seperti di *Lake Garden,* dengan izin, ataupun di Tasik Titiwangsa ataupun di Padang Merdeka yang besar betul-betul yang kita lihat seperti ada di *Wax Museum* seperti di UK ataupun kita tengok di Brisbane ataupun di Orlando, di mana produk seumpama ini di boleh bawa kedatangan pelancong pada masa yang sama ia menjadi sumber inspirasi budaya bangsa negara bertunjangkan kepada legenda Allahyarham P. Ramlee. Terima kasih.

■1640

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Pengerusi, respons saya terima kasih kepada Yang Berhormat Padang Besar, Yang Berhormat Pasir Mas. Kedua-dua ucapan Yang Berhormat ini matannya ialah penghormatan, pengiktirafan dan bagi saya apa yang dicadangkan oleh kedua-dua ahli Yang Berhormat tadi sesuatu cadangan yang baik dan kalau boleh diguna pakai dan dilaksanakan. Ialah, kita bercakap di sini untuk dilaksanakan, itu hasrat kita dan kalau bagi saya Tuan Pengerusi, penghargaan ini jauh lebih besar daripada itu, Allahyarham Tan Sri P. Ramlee harus digelar Tun... *[Disampuk]* Jadi, kita cadangkan supaya kerajaan mengiktiraf Tan Sri. P. Ramlee sebagai Allahyarham Tun P. Ramlee barulah kita benar-benar...

Tuan Pengerusi, lagunya, filemnya tidak lapuk dek hujan tidak lekang dek panas, sentiasa relevan. *Evergreen*, *astaghfirullah hal aazim* P. Ramlee. Sebut sahaja mana majlis-majlis, baik kecil baik besar, baik rasmi baik tidak rasmi, di mana-mana sahaja, baik rumah orang UMNO, orang PKR-kah, orang PAS lagu P. Ramlee Tuan Pengerusi. Bukan sahaja orang Melayu, orang bukan Melayu pun...

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Yang Berhormat Sri Gading, saya hendak sokong. Boleh saya bercakap sekejap.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Sila Yang Berhormat Jelutong.

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Memang Tuan Pengerusi, saya sebagai anak Malaysia walaupun bukan dari bangsa Melayu, saya rasa jasa dan sumbangan Allahyarham Tan Sri P. Ramlee itu besar sekali dan tidak dapat diganti. Masih teringat saya semasa bekerja di Kuala Lumpur sebelum jadi orang politik, ada satu Hari Raya, Kuala Lumpur sudah lenggang tidak ada manusia, semua sudah balik kampung. Saya seorang. Dalam radio saya dengar *Dendang Perantau* masa itu juga saya ambil tiket kapal terbang balik kampung. Lagu macam itu semasa Hari Raya *Dendang Perantau,* sesiapa kalau masih merantau di tempat orang pasti menitis air mata. Saya rasa jasa, sumbangan itu tidak pernah kita alami walaupun ia menyeberangi sempadan bangsa budaya dan sebagainya. Apa Yang Berhormat Sri Gading kata, apa Yang Berhormat Pasir Mas kata, apa Yang Berhormat Padang Besar kata, saya setuju 100 peratus, terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Yang Berhormat Jelutong. Dalam Dewan ini kalau hendak lebih bangga Yang Berhormat Jelutong lah yang paling bangga kerana P. Ramlee lahir di Pulau Pinang sama dengan kelahiran Yang Berhormat Jelutong. Siapa dari Pulau Pinang lagi? Maknanya pengiktirafan ini Tuan Pengerusi, orang Pulau Pinanglah lebih bangga kerana itulah sebab “P” ini sampai lahir pun Penang, Pulau Pinang. Jadi 15 “P” ini Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Saya hendak tegur tentang masa pun, sekarang saya takut hendak tegur. Sila teruskan... *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jadi ASWARA yang berani meletakkan Kerusi P. Ramlee ini Yang Berhormat Timbalan Menteri, tolong sampaikan salam kepada Yang Berhormat Menteri jangan main-main.

Kalau kerusi si polan-polan tidak apa tetapi apabila sebut *Kerusi P. Ramlee*. Satu nama besar kebanggaan bukan sahaja oleh negara Malaysia tetapi kebanggaan oleh orang-orang dalam Asia Tuan Pengerusi. Itu sebabnya apabila ia dipertandingkan dalam filem-filem dia...

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Yang Berhormat...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Di seluruh Asia, dia mendapat hadiah-hadiah yang lebih hebat daripada filem-filem negara-negara lain.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Sedikit. Bagaimana pula rakan-rakan seperjuangan Allahyarham P. Ramlee? Seperti A.R. Tompel, Aziz Shamsuddin, Aziz Satar serta ramai lagi. Mereka inilah yang menghidupkan legenda P.Ramlee ini. Jadi sepatutnya diadunkan sekali P. Ramlee dan rakan-rakan seperjuangan mereka ini.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Mas. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Pasir Mas dan kerana apabila muncul P. Ramlee menjadi pengarah di Shaw Brothers di Singapura, Jalan Ampas Tuan Pengerusi. Saya masa itu berada di Singapura, saya membesar di Singapura. Itulah mulanya lahir pula pengarah-pengarah lain kerana dia memberi suntikan kepada rakan-rakan. Lahirlah pengarah-pengarah S. Roomai Noor, Omar Rojik, S. Kadarisman, Datuk Jamil Sulung, M. Amin, Mat Sentul, A. R. Tompel, Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin dan ramai lagi Tuan Pengerusi. Bermula dari era P. Ramlee kerana hasilnya yang sangat cemerlang maka waktu itu tuan-tuan punya studio memberi kepercayaan kepada orang Melayu.

Satu pengiktirafan kepada orang Melayu ketika itu disebabkan munculnya Tan Sri P. Ramlee, *insya-Allah* kalau saya punya cadangan dan disokong oleh rakan-rakan di Parlimen ini *insya-Allah* agaknya tahun hadapan digelar Tun P. Ramlee. Saya rasa Timbalan Menteri pun setuju dengan saya kerana antara orang yang suka sangat dengan P. Ramlee ialah Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak. Tuan Pengerusi sudah tenung saya. Saya sebenarnya ada dua lagi tetapi tidak sempatlah Tuan Pengerusi.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: P. Ramlee kata *'alif mim nun wau'* sarkas... *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: UMNO, tidak. Itu sebenarnya kalau kita hendak sebut UMNO ini, kalau hendak terjemah baik Tuan Pengerusi, UMNO ini ialah orang yang beriman. Akan tetapi oleh sebab PAS ini sentiasa melihat senget sahaja UMNO ini sebab itu dia sanggup berdoa-doa yang tidak masuk akal. Orang-orang PAS Tuan Pengerusi, macam tidak beriman walaupun dia pakai serban lebih besar daripada reban ayam tetapi kelakuan dia, *astaghfirullah hal aazim.*

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Itu Yang Berhormat Sri Gading kata, P. Ramlee kata...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Doa yang bukan orang beriman.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Yang Berhormat Sri Gading.

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: *'Alif mim nun wau'* sarkas.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Apakah lagu P. Ramlee, *Di Mana Kan Ku Cari Ganti* itu maksudnya untuk UMNO?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *Di mana kan ku cari ganti UMNO... [Menyanyi]* Tuan Pengerusi, saya menyokong... *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi: Sila, sila Yang Berhormat Kubang Kerian.

4.47 ptg.

Tuan Salahuddin Haji Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Pengerusi. saya mungkin bermula dengan Butiran 020100 – Dasar dan Perancangan Strategik, Butiran 100000 – Arkib Negara dan juga Butiran 130000 – Warisan Negara. Tadi Yang Berhormat ayahanda Sri Gading telah pun menyebut tentang P. Ramlee dan saya rasa tidak perlu saya ulang lagi.

Cuma dalam perbincangan tentang ASWARA itu saya rasa di samping kita tidak boleh menafikan peranan golongan seni dan juga peranan seniman yang telah mengharumkan nama negara, saya rasa ASWARA juga perlu untuk melihat dimensi yang lain. Ini kerana saya rasa pembudayaan yang membentuk budaya bangsa negara kita ini tidak hanya muncul dan kita memartabatkan golongan seni ini.

Akan tetapi ataupun yang telah jadi kepada hasil-hasil khazanah negara dalam bidang sastera? Saya juga turut bimbang kerana asas kumpulan yang memberikan sumbangan besar kepada negara juga adalah terdiri daripada kumpulan-kumpulan seperti ASAS 50. Melalui tulisan merekalah Tuan Pengerusi, mereka juga memberikan sumbang bakti yang cukup besar dan saya rasa dalam ASWARA melahirkan apa jua, sama ada pelakon-pelakon muda, hasil-hasil seni, khazanah dan juga warisan negara harus juga melihat tentang peranan yang dimainkan oleh golongan ASAS 50 ini terutama teks-teks sastera yang saya rasa sangat besar peranannya kepada negara kita.

Saya tidak menafikan setiap minggu atau setiap bulan ada persembahan di Panggung Negara ataupun di Istana Budaya yang mempamerkan hasil-hasil seni. Akan tetapi amat kurang saya nampak tentang kesungguhan untuk melahirkan khazanah-khazanah sastera ini, supaya muncul dan diterjemahkan dalam filem dalam drama dan hasil-hasil sastera yang saya rasa perlu untuk di peringkat dasar, perancangan strategik membuat beberapa kajian yang terbaru.

■1650

Kalau di Eropah kita lihat hasil-hasil Shakespeare hatta lukisan-lukisan Monalisa, hasil Leonardo Da Vinci itu akan ada hari-hari tertentu yang kita lihat mereka mengagungkan hasil seni ini. Kita amat jarang dalam negara kita membuat budaya seperti itu. Hanya kita menumpukan aspek hiburan semata-mata, tetapi hasil-hasil ini amat kita kesali tidak menjadi suatu keagungan di mana golongan ini juga harus diberikan perhatian.

Dalam konteks Arkib Negara, saya juga ingin memberikan beberapa pandangan di sini bahawa sejauh manakah Arkib Negara ini diberikan peruntukan yang secukupnya untuk mereka menyimpan dan merekodkan secara profesional tentang semua tulisan, rakaman, jurnal dan apa jua yang berbentuk dokumen yang saya rasa amat perlu untuk Arkib Negara terus menjadi satu badan yang bertanggungjawab menyimpan hasil-hasil sejarah ini. Ini kerana saya cukup bimbang negara kita tidak cukup maklumat, kita tidak cukup dokumen untuk kita mempertahankan sesuatu fakta yang saya rasa harus kita memberikan tanggungjawab terhadap apa juga yang berlaku sama ada sejarah masa lampau dan juga peranan kita pada masa yang akan datang.

Suka saya untuk memberikan sedikit peringatan bahawa adakah kita memiliki cukup dokumen, cukup fakta tentang bagaimana kehadiran yang dikatakan kumpulan-kumpulan pedagang-pedagang yang pada satu waktu dahulu sebelum era kemerdekaan yang hadir ke dalam negara kita ini dan sejauh manakah peranan mereka yang kita warisi pada hari ini. Saya ingin memberi contoh tentang kehadiran Laksamana Cheng Ho sebagai contoh ke alam Nusantara ini dan sejauh manakah juga peranan yang dimainkan oleh Arkib Negara dalam mendokumentasikan tentang tokoh ini. Ia sangat besar kesannya terhadap bagaimana pandangan dan perspektif orang-orang Tionghoa sebenarnya terhadap Cheng Ho ini.

Saya hendak balik semula kepada apa yang pernah diberikan kuliah ataupun *special lecture* pada ketika itu Tuan Pengerusi, tentang kehadiran Profesor Jeffrey Sachs dua minggu lepas di Parlimen ini yang antara yang beliau berikan suatu peringatan adalah tentang kebangkitan China dalam masa lima tahun akan datang. Ini tidak boleh kita nafikan sama ada dalam bidang penguasaan ekonomi, penguasaan ilmu mereka dan budaya mereka tetapi sebenarnya Cheng Ho datang ke dalam negara ini awal daripada itu. Ini sudah tentu meninggalkan banyak kesan terhadap perkembangan dan juga sumbangan orang-orang Tionghoa dan orang Cina ini berdekad-dekad yang lalu terhadap negara kita.

Jadi saya rasa adakah Arkib Negara punya suatu dokumen yang cukup sekiranya kita mahu menjadikannya satu bahan perbincangan yang akan terus menjadi satu faktor yang boleh mengeratkan lagi. Kalau ada sentimen ataupun elemen-elemen hari ini untuk memisahkan Melayu, Cina ataupun ada lagi satu seruan untuk mempertajamkan lagi sentimen perkauman dalam negara kita, saya rasa tokoh-tokoh seperti ini amat penting untuk didiskusikan.

Ia patut dijadikan sebagai bahan perbahasan intelektual supaya kita membantu pada masa akan datang tentang perkembangan intelektual yang akan merapatkan lagi dan mengeratkan lagi hubungan kaum dalam negara kita.

Demikian juga tentang bagaimanakah Inggeris membawa sahabat-sahabat kita dahulu daripada benua kecil India sebagai buruh ke dalam negara kita pada peringkat era awal kemerdekaan dahulu supaya ini juga dapat kita simpan dengan baik. Kita juga dapat jadikan suatu dokumen yang kita boleh bertanggungjawab bagaimana kita harus memberitahu kepada kaum-kaum dalam negara kita ini tentang bagaimana bermulanya sejarah dalam negara kita dan supaya dengan nada yang sama supaya kita tidak lagi menggunakan asas perkauman itu untuk mempertajamkan pada waktu-waktu tertentu tentang bagaimana dan dari mana juga kita datang.

Demikian juga tentang kelompok Melayu dalam negara kita pada hari ini, dari mana kita bermula, dari orang Melayu Riau, orang Melayu Palembang ataupun dari mana kita pada hari ini juga harus disimpan dengan baik segala dokumen-dokumen yang boleh kita kumpulkan supaya kita benar-benar tahu dari mana negara kita ini bermula. Asas budaya itu yang lebih penting, kalau ada persamaan dan kita tidak hendaklah maknanya ada lagi walau apa pun yang mahu kita katakan, ada orang yang boleh diupah di Jakarta sana yang boleh menonjolkan isu-isu yang hanya melibatkan tentang tarian, tentang lagu tetapi sebenarnya kita amat daif dari segi mengemukakan dokumen.

Sebenarnya kalau kita mahu berhujah sebenarnya apa beza tentang tarian, tentang seni, tentang lagu, tentang apa juga keroncong sama ada apa pun memang kita daripada asas yang sama. Akan tetapi mungkin kita kurang dari segi dokumen untuk mendokumentasikan perkara itu dan menjadikannya sebagai satu bahan perpaduan mungkin kita rasa kita agak ketinggalan dalam sudut itu.

Tuan Che Uda bin Che Nik [Sik]: Celah kalau boleh. Sik.

Tuan Salahuddin Haji Ayub [Kubang Kerian]: Ya, sila.

Tuan Che Uda bin Che Nik [Sik]: Sedikit. Terima kasih Yang Berhormat Kubang Kerian, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya cuma hendak minta Yang Berhormat Kubang Kerian kalau boleh kita utamakan juga penulisan sejarah tempatan, bukan sahaja berkait dengan kemasukan asal usul kita tetapi juga sebenarnya di Malaysia ini penulisan mengenai tokoh-tokoh tempatan juga amat terhad. Pejuang-pejuang kemerdekaan pun tidak berapa orang yang kita tulis, begitu juga kita kata asas-asas politik Malaysia peringkat awal pun tidak banyak yang ditulis. Kita hanya berdasarkan sastera lama, penulisan-penulisan lama tetapi mendokumentasikan benda-benda ini kita tidak buat selepas kita mencapai kemerdekaan. Terima kasih.

Tuan Salahuddin Haji Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan juga rakan saya Yang Berhormat Sik yang menggalakkan supaya penulisan tokoh-tokoh tempatan ini dapat untuk dipergiatkan supaya tidak ada kejutan kalau ada nama-nama yang tertentu yang kita rasakan ianya pejuang kemerdekaan tiba-tiba muncul, maka ada juga pihak yang mengatakan mungkin ia timbul keraguan. Nama-nama besar seperti yang bermula daripada seperti Datuk Maharaja Lela, Haji Abdul Rahman Limbong dan seumpamanya, saya rasa ini semua nama-nama yang harus kita abadikan dalam sejarah penulisan dalam negara kita.

Oleh sebab itu saya ingin menyatakan di sini bahawa kita harus menerajui dari segi pengumpulan maklumat tentang sejarah ini secara tuntas dan Arkib Negaralah yang sepatutnya diberikan peruntukan yang sewajarnya untuk mengambil dan menggalas tanggungjawab ini. Kalau ada pun mungkin pensyarah-pensyarah ataupun dekan-dekan universiti yang terlibat dengan sejarah itu memang sangat kita alu-alukan. Akan tetapi mungkin ada lagi orang boleh tuduh ini mungkin pro sana dan pro sini tetapi Arkib Negara sendiri memainkan peranan ini, saya rasa ia lebih berautoriti dari segi mendokumentasikan, mengabsahkan sesuatu tokoh itu ataupun satu nilai sejarah itu milik negara.

■1700

Harus difahami mereka adalah pejuang-pejuang negara dan harus kita juga dalam nafas yang sama Tuan Pengerusi, dalam apa Yang Berhormat Sik sebutkan tadi supaya nama-nama yang jelas daripada awal yang memperjuangkan kemerdekaan itu harus diberikan suatu penarafan, dikaji semula dan disemak semula supaya tidak ada lagi perdebatan-perdebatan yang kita cukup cepat terperangkap, ini memang pro komunis.

Ini kita tidak boleh kenal mana satu yang betul-betul terlibat dengan komunis, mana satu terlibat dengan mereka yang terpaksa pada waktu itu mungkin boleh terjebak dalam era pada waktu itu tetapi kita mesti melihat nilai itu suatu sumbangan besar kepada kemerdekaan negara. Sebab itu Arkib Negara harus ada dokumen, walaupun ada sudah beberapa dokumen yang mungkin ditulis tetapi tidak dibaca dan mungkin tidak didiskusikan, mungkin ia satu budaya yang sangat asing kalau nama-nama tertentu itu disebut sebagai tokoh kemerdekaan negara.

Saya suka untuk melihat mungkin suatu hari esok negara kita ini dengan segala kekuatan diplomatiknya, dengan segala kekuatan intelektualnya, segala dokumen kehebatan dokumen yang kita ada kita akan jadi macam Oslo, Kuala Lumpur akan jadi macam Oslo. Kuala Lumpur akan jadi macam Vienna, Norway, Finland. Bukan sekadar mereka menjadi *mediator,* mereka menjadi pengantara tetapi negara mereka juga memberikan satu suaka politik untuk mereka menempatkan orang yang dalam negara mereka dianggap sebagai *terrorist* tetapi boleh tinggal dengan selamat di negara mereka. Itu suatu saya rasa suatu etika yang harus kita suburkan walaupun kita boleh buat dalam acuan negara kita tetapi saya rasa itu harus diterokai.

Akhir sekali Tuan Pengerusi ialah tentang penerangan tentang dasar. Saya harap janganlah hanya tertulis sahaja tetapi buatlah. Tengok filem kitalah, saya banyak kali sudah saya cakap. Tadi sebut tentang P. Ramlee tentang bahasanya, tentang mesej yang hendak disampai, saya rasa bukan kalau P. Ramlee masih hidup bukan Tun itu yang dia hendak, saya rasalah. Walaupun kita boleh beri kepada dia hari ini tetapi apa yang dia mahu apa? Mesej yang sampai. Filem Antara Dua Darjat apa yang hendak disampaikan, Ibu Mertuaku apa yang disampaikan? Itu kita bincang luar Dewanlah tetapi maknanya apa yang dia hendak sampaikan?

Maknanya saya rasa apa yang perlu ialah mesej itu tentang dialog-dialog itu dan kalau kita lihat filem-filem dalam TV pada hari ini, dialognya, semua orang akui filemnya *evergreen* mungkin cucu kita yang akan lahir esok, tengok filem Bujang Lapuk, tengok filem yang ada pada hari ini pun dia masih boleh ketawa, boleh faham. Jadi tidak timbul masalah bahasa itu. Tidak timbul masalah jurang bahasa, maknanya semua generasi boleh faham. Jadi adakah filem-filem kita ini ke arah itu. Bahasa rojak, bahasa-bahasa yang dibuat yang diskripkan, bahasa itu sangat-sangat memalukan tentang kita bercakap tentang budaya kita.

Jadi dengan ASWARAnya, dengan RTMnya saya rasa cukup besar bajetnya saya rasa itu harus diberikan satu perhatian kerana contohilah yang baik mungkin dari Korea, dari Jepun negara maju, negara yang telah mencapai segala kemajuan filem mereka, teater mereka, budaya mereka, wanita-wanita mereka dalam filem negara mereka yang sopan, bercakap dan seumpamanya. Ini semua tidak dapat kita jelmakan dalam filem-filem kita. Jadi saya harap ini semua dapat diberikan perhatian dan itu sahaja Tuan Pengerusi yang dapat saya kongsi tentang kementerian ini, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Pasir Mas.

5.04 ptg.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak merujuk kepada Butiran 020000 - Penerangan, Butiran 050000 - Penyiaran, Butiran 060000 - Jabatan Penerangan, mengenai dengan Perkhidmatan Komunikasi dan Pembangunan Masyarakat - Butiran 060200 dan Butiran 160000 - BERNAMA sekali gus sebab masa tidak ada.

Tuan Pengerusi, peranan Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan terutamanya dalam bidang tanggungjawab Jabatan Penerangan, Jabatan Penyiaran termasuk JASA. Saya dah setuju butiran JASA dan BERNAMA semuanya bertanggungjawab untuk memberi penerangan kepada rakyat. Hari ini kita dihadapi, kerajaan dihadapi masalah persepsi akibat daripada ledakan teknologi maklumat yang tidak terkawal yang kita tahu berita-berita yang berunsur fitnah yang tidak tepat, bercambah-cambah dalam berbagai-bagai bentuk melalui *blogger,* melalui *website*, portal, *Twitter* macam-macam.

Jadi ada perkara-perkara yang serius, ada pihak-pihak membuat laporan polis, laporan kepada SKMM tetapi tindakannya tidak ada dan sukar untuk mengambil tindakan. Maka mahu tidak mahu hakikatnya ialah peranan Jabatan Penyiaran, Jabatan Penerangan, Jabatan Hal Ehwal Khas termasuk BERNAMA dan juga media elektronik. Media elektronik, media cetak dan juga penyampaian ceramah yang dianjurkan melalui berbagai-bagai agensi.

Persoalannya saya nampak tidak ada penyelarasan, duitnya banyak, peruntukannya banyak kadang-kadang bertindih. Jadi perlu ada penyelarasan dan kedua apa yang isu yang patut ditangani oleh pihak Jabatan Penerangan ini mengikut suasana semasa, suasana semasa selain daripada memberi penerangan bersabit dengan dasar-dasar kerajaan, kejayaan transformasi dan seumpamanya, faedah-faedah yang rakyat terima hasil daripada pembangunan program ekonomi tetapi perkara yang lebih penting ialah membetulkan salah faham, persepsi, maklumat, fitnah yang bercambah saya katakan tadi. Bagaimana hendak dibuat ini, bagaimana supaya ada satu penyelarasan yang bersepadu, yang tenaganya tidak membazir, wang yang dibelanjakan juga mendapat kebaikan dari segi maksimumnya dan berkesan.

Saya cuba secara umumnya jadi kena duduk sebab saya tengok agensi ini masing-masing ketua, ini bukan sahaja Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan sahaja dalam lain-lain agensi pun saya tengok dia sudah menjadi macam dia *own empire*. Masing-masing, *little Napoleon*, orang ini hendak buat ini, orang itu hendak buat ini tetapi benda yang sama. Kadang-kadang himpun orang yang sama. Jadi membazir, jadi macam mana caranya.

Jadi sebab itu macam BERNAMA, saya berharap kalau boleh BERNAMA direformasikan menjadi satu saluran TV bermaklumat yang memberi maklumat yang betul, fakta yang betul dan dijadikan ianya satu saluran TV yang menumpukan kepada pemberi maklumat dan penyampai maklumat. *Reliable* secara agresif, macam boleh ikut cara sedikit ASTRO Awani tetapi tidaklah ikut semua sekali ASTRO Awani pun saya tengok sudah mula berbeza sedikit dengan dahulu tetapi tumpunya ialah berita itu setiap masa, ulang-ulang berita tidak apa. Sebab masyarakat sekarang ini sibuk. Ada yang tidak sempat tengok berita pukul 8, pukul 9, pukul 7 tiap-tiap dua jam ada berita, tiap-tiap dua jam ada berita yang diulang kemudian ditokok tambah.

Kemudian program, program yang berunsur ilmu seperti *Hello Malaysia* cukup bagus tetapi satu sahaja *Hello Malaysia* pukul 11. Kenapa tidak dibanyakkan di waktu siang hari, waktu malam dengan berbagai-bagai pula nama program itu bukan setakat Hello Malaysia tetapi berbentuk forum, percambahan ilmu, wacana, sidang meja bulat, semualah boleh letak macam-macam nama dan bawa tokoh-tokoh yang berilmu, yang berwibawa, yang ada kredibiliti, yang orang tengok yang bercakap ini orangnya bersih pandai pula memberi maklumat.

Kalau pandai sahaja bagi maklumat, kalau badannya orang tengok tidak bersih tidak jadi juga. Ini semua sekali kena ambil kira supaya saya hendak tengok BERNAMA ini boleh menjadi saluran yang betul-betul efektif dan saya rasa boleh dilakukan kalau ada kemahuan. Saya tidak payah hurai dengan panjang tetapi cukup saya sampaikan secara seimbas lalu bahawa BERNAMA saya minta Yang Berhormat Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan ini beri tumpuan kepada saluran TV BERNAMA ini secara yang cukup hebatlah yang saya harap boleh menjadi minat untuk orang mendapat ilmu dan penerangan. Hendak kata buka sahaja *anytime*, dia boleh dengar maklumat dia boleh dengar berita.

■1710

Kalau tidak yang hal-hal, unsur-unsur hiburan itu boleh serah kepada saluran-saluran lain, dalam ASTRO pun dah banyak. Ini hendak sentuh Astro pun banyak tetapi masa tidak ada. Bayarnya mahal, cerita lama masih lagi berbangkit, hujan sikit, ribut sikit dah tidak ada, dah *blackout*, itu panjanglah. Cuma buat sementara waktu dalam jangka pendek ini ialah penerangan penyiaran yang saya sebutkan tadi, hendak menangani persepsi yang amat-amat rakyat di bawah cukup keliru. Jadi antara yang saya hendak cadangkan dari segi Jabatan Penerangan, kenapa tidak hidupkan kembali peranan Jabatan Penyiaran zaman silam dahulu. Saya rasa masih relevan terutamanya di kawasan FELDA, di kampung-kampung, di desa-desa dulu ada van penyiaran. Dia masuk kampung, dia tayang wayang, sudah tayang wayang, maka adalah pihak-pihak yang menyampaikan maklumat dan berita kepada orang kampung.

Memang ada tarikan sebab orang suka tengok skrin. Jadi kalau bawa ke kampung, cerita-cerita P. Ramlee ini boleh ditayang semula sebab cerita Allahyarham P. Ramlee ini pun berulang kali ditayangkan. Semalam *Keluarga 69* saluran 2, isteri kahwin bertukar-tukar masih halal tidak ada orang fikir, Allahyarham P. Ramlee yang boleh fikir, itu dia punya ketajaman, dia punya *intelligence*. Jadi orang kampung suka dengan tidak payah kita hendak potong lembu, bas tunggu datang, hendak bercakap, hendak bersyarah, baik tunjuk wayang sahaja termasuk filem-filem lain yang baik-baik yang boleh memberi tunjuk ajar, yang boleh menanam semangat patriotik, jati diri di kalangan rakyat, boleh dihidupkan balik. Saya percaya ini usaha yang baik.

Satu lagi perkara Tuan Pengerusi, saya hendak sebut yakni mengenai filem *Tanda Putera* yang nampaknya seolah-olah menjadi kontroversi yang patutnya tidak menjadi kontroversi iaitu filem sejarah, yang saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk menyampaikan ucapan tahniah kepada Dato' Shuhaimi Baba yang berjaya menghasilkan filem yang begitu baik tetapi tidak dapat ditayangkan. Saya pun tidak tahu mengapa, sensitif, mungkin sensitif. Apa yang hendak disensitifkan pun saya tidak tahu.

Ada pihak-pihak menganjurkan tunjuk perasaan, buat macam-macam tuntutan, sentuh institusi Raja, sentuh Islam, agama persekutuan, tidak ada sensitif apa pun, tidak ada siapa berani larang pun, tetapi bila filem seumpama ini belum tunjuk pun dah diheboh-hebohkan dan tidak ada siapa yang hendak bela sebab semuanya, masing-masingnya berpolitik, masing-masingnya dok kira dari segi undi pilihan raya, biarlah agama hancur, biarlah bangsa hancur, biarlah negara hancur.

Jadi saya harap Jabatan Penerangan dan Penyiaran kena duduk sekali, fokus betul-betul bagaimana hendak tangani media baru, ledakan teknologi maklumat, lepas itu isu-isu semasa yang dia kena tahu apa yang menjadi perbualan orang kampung, di masjid-masjid, dia kena tahu. Jawab ini, beri penjelasan ini selain daripada program-program yang dilakukan oleh pihak kerajaan. Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih dan saya menyokong.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Tangga Batu.

5.13 ptg.

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, Butiran 010200 di bawah 010000 - Pengurusan Sumber Manusia. Saya mendengar beberapa maklum balas daripada kakitangan anggota kerja Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, kebanyakan daripada anggota kerja yang kita lihat sebentar tadi bila kita membahaskan di bawah tajuk *Reward System*, Sistem Ganjaran oleh Kementerian Sumber Manusia.

Kita melihat Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan dikekang oleh satu masalah yang cukup besar apabila warga-warga kerja di Jabatan Penyiaran umpamanya yang diletakkan di bawah Skim Kontrak, kakitangan anggota kerja kontrak yang bertahun-tahun guna tenaga. Kakitangan ini kita dapat lihat berlangsung secara *piecemeal*, diberikan ganjaran berbentuk gaji harian. Saya kira gaji harian ini telah lama ketinggalan zaman.

Dalam satu tangan Tuan Pengerusi, kita bercakap tentang produktiviti, kita bercakap tentang kualiti standard, kita bercakap tentang daya pengeluaran yang tinggi tetapi dalam tangan yang lain kita tidak memberikan ganjaran yang tepat kepada anggota kerja yang telah bersungguh-sungguh memberikan komitmen, menyumbang tenaga, idea dan juga kerja mereka bagi mengangkat nama kementerian supaya dapat dilihat sama tinggi berdiri dan sama rendah duduk dengan agensi-agensi penyiaran yang lain sama ada di pihak kerajaan dan juga swasta.

Jadi saya kira elok kementerian kalau dapat menetapkan satu skim bagaimana untuk melunaskan keseluruhan kakitangan-kakitangan ataupun anggota kerja kontrak ini di bawah satu dasar untuk menyerap mereka sebagai anggota kerja tetap. Saya yakin bila mereka diserapkan sebagai anggota kerja tetap terutamanya di bahagian penyiaran ini, mereka akan dapat lebih berprestasi untuk menyumbang ke arah kebaikan.

Suka saya tekankan di sini Tuan Pengerusi, bahawa kebanyakan daripada mereka yang telah berkhidmat lebih daripada lima tahun, mereka juga mempunyai komitmen terhadap diri serta keluarga mereka dan ada yang telah pun berumah tangga. Kekangannya ialah apabila mereka ingin membeli rumah, memiliki rumah, memiliki kenderaan, mereka terpaksa menyerahkan dokumen-dokumen kewangan berupa slip pendapatan bulanan dan sebagainya, slip sokongan daripada majikan, akhirnya mereka akan bertemu dengan kekecewaan apabila pembiaya-pembiaya di peringkat institusi kewangan mengharapkan ataupun mensyaratkan mereka mempunyai dokumen rasmi pendapatan tetap bulanan.

Bagaimana mereka boleh mendapat itu kalau mereka masih lagi bekerja di bawah terma dan syarat sebagai hanya staf kontrak yang tidak ketentuan bilakah tarikh tamat perkhidmatan mereka. Jadi harapan saya di bawah butiran ini, kalau pihak kementerian dapat memberikan satu ketetapan ataupun polisi bagaimana boleh merencana satu struktur yang boleh menjamin mereka ini.

Seperkara lagi yang perlu dilihat oleh pihak kementerian adalah ada juga di antara staf-staf kontrak ini yang telah diserapkan sebagai anggota kerja tetap di bawah gred-gred perkhidmatan yang tertentu tetapi sesetengah daripada staf-staf kontrak yang telah diserapkan kepada perkhidmatan tetap ini memperoleh pendapatan yang kurang pula daripada perkhidmatan secara kontrak sebelum itu apabila perkhidmatan kontrak dan jawatan tetap itu memerlukan kelayakan ikhtisas yang sama.

Jadi ini perlu juga dilihat oleh pihak kementerian supaya ia seolah-olah dilihat secara sistematik untuk menafikan mereka supaya memohon jawatan tetap itu. Bila mohon jawatan tetap, kita hendak memohon jawatan tetap tetapi gajinya, elaunnya lebih rendah daripada jawatan kontrak. Ini semua boleh menerbitkan perasaan tidak puas hati di kalangan warga kerja yang akhirnya boleh menurunkan kualiti perkhidmatan yang disediakan oleh pihak kementerian.

Tuan Pengerusi, di bawah Butiran 120000, Melaka terkenal sebagai sebuah negeri yang mempunyai muzium yang terbanyak dan beraneka latar belakang. Sebut sahaja apa nama muzium. Muzium Gabenor, Muzium Kebudayaan, Muzium Warisan, Muzium Belia, Muzium UMNO, Muzium DMDI dan semua muzium ini ditadbir dan diurus di bawah Perbadanan Muzium Melaka. Muzium UMNO pun ada.

Tuan Pengerusi, apa yang ingin saya tekankan di sini adalah bagaimana pihak kementerian boleh mempunyai satu mekanisme kerjasama dengan Kementerian Pelancongan umpamanya di bawah Butiran Perancangan dan Pengurusan mungkin, untuk mengaturkan secara strategik pelancong-pelancong yang hadir ke negeri Melaka.

Dalam negeri dan luar negara, kita menerima lebih kurang 13.5 juta pelancong pada saban tahun. Jika pelancong-pelancong ini dapat melawat kesemua muzium-muzium ini yang saya kira kualitinya sama standard, sama tinggi dengan muzium-muzium di dunia.

■1720

Itu sebablah antara sebab Melaka diiktiraf sebagai salah sebuah Bandar Warisan Dunia. Jadi, kalau Yang Berhormat Menteri boleh memanjangkan perkara ini kepada Kementerian Penerangan, kementerian ini, untuk mencari jalan kerjasama bagaimana pelancong-pelancong yang hadir ini menjadi satu *a must visit place* atau tempat-tempat yang mesti dilawati oleh pelancong-pelancong. Kementerian Penerangan boleh menyumbang ke arah penambahbaikan ini. Saya kira kalau kita letakkan sebagai bahasa yang lebih mudah, menyediakan sejumlah peruntukan bagi menggalakkan pelancong-pelancong untuk melawat tempat-tempat ini, sekali gus dapat mengangkat nama baik negara kita.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, di bawah Butiran 150000 – Istana Budaya. Saya ingin mengambil ruang ini untuk mengucapkan tahniah kepada penerbit dan juga kepada seluruh warga teater Siti Hasmah yang telah berakhir semalam. Pada saya, ia merupakan salah satu lagi kebanggaan kita apabila melihat sebuah teater lebih kurang dua jam setengah, yang mempamerkan sejarah politik, sejarah kehidupan masyarakat di negara kita.

Bagaimana seorang isteri kepada seorang pemimpin, seorang isteri kepada seorang suami yang telah dapat dipamerkan melalui sebuah teater yang dapat menggamit kehadiran penonton-penonton dari pelbagai kaum. Saya anggap sebagai satu pencapaian yang cukup cemerlang kepada kumpulan-kumpulan pengamal teater di negara kita.

Sudah tiba masanya Tuan Pengerusi, bila kita melihat kemudahan-kemudahan yang ada di dalam Istana Budaya ini seperti *stage rigging equipment* yang saya dapat rasakan ada kualiti standard dunia di sana daripada segi pengurusan, pentadbiran dan juga kecekapan pengendali-pengendali yang menampakkan kita tidak ketinggalan di dalam arena teater ini. Akan tetapi persoalannya Tuan Pengerusi, mengapa ia hanya berlaku di Kuala Lumpur?

Bandar-bandar besar yang lain umpamanya, perlu juga mempunyai sebuah teater yang sama tarafnya dengan teater di Istana Budaya ini yang boleh memberikan peluang kepada pelakon-pelakon teater ini untuk beraksi di negeri-negeri lain di tanah air kita ini. Umpamanya...

Tuan Che Uda bin Che Nik [Sik]: Boleh sikit? Tak apa, habiskan kalau dah nak habis.

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Boleh Tuan Pengerusi? Sikit sahaja. Saya tengok Yang Berhormat Sik ini cukup minat ini.

Tuan Che Uda bin Che Nik [Sik]: Kawan baik ni. Saya nak timbulkan benda ini di bawah Perkara 150000 itu kalau boleh dicantumkan dengan 40000. Bolehkan Yang Berhormat Tangga Batu setuju bahawa Istana Budaya itu membuat benda yang terbaiklah, menyerapkan nilai-nilai seni di situ. Boleh atau tidak kementerian ini memastikan bahawa setiap drama/filem yang dikeluarkan di negara ini sekurang-kurangnya memasukkan satu unsur seni dalam filem-filem atau drama-drama mereka. Kalau India kita tengok filem apa pun dia mesti masuk tetapi kita ini kalau tengok drama moden, tak nampak langsung ciri-ciri budaya asli ini. Terima kasih.

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Yang Berhormat. Itu cukup baik dan boleh masuk dalam ucapan dan akan dijawab oleh Menteri. Saya tak dapat jawab itu, kalau saya Menteri saya boleh jawab. Tuan Pengerusi, saya sebut tadi boleh tak kalau pihak kementerian di bawah Butiran ini membina lebih lagi standard Istana Budaya ini di negeri-negeri. Terutamanya Negeri Melaka, Bandar Warisan Dunia.

Ini kerana saya percaya produser atau penerbit teater Siti Hasmah umpamanya, penerbit teater Puteri Gunung Ledang, penerbit teater Badai Semalam, mereka akan berada dalam kaedah kerugian jika bakat dan juga kualiti persembahan itu hanya berada di dalam Wilayah Kuala Lumpur sahaja. Boleh sekiranya kalau tamat semalam di Kuala Lumpur, kumpulan teater ini berpindah ke negeri Melaka, berpindah ke negeri Pulau Pinang, berpindah ke Kota Bharu atau *New Castle* umpamanya. Di sana meneruskan persembahan-persembahan ini yang sekali gus boleh menjadikan satu pulangan kepada pelaburan yang lumayan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Sila Yang Berhormat Silam.

5.25 ptg.

Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]: Terima kasih Tuan Pengerusi, kerana memberikan saya ruang dan peluang untuk turut sama dalam perbahasan ini. Saya terus kepada Butiran 40600 - Program Pemuliharaan/Pemugaran Tinggalan Sejarah dan Butiran 44700 - Kajian Sektor Kebudayaan Muzium dan Antikuiti. Menyentuh kedua-dua Butiran ini, saya sebenarnya lebih fokus terus menjurus ke kawasan saya, Parlimen Silam. Daripada segi sejarah, menyimpan pelbagai khazanah warisan sejarah dan sejarah awal permulaan tamadun Islam. Terutamanya untuk di kawasan Pantai Timur di negeri Sabah.

Telah beberapa kali saya suarakan dalam Dewan yang mulia ini agar satu usaha dibuat oleh kementerian dan perlu disegerakan sebenarnya. Ini kerana kita melihat apabila kita rujuk tentang perkembangan kebudayaan ini dan ramai juga sahabat-sahabat di Dewan yang mulia ini, banyak membincangkan soal kekuatan kebudayaan sesebuah masyarakat itu terutamanya kita di negara Malaysia ini.

Saya rasa tidak kurangnya juga bagi kita di negeri Sabah, terutamanya kawasan-kawasan tertentu yang barangkali ramai daripada kalangan penduduk dan masyarakat setempat di negara kita ini juga tidak mengetahui perkara sebenar. Apa yang pernah ditinggalkan dalam sejarah dahulu kala, terutamanya daripada segi perkembangan kebudayaan dan tamadun agama Islam.

Saya berharap supaya kementerian dapat mengambil perhatian atas saranan dan cadangan saya untuk usaha-usaha mengkaji dan memelihara tapak warisan sejarah. Saya minta di masa akan datang apabila sesuai masanya untuk kita angkat tapak tersebut sebagai tapak warisan sejarah. Terutamanya di kawasan negeri Sabah sebab ini penting bagi kita dalam jangka masa panjang sebagai warisan kepada generasi akan datang. Di samping sektor pelancongan akan dapat kita kembangkan jika program pemuliharaan tinggalan sejarah ini dapat diambil perhatian sewajarnya oleh pihak kementerian. Tuan Pengerusi, sangat penting bagi kita melihat perkembangan sejarah-sejarah agama dalam negara kita ini untuk suatu kekuatan yang perlu sama-sama kita ambil tahu.

Saya juga menggesa kementerian dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi untuk mempergiatkan lagi bidang *research development* berkaitan dengan kedatangan Sheikh Mahdom iaitu individu yang bertanggungjawab untuk mengislamkan masyarakat Idaan terutamanya di kawasan Pantai Timur negeri Sabah, di kawasan lembah sampai ke kawasan Gua Madai. Kita dapati bahawa setakat ini artifak yang ada di negara Malaysia ini hanya terdapat di Muzium Arkib Negeri Sabah. Saya berharap supaya pihak kementerian dapat memperdalamkan kajian ini sebab orang yang menyimpan khazanah tinggalan sejarah perkembangan Sheikh Mahdom dan tulisan awal masyarakat Idaan ini sekarang ini disimpan di Arkib Negeri Sabah. Saya minta supaya kementerian dapat mempergiatkan kajian yang lebih mendalam lagi. Di samping itu juga, setakat ini apakah usaha kementerian untuk memastikan dapat memelihara simpanan tulisan sejarah yang telah dibuat oleh masyarakat Kaum Idaan dari kawasan Lahad Datu sebab ini penting kerana rekod ini bukan mudah kita dapat Tuan Pengerusi.

Jadi, kalau kementerian dapat bertanggungjawab untuk memastikan keselamatan simpanan arkib sejarah ini untuk sebagai rekod dan sebagai satu kekuatan untuk mengkaji lagi dan memperdalamkan usaha-usaha untuk konsep cinta kepada negara kita. Di samping sebagai pengetahuan kepada masyarakat umum dan juga kepada masyarakat antarabangsa tentang kajian perkembangan sesuatu kebudayaan dalam sesebuah masyarakat itu. Saya juga pohon agar muzium khas dibina untuk menempatkan hasil-hasil sejarah yang ditemui di gua-gua terutamanya di kawasan Pantai Timur Sabah yang banyak terdapat memanjang daripada kawasan Parlimen Kinabatangan sampai ke kawasan Parlimen Semporna. Ini kerana saya dapati setakat ini kebanyakan inisiatif yang akan dibuat oleh Kementerian Pelancongan Negeri Sabah pun sudah ada.

■1730

Akan tetapi, belum lagi memadai untuk memastikan muzium-muzium ini dapat kalau boleh dikembangkan dan disusun atur, ini kerana dalam tahun 2009 dalam penggal Parlimen ini, saya pernah mencadangkan supaya muzium luar bandar diwujudkan dan dibina di kawasan Pantai Timur negeri Sabah terutamanya di kawasan lembangan tamadun awal manusia yang didapati di Borneo di negeri Sabah iaitu di kawasan Pantai Timur di Lembangan Tingkayu.

Saya minta supaya kementerian dapat mengambil perhatian yang serius dalam perkara ini sebab saya dapati kajian ini tidak ada suatu bukti yang nyata, inisiatif yang berat yang diambil oleh kementerian untuk memastikan sejarah-sejarah yang ditemui di kawasan gua-gua seperti Batu Rong, Gua Madai dan Lembah di Tingkayu terutamanya hasil kajian yang berkaitan dengan penduduk awal yang terdapat di kawasan Borneo di negeri Sabah, di samping artifak-artifak yang penting yang telah kita tahu dan banyak didapati daripada sejarah-sejarah lama dan yang sekarang ini Tuan Pengerusi, kebanyakan maklumat yang kita dapati ini hanya kita sandarkan kepada maklumat orang tua-tua yang ada di kawasan kita tetapi dari segi aktiviti merekodkan itu belum lagi sistematik. Kita risau di masa akan datang ianya akan pupus ditelan masa begitu sahaja. Saya mintalah supaya kementerian mengambil usaha ini dan ini penting untuk di masa akan datang juga.

Tuan Pengerusi, sebab kenapa saya membangkitkan dalam butiran ini penting kerana kita lihat bahawa tidak ada satu sebenarnya kekuatan yang boleh kita banggakan untuk sesebuah masyarakat itu dan mungkin juga kita beranggapan bahawa negeri Sabah itu mungkin hasil sejarahnya, rakyatnya datang daripada negara jiran ataupun negara yang berdekatan dengan Borneo ataupun Sabah dan Sarawak tetapi sebenarnya ada kekuatan tersendiri yang belum lagi dikaji terutamanya penduduk awal di Borneo yang kita tahu di lembangan di Tingkayu tetapi belum ada lagi satu kajian yang sistematik dan kukuh untuk diambil berat oleh pihak kementerian.

Saya juga pernah minta dan cadangkan dalam Dewan yang mulia ini supaya kawasan tersebut juga kalau sudah sesuai untuk kita sama-sama pohon menjadi simpanan warisan sedunia sebab banyak artifak yang barangkali belum lagi diambil kira dan diambil berat oleh pihak jabatan ataupun kementerian yang berkaitan.

Tuan Pengerusi, seterusnya juga saya menggesa kementerian ini dalam kajian sektor kebudayaan, muzium dan antikuiti ini, kemudahan-kemudahan seperti barangkali kalau di zon Pantai Timur, kita tahu dengan Pesta Regatta Lepa yang diraikan di kawasan Parlimen Semporna. Akan tetapi, kita dapati juga sebenarnya aspek ataupun budaya-budaya seumpama ini kita boleh perbanyakan, perluaskan lagi ke tempat-tempat lain. Barangkali kesesuaian ini di zon Pantai Timur kita dapati daripada kawasan Parlimen Tawau sampai ke kawasan Sandakan yang kita dapati didominasi oleh kaum Bajau, kaum Suluk dan kaum Iranun serta kaum-kaum yang tinggal di pesisir ini.

Saya minta supaya kalau macam misalnya kita kenali Langkawi itu dengan program LIMA ataupun tempat-tempat lain seperti Terengganu terkenal dengan penyunya, barangkali untuk di kawasan Parlimen Silam saya ingin mencadangkan perahu kaum masyarakat Bajau dan Suluk yang disebut sebagai 'dapang' ataupun kadang-kadang 'boguk' supaya dapat diambil perhatian dari segi kajian seni binanya. Saya mencadangkan supaya pesta laut ataupun pesta kebudayaan kesenian yang perlu diangkat bersama oleh kementerian ini untuk dipelihara budaya sesuatu masyarakat itu bagi menggambarkan keunikan dan kepelbagaian masyarakat di kawasan negeri Sabah ini.

Tuan Pengerusi, saya mengharapkan sangat supaya insentif ataupun geran tertentu diberikan kepada sektor ini untuk dikembangkan, diberi penjelasan kepada masyarakat di kawasan luar bandar yang ada kaitan dengan sektor barangkali kalau musim tengkujuh mereka jarang untuk boleh menangkap ikan ke laut dan pada masa yang sama barangkali kita berharap mungkin kalau ada pesta kebudayaan dengan menjual kraf tangan dan sebagainya, ini boleh menambah punca pendapatan kepada masyarakat setempat.

Saya berharaplah supaya kementerian ini dapat mengambil perhatian sebab kita tahu kesan dan peninggalan sejarah yang begitu banyak yang belum lagi dikaji. Barangkali yang terbaru ini kita ucapkan tahniah juga kepada kementerian ini yang telah berusaha menjadikan Lembah Lenggong menjadi warisan sedunia. Jadi di masa akan datang saya berharap supaya kajian seterusnya untuk mengangkat kawasan-kawasan di negara kita ini menjadi satu tempat bersejarah yang menjadi kekuatan terutamanya untuk tarikan pelancongan, apatah lagi apabila kerajaan kita ataupun kerajaan sekarang ini dapat memikirkan untuk perkembangan pelancongan sebagai satu sektor yang akan menjadi sektor utama dalam masa akan datang untuk peluang-peluang pekerjaan masyarakat setempat.

Memang bersesuaian kalau kementerian dalam butiran yang saya sebutkan itu dapat diberi perhatian dan sudah tiba masanya supaya penekanan dan peruntukan yang sewajarnya dilebihkan bagi memastikan kajian itu dapat dibuat secepat mungkin. Mungkin hasil dapatan itu saya berharap supaya kementerian dapat memberikan maklumat itu kepada saya dan kita sama-sama memikirkan bagaimana kita boleh meneroka agar dapat diperdalami dan diperhalusi lagi supaya kajian ini dapat dibuat dan memastikan menjadi satu produk yang penting bagi pemuliharaan kawasan yang ada kepentingan nilai-nilai sejarah.

Tuan Pengerusi, akhirnya saya berharap sangat dalam butiran yang saya bincangkan pada petang ini supaya dapat perhatian daripada kementerian. Saya minta supaya dalam masa terdekat ini, pihak kementerian dapat menghantar satu kumpulan ataupun pasukan membuat kajian awal bagi memastikan dapat dibuat satu kenal pasti awal untuk sebagai satu garis panduan untuk kita dapat memperdalamkan dan memastikan cadangan yang saya buat ini akan diambil perhatian oleh pihak kementerian. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Serdang.

5.37 ptg.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hanya ada dua perkara. Satu iaitu di bawah Butiran 220400 – Pengwujudan Jabatan Bahagian Perlindungan Data Peribadi.

Saya rasa Akta Perlindungan Data Peribadi telah diluluskan di Dewan ini pada tahun 2009 dan saya percaya bahawa akta ini telah dikuatkuasakan pada Jun tahun ini. Saya juga terima satu jawapan daripada kementerian ini bahawa pada bulan Ogos yang lalu, kementerian ini telah menghantarkan 5,782,000 SMS kepada warganegara Malaysia untuk menjemput mereka bagi menghadiri sambutan hari kemerdekaan di Dataran Merdeka.

Saya rasa tingkah laku sebegini telah menyalahi Akta Perlindungan Data Peribadi 2009. Ini kerana kalau saya merujuk kepada seksyen 6(1) yang telah memperuntukkan bahawa seseorang pengguna data tidak boleh memproses data peribadi mengenai seseorang subjek data melainkan jika subjek data itu telah memberikan persetujuan bagi pemprosesan data peribadi itu.

Dengan kata lain, apabila kita sebagai pengguna kepada syarikat telco, kita membekalkan data peribadi kita seperti nama kita, umur kita dan juga nombor telefon kita, tujuan kita adalah untuk mendapat perkhidmatan daripada syarikat telco tersebut dan kita tidak pernah memberi keizinan ataupun persetujuan kepada syarikat-syarikat telco ini untuk menghantar SMS bagi mana-mana pihak sama ada itu bagi pihak Kerajaan Pusat atau bagilah syarikat-syarikat yang lain untuk tujuan mereka sendiri. Akan tetapi, sekarang bukan sahaja syarikat telco ini menghantar SMS ini bagi pihak Kerajaan Pusat kepada pengguna-pengguna, kepada rakyat jelata Malaysia tanpa keizinan kita, tetapi juga mereka membuat sedemikian, mereka menghantar SMS itu sedemikian atas permintaan daripada SKMM. Saya rasa ini tidak patut.

■1740

Sepatutnya Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) ini mereka sepatutnya menjalankan tugas untuk memastikan bahawa data peribadi kita tidak disalah gunakan oleh syarikat *telco* kerana saya rasa tiap-tiap hari saya pun terima sms daripada tidak tahu syarikat dari mana mereka dapat nombor saya dan hantar pelbagai SMS kepada kita. Ini sepatutnya menjadi tugas SKMM untuk memastikan bahawa syarikat telco tidak menjual atau menggunakan data peribadi kita untuk syarikat-syarikat yang lain.

Akan tetapi sebaliknya, SKMM sekarang meminta syarikat telco ini untuk menghantar SMS ini. Saya rasa tingkah laku sebegini telah melanggar dengan semangat Akta Perlindungan Data Peribadi 2009 dan saya rasa ini adalah satu kesalahan yang boleh didenda dengan denda tidak melebihi RM300,000 ataupun dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun ataupun kedua-dua.

Jadi saya nak mintak satu penjelasan dan juga pandangan daripada Timbalan Menteri kita sama ada tingkah laku sebegini telah melanggar semangat Akta Perlindungan Data Peribadi 2009. Selain daripada itu, pada bulan Mac tahun ini saya bersama dengan Ahli Parlimen Lembah Pantai telah pergi ke Biro Aduan Pengguna Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia di Putrajaya untuk membuat satu aduan kerana saya juga pada bulan Mac yang lalu telah menerima tiga MMS yang mengandungi foto dan juga video lucah melalui telefon bimbit saya.

Saya tidak tahu siapa yang menghantar MMS itu tetapi ketiga-tiga MMS ini datang dari nombor telefon yang sama. Saya telah meluangkan masa saya untuk membuat satu aduan dengan SKMM tetapi saya rasa amat mengecewakan kerana sampai hari ini sudah lebih daripada enam bulan, sudah lebih daripada setengah tahun tetapi sampai hari ini tidak menerima apa-apa maklum balas daripada SKMM.

Saya rasa walaupun saya tidak dapat untuk membekalkan nama penghantar MMS lucah tersebut tetapi saya rasa saya telah menjalankan tugas kita, saya telah membekalkan nombor telefon yang hantar MMS itu. Jadi saya rasa tidak susah sangat untuk SKMM untuk mencari, mengenal pasti siapa yang menghantar MMS tersebut. Saya rasa sekiranya, saya sebagai Ahli Parlimen, saya ingin menjalankan tugas saya sebagai seorang warga Malaysia bertanggungjawab. Jadi saya meluangkan masa saya untuk membuat aduan.

Akan tetapi saya rasa ada banyak lagi warga Malaysia di luar, mereka terima MMS sedemikian ataupun MMS lucah yang lain tetapi mereka rasa itu mengambil masa yang panjang jadi mereka tidak berminat ataupun meluangkan masa mereka untuk membuat aduan. Akan tetapi saya rasa sekiranya selepas saya membuat aduan, saya pun tidak menerima apa-apa maklum balas daripada SKMM. Jadi bagaimana kita boleh menggalakkan orang awam yang lain yang terima MMS yang sedemikian untuk membuat laporan dengan SKMM.

Saya rasa pada zaman ini, budak-budak mereka pun boleh mempunyai telefon bimbit mereka sendiri. Jadi saya rasa ini adalah satu isu yang serius. MMS yang saya terima itu bertajuk "Anwar tidak bermoral" dan satu lagi bertajuk "Anwar pembohong". Saya rasa isi kandungan MMS ini memanglah hendak menjatuhkan maruah Ahli Parlimen Permatang Pauh.

Jadi saya rasa ini adalah MMS yang berunsur politik. Jadi saya harap SKMM bolehlah menjalankan tugas mereka bukan pergi jumpa syarikat telco minta mereka menghantar SMS bagi pihak kerajaan walaupun tingkah laku sebegini, perbuatan sebegini telah melanggar Akta Perlindungan Data Peribadi 2009. Selain daripada itu apabila kita rakyat jelata, kita membuat aduan kepada SKMM, saya harap SKMM boleh menjalankan tugas mereka untuk cari siapa penghantar SMS tersebut. Saya rasa sekarang semua nombor telefon kita mesti buat pendaftaran. Kita mesti tulis siapa pengguna itu. Kita mesti membekalkan semua maklumat ini kepada syarikat telco.

Jadi bukan susah sangat untuk SKMM untuk mengenal pasti siapa penghantar ketiga-tiga MMS tersebut yang berniat jahat untuk menjatuhkan maruah Ahli Parlimen Permatang Pauh. Jadi saya ingin mendapat satu penjelasan daripada Timbalan Menteri, apa tingkah laku yang telah diambil oleh kementerian, oleh SKMM terhadap aduan yang saya buat pada bulan Mac lalu? Terima kasih Tuan Pengerusi.

5.35 ptg.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Terima kasih kepada Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada Balik Pulau untuk berbahas pada peringkat Jawatankuasa mengenai Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan. Saya ingin bahas terutama sekali mengenai aspek Komunikasi iaitu 040000. Saya melihat di sini di bawah penjelasan antara objektifnya ialah penggubalan undang-undang, akta berkaitan industri komunikasi, kajian impak dasar komunikasi.

Yang Berhormat Menteri amat arif hubungan kait media dan demokrasi. Media mempunyai hubungan langsung dengan kedudukan demokrasi dan hatta dari segi kajian menunjukkan kalaupun tidak boleh diterima mungkin sebagai satu rujukan. *Freedom House* membuat kajian bahawa negara-negara yang mana bebas, separuh bebas dan sebagainya mempunyai impak langsung terhadap kedudukan ekonomi, dasar demokrasi dan sebagainya.

Soalan saya Yang Berhormat Menteri, adakah ini bermaksud kajian impak dasar komunikasi ini telah dibuat? Saya mahu tahu bila ianya mula dibuat? Terutamanya dalam hubung kait dengan tahap demokrasi. Khusus antara hubungan media dan demokrasi. Soalan saya khusus Tuan Pengerusi. Bila ianya dibuat dan saya mahu tahu, Yang Berhormat Menteri tolong jelaskan dalam Dewan yang mulia ini apa keputusannya, di sini dikatakan outputnya. Saya juga mahu tahu terutama khusus apakah perancangan kerajaan terutama dalam mahu membelanjakan peruntukan untuk 2013 ini di atas kata kunci impak dasar komunikasi.

Dalam hal ini saya mahu merujuk kepada Yang Berhormat Menteri terutama sekali cadangan semalam seperti yang dikatakan oleh SPR semalam, ada persefahaman di antara dua kementerian ini terutama sekali di dalam merangka perjalanan pilihan raya yang akan datang. Saya mahu tahu *air time*nya banyak mana, macam mana dari segi SOPnya dari segi prosesnya dan bagaimana kita Ahli-ahli Parlimen boleh lebih bersedia kerana semalam kita mendapat penjelasan dari SPR. Sekarang ini saya mahu penjelasan daripada pihak Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan.

Yang Berhormat Menteri seterusnya untuk item yang kedua, saya ingin memohon penjelasan Yang Berhormat Menteri mengenai isu yang saya bangkitkan ketika berbahas mengenai Kementerian Pembangunan Bandar dan Desa iaitu mengenai isu jalur lebar. Saya mahu Yang Berhormat Menteri menjelaskan kalau ikut di sini projek jalur lebar, item 31000 ini, banyak juga iaitu RM200 juta. Jadi saya memohon Yang Berhormat Menteri, soalan saya khusus mengenai perancangan jalur lebar di desa iaitu soalan saya khusus di mana, bagaimana dan tahap megabait per *second* itu berapa? Ini kerana bagi saya untuk sebuah negara yang mahu menjadi negara maju 2020 ini, sekurang-kurangnya anggaran saya megabait per *second* sekurang-kurangnya 30 ke 40, barulah kita boleh *upload, download* dan sebagainya.

Kalau ia masih lagi di bawah macam kita di Parlimen dikatakan antara 11 hingga 15, saya rasa banyak perkara lagi yang perlu kita buat. Kebetulan Tuan Pengerusi pun tahu kita menghadiri *World e-Parliament* Yang Berhormat Menteri, berbincang di Rome baru-baru ini bagaimana semua negara membandingkan kita punya pencapaian-pencapaian, usaha-usaha mereka ke arah menjadikan ICT ini sebagai satu kekuatan terutama dalam agenda-agenda pendemokrasian.

Dalam hal ini Yang Berhormat Menteri saya tanya khusus mengenai desa dan saya tanya khusus juga mengenai Parlimen Balik Pulau. Apa perancangan jalur lebar kementerian terutama untuk Parlimen Balik Pulau yang kebetulan diangkat oleh Kerajaan Pusat dan juga Kerajaan Negeri untuk agenda hak pendidikan. Mana mungkin agenda hak pendidikan yang canggih dapat dilaksanakan dengan baik kalau tidak selari, seiringan dengan agenda projek jalur lebar.

■1750

Atas dasar itu Yang Berhormat Menteri, saya ingin katakan dan Yang Berhormat Menteri mungkin boleh sanggah pandangan saya ini, saya katakan sekarang ini *internet* adalah hak asasi manusia. *Internet is a human right*, maksudnya kalau hari ini kerajaan menggalakkan pendekatan ICT tetapi akses maklumat kepada rakyat terbantut. Saya rasa perkara itu perlu dijelaskan oleh kerajaan kerana ini bermaksud rakyat akan sukar untuk melakukan perkara-perkara dan tanggungjawab mereka. Perkara-perkara tersebut mungkin boleh memberi implikasi perlembagaan. Apa yang saya maksudkan di situ ialah sebaliknya, sekiranya kerajaan memungkinkan perkara tersebut ianya akan menjayakan perkara-perkara yang perlu dilakukan oleh masyarakat di bawah tanggungjawab sebagai masyarakat yang baik.

Pada masa yang sama Yang Berhormat Menteri, saya terpanggil untuk menyentuh sedikit apa yang dikatakan oleh rakan saya daripada Serdang tadi. Mana mungkin suruhanjaya dengan kekuatan yang ada untuk siasatan sebegitu tidak dibuat. Sebenarnya saya pun dapat SMS, MMS itu. Dia beri dalam berapa *seconds* saya ingat. Saya ingat saya dapat sampai bertalu-talu rekod pasal video lucah mengenai Yang Berhormat Permatang pauh ini. Kebetulan pula saya tengok isu itu pada satu ketika jadi satu isu yang panas, ketika itu ada video macam-macam.

Di sini Yang Berhormat Menteri, di kala kita- Yang Berhormat Menteri pun tahu ISP kita semua memang monopoli. Kerajaan yang kontrol. Telekom atau apa. Senang hendak pantau. Maksudnya kalau kementerian mahu buat, boleh. Mahu kekuatan sepenuhnya perundangan, rakan bijaksana saya pun cakap tadi dari segi akta pun ada kuasa. Dari segi undang-undang jenayah pun ada. Apatah lagi kalau tidak boleh juga kita boleh ke mahkamah mendapat perintah mahkamah kalau perlu untuk mendapatkan akses kepada orang-orang tertentu.

Apatah lagi Yang Berhormat Menteri, seksyen 114A juga telah diluluskan *presumption of facts*. Maksudnya kalau orang hantar nombor tadi itu, SMS dengan MMS itu, apatah lagi sekarang pula nombor mesti didaftar walaupun *prepaid* dan sebagainya. *Presumption of facts,* orang itu yang perlu buktikan bahawa dia bukan orang yang menghantar. Tidak mungkin perkara itu SKMM tidak boleh buat? Saya pun tahu kebetulan Ketua SKMM pun saya kenal, orang yang punya latar belakang undang-undang. Hebat orangnya. Tidak mungkin dia tidak boleh beri nasihat perkara begini.

Seterusnya Yang Berhormat Menteri, saya menyentuh item yang ketiga iaitu mengenai isu Butiran 230400 - Kumpulan Wang Warisan dan Pengurusan Tapak Warisan Dunia. Sekali lagi Yang Berhormat Menteri saya bangkitkan isu ini dan untuk tujuan rekod saya mengatakan bahawa saya dapat maklum balas yang baik dari Menteri sendiri, ketika itu kita bahaskan mengenai isu tapak warisan masjid antara tertua di Asia Tenggara, Masjid Batu Uban.

Ketika itu Menteri memberi penjelasan yang baik kepada saya apa yang berlaku di lapangan, apa yang berlaku di dalam pejabat. Akan tetapi Menteri, saya mahu tahu di Dewan yang mulia ini, apa perkembangan terbaru mengenai usaha ke arah mengangkat Masjid Batu Uban sebagai masjid warisan dan yang tertua di Asia Tenggara?

Kedua Yang Berhormat Menteri, ini saya mohon campur tangan Yang Berhormat Menteri kerana dia melibatkan syarikat GLC kerajaan. Projek UDA untuk membangunkan Kampung Tanjong Tokong. Baru-baru ini memang kita nampak secara umum macam seolah-olah sudah selesai. Maksudnya beri kondominium kepada penduduk-penduduk ini.

Berilah apartmen. Yang Berhormat Menteri, cadangan yang dicadangkan oleh UDA tersebut saya khuatir tidak mendapat pandangan kementerian yang memang arif mengenai hal ehwal warisan.

Yang Berhormat Menteri, saya rasa cadangan UDA tersebut boleh diperbaiki terutama sekali mengambil kira dasar warisan negara, mengambil kira aspirasi kebudayaan negara, mengambil kira komitmen kerajaan negeri dan juga saya rasa komitmen kementerian sendiri. Maksud saya itu, setakat hari ini Tuan Pengerusi, mana mungkin warisan itu hanyalah satu sudut galeri. Tidak mungkin. Warisan ini mestilah satu warisan yang hidup. Maksudnya kalau kita kata Kampung Tanjong Tokong itu ialah mungkin kampung yang mungkin satu-satunya kampung Melayu tradisi di Georgetown.

Bayangkan kalau hari ini, projek yang dibangunkan oleh UDA, UDA pun dapat tanah daripada kerajaan. UDA bukan tidak ada duit pun. Dia dapat harta, dapat semua pun, yang jadi pengerusi dan jadi semua disebabkan keputusan kita. Jadi di sini saya rasa kalau Yang Berhormat Pekan dengan kepimpinan hari ini boleh memberi arahan kepada kementerian, cadangkan satu cadangan yang lebih baik kepada UDA di dalam menyantuni agenda warisan kerana benda itu telah diangkat. Saya mohon pegawai, kalau perlu kepakaran sokongan, ada kebetulan profesor Wazir Jahan, Professor Muhammad Haji Salleh, USM membentuk satu usaha NGO.

Saya berkata begini Yang Berhormat Menteri kerana saya kasihan pakar-pakar ilmuwan ini berusaha secara sendiri tanpa bantuan kerajaan dan sebagainya, mahu menjadikan agenda warisan ini. Saya yakin UDA mempunyai kekuatan kewangan, UDA bukannya rugi. UDA setakat hari ini, laporan yang dihantar dekat kita dia untung. Apa salahnya atas dasar CSR, atas dasar kebudayaan, atas dasar komitmen kerajaan, dia membaiki lagi. Setakat ini saya menggunakan perkataan membaiki sebelum saya katakan di sini rakyat ada yang tidak bersetuju akan bangun menyanggah agenda warisan kerajaan yang katanya ialah melepaskan batuk di tangga.

Akan tetapi di sini Yang Berhormat Menteri, kami masih lagi memberi harapan dan peluang kedua kepada kerajaan untuk memberi nasihat kepada UDA. Saya rasa UDA pun, saya ucapkan terima kasih kepada pengerusi yang ada di sini, yang kebetulan rakan Ahli Parlimen berbincang dengan kerajaan ini. Akan tetapi saya mahu perkara tersebut mendapat bimbingan, tunjuk ajar secara langsung oleh kementerian. Saya mahu Menteri menjelaskan di dalam Dewan ini apa peranan kementerian dalam projek tersebut ataupun UDA dan kerajaan tidak minta langsung bantuan atau kepakaran kementerian, yang mana saya rasa latar belakang dan maklumat itu sendiri.

Akhir sekali Yang Berhormat Menteri, saya ingin menyentuh sedikit isu Butiran 01200 – Pembangunan Kandungan Penyiaran Digital. Yang Berhormat Menteri, media pada hari ini telah melalui satu evolusi yang saya rasa kita semua maklum, pembentukan sosial media dan sebagainya telah memberi satu impak langsung, kita lihat apa berlaku di Timur Tengah, di Arab dan sebagainya. Akan tetapi dalam konteks ini yang saya mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri ialah sejauh mana kementerian terutama RTM ini mengambil manfaat kekuatan *YouTube*, kekuatan sosial media, kekuatan banyak lagi ini kerana saya rasa sekiranya ia diambil, ia mampu dan akan memberi kesan penyiaran yang lebih efektif.

Saya juga kebetulan baru-baru ini terlibat di dalam perbincangan. Masing-masing ada sedikit baru ini ada perbincangan. Kebetulan perbincangan mengenai *public broadcasting*. Isunya *public broadcasting*. Sehinggakan di Amerika itu menjadi isu politik apabila Mitt Romney salah cakap mengenai *Big Bird,* mengenai *Sesame Street* itu. Sehingga dikatakan kalau dia naik dia akan hapuskan *Big Bird*. Sebegitu pentingnya isu *public broadcasting* ini.

Apa yang saya maksudkan di sini Yang Berhormat Menteri, sehingga hari ini isu ini mungkin dimonopoli oleh RTM kerana saya tahu di Singapura baru-baru ini diwujudkan *public broadcasting grant,* yang mana dia menggalakkan pengusaha-pengusaha bukan sahaja di pihak kerajaan untuk mengambil bahagian dalam usaha-usaha *public broadcasting.* Yang Berhormat Menteri, ini adalah kerana dalam agenda pembangunan negara, *someone* ataupun sesiapa mesti mengambil tanggungjawab mengadakan kerja-kerja perkhidmatan awam ini.

Dalam hal ini kita mungkin tidak mahu membebankan semua kepada RTM tetapi yang saya mahu mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri, apa dasar dia? Apa perancangan di dalam menyantuni agenda *public broadcasting* ini kerana saya rasa terbukti membantu banyak dalam agenda pembangunan masyarakat, pendidikan, agenda kebudayaan dan sebagainya.

Saya rasa Yang Berhormat Menteri, perkara ini perlu diberi penjelasan di Dewan ini kerana ini antara isu yang dibincangkan kebetulan baru ini di Praque, Forum Media dan Demokrasi. Kebetulan saya dan juga Pengarah *Director General European Union Broadcasting* berbincang isu-isu ini dan saya rasa isu ini juga saya mahu mohon pandangan Menteri, apakah yang Malaysia telah rancang rakyat Malaysia mengenai *public broadcasting*? Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Lenggong. Selepas Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Tenom.

5.58 ptg.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya merujuk Butiran 110000 – Perpustakaan Negara, Butiran 110200 – Pembangunan Perpustakaan dan perkara berkaitan dengannya. Kita tahu bahawa kerajaan menggalakkan rakyat untuk membaca dan tentunya budaya membaca ini penting bagi membolehkan kita melahirkan lebih banyak dan ramai rakyat yang mempunyai pengetahuan dalam pelbagai bidang. Sehubungan dengan itu, saya ingin mendapat penjelasan daripada kementerian mengenai kewujudan perpustakaan-perpustakaan desa yang dibuat di pelbagai tempat. Bagaimana usaha yang dibuat oleh kementerian untuk membolehkan perwujudan perpustakaan di desa-desa ini dapat benar-benar dimanfaatkan oleh rakyat?

Apakah usaha-usaha Tuan Pengerusi dan aktiviti-aktiviti yang baik kerana kita mesti faham bahawa hari ini, setakat ini menghadapi persaingan dengan wujudnya pelbagai media lain yang sebenarnya lebih menarik minat terutama sekali di kalangan golongan muda dan juga kanak-kanak. Oleh sebab itu saya ingin tahu bagaimana usaha kementerian untuk melakukan usaha-usaha yang lebih terkini bagi menyaingi cabaran yang ada pada masa ini.

■1800

Saya juga ingin merujuk 050000 – Penyiaran dan 060000 – Jabatan Penerangan. Juga kita faham bahawa kedua-dua jabatan ini amat penting sekali terutama sekali dalam usaha kita untuk menyampaikan kepada rakyat pelbagai maklumat penting. Apatah lagi dalam keadaan sekarang, banyak maklumat yang tidak betul menguasai pemikiran rakyat terutama sekali apabila kita melihat hari ini begitu banyak laman-laman sosial yang berleluasa. Kebimbangan kita ialah jika kita tidak menyampaikan maklumat yang tepat kepada rakyat dan rakyat menerima maklumat yang tidak tepat melalui medium-medium lain ini, ia sudah tentu memberi kesan yang tidak baik kepada masa depan negara.

Oleh sebab itu bagaimana kuasa kementerian untuk menyaingi kepelbagaian dan inovasi melalui media-media ini supaya media kerajaan ini benar-benar menarik minat. Tidaklah nanti bila ada cerita menarik di rangkaian TV lain, TV1 ditutup, TV2 ditutup, tidak mahu dilihat kerana orang lebih tertarik melihat sumber saluran-saluran lain. Saya harap dan ingin tahu bagaimana pihak kementerian melakukan usaha ini.

Sehubungan dengan itu juga, saya ingin minta jasa baik pihak kementerian untuk-kerana sebelum ini di suatu kementerian ini diterajui oleh Menteri sebelum ini ada menyebut soal berkaitan dengan TV digital apabila kita bangkitkan tentang perlunya dinaik taraf pemancar siaran TV di Lenggong misalnya. Dia menyebut bahawa kita sedang menuju ke arah TV digital, kita tak perlu lagi perkara tersebut. Akan tetapi nampaknya ia tidak berlaku dan untuk itu saya mohon supaya pihak kementerian menaik taraf perkara tersebut bagi membolehkan siaran dapat diterima dengan jelas di kawasan-kawasan luar bandar.

Yang Berhormat Menteri, Tuan Pengerusi, saya juga ingin merujuk perkara 130000 – Warisan Negara. Saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan tahniah kepada pihak Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan khususnya kepada Jabatan Warisan Negara kerana akhirnya kita dapat melaksanakan program raikan kejayaan Lembah Lenggong sebagai tapak warisan dunia.

Sudah tentu usaha untuk mendapatkan pengiktirafan ini bukan satu kerja yang mudah kerana ia dilaksanakan sejak lebih daripada 20 tahun dahulu oleh usaha yang begitu gigih diketuai oleh Profesor Emeritus Dr. Zurina Majid dan pasukannya termasuk daripada Universiti Sains Malaysia dan sebagainya. Tentu juga penglibatan kerajaan negeri penting dalam perkara ini. Oleh sebab itu saya amat menghargai bagi pihak rakyat di kawasan saya, saya amat menghargai dengan usaha yang begitu baik dan dengan sendirinya Lenggong terkenal di seluruh dunia. Tentunya kita mahu supaya pengiktirafan yang kita peroleh ini dapat dikekalkan kerana kita tahu bahawa jika kita tidak memenuhi standard yang ditetapkan oleh UNESCO, bila-bila masa sahaja ia mampu dan boleh untuk menarik balik pengiktirafan tersebut.

Sebagaimana yang dijawab oleh Yang Berhormat Menteri waktu pertanyaan saya di peringkat dasar tempoh hari, Yang Berhormat Menteri menyebut bahawa satu Jawatankuasa Pembangunan Lembah Lenggong akan diwujudkan untuk melihat pelbagai aspek dan sebagainya. Sehubungan dengan itulah saya percaya bahawa banyak isu utama akan ditangani oleh jawatankuasa ini terutama sekali aspek pengambilan tanah kerana kawasan yang terlibat dengan Lembah Lenggong ini begitu luas sekali lebih daripada 1,400 hektar. Sudah tentu ia juga melibatkan pengambilan tanah rakyat, individu dan sebagainya.

Oleh kerana itulah jawatankuasa ini mesti benar-benar mempunyai kredibiliti dianggotai oleh pelbagai agensi di peringkat persekutuan dan negeri supaya usul-usul selain daripada isu-isu tanah, promosi bagaimana pembangunan, bagaimana kita nak meningkatkan usaha menarik ramai orang daripada negara ini dan juga daripada luar datang ke sini. Oleh sebab itu jawatankuasa ini mesti diketuai oleh individu yang benar-benar mempunyai keupayaan, mempunyai pengaruh dan berkredibiliti tinggi.

Bagi mewakili rakyat dan juga pimpinan di Lenggong, saya mohon mencadangkan supaya pihak Menteri dan kementerian mempertimbangkan supaya jawatankuasa ini diketuai oleh Ketua Setiausaha Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan bersama dengan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak supaya dengan kedudukan mereka, banyak isu dan perkara boleh ditangani dengan baik. Sudah tentulah Jabatan Warisan sebagaimana dimaklumkan oleh Yang Berhormat Menteri, akan menjadi urus setia kepada jawatankuasa ini. Untuk itu juga oleh kerana ia melibatkan juga isu-isu tempatan, saya mohon supaya Majlis Daerah Lenggong sendiri ataupun pejabat daerah tetapi saya fikir Majlis Daerah Lenggong lebih wajar, juga dilantik secara bersama sebagai urus setia yang diketuai oleh Jabatan Warisan ini. Sudah tentu apabila perkara ini dapat dilaksanakan dengan baik, kita dapat tangani pelbagai isu dan perkara terutama sekali untuk memastikan supaya pengiktirafan ini benar-benar memberi impak besar kepada negara, negeri dan juga di kawasan Lenggong itu sendiri dapat dilakukan dengan sempurna.

Kebimbangan saya ialah bila kita tidak memandang berat perkara ini daripada awal, saya bimbang perkara-perkara, isu-isu tanah misalnya akan diambil kesempatan oleh pihak tertentu yang sentiasa mahu menggagalkan usaha baik daripada kerajaan. Oleh sebab itu saya berharap supaya jawatankuasa ini diketuai oleh Ketua Setiausaha kementerian dan juga Setiausaha Kerajaan Negeri Perak supaya banyak agensi-agensi Kerajaan Persekutuan dan negeri dapat digabungjalinkan supaya Jabatan Warisan Negara mempunyai keselesaan untuk melaksanakan pelbagai perkara bagi membolehkan pengiktirafan ini benar-benar memberi impak besar kepada rakyat.

Sehubungan dengan itu juga, saya mohon supaya Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia meningkatkan akses internet di kawasan yang terlibat supaya mudah perkara-perkara yang berhubung kait dengannya dapat diakses dan juga dapat diketahui oleh masyarakat seluruhnya.

Saya harap supaya apa juga yang hendak kita lakukan ini dapat dilakukan dengan baik dan sudah tentulah saya minta supaya penglibatan pemimpin tempatan, wakil rakyat tempatan mesti menganggotai jawatankuasa ini supaya isu-isu dapat ditangani bersama dan suara rakyat diketengahkan dalam perkara ini. Itu sahaja Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Tenom.

6.06 ptg.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga turut ingin membahas di peringkat jawatankuasa berkenaan dengan Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan. Saya mulakan dengan butiran 160000 iaitu berkenaan dengan BERNAMA.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin tahu berkenaan dengan BERNAMA ini sejak ia diambil alih oleh pihak kerajaan. Apakah status terkini mengenai perjalanan dan juga operasi BERNAMA TV ini? Kita juga nak tahu berapakah rating BERNAMA TV berbanding dengan rancangan-rancangan TV yang lain seperti RTM1, RTM2 serta media-media stesen yang lain? Saya mendapat maklumat BERNAMA TV ini tidak mendapat peruntukan Tuan Pengerusi. Apa yang ada ialah BERNAMA sahaja iaitu lebih kurang RM38.84 juta pada tahun 2013 dan pada tahun ini RM36.02 juta. Jadi sejak pengambilan kerajaan ke atas BERNAMA TV, tidak ada peruntukan kewangan kepada saluran berita 24 jam.

Jadi mohon penjelasan Tuan Pengerusi. Kalau kita lihat Tuan Pengerusi, stesen TV Al-Hijrah mendapat peruntukan lebih kurang RM40 juta di bawah Jabatan Perdana Menteri. Jadi kita nak tahu mengapa TV Al-Hijrah yang setahun dua jagung ini menerima peruntukan yang cukup besar. Begitu juga apakah BERNAMA TV ini tidak penting dalam melaksanakan agenda kerajaan dari sudut aspek media massa? Kalaulah tidak ada peruntukan, saya kira projek untuk melaksanakan BERNAMA TV ini sudah gagal. Apakah tidak ada cara untuk menyelamatkan BERNAMA TV ini?

Saya mendapat maklumat bahawa ada ramai di antara kakitangan BERNAMA TV telah pun berhijrah ke media-media lain seperti akhbar dan stesen TV. Adakah hari ini BERNAMA TV ini sudah mempunyai Ketua Eksekutif yang baru? Begitu juga dengan bilangan kamera yang ada di BERNAMA TV, sekadar mempunyai tujuh ataupun lapan berbanding dengan RTM yang saya lihat mempunyai beratus-ratus kamera untuk membuat liputan berita secara harian. Jadi saya pohon penjelasan daripada pihak kementerian melihat perkara ini secara serius. Kita tahu bahawa peranan BERNAMA TV juga seperti peranan-peranan stesen lain yang besar di peringkat nasional dan juga antarabangsa. Kita lihat arwah jurukamera BERNAMA TV yang sanggup menggadaikan nyawa kerana bertugas di luar negara demi memastikan berita yang dapat disampaikan itu benar dan juga tepat.

■1810

Tuan Pengerusi, saya ingin beralih kepada Butiran 49000 berkenaan dengan Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia. Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian berkenaan untuk memajukan kraf tangan. Di kawasan saya yang Tuan Pengerusi mempunyai dua kampung yang sedang membangun untuk mewujudkan kraftangan. Saya lihat kampung ini mempunyai potensi yang luas iaitu Kampung Bakuku dan juga Kampung Alutok.

Saya lihat tumpuan kraftangan kepada Kampung Alutok tetapi bagaimana kepada Kampung Bakuku yang mana kraftangan yang dibuat ini mempunyai ciri-ciri yang begitu unik terutama daripada suku kaum Murut. Apakah program-program melalui Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia ini kepada kampung ini? Saya harap ini akan mendapat kerjasama dan dapat membantu khususnya kepada penduduk-penduduk kampung yang terlibat. Saya lihat secara tidak langsung boleh menambahkan lagi sumber pendapatan mereka melalui kraftangan ini dan kebanyakan pengusaha-pengusaha kraftangan ini kedua-dua kampung ini mereka mempunyai dua persatuan yang dianggotai oleh wanita semuanya. Saya harap pihak kementerian membantu masyarakat, kumpulan, ataupun persatuan ini untuk dalam soal mempromosi kraftangan mereka ke peringkat yang lebih jauh lagi.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh pula kepada Butiran 31000 - berkenaan Projek Jalur Lebar. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri banyak telah mewujudkan *internet* desa terutama kepada kampung-kampung yang mempunyai *WiFi* satu kampung itu. Cuma dalam Dewan yang mulia ini Tuan Pengerusi, bagaimana pula kawasan-kawasan yang tidak mempunyai liputan komunikasi? Saya ada beberapa tempat yang tidak mempunyai liputan komunikasi yang berhampiran dengan pekan tetapi tidak mendapat talian komunikasi yang begitu baik. Jadi saya ingin mencadangkan supaya tempat-tempat ini dilihat semula yang mana mereka tidak mempunyai talian komunikasi sehinggakan sistem perhubungan mereka pun tidak ada.

Talian telefon pun tidak ada, talian tetap pun tidak ada seperti di kawasan saya di Kampung Kaang, Kampung Baru Jumpa, Kampung Mailo Ulu ini berhampiran dengan pekan Tenom.

Akan tetapi, bagaimana pula yang jauh di pedalaman di Zon Ulu Tomani, Zon Rundum yang mana saya kira juga mereka harus menikmati sistem perhubungan yang baik terutama apabila berlaku kecemasan. Kita tidak mahu nanti susah sebab kalau sebagai contoh di Pangi ini sistem perhubungan mereka cuma bergantung kepada stesen kereta api yang ada radio tetapi untuk talian yang lain tidak ada. Mereka juga perlu menikmati akses *broadband,* internet seperti mana rakan-rakan mereka yang lain...

Datuk Siringan Gubat [Ranau]: Boleh mencelah?

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Sekejap, boleh Yang Berhormat Ranau.

Datuk Siringan Gubat [Ranau]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Tenom kerana memberi ruang saya untuk mencelahlah. Berkenaan dengan butiran yang sama iaitu projek jalur lebar. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada kementerian kerana dua tahun yang lepas telah meluluskan dua projek jalur lebar ataupun kampung WiFi, di kampung saya. Akan tetapi setakat ini, belum lagi terlaksana dan melihat kepada peruntukan secara langsung pada tahun hadapan ialah RM200 juta. Saya ingin mengetahui sama ada peruntukan untuk pelaksanaan ini tersenarai di kampung saya iaitu Kampung Kinarasan dan Kampung Matupang. Saya mohon supaya dimasukkan dalam perbahasan Yang Berhormat Tenomlah.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Terima kasih Yang Berhormat daripada Ranau. Dari Ranau pergi Tenom baru pergi kementerian. Ngamlah itu kan Yang Berhormat Ranau?

Datuk Siringan Gubat [Ranau]: Ya.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Okey. Terima kasih Tuan Pengerusi, saya juga ingin menambah sedikit berkenaan projek jalur lebar ini. Saya ingin mengetahui adakah lantikan dilantik di mana-mana macam di tempat kawasan saya di kawasan mualaf. Saya mendapat makluman ada satu lantikan yang akan dilantik untuk mengendali berkenaan dengan internet desa ini. Jadi saya harap dalam memilih pelantikan ini saya harap keutamaan itu diberikan kepada lokal, penduduk lokal di sana. Saya harap ini diberi peluang oleh pihak kementerian.

Saya beralih kepada butiran yang terakhir Tuan Pengerusi iaitu berkenaan dengan Butiran 40600 – Program Pemuliharaan Pemugaran Tinggalan Sejarah. Tuan Pengerusi, di tempat saya juga mempunyai satu tempat yang bersejarah yang dikenali sebagai Batu Berukir di Ulu Tomani. Mungkin ramai yang tidak tahu tetapi saya lihat tempat ini kurang mendapat perhatian.

Jadi melalui peruntukan yang tersedia ini melalui bajet untuk tahun hadapan Yang Berhormat Timbalan Menteri saya harap ini dapat diambil kira kerana Batu Berukir ini terlanjur sekian lama. Batu Berukir ini dilukis tentang sejarah bagaimana satu cerita, saya sendiri pun tidak tahu tetapi ianya berkisarkan kepada suku kaum Murut terutama di Ulu Tomani. Oleh sebab saya lihat di tempat itu kurang program untuk memulihara.

Kita takut nanti ukiran ataupun lukisan yang ada di batu itu akan hilang ditelan zaman. Jadi saya harap perkara-perkara tadi Tuan Pengerusi pihak kementerian dapat mengambil perhatian. Itu sahaja Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Ketereh, selepas itu Yang Berhormat Bakri. Yang Berhormat Tanah Merah, sila.

6.17 ptg.

Tuan Amran bin Ab. Ghani [Tanah Merah]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi saya peluang untuk turut serta dalam perbahasan kali ini. Sebelum saya pergi lebih jauh lebih lanjut saya ingin menyentuh belanjawan Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan.

Saya perlu sebutkan di sini bahawa tatkala jumlah pengurusan kementerian ini meningkat daripada tahun ini berjumlah RM1,784 juta menjadi RM1,801 juta, untuk tahun hadapan, jumlah yang diperuntukkan untuk pembangunan pula susut hampir kepada RM1,023 juta kepada hanya RM573 juta. Umumnya perkara ini sangat membimbangkan.

Saya terus kepada Butiran di bawah Butiran 050000 - Penyiaran, muka surat 548 ataupun lebih tepat lagi di bawah Butiran 050200 - Operasi Penyiaran. Perlulah saya mendapat kepastian daripada pihak Menteri akan khabar berita bahawa RTM semenjak beberapa tahun ini terus membayar royalti ke atas lagu-lagu yang dimainkan sama ada di TV1, TV2 dan semua radio milik RTM hanya sekitar RM1 juta sahaja saban tahun.

Bayaran berkenaan seolah-olah dengan izin, *flat rate*. Sedangkan RTM adalah badan penyiaran yang paling banyak stesen radio sama ada di peringkat nasional mahu pun negeri-negeri. Tatkala badan-badan penyiaran lain sama ada di bawah media prima ataupun ASTRO membayar jumlah royalti mengikut kadar berapa lagu-lagu dimainkan. Namun RTM milik kerajaan yang mempunyai bajet yang sedia ada hanya membayar RM1 juta sahaja. Kalau hal ini benar ia sungguh memalukan, wajar segera pihak kementerian menimbang semula kadar bayaran royalti tersebut demi mengembalikan hak kepada karyawan muzik kita.

Keduanya, di bawah tajuk yang sama ialah badan-badan ataupun organisasi pemungut royalti harus dibiarkan melaksanakan tugas mereka secara profesional dan tidak perlulah wujudnya ura-ura untuk pihak kerajaan menyatukannya. Ini adalah lambang campur tangan pemerintah kepada badan profesional tersebut sedangkan royalti yang sewajarnya dibayar kerajaan pun diabaikan saban tahun.

■1820

Di bawah Butiran 15000 – Istana Budaya iaitu di muka surat 551. Kita ingin mengucapkan tahniah kepada pegawai Istana Budaya kerana bertungkus-lumus menyusun acara sepanjang tahun walaupun dengan peningkatan jumlah belanjawan yang tidak sampai pun RM300,000 pada tahun hadapan. Pada hemat saya, jumlah sekitar RM28.7 juta itu nampak seakan-akan besar untuk sebuah agensi kerajaan.

Namun, pihak Istana Budaya sendiri haruslah bijak mencari sumbangan daripada swasta agar mempunyai sumber bantuan kewangan yang mantap apabila beberapa buah negara jiran kita seperti Singapura dan Indonesia dilihat lebih jauh dalam aktiviti pementasan teater khasnya.

Apa yang merisaukan ialah sejak tertubuhnya Istana Budaya lebih sedekad lalu, aktiviti-aktiviti teater di luar Istana Budaya itu, di panggung dan dewan-dewan lain seperti di panggung Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bahkan di MaTiC hampir lumpuh berbanding tahun 80-an dan 90-an dahulu.

Tuan Pengerusi, hal ini tidak pernah terjadi sebelum ini. Sewajarnya pihak Istana Budaya amnya, kementerian khasnya melihat ini sebagai hal yang menakutkan kerana yang hendak kita lakukan agar pementasan teater, merakyatkan meriah di dewan dan panggung-panggung lain bukan hanya tertumpu di Istana Budaya sahaja.

Di bawah Butiran 17000 – Balai Seni Lukis Negara. Sebenarnya nama Balai Seni Lukis Negara ini telah ditukar kepada Balai Seni Visual Negara (BSVN) walaupun pada saya nama Balai Seni Lukis Negara itu lebih tepat daripada nama 'visual' nya, istilah 'visual' meskipun nampak terkini, tetapi tidak membawa tradisi seni tampak yang berasaskan kepada lukisan. Saya menyarankan agar nama Balai Seni Lukis Negara seperti di dalam buku Belanjawan 2013 ini dikekalkan berbanding memakai nama Balai Seni Visual Negara.

Di bawah tajuk yang sama hal kedua yang saya hendak bangkitkan ialah sewajarnya pihak kerajaan menyediakan geran ataupun dana bantuan khas khususnya kepada pelukis-pelukis muda. Dana tersebut bolehlah diberikan secara langsung kepada pelukis muda dengan syarat-syarat munasabah seperti mana yang wujud di Amerika, England, Australia bahkan di Singapura sekalipun. Kita harus menyedari geran kecil sekitar RM10,000 ataupun RM20,000 adalah munasabah bagi pelukis-pelukis memulakan kerjaya sebagai pelukis kerana mereka tentunya memerlukan masa untuk mencipta nama sebelum dapat mengadakan pameran dan menjual lukisan mereka.

Ketiganya di bawah Kepala yang sama, saya juga ingin menyarankan agar satu akta hak cipta digubal oleh kementerian agar hak cipta kepada karya-karya seni lukis dilindungi. Sebagai contoh, seorang pelukis yang menjual lukisannya wajar mendapat 20 peratus ataupun 30 peratus sekiranya lukisan beliau dijual kepada pihak ketiga dan seterusnya.

Adalah tidak adil kalau pembeli yang membeli lukisan dengan harga RM65 dan 25 tahun kemudian lukisan tersebut dijual dengan harga RM45,000. Akan tetapi pelukis ataupun keluarga mereka tidak mendapat apa-apa. Apa yang saya sebutkan di sini ialah kejadian sebenar dan bukannya rekaan semata-mata. Kalau ada kesedaran kementerian dan inisiatif Menteri, maka akta melindungi hak cipta pelukis ini bolehlah diselesaikan di dalam tempoh kurang daripada setahun.

Akhirnya di bawah kepala yang sama juga, saya juga perlu menyebut betapa malangnya apabila di tahun 2012 ini, Malaysia, negara kita ini, masih gagal mempunyai sebuah pameran yang bertaraf Biennially sementara Korea Selatan, Australia bahkan Singapura mula mengorak langkah menganjurkannya bagi tiga tahun sekali. Hal ini pernah saya bangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini tetapi jawapan yang diberikan kepada saya hanya soal definisi ataupun makna apakah itu Biennially. Saya kira Dewan yang mulia ini bukannya tempat untuk kita perjelaskan maksud sesuatu perkataan. Apa yang penting perlulah gagasan Biennially itu dilaksanakan segera demi menjayakan idea seni sebagai wajah perhubungan antarabangsa.

Di bawah Butiran 19000 – FINAS iaitu Perbadanan Kemajuan Filem Nasional. Beberapa minggu lalu, Festival Filem Jepun berlangsung di Tokyo yang kini menjadi antara festival filem berprestij di Asia. Adalah sangat mendukacitakan apabila hingga kini Festival Filem Antarabangsa Kuala Lumpur masih gagal menarik perhatian pemain serius di dalam industri filem. Bagi tahun hadapan, kita tidak ada lagi dana bantuan industri seperti mana RM200 juta pada tahun ini.

Saya ingin menyoal pihak kementerian, daripada RM200 juta itu, berapakah yang telah diluluskan kepada pembikin filem serta bolehlah disebutkan setiap syarikat yang mendapat bantuan dana tersebut. Selain itu, penting dijelaskan juga nama-nama mana-mana syarikat yang telah menerbitkan filem mereka serta tajuk-tajuknya sekali. Kita tidak mahu permohonan dana itu hanya menjadi saluran kepada pihak tertentu untuk memunggah hak pembikin filem negara kita. Kemudian mereka seakan lari daripada tanggungjawab menerbitkan filem.

Juga di bawah tajuk yang sama, kita tahu penggiat filem daripada penerbit, pengarah, pelakon, penulis skrip bahkan krew tidak dilindungi daripada mendapat royalti. Sekalipun, seribu sebuah drama rancangan TV atau filem diulang tayang di kaca TV, kesemua karyawan yang saya sebut tadi akan melopong sahaja, Tuan Pengerusi. Mungkin atas sebab itulah waris dan keluarga Tan Sri P. Ramlee masih tidak mendapat hak mereka yang sebenarnya. Nasib yang menimpa Seniman Agung P. Ramlee di kala hidupnya dan menimpa keluarganya adalah lambang kecuaian kerajaan menguruskan industri hiburan negara.

Sudah sampai masanya agar pihak kerajaan merangka dan membentangkan segera undang-undang hak cipta demi membela nasib karyawan filem kita. Dalam kata mudah, kerajaan bertanggungjawab tidak akan membiarkan karyawan itu tidak mendapat royalti sesen pun sedangkan batang tubuh dan hasil kreativiti mereka harus mendatangkan keuntungan kepada pihak yang lain seperti stesen TV. Hal ini juga sebenarnya boleh diusahakan dan diluluskan sekurang-kurangnya daripada setahun sekali, dari setahun andainya kerajaan ada kesedaran dan insentif untuk melakukannya.

Akhir sekali di bawah tajuk yang sama, pihak kementerian wajib menyenaraikan syarikat-syarikat yang mendapat masa penyiaran di RTM khasnya di TV. Kita tertanya-tanya berapakah ranking rancangan misalnya *Roda-roda Kota Raya* yang sudah dimainkan bertahun-tahun lamanya? Kita tidak tahu kementerian terus memberikan kepada syarikat yang sama untuk menerbitkan rancangan TV sedangkan saya difahamkan ratusan syarikat yang berdaftar dengan RTM dan layak tetapi tidak mendapat sekalipun program dengan RTM. Jawapan jelas dan terperinci oleh Menteri adalah diperlukan dalam Dewan yang mulia ini. Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Bakri.

6.28 ptg.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Terima kasih Tuan Pengerusi yang bijaksana yang memberikan peluang kepada Yang Berhormat Bakri. Saya ingin merujuk kepada Butiran 13000 – Warisan Negara di bawah B.47. Adalah didapati bahawa salah satu objektif Jabatan Warisan Negara ialah penjanaan penemuan fakta baru warisan melalui penyelidikan arkeologi. Bandar Muar merupakan salah satu bandar yang bersejarah yang kini diisytiharkan sebagai Bandar Diraja Muar. Sungai Muar pernah menjadi saksi kejatuhan Kerajaan Melayu Melaka di tangan Portugis pimpinan Alfonso de Alburquerque pada 24 Ogos 1511. Di sungai inilah angkatan Sultan Mahmud Shah mengundur diri daripada serangan Portugis. Baginda membina kubu pertahanan di Bentayan dan kini tapak kubu itu dijadikan Stesen Bas Ekspres Bentayan. Namun, tiada tanda-tanda maklumat didirikan untuk memperkenalkan sejarah tapak tersebut.

■1830

Maka, sebagai satu tapak yang begitu penting sekali dalam sejarah Kesultanan Melaka, saya cadangkan satu papan tanda maklumat didirikan supaya orang awam boleh memperingatkan betapa pentingnya kedudukan Bandar Diraja Muar dalam sejarah tanah air kita. Di samping itu, satu kajian berhubung telah dijalankan dengan gabungan Universiti Malaysia dan Singapura pada tahun lepas mengenai rumah kedai di sekeliling bandar Muar. Dalam penyelidikan tersebut, kajian secara intensif telah dijalankan untuk mengenal pasti struktur bangunan dan sejarahnya.

Adakah didapati bahawa rumah kedai pra perang ke-2 makin kurang kerana Majlis Perbandaran Muar membenarkan bangunan-bangunan ini diceroboh supaya bangunan baru boleh dibina. Sehingga kini hanya tertinggal 30 peratus daripadanya masih dikukuhkan. Satu kes yang terkini di mana bangunan yang dibina pada 1920-an telah diceroboh di Jalan Yahya, Muar, Johor. Saya pernah semak balik pelan rancangan tempatan dan mendapati bangunan tersebut tidak seharusnya diceroboh dan cuma boleh dipulih balik.

Saya memohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, adakah kementerian sedar tentang kecerobohan bangunan-bangunan lama ini sering berlaku di Bandar Muar? Apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk memperkasakan warisan-warisan negara ini?

Seterusnya, saya minta penjelasan bahawa adakah kementerian sedar bahawa di antara lima tapak perkuburan Cina yang terlibat dalam projek Rapid Pengerang, Kota Tinggi, Johor, empat daripadanya merupakan tapak perkuburan Cina yang berusia lebih daripada 120 tahun? Adakah Warisan Negara telah membuat siasatan mengenai nilai sejarah kubur-kubur tersebut? Jika tidak, mengapa?

Seterusnya, saya sentuh janji tidak ditepati oleh kerajaan yang tidak bertanggungjawab. Pada tahun 2007, kumpulan tarian singa dan naga Kun Seng Kong telah mendapat jemputan persembahan di Kuala Lumpur. Setakat hingga hari ini, kumpulan ini tidak dapat bayaran dari kementerian. Bila akan bayar kepada kumpulan ini? Jika tidak, apa sebab tidak payah bayar kepada kumpulan ini? Apa insentif yang akan memberi kepada kumpulan ini kerana telah mendapat lebih 40 kali johan di pertandingan antarabangsa? Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, saya dengar debat kita betul-betul macam majlis perbandaran itulah, hutang piutang semua kena bayar dalam Dewan semua. Sila Yang Berhormat, tolonglah minta, kalau tidak ada hutang piutang itu, hantar surat atau *letter of demand*, benda macam itulah. Ya, sila.

6.34 ptg.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Bagi Bekalan dan Pembangunan 47, Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan ini. Ini tidak ada minta hutang. Butiran 190000 – Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (FINAS). Telah diberi peruntukan sebanyak RM38.85 juta. Sedikit mengenai industri filem di bawah Butiran 190000 ini. Mengikut data filem cereka tempatan daripada laman web rasmi Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (FINAS) iaitu sebanyak 53 filem diterbitkan membabitkan kos RM8.9 juta bagi Januari hingga September 2012.

Bagi tempoh sama, kutipan kasar filem tempatan adalah RM74.34 juta. Berdasarkan data ini juga jumlah filem dari 2009 sehingga September 2012 ialah 168 judul, menghasilkan kutipan kasar sebanyak RM336 juta tetapi kos penerbitan pula ialah RM256 juta. Jadi, kutipan kasar bermakna ia belum ditolak 25 peratus cukai hiburan dan kira-kira 50 peratus lagi diagihkan kepada pemilik panggung. Bermakna, setiap RM10 tiket filem tempatan, penerbit memperoleh kira RM2.50 kerana RM7.50 lagi untuk membayar cukai hiburan dan diserahkan kepada tauke panggung.

Mendengar kutipan jutaan ringgit memang besar tetapi tidak bermakna mendatangkan untung besar kepada syarikat penerbitan filem. Kalau pulang modal, itu sudah dikira bernasib baik. Ketika Pembentangan Bajet 2010 pada 23 Oktober 2009, Perdana Menteri iaitu Menteri Kewangan, Dato' Seri Najib Tun Razak mengumumkan dana industri kreatif RM200 juta. Pada 13 November 2010 pula Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim mengumumkan lagi satu dana iaitu sebanyak RM130 juta untuk dasar industri kreatif negara.

Sebelum itu pada tahun 2007, kerajaan memperuntukkan RM50 juta yang disalurkan kepada SME Bank untuk menerbitkan filem yang dikenali sebagai Skim Pinjaman Filem Cereka (SPFC). Jadi, dalam tempoh enam tahun kerajaan menyediakan RM380 juta untuk pelbagai industri kreatif, khususnya perfileman. Itu tidak termasuk dana industri kreatif animasi yang agak besar yang diperoleh daripada Perbadanan Pembangunan Multimedia iaitu MDEC.

Wang dan peluang diperuntukkan oleh kerajaan dalam sektor penerbitan filem memang besar. Persoalannya, berapa banyak syarikat penerbitan filem yang kekal dan kukuh hasil daripada pelbagai dana daripada kerajaan ini? Daripada 168 judul filem antara 2009 hingga September 2012, hanya 12 filem mencatatkan kutipan besar lebih daripada RM5 juta. Ini dikira paras minimumlah untuk sesebuah filem tempatan diiktiraf sebagai secara tidak rasmi memperoleh kutipan pecah panggung atau *box office*.

Pada 2009, filem yang mencatatkan kutipan besar lebih daripada RM5 juta ialah *Upin & Ipin - Geng Pengembaraan* (RM6.2 juta), *Jangan Pandang Belakang Congkak* (RM6.09 juta). Pada tahun 2010 filem *Adnan Sempit* dengan kutipan kasar RM7.66 juta, *Ngangkung* (RM8.18 juta), *Hantu Kak Limah Balik Rumah* (RM7.9 juta) dan *KL Drift 2* (RM5.6 juta). Pada tahun 2011, kutipan pecah panggung ialah *Khurafat* (RM8.08 juta), *Hikayat Merong Mahawangsa* (RM6.5 juta), *KL Gangster* (RM11.74 juta). *Kongsi* (RM8.09 juta), *Ombak Rindu* (RM10.9 juta) dan *Hantu Bonceng* (RM8.35 juta).

Malangnya, tahun ini 2012 agak muram kerana selepas 25 Oktober 2012 belum ada filem tempatan yang mencatat lebih daripada RM5 juta. Paling hampir ialah RM4.98 juta yang dikutip oleh filem *Jalan Kembali*. Jadi, soalnya sekarang ialah kebanyakan filem yang mencatat angka tertinggi ini tidak menggunakan mana-mana dana. Filem *Jangan Pandang Belakang, Ngangkung, Adnan Sempit* dan *Kongsi* diterbitkan oleh IMG Movie Production. Filem *Hantu Kak Limah Balik Rumah* diterbitkan oleh Tayangan Unggul Sdn. Bhd., *KL Gangster, KL Drift 2* dan *Jalan Kembali* dari Skop Production, *Hantu Boceng* oleh *Excellent Pictures* serta *Ombak Rindu* (*Astro Show*) semuanya tidak menggunakan dana kreatif.

■1840

Jadi, daripada keseluruhan ini, saya merasakan sudah tiba masanya dilihat atau disemak semula pemberian pelbagai dana kepada syarikat perfileman dan karyawan filem. Kerajaan juga harus melihat keseluruhan sistem industri filem bermula daripada pra-produksinya sehinggalah sampai ke panggung. Daripada aspek penerbitan, pemasaran hingga penayangan, sistem cukai agihan pembayaran antara tauke panggung dan syarikat filem, standard filem tempatan juga perlu dikaji.

Saya merasakan kerajaan menerusi KPKK dan FINAS boleh menggunakan skim wajib tayang untuk mengehadkan penayangan filem tempatan mengikut sistem ini, iaitu tidak lebih daripada 40 filem setahun. Saya mencadangkan filem selebihnya boleh ditayangkan secara bebas tetapi tidak terikat dengan peraturan wajib tayang. Bermakna hanya filem tempatan terpilih memenuhi piawaian ditetapkan boleh ditayangkan menerusi peraturan ini. Jadi sudah tiba masanya Tuan Pengerusi, jumlah filem dikawal iaitu hanya pada jumlah tertentu supaya kualitinya juga boleh dipantau. Jika tidak, semakin banyak dana di kementerian dan semakin ramai juga pengusaha filem perfileman yang akan lingkup.

Saya hendak pergi pula kepada Butiran 060200 – Perkhidmatan Komunikasi dan Pembangunan Masyarakat bersekali dengan Butiran 060400 – Penerbitan Dasar Negara dan Butiran 061000 – Gerak Saraf dan Pengurusan Isu. Jadi ini rasa saya berkait dengan Jabatan Penerangan...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Masa Yang Berhormat.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Dan saya berharap agar dipertingkatkan lagi agar rakyat dapat maklumat sebenar mengenai dengan isu-isu yang berbangkit dalam negara ini, terutamanya yang salah bawa dan sebagainya.

Akhirnya ialah Butiran 130000 – Warisan Negara. Oleh sebab Lipis adalah sebuah bandar warisan sebenarnya dan kalau kita lihat banyak bangunan lama yang telah menjadi warisan dan di baik pulih, saya memohon kepada pihak kementerian ada satu bangunan iaitu masjid negeri yang dibina pada tahun 1888, sekarang ini rasa saya dalam keadaan uzur. Kalau dapat Jabatan Warisan melihat perkara itu dan memberikan peruntukan untuk membaik pulih bangunan tersebut.

Jadi dengan itu, saya mengucapkan ribuan terima kasih, saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Indera Mahkota.

6.43 ptg.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih, saya cuma ada satu perkara sahaja iaitu berkenaan B.47 di bawah program khusus MERS 999.

Tuan Pengerusi, saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri kerana saya rasa ada penjelasan yang perlu dibuat. Kalau mengikut semakan, Program MERS 999 ini ialah program untuk menyepadukan panggilan kecemasan untuk tujuan memudahkan penyaluran maklumat untuk kes-kes panggilan kecemasan polis, bomba, ambulans dan juga dikatakan untuk membanteras panggilan-panggilan palsu. Saya semak memang sehingga kepada laporan terbaru memang kes panggilan palsu ini masih lagi agak tinggi.

Saya hendak tanya, mengikut pada semakan tahun lepas, MERS 999 ini diberikan peruntukan RM61.623 juta dalam bentuk peruntukan lain, tetapi kali ini diletakkan di bawah program khusus, tetapi pada tahun lepas saya rasa diletakkan di bawah *one-off.* Oleh sebab itulah kalau mengikut di ruangan Belanjawan 2012 ini Tuan Pengerusi, memang tidak ada, kosong di sini sebab diletakkan dalam peruntukan lain.

Cuma saya hendak tanya, inisiatif MSAFE yang dikatakan untuk bandar selamat ini telah pun mengambil kira infrastruktur yang disediakan di bawah MERS 999. Kalau seperti yang dijanjikan, sepatutnya perkhidmatan keseluruhan yang disumbangkan juga atau dimainkan juga oleh pihak YTL sepatutnya tidak lagi memerlukan apa-apa peruntukan daripada kerajaan, kerana seingat saya pernah perkara ini dibangkitkan dan penjelasan daripada kementerian mengatakan itu adalah geran permulaan untuk pelaksanaan infrastruktur. Akan tetapi sehingga pada hari ini, saya nampak masih ada peruntukan-peruntukan yang agak besar, kalau di bawah program khusus ini, antara yang terbesar diberikan kepada MERS 999.

Jadi secara mudahnya saya hendak tanya, apakah faedah yang paling besar sekali disumbangkan oleh MERS? Dari segi panggilan palsu seperti yang diberitahu oleh Yang Berhormat Serdang tadi, sehingga sekarang walaupun sistem MERS 999 ini wujud dan diberikan peruntukan setiap tahun, kita masih gagal untuk mencari identiti pemanggil ataupun pendedahan video-video yang tidak sewajarnya, begitu juga kandungan-kandungan telefon yang bersifat mengugut, mengancam, unsur-unsur jenayah dan sebagainya masih lagi tidak dapat dibuat dengan baik.

Jadi saya hendak meminta penjelasan berkenaan dengan kedudukan MERS 999, sekali gus saya hendak tanya terakhir ini berkenaan dengan CCTV yang dikatakan mempunyai hubung kait dengan AES. Adakah benar CCTV yang dipasang atas sistem MSAFE tadi itu juga infrastruktur yang sama yang digunakan oleh sistem kamera bersepadu AES?

Ini kerana semakan saya di sini, saya tidak mahir perkara ini tetapi ada semakan di sini menunjukkan sistem *Auto Number Initiative* dengan sistem *Auto Location Initiative,* dia kata ANI dengan ALI, telah diguna pakai kerana infrastruktur ini tidak lagi bermutu untuk tujuan *support system* kepada MSAFE. Itu sahaja, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan, selepas itu Yang Berhormat Kelana Jaya dan selepas itu Menteri menjawab.

6.47 ptg.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Hanya dua perkara. Pertama berkenaan Butiran 070000 – Filem Negara di mana Filem Negara ini terletak di kawasan saya di Jalan Utara, Petaling Jaya Selatan. Saya difahamkan tanah yang dimiliki oleh Filem Negara ini akan dibangunkan, *commercialized*. Saya hanya hendak mendapatkan penjelasan tentang status pembangunan tanah Filem Negara kerana saya mendengar daripada banyak pihak, ada pembangunan komersial akan dijalankan dan bagaimana pemindahan pejabat Filem Negara yang baru ini?

Kedua tentang Butiran 010400 – Pembangunan. Saya pun tidak tahu tentang isu pejabat pos ini, di bawah Kementerian Penerangan. Akan tetapi setiap kali dalam bajet, tidak ada langsung item ini selepas Pejabat Pos Malaysia diswastakan. *So* kalau ada pengaduan, saya pun tidak tahu hendak mengadu kepada siapa. Saya sudah pun *highlight* perkara ini setiap tahun berkenaan dengan pejabat pos di mana penduduk meminta supaya ada satu pejabat pos baru di Taman Medan dan Taman Dato' Harun, di mana kawasan Taman Medan dan Taman Dato' Harun ini mempunyai penduduk lebih daripada 50,000 penduduk tetapi tidak ada kemudahan pejabat pos. Pejabat pos yang sekarang berada di sebelah bandar lama Petaling Jaya, PJ *old town*, di mana mereka terpaksa menyeberang satu jalan, Jalan Klang Lama atau *New Pantai Express Highway* untuk pergi ke sana untuk urusan pejabat pos dan di Taman Medan dan Taman Dato' Harun ini banyak *senior citizen.*

■1850

Mereka kalau hendak pergi urusan hantar surat, susah untuk mereka pergi. Jadi, saya minta kementerian supaya boleh *consider* buat satu pejabat pos di Taman Medan, Taman Dato' Harun supaya memudahkan penduduk di sana untuk urusan harian dan juga saya hendak beri komen tentang pejabat pos ini. Selepas pejabat pos ini sudah diswastakan di mana macam kementerian tidak ada kuasa atau kementerian langsung tidak peduli tentang pejabat pos, tentang lokasi pejabat pos ini.

Banyak masalah di Petaling Jaya yang mana dahulu lokasi pejabat pos ini terletak di kawasan penduduk di kedai-kedai teres. Penduduk datang mudah untuk mereka buat urusan hanya *parking* sebelah jalan dan masuk sahaja. Sekarang ini Petaling Jaya Selatan kebanyakan pejabat pos sudah dipindahkan ke *shopping centre.*

Jadi, kalau pindah ke *shopping centre* bayangkan kalau hendak hantar surat pun 60 sen tetapi kena beri *parking* pula. Masuk ke dalam *shopping centre,* kena beri bayaran RM3 atau RM2. Ia bukan sahaja hendak berjalan setengah kilometer. Kadang-kadang hendak sampai tingkat tiga, tingkat empat. Saya rasa ini tidak betul, di bandar raya seperti Petaling Jaya sekarang ini saya pun tidak tahu mengapa pejabat pos ini kebanyakannya dipindah ke *shopping centre*.

Dua contoh yang saya beri. Di seksyen 17, dahulu Jalan 17/1A ada sebuah pejabat pos. Sekarang telah dipindah ke Seksyen 13 di Jaya *One shopping Centre*. Seksyen 17 pindah ke Seksyen 13 dan saya rasa dengan pemindahan ini dia amat menyusahkan penduduk di mana kedudukan lokasi pejabat pos ini tidak sesuai. Ia membebankan rakyat dan juga penduduk di Amcorp Mall. Dahulu Jalan Sultan ada sebuah pejabat pos. Senang sahaja penduduk datang *parking,* terus masuk pejabat pos.

Sekarang ini selepas pejabat pos pindah ke Amcorp Mall Shopping Centre di tingkat tiga teratas untuk *senior citizen* ini, orang warga emas ini susah hendak sampai ke atas walaupun ada kemudahan *escalator, lifts.* Akan tetapi saya rasa ini tidak sesuai. Kemudahan pejabat pos ini sebenarnya untuk menyenangkan penduduk. Ia bukan untuk menyusahkan penduduk.

Jadi, saya haraplah kementerian boleh ambil perhatian yang serius kerana saya nampak di bandar raya ini semakin banyak pemindahan pejabat pos daripada kawasan perumahan ke kawasan di dalam *shopping centre. So,* saya harap kementerian boleh ambil perhatian sepenuhnya. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya.

6.53 ptg.

Tuan Gwo Burne Loh [Kelana Jaya]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak merujuk kepada Butiran 190000. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada syarikat produksi atas berjayanya mereka menembusi senarai 70 filem luar yang akan dicalonkan di Oscar melalui filem Bunohan.

Akan tetapi apa yang menghairankan kita ialah syarikat tersebut ialah syarikat kecil yang beroperasi dengan kedudukan kewangan yang tidak besar. Terdapat banyak syarikat produksi filem yang mempunyai saham yang tinggi tidak dapat mencapai ke tahap sedemikian. Saya mendapat tahu bahawa Apparat menghadapi kesukaran ketika cuba mendapat bantuan kewangan dalam menerbitkan Bunohan. Berbagai-bagai alasan diberikan oleh institusi kewangan pada ketika itu agar cita-cita pengarah Dain Said tercapai.

Akhirnya, mereka membuat keputusan untuk membuat bunuhan dalam skala yang kecil. Cuba bayangkan sekiranya kecapaian diberikan kepada Apparat dari awal lagi. Filem-filem yang disumbat dengan dana berjuta-juta ringgit tidak dapat menjejak ke tahap Bunohan capai sekarang. FINAS pula hanya menumpukan filem-filem yang kononnya bersifat nasionalisme tetapi menyuntik semangat perkauman. Bilakah FINAS mampu bersifat terbuka dan mampu menerima karya-karya terbaik bagi menaikkan martabat filem di Malaysia?

Tuan Pengerusi, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada kementerian mengenai panel-panel yang dikaji untuk membuat penilaian filem-filem yang mendapat suntikan dana. Bagaimanakah pemilihan panel-panel ini dijalankan? FINAS juga banyak menganjurkan peraduan penulisan skrip yang menghabiskan ribuan ringgit sebagai galakan penulis-penulis muda dalam menghasilkan skrip yang baik. Apakah hasilnya melalui skrip tersebut? Adakah FINAS akan menghasilkan filem daripada naskhah-naskhah yang menang itu?

Tuan Pengerusi, saya hendak merujuk kepada Butiran 140000 dan Butiran 150000. Kita amat berbangga mempunyai sebuah panggung bertaraf antarabangsa. Akan tetapi mengapakah teknologi-teknologi yang ada seperti pentas hidraulik tidak diguna sepenuhnya? Adakah kita tidak mempunyai kepakaran dalam menggunakan teknologi tersebut atau teknologi tersebut sudah tidak boleh digunakan lagi? Banyak pementasan teater yang dirancang di Istana Budaya dibatalkan pementasan mereka. Apakah faktor-faktor terhadap pembatalan tersebut? Mengapakah hanya pementasan-pementasan muzikal sahaja diberi kesempatan untuk membuat pementasan di Istana Budaya? Pada 6 hingga 8 Julai dan 13 hingga 14 Julai tahun ini, Rumah Anak Teater mementaskan Teater Beng Hock berdasarkan Laporan Suruhanjaya Kematian Teo Beng Hock. Sungguhpun ianya diadakan di tempat tertutup dan tidak mengenakan bayaran tiket, mereka dipaksa pihak polis agar permit dipohon. Mereka akhirnya berjaya juga mementaskan Beng Hock selepas mendapat perhatian ahli politik.

Namun, pihak pengurusan KLPAC mengutus surat dengan izin, *disappointment letter* kepada pihak produksi Rumah Anak Teater. Sungguhpun pementasan tersebut mendapat sambutan di luar jangkaan. Saya percaya atas ugutan-ugutan yang diberi oleh pihak berkuasa polis menjadikan KLPAC menghadapi sedikit trauma. Tidakkah pihak kementerian dapat memberikan sedikit kelonggaran agar permit polis dalam pemantasan tidak perlu dipohon. Saya bersyukur di Selangor, pementasan-pementasan teater bebas mengadakan persembahan mereka tanpa gangguan pihak kerajaan tempatan mahupun polis.

Saya merasa pihak Rumah Anak Teater perlu diberi penghargaan atas sumbangan mereka mementaskan pementasan mereka sungguhpun tidak diberi peluang seperti Istana Budaya.

Mereka juga sukar mendapat sokongan dana daripada kementerian hanya kerana mempunyai prinsip mengetengahkan isu-isu sosial semasa, bukannya diugut kerana mahu kebebasan berekspresi. Satu operasi telah dijalankan oleh pihak DBKL dalam menghalau artis-artis jalanan di Bukit Bintang, Kuala Lumpur.

Sebelum ini, mereka menjadi tarikan kepada pelancong-pelancong asing. Artis-artis yang menjadi batu macam *statue*, dengan izin, bukannya peminta sedekah. Mereka mencari rezeki. Artis-artis di sini adalah merata dunia dan menjadi tarikan pelancong. Akan tetapi di Malaysia nampak berlainan sekali. Saya berpendapat pihak kementerian masih tidak dapat membela nasib-nasib artis jalanan ini sungguhpun mereka ini membantu dalam industri pelancongan kita.

■1900

Tuan Pengerusi, saya ingin memohon kepada pihak kementerian agar mendengar keluhan rakyat dan penduduk Kuala Lumpur agar memelihara warisan negara kita, membangunkan bangunan-bangunan lama di Jalan Sultan, yang mana ia adalah salah satu warisan yang kita ada. Pembangunan pesat yang tidak lestari tidak membantu dalam pembangunan negara. Inilah salah satunya bangunan yang kita ada. Yang lain sudah habis dirobohkan dek kononnya pembangunan. Cukup, sudahlah. Sedarlah bahawa warisan ini melambangkan identiti kita.

Tuan Pengerusi, akhirnya saya hendak merujuk kepada Butiran 31000. Sudah beberapa tahun kementerian telah memberi penekanan kepada penembusan jalur lebar di Malaysia. Menurut kementerian, penembusan jalur lebar telah sangat berjaya. Akan tetapi penembusan adalah hanya sebahagian daripada gambaran ini. Isu-isu seperti harga dan kelajuan *download* adalah amat penting juga. Harga perkhidmatan jalur lebar di Malaysia adalah sangat mahal berbanding dengan negara-negara lain.

Menurut *Net Index* pada 18 November 2012, harga jalur lebar lebih dari segi *megabyte per second,* dengan izin, di Malaysia berada di kedudukan 59 daripada 64 buah negara yang disenaraikan, berharga USD23.42. Walaupun terdapat pengurangan daripada USD28 pada tahun 2011 tetapi kita perlu untuk membandingkan dengan harga negara-negara di rantau kita. Vietnam berada di kedudukan ke-56 tetapi harga mereka USD14.81. India menduduki tempat ke-57 berharga USD15.02. Singapura berada di kedudukan ke-28 dan harga jalur lebar mereka ialah USD4.42. China berada di kedudukan ke-24 dan harga mereka ialah sebanyak USD3.64. Jiran kita, Thailand berada di kedudukan ke-19 dan harga mereka ialah sebanyak USD3.36. Lebih daripada 85 peratus, lebih rendah berbanding dengan Malaysia.

Kos yang terendah di dunia adalah Bulgaria dan harganya ialah hanya USD0.55. Saya juga membuat perbandingan harga pakej jalur lebar Telekom Malaysia dengan jalur lebar China Telekom di Shanghai. Telekom Malaysia menawarkan dua *megabyte* dengan harga RM130 sebulan atau RM1,560 setahun. China Telekom, pakej yang sama dan harganya tidak sampai RM400 setahun. Pakej empat *megabyte per second* kita adalah RM149 sebulan atau RM1,680 setahun. Pakej yang sama di Shanghai adalah tidak sampai RM600 setahun. Kita punya *top of the range* adalah 20 *megabyte* oleh Unifi dan *download limit of 120 gigabyte.* Harga kita setahun adalah RM2,988. Di Shanghai, pakej yang sama tidak ada *download limit* adalah sebanyak RM1,128.

Ujian *speed test* menunjukkan bahawa kelajuan *download* kita telah meningkat sejak tahun 2010. Pada masa itu, kelajuan *download* adalah 1.88 *megabyte per second.* Ranking kita teruk sekali adalah ke-102 di dunia. Tahun lalu, kita sudah meningkat sedikit. Kita sudah sampai 2.85 *megabyte per second* dan kedudukan kita sudah naik sampai ke-93 di dunia. Pada 18 November 2012, walaupun kelajuan *download* telah meningkat sehingga 4.41 *megabyte per second* tetapi kedudukan kita kekal di tempat ke-93. Ini adalah kerana negara-negara lain juga telah meningkatkan kelajuan jalur lebar mereka. Negara-negara seperti Thailand, kelajuan mereka sudah sampai 10.4 *megabyte per second*, Vietnam 11.79 *megabyte per second*. Kelajuan di China, 8.92 *megabyte per second* dan *Singapore,* kelajuan mereka sekarang sudah sampai 33.97 *megabyte per second.*

Jalur lebar negara-negara ini semua 100 peratus lebih laju daripada kita. Jiran kita, Thailand, kelajuan *download* jalur lebar mereka adalah 235 peratus lebih cepat dan harganya 85 peratus lebih murah. Yang Berhormat Menteri, bolehkah jelaskan mengapakah kita menawarkan kelajuan yang lebih rendah pada harga yang lebih tinggi?

Bagaimana pengaturan ini memberi manfaat kepada rakyat dan mengapa perkiraan ini akan menjadi tarikan yang baik untuk pelabur asing dan tempatan untuk memilih Malaysia sebagai destinasi pelaburan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri membuat satu janji kepada Dewan yang mulia ini kadar pengurangan harga dan peningkatan dalam kelajuan pada tahun 2013? Apa kedudukan yang kita hendak capai dari segi kelajuan dan harga *broadband* berbanding dengan negara-negara yang lain? Tuan Pengerusi, sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

7.07 mlm.

Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan I [Dato' Joseph Salang anak Gandum]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Seramai 15 orang Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam peringkat Jawatankuasa mengenai belanjawan Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan. Saya bagi pihak kementerian mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada semua yang telah mengambil bahagian walaupun ada juga yang dibincangkan tidak melibatkan kementerian kami. Namun demikian Tuan Pengerusi, saya cuba menjawab sedapat yang boleh apa yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat.

Nombor satu, saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Sri Gading atas saranan yang begitu tepat berkenaan dengan Kerusi Allahyarham Tan Sri P. Ramlee di ASWARA. Saya menjunjung tinggi atas saranan Yang Berhormat dan celahan dari beberapa Yang Berhormat yang lain untuk kita menjadikan kerusi ini sebagai kerusi yang berjaya, yang betul-betul melambangkan seniman negara yang luar biasa. Saya tidak berjanji ASWARA akan dapat menggantikan Allahyarham namun cita-cita kita adalah untuk melahirkan bakat-bakat yang mungkin berlainan tetapi setinggi bakat Allahyarham yang kita semua memang berasa bangga dan merasa sangat berterima kasih kepada beliau.

Yang Berhormat Kubang Kerian menyarankan bahawa Arkib Negara mempertingkatkan lagi aktiviti-aktiviti untuk menyimpan, memelihara dan memastikan ada penulisan berkenaan dengan sejarah di negara ini. Itu pun saya terima dengan hati terbuka dan kita mengalu-alukan cadangan yang sedemikian, yang tidak berbelah bagi dan bukan hanya kita di kementerian tetapi juga rakyat jelata saya percaya menerima saranan yang sebegitu.

■1910

Namun dengan adanya kekangan dari segi kewangan, maka saya berharap mungkin tahun hadapan di mana kita akan mengadakan *midterm review* kepada belanjawan RMKe-10, saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat akan menyokong permintaan daripada kementerian ini untuk ditambahkan lagi peruntukan untuk membolehkan kita menjayakan apa yang disarankan oleh Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pasir Mas, masih ada di sini ya? Yang Berhormat Pasir Mas menyentuh secara menyeluruh peranan beberapa jabatan di kementerian kami. Saya memang bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa Jabatan Penerangan, JASA serta Penyiaran adalah saluran kerajaan yang menyampaikan maklumat yang tepat dan cepat. Kita mengharapkan tugas kita boleh diringankan sekiranya semua Ahli Yang Berhormat seperti Yang Berhormat dari Pasir Mas mengerti apa benar dan sebaliknya. Memang betul kita pada masa kini menghadapi tekanan dari media elektronik dan media sosial yang kadangkala sedikit mengelirukan dari segi fakta. Akan tetapi itu adalah tugas kementerian ini untuk memperbetulkan semuanya supaya ianya selari dengan kehendak kerajaan untuk membawa negara ini kepada peringkat yang lebih tinggi iaitu bukan hanya kita berjaya dari segi ekonomi tetapi juga kekal dalam kebudayaan kita yang sarat dengan nilai-nilai atau norma-norma sejagat timur.

Saranan Yang Berhormat untuk BERNAMA TV dijayakan sebagai stesen memberi ilmu dan berita, ingin saya nyatakan bahawa seperti mana yang telah disarankan oleh Yang Berhormat Tenom bahawa BERNAMA akan memiliki BERNAMA TV sepenuhnya pada tahun hadapan. Semua programnya akan boleh disusun atur oleh pihak Bernama dengan bantuan dan kerjasama dari kementerian kami.

Yang Berhormat juga bertanya siapa yang menyelaras maklumat-maklumat yang berkemungkinan bertindih. Itulah tugas Menteri dan KSU serta Timbalan Menteri-Timbalan Menteri, Yang Berhormat. Kita percaya apa yang disarankan oleh Yang Berhormat adalah juga dijalankan oleh kementerian ini lebih-lebih lagi melalui penjadualan program televisyen RTM1, RTM2 dan TVI. Begitu juga berkenaan dengan persepsi yang mungkin tidak seperti mana yang dikehendaki oleh maklumat yang kita tabur. Dengan adanya, seperti mana yang telah saya katakan dahulu, pentas bergerak, maka pentas rakyat ataupun wayang di kampung-kampung boleh juga kita sediakan. Ini sedikit-sebanyak boleh menerangkan dasar-dasar kerajaan dan begitu juga berkenaan dengan isu-isu semasa.

Yang Berhormat Tangga Batu mengatakan berkenaan dengan pekerja di bawah skim kontrak. Kementerian ini dengan seboleh mungkin memang hendak menyediakan skim kerja tetap kepada mereka oleh kerana kita juga tahu bahawa sekiranya seseorang pekerja tidak ada kerja tetap, memang susah untuk mereka berurusan dengan institusi-institusi tertentu seperti bank dan lain-lain.

Berkenaan dengan Melaka yang ada bermacam-macam muzium, kita ucapkan tahniah kepada negeri Melaka yang berjaya menyediakan bermacam-macam muzium di negeri tersebut. Oleh yang demikian, maka tidak hairanlah Melaka adalah bandar bersejarah dan ianya diiktiraf oleh UNESCO. Berkenaan dengan ucapan ataupun saranan Yang Berhormat berkaitan dengan kerjasama kementerian ini dengan Kementerian Pelancongan, memang sentiasa wujud. Jalinan rapat di antara dua kementerian ini memang sentiasa terpupuk. Percayalah Yang Berhormat, Menteri kami di kedua-dua kementerian ini memang selalu berhubung berkenaan dengan bagaimana kita boleh bukan hanya membudayakan apa yang ada di negara kita tetapi juga...

Tuan Mohd. Firdaus bin Jaafar [Jerai]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sedikit.

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Bagi memajukan untuk dimanfaatkan oleh industri pelancongan.

Tuan Mohd. Firdaus bin Jaafar [Jerai]: Sedikit Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan pasal muzium tadi. Saya sebagai Lembaga Pengarah Muzium Kedah ingin bertanya soal berkaitan saya difahamkan oleh pihak muzium sebelum ini kita ada peruntukan bantuan menaik taraf galeri dan pameran, tetapi difahamkan 2012 ini sudah tidak ada peruntukan itu. Apakah kementerian bersedia untuk menambah bantuan ini untuk menaik taraf dari sudut digital. Maklumat yang bersifat digital yang hari ini bersifat tradisional dan apakah pihak kementerian bercadang untuk memastikan muzium seluruh negara khususnya di Kedah dapat diberikan bantuan-bantuan tertentu untuk menaik taraf pameran-pameran agensi tersebut.

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Terima kasih Yang Berhormat. Oleh kerana ini adalah perkara yang baru, maka Yang Berhormat saya akan menjawab pertanyaan Yang Berhormat secara bertulis. Pegawai-pegawai kita ada di belakang untuk mencatat dan memberi jawapan kepada Yang Berhormat.

Yang Berhormat Tangga Batu juga bertanya berkenaan dengan Istana Budaya yang canggih ada di Kuala Lumpur. Mengapakah Istana Budaya seperti ini tidak dibangunkan di negeri-negeri lain terutamanya di Melaka? Saya katakan di sini bahawa untuk membangunkan satu Istana Budaya seperti yang ada adalah mengambil kos yang tinggi dan juga mungkin kita tidak cukup kakitangan yang begitu mahir ataupun begitu terlatih dalam mengendalikan Istana Budaya yang begitu canggih. Kepakaran ini adalah satu yang mengambil masa untuk ianya diperolehi oleh kakitangan IB ataupun teater-teater yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat.

Saya percaya semua drama dan filem ataupun drama dan *play* yang dipentaskan di Istana Budaya adalah mengandungi *social value* ataupun nilai sosial yang tinggi dan bukan semata-mata dipentaskan untuk tayangan hiburan sahaja. Ia mengandungi semua unsur kebudayaan dan norma-norma sosial yang bernilai.

■1920

Yang Berhormat Silam menyentuh berkenaan dengan beberapa isu berkenaan dengan tapak warisan atau peninggalan sejarah di negeri Sabah yang dipelihara oleh Jabatan Warisan Negara.

Memang sudah tentu sekiranya ia didapati ada nilai sejarah dan Jabatan Warisan Negara bersama dengan Muzium Sabah atau agensi-agensi lain di negeri tersebut memang mengiktiraf apa-apa yang difikirkan boleh kita letak sebagai satu tapak warisan. Sebagaimana yang telah diuruskan oleh Jabatan Warisan Negara kerja-kerja pemuliharaan dan pemeliharaan di bawah RMKe-9 telah diadakan di Sabah di tempat-tempat yang telah Yang Berhormat sebutkan tadi. Adakah tapak-tapak tersebut akan diangkat sebagai tapak warisan dunia. Jabatan Warisan Negara akan berbincang dengan Kerajaan Negeri Sabah untuk kita mengangkat Maliau Basin untuk dipertimbangkan oleh UNESCO.

Yang Berhormat Tenom tadi selain dari bertanya berkenaan dengan BERNAMA TV juga mengatakan peruntukan adalah dianggapkan kecil. Sebagaimana yang telah saya katakan tadi bahawa selepas penstrukturan semula BERNAMA TV yang akan dimiliki oleh BERNAMA sepenuhnya maka peruntukan baru akan kita pohon pada tahun hadapan. Berkenaan dengan ketua eksekutif baru, ini masih dalam pertimbangan KPKK.

Penghijrahan kakitangan BERNAMA TV ke media lain atau BERNAMA ke media-media lain, ini adalah perkara biasa dan kita tidak boleh halang sesiapa yang hendak berhijrah ke tempat lain dan ini adalah kerana kehidupan mereka dan mungkin mereka *see the greener posture on the other side of the fence,* dengan izin.

Batu Berukir suku kaum Murut, KPKK boleh menjalankan kajian dan pendokumentasian ke atas artifak tersebut. Walau bagaimanapun Jabatan Muzium Sabah (JMS) juga harus memainkan peranan untuk memulihara dan memelihara warisan suku kaum di negeri Sabah.

Yang Berhormat Serdang bertanya berkenaan dengan SMS yang dihantar semasa perayaan kemerdekaan negara. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian ini tidak memikirkan bahawa perbuatan itu menyalahi Akta Perlindungan Data Peribadi 2009 oleh sebab ia bukan ditujukan kepada seseorang sahaja tetapi ia adalah secara siar raya dan SMS dihantarkan tidak memilih siapa yang menerimanya. Kementerian kami menyarankan kepada pemberi-pemberi perkhidmatan untuk menyiarkan supaya orang ramai tahu berkenaan dengan adanya, di manakah, pukul berapakah perhimpunan untuk perayaan tersebut diadakan. Begitu juga kita terima SMS yang dihantar mengenai bencana alam dan kita sentiasa menerima SMS tersebut yang bukan dihantar menuju kepada sesiapa dan ini adalah untuk semua pelanggan pemberi perkhidmatan, tidak pilih orang parti Barisan Nasional atau parti pembangkang. Dia tidak tahu siapa kita dan dihantar secara rambang sahaja.

Berkenaan dengan aduan Yang Berhormat, saya minta SKMM menjawab Yang Berhormat secara bertulis oleh sebab ini adalah perkara yang khusus dan Yang Berhormat di sini saya mendengar bahawa Yang Berhormat ada membuat aduan berkenaan dengan *short code* yang menghantar mesej yang lucah dan saya minta SKMM untuk memberi saya maklumat supaya saya dapat menjawab Yang Berhormat secara bertulis. Okey? Ya.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Okey, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hanya hendak tanya sedikit tentang itu SMS tentang perayaan hari kemerdekaan. Saya tidak dapat setuju, tidak boleh setuju dengan pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana saya rasa apa itu, *SMS fun? SMS fun* ia dihantar kepada semua orang juga. sampai hari ini saya pun boleh terima SMS yang memaklumkan saya apa itu empat ekor, empat angka, anak-anak angka dari *Toto* ataupun *Sports*. Jadi kita boleh cakap itu bukan SMS *fun*kah? Saya rasa syarikat telco mereka tidak seharusnya menggunakan ataupun menjualkan data peribadi kita kepada syarikat-syarikat yang lain walaupun ia boleh dipanggil sebagai satu perkhidmatan, satu servis tetapi sebenarnya ia bukan kerana semua pengguna ini mereka tidak setuju, tidak pernah setuju untuk menerima SMS sebegini.

Saya rasa tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada sebut bahawa ada SMS tentang bencana alam. Akan tetapi setakat ini saya tidak pernah sekali pun menerima apa-apa SMS tentang ini bencana alam. Jadi saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, bila kerajaan kita ada mendekati ataupun meminta syarikat telco ini untuk menghantar SMS tentang bencana alam ini kerana setakat ini saya satu pun tidak pernah terima tetapi saya sudah banyak kali terima SMS daripada Kerajaan Barisan Nasional. Jadi minta sedikit penjelasan.

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya tidak percaya ada SMS dari Barisan Nasional. Barisan Nasional tidak pernah menghantar SMS.

Akan tetapi kalau ada pun ianya dari *short code* dan berkaitan dengan aduan yang dibuat oleh Yang Berhormat, seperti mana yang telah saya katakan tadi, saya minta memberi jawapan bertulis. Oleh sebab saya tidak ada maklumat berkenaan dengan apa Yang Berhormat katakan. Berbalik kepada hantaran SMS semasa perayaan kemerdekaan ataupun semasa bencana alam daripada Jabatan Kaji Cuaca berkenaan dengan ribut kencang di tempat-tempat tertentu...

Tuan Hee Loy Sian [PJ Selatan]: Penjelasan.

Dato' Joseph Salang anak Gandum: ...Dan gelombang akan meningkat berapa tinggi, sentiasa terima tetapi yang lain saya tidak tahu.

■1930

Ini adalah *social service* untuk rakyat. Ini bukan bermakna ada sesiapa menjual maklumat ataupun pemberi perkhidmatan menjual maklumat kepada sesiapa, tidak. Ini hanya untuk menyiar rayakan apa yang perlu diberi maklumat kepada masyarakat umum. Ini bukan hanya ditumpukan kepada seseorang, ianya ditumpu kepada semua yang ada dalam langganan perkhidmatan sesuatu syarikat dan ini bukan bermakna syarikat tersebut menjual maklumat kepada syarikat yang lain untuk membuat siar raya ini. Semua syarikat pemberi perkhidmatan memberi ini secara percuma atau CSR mereka untuk mencerminkan kecintaan mereka kepada negara ini.

Saya merasa tidak salah sesiapa yang menghantar SMS kepada saya memberitahu bahawa pada hari ini, jam ini di mana ada perayaan ataupun perhimpunan berkenaan hari kemerdekaan. Saya tidak anggap ini mencabuli hak asasi saya. Saya menerima dan menjunjung tinggi usaha ini oleh kerana saya adalah seorang yang cintakan negara ini. Saya tidak mengatakan ini menjual maklumat kepada orang lain kerana ini adalah maklumat yang dihantar oleh pemberi perkhidmatan di mana adalah pelanggannya.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Saya tanya tambah satu contoh sahaja. Tadi Timbalan Menteri cakap Barisan Nasional tidak pernah hantar SMS kepada rakyat jelata. Akan tetapi tahu tidak Timbalan Menteri warga Malaysia di Selangor pada hari jadi mereka, banyak mereka akan menerima satu SMS yang dihantar oleh penyelaras Barisan Nasional di negeri Selangor Dato' Sri Ir. Mohd. Zin bin Mohamed untuk mengucaplah selamat menyambut hari jadi daripada penyelaras Barisan Nasional di negeri Selangor. Tahu tidak Timbalan Menteri tentang SMS ini? Saya sekarang hendak tanya pandangan Timbalan Menteri, adakah SMS semacam ini telah mencabuli hak asasi setiap peribadi?

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Yang Berhormat sebagaimana yang telah saya katakan tadi, ini pun saya tidak percaya menyalahi akta yang telah kita luluskan di Dewan yang mulia ini. Apa salahnya sekiranya Yang Berhormat tahu nombor telefon pemilih Yang Berhormat, pengundi Yang Berhormat. Sebagaimana yang tercatat dalam *electoral* dari nombor MyKad pengundi mereka maka kita tahu hari lahir mereka ini. Dari segi itu, ini adalah inisiatif politik Yang Berhormat Sepang untuk mendapatkan ataupun menyenangkan hati pemilihnya dan Yang Berhormat pun boleh buat sebegini sekiranya Yang Berhormat memiliki nombor yang ada dalam telefon Yang Berhormat. Misalnya saya ada beribu nombor telefon yang ada dalam telefon saya, dalam memorinya.

Maka saya juga boleh sekiranya saya serajin beliaulah untuk menghantar SMS mengucapkan selamat hari jadi kepada pengundi-pengundi saya. Mungkin juga beliau ada penolong-penolong, pembantu yang rajin untuk mengisi kepada setiap nama yang ada dalam memori telefon beliau bahawa nama, *address* atau maklumat serta hari jadi yang mempunyai nombor tersebut, maka senang sahaja dihantar. Itu adalah menggunakan kecanggihan teknologi yang moden Yang Berhormat.

Semua ini boleh kita simpan dalam misalnya *iPad*kah, komputer, *Galaxy Note II* kah, apa sahaja peranti-peranti yang canggih sekarang. Ini bukan mencabuli hak asasi seseorang. Ini adalah menunjukkan kasih sayang seseorang itu kepada yang dihantar untuk menerima mesej yang begitu. Saya ingat cantik usaha untuk menyenangkan hati seseorang bahawa Ahli Parlimen mereka masih ingat bila mereka lahir dan Yang Berhormat pun boleh buat sedemikian.

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Saya rasa Timbalan Menteri *contradict* sendiri sebab mesej-mesej yang dihantar secara siar raya itu ialah satu olahan secara terperanjat. Dia tidak akan terjadi secara individu ataupun secara rambang. *It is a* siar raya, saya pinjam perkataan yang digunakan oleh Timbalan Menteri.

I think, bagi saya, saya rasa tidak elok kalau kita menjadi *apologies* kepada syarikat-syarikat komersial yang telah melanggar privasi pelanggan mereka. Saya rasa saya pun telah pun dirujuk tentang siaran SMS itu dan saya nampak ada lima angka *short code*. Jadi senang sahaja *short code* itu ialah kepunyaan operator dan operator anugerahkan ataupun pinjamkan *short code* itu kepada pelesen-pelesen SKMM pada kategori ASP.

Kalau kategori ASP punya pelesen telah membuat siar raya saya rasa *you invade the privacy one person is already bad enough, let alone the massive* siar raya yang telah mencabuli *the privacy of the public. I think this is something that perhaps* kementerian harus melihat secara rapi sama ada *short code* yang menjadi milikan operator itu telah disalahgunakan oleh pelesen ASP. Terima kasih.

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Terima kasih Yang Berhormat Jelutong. Saya tidak terfikir ada percanggahan dari apa yang telah saya katakan Tuan Pengerusi. Iaitu siar raya adalah secara automatik dan tidak dipilih yang ini menerima esok, yang ini menerima lusa tetapi secara automatik disekalikan. Ini adalah melalui pemberi-pemberi perkhidmatan telekomunikasi. Kita hanya berhubung dengan pemberi perkhidmatan, dan sekira ada unsur penyalahgunaan kita bersedia untuk menyiasat dan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Tuan Pengerusi, saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Lenggong atas kejayaan mewartakan tapak bersejarah Lenggong sebagai tapak warisan sedunia. Saranan Yang Berhormat bahawa KSU dan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak untuk menjadi *joint chairman* kepada jawatankuasa yang akan ditubuhkan akan kementerian kami pertimbangkan.

Beberapa Yang Berhormat telah menyentuh berkenaan dengan jalur lebar. Ada sedikit kekeliruan di sini Tuan Pengerusi iaitu berkenaan dengan peruntukan RM200 juta yang dipohon di sini, ini adalah untuk rangkaian teras dan bukan untuk kampung tanpa wayar.

■1940

Namun, kampung tanpa wayar dan semua kampung WiFi yang sedang dan akan kita bangunkan adalah menggunakan peruntukan dari dana pemberian perkhidmatan sejagat atau USP. Ianya adalah usaha yang berterusan. Ini adalah sebagaimana yang kita boleh pinjam dari perkataan Inggeris, *it is a work in progress*. Jadi, Ranau, Tenom dan beberapa tempat di pedalaman, *rest be assured that,* dengan izin, Tuan Pengerusi, kemudahan-kemudahan seperti ini akan datang. Sebagaimana yang telah saya difahamkan bahawa belum lama, beberapa hari yang lepas, SKMM telah juga memberi kontrak untuk memastikan bahawa *facility* ataupun apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Ranau yang telah disediakan dua tahun lepas tetapi belum beroperasi lagi akan beroperasi secepat mungkin. Begitu juga di tempat-tempat lain di mana kita tidak boleh menggunakan menara oleh kerana penduduknya tidak begitu ramai. Maka, kementerian dengan kerjasama pemberi-pemberi perkhidmatan seperti Maxis menggunakan Nano GSM *base station* untuk disediakan di tempat-tempat yang kurang penduduknya dan mana kita mungkin tidak perlu membangunkan menara yang kosnya lebih mahal.

Tuan Pengerusi, sedikit kekeliruan berkenaan dengan MERS 999. Dahulu ada peruntukan pada tahun lepas iaitu untuk membangunkan MERS dan suka saya terangkan di sini bahawa *Malaysia Emergency Response System* ini beroperasi sepenuhnya. Akan tetapi bukan semua tempat di Malaysia ada *digital map*, maka hanya di Lembah Klang, Negeri Sembilan dan Melaka yang mungkin ianya boleh dikatakan canggih. Di tempat-tempat lain, sistem ini memerlukan penaiktarafan supaya tempat panggilan dibuat boleh dikesan daripada pusat MERS. Pusat kecemasan ataupun penerima maklumat ini akan menggerakkan ambulans ataupun apa juga pertolongan, bantuan yang diminta daripada lokasi yang terdekat, supaya cepat bergerak ke tempat situasi yang terjadi. Jadi, inilah yang sedang dilakukan oleh Telekom Malaysia Bhd., tidak ada kena mengena dengan YTL seperti mana yang disentuh sedikit oleh Yang Berhormat Indera Mahkota tadi.

Tuan Pengerusi, banyak lagi isu lain yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat yang mungkin tidak sempat saya huraikan kesemua jawapannya. Maka, saya mohon untuk menjawab secara bertulis kesemuanya yang belum saya sempat jawab dan oleh kerana...

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Boleh jawab Filem Negara tidak?

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Filem Negara, berkenaan dengan tanah Filem Negara. Saya belum ada maklumat berkenaan adakah ianya akan dibangunkan oleh Filem Negara kerana saya pun belum mengetahui bahawa adakah Filem Negara akan berpindah atau tidak.

Berkenaan dengan pejabat pos, ini adalah urusan niaga. Bagaimana yang kita tahu, walaupun ada pejabat pos di tempat perumahan, tidak semestinya ia akan menerima langganan seperti mana yang ada di pejabat-pejabat di kompleks komersial atau *shopping centre*. Saya percaya Pos Malaysia juga meninjau dari segi kos efektifnya. Kalau ianya merugikan untuk menyediakan pejabat pos di bangunan komersial, maka mereka sudah tentu tidak akan menyediakan ia kompleks tersebut.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Saya hendak tanya mengenai Filem Negara itu.

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Ya, Filem Negara, saya tahu.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Sebab pihak Majlis Bandaraya MBPJ Petaling Jaya sudah terima permohonan pembangunan daripada Filem Negara.

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Kalau Filem Negara yang memohon pembangunan, mungkin itu bangunan baru untuk Filem Negara. Saya belum ada maklumat mengenai perkara itu. Nanti saya akan jawab secara bertulis.

Tuan Gwo Burne Loh [Kelana Jaya]: Yang Berhormat, mengenai harga dan kelajuan jalur lebar. Ada apa pelan untuk menurunkan harga dan mencepatkan kita punya kelajuan?

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Adakah hasrat kerajaan ini adalah untuk semua pemberi perkhidmatan telekomunikasi memberi perkhidmatan yang mampu langgan oleh semua pelanggan. Akan tetapi ini terpulang kepada aspek komersialnya. Kita tidak boleh menampung kerugian pemberi perkhidmatan, maka kita tidak akan campur tangan dalam urusan niaga mereka walaupun kita akan berterusan mencari kaedah bagi menurunkan kadar atau caj langganan. Seperti mana Yang Berhormat sendiri tahu bahawa kementerian ini bekerjasama dengan semua negeri serantau untuk menurunkan harga *roaming charges.* Mengikut keadaan semasa dan apabila kos teknologi menurun maka kita dapat kurangkan harganya. Begitu juga kita tidak boleh bandingkan negara kita dengan misalnya Vietnam.

Suka saya maklumkan di sini bahawa IPU mengiktiraf Malaysia sebagai sebuah negara yang berjaya dalam penyebar luaskan penggunaan ICT. Ini boleh kita banggakan Yang Berhormat. Namun saya pun merasa sedih kerana harga langganan masih tinggi. Kita berharap harga ini akan dirasakan lebih munasabah sekiranya pendapatan kita lebih tinggi. Oleh kerana pendapatan kita masih rendah, maka kita memang terasa bahawa ia agak mahal. Tidak boleh kita bandingkan negara kita di mana kepadatan penduduknya tidak serupa, misalnya Shanghai. Shanghai sahaja lebih penduduknya dari keseluruhan Malaysia dan macam mana kita boleh bandingkan dari segi kos untuk pengendalian perkhidmatan tersebut. Oleh yang demikian, maka mungkin itu adalah sebab-sebab ataupun faktor yang menyebabkan harga langganan di sini lebih tinggi dari di sana.

Yang lain, oleh sebab Yang Berhormat Bakri sentuh perkara-perkara yang amat spesifik mungkin tidak sempat kita ada maklumat terperinci berkenaan dengan semua yang dipohon beliau seperti dengan kedudukan Muar dari segi sejarah dan nilai warisan negara, maka Tuan Pengerusi...

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Yang Berhormat Timbalan Menteri...

Dato' Joseph Salang anak Gandum: ...Memohon izin untuk menjawab kesemuanya secara bertulis. Terima kasih.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, bila boleh dapat jawapan?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Menteri sudah habis Yang Berhormat.

■1950

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM1,800,501,000 untuk Maksud B.47 di bawah Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]

[Wang sebanyak RM1,800,501,000 untuk Maksud B.47 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM573,129,900 untuk Maksud P.47 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2013 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]

[Wang sebanyak RM573,129,900 untuk Maksud P.47 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2013]

Maksud B.28 [Jadual] –
Maksud P.28 [Anggaran Pembangunan 2013] -

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Kepala Bekalan B.28 dan Kepala Pembangunan P.28 di bawah Kementerian Pengangkutan terbuka untuk dibahas. Ya Yang Berhormat Mukah.

7.51 mlm.

Dato' Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah [Mukah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya cuma ingin mengambil kesempatan ini untuk mendapat maklumat dari Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan kerajaan mengenai perkembangan lapangan terbang di bandar Mukah dan merujuk kepada di bawah Butiran 30000, saya ingin tahu setakat ini adakah apa-apa perkembangan dan saya ingin dapatkan maklumat dari Yang Berhormat Menteri. Saya rasa ini sudah kita menunggu sejak tahun 2008 dahulu dan saya berharaplah ada dapat maklumat terkini. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, sila Yang Berhormat Bukit Bintang.

7.52 mlm.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Saya rasa kalau ada ubat batuk itu beri dengan Yang Berhormat Batu Gajah, Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Nampak saya. Yang Berhormat berdiri saja, main *angel*...

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Saya merujuk kepada Butiran 60000 – NKRA 4 - Pengangkutan Awam Bandar yang diperuntukkan sebanyak RM233,449,300. Saya ingin menyentuh pengangkutan awam seperti bas, teksi dan LRT di Kuala Lumpur. Terdapat kes-kes yang mana bas-bas sama ada Rapid KL, Metrobus dan lain-lain yang dibantu oleh para pemandu yang suka melanggar undang-undang seperti memotong *queue.* Walaupun sudah ada lorong khas pengangkutan awam sebelah kiri jalan tetapi pemandu-pemandu bas lebih suka memotong ke kanan dan tidak mahu mengikut lorong yang ada. Ini menyebabkan kesesakan ke atas kenderaan-kenderaan persendirian.

Tuan Pengerusi, jika mengambil penumpang-penumpang, para pemandu sangat gemar menunggu lama sehingga kesemua penumpang yang menaiki bas membayar tambang dahulu baru bas bergerak, sedangkan di belakang bas terdapat kenderaan lain berderetan panjang.

Terdapat juga para pemandu bas yang gemar melalui jalan pintas dan tidak mahu mengikuti laluan yang dibenarkan. Contohnya di Jalan Pudu ke Jalan Sultan Ismail, pemandu gemar membelok ke kanan ke Jalan Brunei dan jalan-jalan berdekatan yang sangat sempit sehingga menimbulkan gangguan kepada orang ramai, kenderaan lain yang diletakkan di tepi jalan, bangunan kedai dan kediaman. Sebabnya ialah mereka mengelakkan jalan untuk melalui persimpangan Jalan Hang Tuah, Jalan Pudu dan Jalan Imbi yang sedang dalam pembinaan.

Setakat ini tiada tindakan diambil ke atas para pemandu yang ingkar ini yang membahayakan orang lain. Oleh kerana di kawasan itu ada tujuh jenis sekolah, sekolah kebangsaan Cina yang menyebabkan ramai murid di kawasan ini, oleh kerana bas melalui jalan yang sempit ini, ini boleh membahayakan nyawa mereka. Saya minta kepada kementerian mengambil tindakan terhadap pemandu-pemandu bas ini yang tidak mengikut laluan yang dibenarkan oleh SPAD.

Selain itu, terdapat pemandu-pemandu teksi suka bersidai di perhentian bas atau *bus stop* untuk menunggu para penumpang terutama para penumpang yang hendak balik ke rumah dari membeli-belah di pasar dan di pasar raya. Disebabkan teksi banyak bersidai di perhentian bas, maka pemandu-pemandu bas tidak dapat mengambil penumpang-penumpang yang berdiri di tepi jalan. Pemandu bas terpaksa berhenti di tengah jalan untuk mengambil penumpang dan ini mengganggu kenderaan lain untuk bergerak yang kadangkala terpaksa menunggu lama. Pemandu teksi enggan menunggu di petak mereka sendiri. Akibat perbuatan sebilangan pemandu teksi itu mengakibatkan bas-bas dan kenderaan terganggu di perjalanan mereka. Perkara ini berlaku kerana kurangnya tindakan penguatkuasaan jabatan dan agensi terbabit.

Tuan Pengerusi, mengenai perkhidmatan LRT pula, masih terdapat stesen-stesen LRT yang tidak mempunyai medan meletak kereta yang luas dan cukup, dan yang ada pun amat terbatas. Akibatnya banyak kenderaan persendirian tidak dapat diletakkan di tempat yang betul dan berdekatan stesen yang menyebabkan para pemandu sering disaman. Para pemandu kenderaan persendirian mengejar tren untuk ke tempat kerja atau atas urusan di pusat bandar bagi mengelak kesesakan jalan raya. Ini menyebabkan ramai orang kurang menggunakan khidmat LRT untuk ke pejabat dan masuk ke pusat bandar kerana kekurangan atau ketiadaan medan meletak kereta walaupun kini terdapat medan meletak kereta tetapi ianya tidak mencukupi dan terbatas. Itulah, siapa cepat dia dapat bagi kawasan yang padat yang mana terdapat stesen LRT seperti Stesen Maluri, Pudu, Hang Tuah, Plaza Rakyat dan sebagainya.

Medan meletak kenderaan amat diperlukan. Oleh yang demikian, saya ingin mencadangkan supaya medan meletak kenderaan bertingkat dibina bagi menampung permintaan medan meletak kenderaan percuma untuk menggalakkan orang ramai menaiki LRT untuk pergi ke pusat bandar.

Tuan Pengerusi, tentang AES, satu isu yang amat membimbangkan rakyat jelata. Kerajaan melaksanakan AES *system* ini kita tidak menentang sistem AES, akan tetapi diswastakan kepada dua syarikat ini tidak boleh diterima oleh rakyat jelata. Saya tidak nampak ada negara-negara lain yang menswastakan penguatkuasaan kepada syarikat swasta. Inilah ramai rakyat jelata membantah sistem ini bukan kerana sistem AES tidak bagus, dia boleh mengurangkan kemalangan yang berlaku, tetapi harus ada cukup masa untuk mengimplementasikan sistem ini.

Saya cadangkan bahawa satu sistem yang boleh diterima saya rasa, satu sistem *demerit* terhadap mata-mata atau *point.* Jika pemandu kereta melanggar undang-undang trafik, boleh tolak mata-mata sesuatu kesalahan yang dilakukan di banyak negara seperti di United Kingdom, *Germany* dan Singapura. Sistem ini boleh mendidik para pemandu mengikuti undang-undang lalu lintas khususnya di jalan raya *North South Highway.*

Juga satu cadangan yang boleh seharusnya kerajaan laksanakan ialah memasang lebih papan tanda yang cukup dan jelas sebelum sampai satu kawasan AES *system* ini, memberi amaran kepada pemandu kereta oleh kerana ini boleh mendidik mereka mengikut undang-undang.

■2000

Ketiga, saya berharap kerajaan haruslah mendapat lebih pandangan dari orang awam khususnya mengadakan satu *conference* atau mendapat pandangan rakyat khususnya tentang AES yang diimplementasikan dalam masa yang begitu singkat. Tidak dapat menerima apa-apa pandangan yang diutarakan oleh rakyat jelata. Saya minta kerajaan haruslah mendengar lebih suara dan aduan dari orang awam khususnya tentang AES ini. Bukan orang ingin menentang oleh kerana implementasi ini dalam masa yang begitu singkat dan juga tidak menerima pandangan yang munasabah oleh orang awam. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ledang.

8.01 mlm.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya tidak pergi tajuk tetapi muka surat 361 Buku Anggaran Perbelanjaan sebab kalau kita tengok anggaran perbelanjaan pembangunan tahun hadapan dengan tahun ini nampak meningkat, itu okeylah. Saya sentuh ini sebab ada satu pihak dia trauma kalau sesuatu kementerian itu menganggarkan perbelanjaan pembangunan kurang daripada tahun lepas. Ada pihak yang trauma. Pada saya tidak ada sebab hendak trauma atau menjadi satu isu. Ini kerana yang penting ialah program berjalan kadang-kadang peruntukan untuk program tidak semestinya masuk dalam kepala pembangunan.

Jadi saya rasa yang itu tidak perlulah satu pihak trauma. Cuma saya hendak tanya kepada pihak kementerian, JPJ Muar yang terbakar itu, saya ingat empat tahun belum lagi terbela. Sekarang ini pelanggan-pelanggan di JPJ Muar terpaksalah bersesak-sesak di bangunan sedia ada dan selebihnya melimpah-limpah sampai ke Batu Pahat dan di Parit Sulong kah? Itu satu perkara yang saya fikir perlu dilihat oleh pihak kementerian supaya Muar yang sudah pun naik taraf menjadi Bandar Diraja yang akan dirasmikan pada 24 hari bulan.

Tuan Pengerusi, Butiran 070000 dan lain-lain berkaitan. Saya sebahagiannya bersetuju dengan Yang Berhormat Bukit Bintang sebahagiannya tidak bersetuju. Bersetujunya ialah pertama dari segi melaksanakan sistem AES itu bagus saya setuju. Saya setuju juga kalau Yang Berhormat Bukit Bintang menyatakan bahawa ini adalah untuk mendidik itu saya setuju dan saya setuju kalau tadi Yang Berhormat Bukit Bintang mencadangkan diperbanyakkan ataupun dibina papan tanda yang cukup. Kalau kita hendak merujuk kepada luar negara seperti di UK, Yang Berhormat Tuan Pengerusi selalu pergi London, kan? *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Jangan libatkan saya Yang Berhormat.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: *[Ketawa]* Sipi-sipi. Di London ada juga sistem AES tetapi papan tandanya sangat jelas maka di situ kita dapat bezakan antara negara-negara luar dengan kita. Membandingkan negara luar itu dengan kita bagus di mana kita mengikut apa yang baik. Di luar negara AES itu baik, berjaya mengurangkan kadar kemalangan dengan berkesan, orang ramai setuju kerana selamat, tidak ada lagi atau kurang dari segi pemandu yang saya gunakan bahasa kurang ajar sedikit, pemandu yang kurang ajar, pemandu yang *arrogant*, yang tidak berperikemanusiaan dan lain-lain yang berkaitan.

Cuma Tuan Pengerusi, saya tidak setuju dengan Yang Berhormat Bukit Bintang kalau dia kata tidak perlu diswastakan. Berapa banyak perkhidmatan di dalam negara kita yang diswastakan dan berjaya dengan cemerlang, Cuma Yang Berhormat Bukit Bintang saya hendak menghala kepada pihak kementerian supaya syarikat konsesi ini janganlah tamak haloba. Janganlah semata-mata kerana mengambil kesempatan untuk mengurangkan kadar kemalangan dan sebagainya mereka ingin untung besar.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan Yang Berhormat Ledang. Bolehlah tanya sedikit.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Kejap, kejap, kejap saya masa tidak cukup, sekejap. Yang Berhormat Batu Gajah, Yang Berhormat Batu Gajah.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Isu tamak, macam mana kita hendak pastikan syarikat konsesi tamak kalau kita tidak tahu terma-terma konsesi. Mungkin...

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Sekejap, Tuan Pengerusi berapa minit perbahasan, berapa minit?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Empat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Bagaimana kita boleh tahu konsesi tamak tidak tamak kita mesti minta Yang Berhormat Menteri beritahu terma-terma perjanjian, di *classified* perjanjian dengan konsesi, setuju tidak Yang Berhormat Ledang?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batu Gajah.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Sabar, sabar, lusa balik dahulu. Biar saya teruskan dahulu, saya teruskan dahulu. Maknanya jangan tamak sebab kalau...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan Yang Berhormat Ledang dia asyik ulang-ulang minta konsesi jangan tamak.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Dia tidak bagi Yang Berhormat, dia tidak bagi.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Saya tidak bagi. Peraturan mesyuarat tidak bagi.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Akan tetapi dia belum jelaskan bagaimana pastikan konsesi tidak tamak.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Lecehlah. Jadi saya ulang sekali lagi jangan tamak.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Bagaimana pastikan tamak?

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Kerana apa tujuan dia. Tujuannya ialah kerana pertama, Yang Berhormat Bukit Bintang tadi hendak mendidik pemandu-pemandu, satu. Kedua di tempat-tempat yang sudah ditentukan di *blackspot* kemalangan dan sebagainya ialah untuk mengurangkan kemalangan kerana..

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Kerana MIROS mengatakan bahawa punca utama, punca utama kemalangan jalan raya adalah disebabkan 60 peratus adalah disebabkan oleh pemanduan yang laju. Begitu juga di persimpangan lampu isyarat kerana melanggar lampu isyarat dan sebagainya.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: *[Bangun]*

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Yang Berhormat Pokok Sena, saya tidak benarkan. Yang Berhormat Pokok Sena tidak benarkan.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: *[Ketawa]* Tidak akan saya sedang bangun sudah tidak benarkan. Apalah.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Saya tidak habis lagi ini tinggal dua minit.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tidak apa Tuan Pengerusi baik sedikit. Hari ini Tuan Pengerusi akan bagi panjang kerana isu ini isu yang besar. Saya rasa elok kita perbahaskan dengan cara yang lebih terbuka.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Maknanya yang penting dua perkara Tuan Pengerusi. Pertama Tuan Pengerusi dua perkara, pertamanya dua perkara.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat..

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Dua perkara Tuan Pengerusi, dua perkara. Pertamanya ialah hendak mendidik betul. Kedua hendak mengurangkan kemalangan di situ di lokasi-lokasi yang ada AES kerana pemandu laju termasuklah kerana melanggar *traffic light.*

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan, Yang Berhormat Ledang bukankah itu tanggungjawab kementerian? Bagaimana kita boleh *outsource* tanggungjawab yang asas ini?

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Jadi dua ini, dua ini..

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Kurang kemalangan di lokasi AES selepas AES kemalangan di lain pula *[Ketawa]*

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ya, syarikat swasta tentulah bermotifkan keuntungan. Dia labur RM717 juta.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya *[Ketawa]*

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Jadi Tuan Pengerusi syarikat swasta mestilah peka dengan *environment* keseluruhannya. Oleh sebab itulah, sebab itu kalau kita hendak mendidik, kita didik dengan cara yang betul-betul. Tadi saya sebut, kita rujuk kepada perundangan luar negara seperti di London dan sebagainya. Papan tandanya cukup, cukup berkesan Tuan Pengerusi, berkesan.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Polis didik lama sudah dengan saman ekor pakai kamera juga *[Ketawa]*

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat..

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Polis didik orang lama sudah kalau kena saman ekor pakai kamera, duduk balik tiang, duduk balik pokok.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Maknanya Tuan Pengerusi, maknanya Tuan Pengerusi, papan tandanya berkesan. Sekali gus boleh mengurangkan pertamanya kelajuan.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya saya tanya polis berjuta saman dikeluarkan oleh polis tetapi kemalangan tetap berlaku. Kemalangan terus berlaku walaupun saman ekor polis masih ada sekarang.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Pokok Sena duduk Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat. Yang Berhormat Pokok Sena duduk Yang Berhormat.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Malah polis cakap meningkat saman ekor.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pokok Sena duduk Yang Berhormat.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya tanya dia, kalau dia boleh jawab, dia jawablah. Kalau dia tidak boleh jawab dia duduklah.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Tuan Pengerusi, contoh yang paling jelas sekali..

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ledang lampu kuning sudah menyala Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan. Di UK tidak diswastakan untuk kroni.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Tuan Pengerusi contoh yang paling jelas sekali, contoh yang paling jelas di kilometer 301 Kajang, di Jalan Kajang, Lebuhraya Utara Selatan Kajang. *Suddenly* kereta *slow*. Sekarang kalau kita lalu di sana boleh dikatakan 90 peratus ataupun 95 peratus kenderaan perlahan. Jadi yang perlu disaman Tuan Pengerusi yang perlu disaman ialah pemandu yang degil, pemandu degil yang degil ini disaman saya setuju.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Berapa peratus kemalangan yang sudah kurang? Berapa peratus kemalangan yang menurun?

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Maknanya kalau sudah letak *signboard* yang cukup, sudah letak *signboard* cukup...

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Yang menurun kemalangan kah apa dia?... *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pokok Sena duduklah Yang Berhormat.

Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]: Duduklah.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Pemandu yang degil, pemandu degil disaman.

■2010

Inilah yang sepatutnya yang AES perlu tekankan iaitu pemandu yang sangat degil. Ada *signboard* cukup pun mereka masih memandu kenderaan dengan laju, ini patut disaman. Itulah gunanya AES. Bukan seperti Yang Berhormat Pokok Sena, itu maksud saya. Sekian, terima kasih. Tuan Pengerusi, saya menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Raja.

8.10 mlm.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga ingin membahaskan Maksud Bekalan 28 Kementerian Pengangkutan. Saya ingin merujuk kepada Butiran 010500 – Udara iaitu perkhidmatan bantuan udara.

Saya cuma ingin bertanya atau menegur masalah kapal terbang ini, *Firefly,* AirAsia. Biasanya kita sebagai penumpang kalau lewat, kita ditinggalkan dan kita tidak akan dapat balik tambang kita. Akan tetapi banyak kali apabila penerbangan itu lewat, kita terpaksa menunggu sampai hampir dua jam kadang-kadang dan *airlines* atau syarikat penerbangan tidak ada apa-apa komitmen untuk membayar ganti rugi ataupun habis sangat, *"We are sorry." I think this is not fair* sebab bila kita membeli tiket itu, kita pelanggan, mereka memberi perkhidmatan. Sekiranya mereka gagal memberikan perkhidmatan, maka mereka patut *compensate* kita.

Beg kalau lebih setengah kilo pun akan dikenakan, tidak ada tolak ansur. Setengah kilo, satu kilo, satu kilo RM30 misalnya, tidak ada tolak ansur. Jadi mereka tidak ada tolak ansur pada kita tetapi kita sebagai pengguna selalu akan menerima akibat sekiranya kita tidak menepati syarat-syarat yang telah mereka tetapkan. Jadi, saya harap Kementerian Pengangkutan melihat kepada perkara-perkara seperti ini supaya adil kepada kita sebagai pengguna.

Kedua saya ingin menyebut mengenai Butiran 010600 – Darat. Saya ingin bertanya kepada kementerian mengenai tambang teksi daripada stesen-stesen komuter, sering kali oleh kerana kurangnya pengangkutan dan bas, maka teksi-teksi ini digunakan. Contohnya saya beri dari stesen komuter Klang ke Kampung Jawa yang tidak sampai lima minit, RM10 tambang yang dikenakan. Adakah tidak ada piawai atau *standardization* daripada pihak kementerian dan bagaimanakah langkah penguatkuasaan tambang-tambang teksi ini? Pengguna, rakyat tidak ada pilihan dan kadang-kadang mereka bayar tetapi dengan rasa marah kerana mereka tidak ada pilihan. Jadi, saya harap ini dapat kementerian berikan pertimbangan.

Ketiga ialah mengenai pembinaan stesen-stesen bas 1Malaysia yang kita *welcome*, kita mengalu-alukan di seluruh negeri Selangor. Namun apa yang berlaku ialah pembinaan stesen-stesen bas 1Malaysia ini tidak mendapat kebenaran dan persetujuan daripada PBT, dalam kawasan saya MPK dan mereka hanya mencacak dan terus buat. Ahli majlis pun tidak tahu, PBT pun tidak beri kebenaran, buatlah ikut suka kerana apa, kerana Kerajaan Pusat, jadi boleh buli kerajaan negeri. Jadi ini adalah satu perkara, maknanya kita tidak menghormati kerajaan negeri yang dipilih oleh rakyat.

Sekurang-kurangnya pelannya perlu diluluskan, di mana hendak letak kerana ahli-ahli majlis lebih tahu di mana tempat yang baik untuk membuat stesen-stesen bas ini. Bukan hanya sekadar untuk memberi kontrak kepada orang-orang tertentu untuk membuat stesen bas ini. Jadi bukan tidak menghargai, kita menghargai tetapi kalau kita hendak ajar rakyat untuk mengikuti undang-undang dan peraturan, saya ingat kerajaan perlu menunjukkannya dahulu... *[Disampuk]* Perhentian bas, minta maaf perhentian bas.

Seterusnya saya ingin ke Butiran 060500 – Penguatkuasaan Undang-undang bagi pengangkutan darat juga. Saya ingin bertanya tentang parkir kenderaan-kenderaan berat perdagangan seperti lori-lori *tanker*, lori-lori treler, bas sekolah, bas persiaran. Saya dah bangkitkan perkara ini juga di bawah KPKT. Permitnya sekarang diberi oleh SPAD, dulu Lembaga Pelesenan, sekarang dah tidak ada. Lori-lori dan bas-bas ini sepatutnya sebelum mereka diberi permit, sudah ada tempat-tempat parkir tertentu tetapi mereka ini semua tidak peduli. Menjadi mangsa adalah penduduk-penduduk kawasan-kawasan perumahan di mana lori-lori dan bas-bas ini di parkir di sepanjang jalan masuk kawasan perumahan ataupun di depan rumah mereka, di tepi rumah mereka dan sebagainya. Bukan sahaja jalan-jalan dalam kawasan perumahan taman-taman ini rosak tetapi ia sangat berbahaya kerana kadang-kadang mereka meletak kepada tempat-tempat yang strategik sehinggakan pemandu biasa tidak nampak di simpang-simpang kenderaan yang lalu lalang. Ia boleh menyebabkan kesalahan.

Apa kuasa PBT? PBT hanya boleh kompaun dan tidak boleh kalau kata tayarnya boleh dikunci, PBT tidak boleh. Bila saya bertanya perkara ini, saya ingat dahulu Yang Berhormat Tenggara masa menjadi pengerusi kepada Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan ini mengatakan bahawa boleh majlis ataupun ahli majlis PBT boleh membuat undang-undang atau peraturan tambahan di mana tayarnya boleh dikunci. Akan tetapi bila saya semak balik kepada pegawai undang-undang PBT, mereka kata ianya tidak dibenarkan, kami tidak boleh mengatasi apa kuasa yang telah diberi kepada kami. Kami hanya boleh kompaun.

Jadi apa yang harus penduduk lakukan? Mereka merasa kecewa kerana pihak PBT tidak boleh membantu mereka. Kita tahu bahawa birokrasi dari segi pentadbirannya, PBT-PBT ini, bahagian-bahagian penguatkuasaannya selepas tiga kali kompaun, perlu menulis surat, sekarang mungkin kepada SPAD dan ini mengambil masa yang lama. Maknanya ia tidak berkesan, aduan kepada PBT tidak berkesan untuk menghalang lori-lori dan bas-bas ini di parkir di kawasan-kawasan yang tidak sepatutnya. Jadi, saya harap Menteri dapat memberi satu *solution* bagaimana kita hendak menyelesaikan masalah seperti ini.

Kemudian saya juga ingin bertanya, banyak kali saya jumpa tentang lampu-lampu isyarat yang selalunya baru pasang kerana tempatnya itu di tempat yang mudah dilanggar oleh lori-lori dan *tanker* yang besar-besar ini, kerap kali lampu-lampu isyarat ini akan musnah, terbalik, kemudian terpaksa dibuat lagi, kemudian musnah lagi. Siapakah yang bertanggungjawab sebenarnya? Tidakkah pihak penguatkuasaan mengambil tindakan kepada lori-lori ini kerana bagi saya sifat tidak bertanggungjawab mereka, bila mereka tidak boleh buat *u-turn* mereka akan buat *u-turn*, bila buat *u-turn* akhirnya langgar lampu isyarat. Membuat satu lampu isyarat ini bukanlah harga yang murah, akhirnya terpaksa ditanggung oleh rakyat. Jadi, mungkin kita perlu ada satu talian di mana sesiapa yang boleh mengambil gambar ini, kita SMS ataupun kita e-mel kepada pihak berkuasa dan siapa yang dapat ini, kita beri mereka hadiah, *reward* kepada mereka kerana dapat menangkap *culprit* ataupun penyangak-penyangak ini setelah langgar harta awam, mereka tidak bertanggungjawab dan mereka lari begitu sahaja.

Saya juga ingin menyentuh tentang Butiran 060400 – Pengujian dan Pelesenan Pemandu berhubung dengan juga sedikit kepada Butiran 070000 – Keselamatan Jalan Raya. Saya biasa sebut perkara ini bahawa penunggang motosikal di kawasan-kawasan luar bandar dan kampung-kampung, sekarang pinggir bandar kerana kita duduk di Kuala Lumpur, banyak kampung sekarang sudah jadi *semi urban* ataupun pinggir bandar yang tidak ada pengangkutan awam di dalam kawasan kampung ini. Misalnya saya tinggal di Sungai Buloh, ada beberapa kampung di situ. Kampung Merbau Sempak, Kampung Kubu Gajah, Kampung Paya Jaras dan ada jalan dan jalan ini sekarang sudah menjadi jalan besar. Kenderaan-kenderaan mengambil jalan pintas daripada jalan ke Kuala Selangor terus keluar ke Jalan Paya Jaras.

Mereka mengambil jalan pintas dan jalannya sangat sibuk. Namun kenderaan awam tidak ada, bila kenderaan awam tidak ada, duduk di kampung tanpa kenderaan awam hendak keluar, biasanya kenderaan yang dipakai adalah motosikal. Kalau kita lihat yang naik motosikal ini adalah anak-anak muda yang tidak layak dapat lesen. Cuma apakah tindakan kita kerana kalau kita bawa dalam kampung, kita yang perlu berhati-hati kerana mereka keluar simpang tidak berhenti dan tidak tengok kiri kanan.

■2020

Jadi, perlukan kita memberi pendidikan kepada mereka? Walaupun mereka tak layak dapat lesen, maka sekurang-kurangnya kalau mereka ditahan oleh pihak polis dan sebagainya, mereka telah mengikuti kursus-kursus dan sebagainya supaya mereka tahu undang-undang jalan raya dan mereka ini boleh bawa motor pada umur yang muda. Bila mereka ambil lesen esok pun, tabiat negatif di dalam pemanduan itu sudah tertanam di dalam jiwa mereka. Jadi nak tanam orang kata sikap memandu yang betul adalah agak terlewat. Mereka hanya setakat belajar pemanduan itu untuk lulus lesen.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, habiskan.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Lepas itu bawalah ikut suka. Akhir sekali, saya cuma nak sebut tentang maksud Pembangunan 28. Saya nak tanya Menteri tentang LRT Jajaran Kelana Jaya Stesen 11 dan 12. Setahu saya, kerajaan negeri belum meluluskan dan kemudian PBT pun juga belum memberi permit untuk melaksanakan kerja-kerja ini. Namun, stesen-stesen itu sudah mula dibina dan landasan juga telah mula dibina. Masalahnya adalah penduduk-penduduk di Subang Alam, di Alam Megah dan juga di Putra Height mengalami masalah sekarang. Sudah ada runtuh tanah kecil, keruntuhan-keruntuhan kecil dan juga air daripada kuari lama itu sedang dialirkan keluar dan akan boleh menjadi punca bencana.

Jadi saya ingin bertanya kepada Menteri, apakah pelan mitigasi untuk menghalang ataupun mencegah bencana alam daripada berlaku dan penduduk amat risau. Kenapakah projek ini yang dilakukan oleh Prasarana tidak menunggu PBT untuk meluluskan. DOE pun tidak lagi meluluskan setahu saya. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sekijang.

8.22 mlm.

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Kepala 070000 – Keselamatan Jalan Raya. Seperti mana yang disebutkan oleh rakan-rakan tadi, ada *pro and cons* dalam pemasangan kamera AES ini tetapi sebenarnya saya berpendapat bahawa pemasangan kamera ini adalah merupakan satu langkah yang baik untuk mendidik para pemandu kita terutamanya kepada pemandu-pemandu yang membawa kenderaan besar ataupun kenderaan komersial di mana kadang-kadang apabila kita lalu di jalan raya atau di lebuh raya itu, walaupun ditulis situ 110kmj tetapi bas dan lori kalau kereta bawa 110kmj, dia bawa 140kmj dan yang dibawa di dalam itu adalah nyawa, 40 nyawa, kadang-kadang 44 nyawa di dalam itu.

Selain daripada itu kalau dia terbabas, bukan sahaja nyawa di dalam kenderaan yang dibawa itu tetapi juga orang lain yang terlibat sama yang kadang-kadang menyimpang jalan raya dan sebagainya, yang kadang-kadang memakan masa sampai lima jam, empat jam di jalan raya. Ini yang mendatangkan masalah kita yang mana saya rasa dengan adanya kamera ini sekurang-kurangnya mereka berwaspada, mereka akan memikirkan cara yang terbaik untuk mengawal kenderaan mereka dan juga dapat menjaga keselamatan kepada penumpang-penumpang mereka.

Kalau tidak ada ini, dulu kita pernah memasang kotak hitam, kita pernah memasang macam-macam dahulu yang kita pernah buat tetapi masih lagi ada berlaku kemalangan terutamanya di musim-musim perayaan ini. Ini saya rasa walaupun ada pihak-pihak yang menyatakan bahawa ianya adalah merupakan satu langkah menganiaya rakyat dan sebagainya tetapi saya rasa kita sebagai rakyat Malaysia yang saya rasa kita kena rasional, kita kena ambil sikap yang terbuka dan kita tengok bagaimana operasinya kamera ini. Saya minta dengan kementerian, di peringkat awal pelaksanaan ini apa salahnya kita kurangkan kadar denda.

Jangan kita kenakan RM300 terus menerus. Kesalahan pertama mungkin dia kena RM30 untuk memberikan amaran, kesalahan kedua mungkin kita boleh naikkan RM50, mungkin kesalahan yang berikutnya akan bertambah-bertambah lagi sampai maksimum RM300. Kalau yang dah RM300 itu dia tahu kesalahan berapa, dia dah berapa kali dah melakukan kesalahan ini, yang ini untuk memberikan pengajaran kepada pemandu-pemandu kita.

Saya rasa bukan sahaja kenderaan-kenderaan besar komersial ini bahkan kadang-kadang kita berhenti dekat *traffic light* pun kalau kereta kita berhenti dan yang belakang itu memanglah tidak boleh memotong, tetapi kalau motosikal tak berhenti. Motosikal ini Tuan Pengerusi, kadang-kadang daripada belakang itu dia pusing, dia terus. Dia tak pedulikan ada simpang empat kah apa, sama sahaja dia lalu. Bila berlaku kemalangan, ini yang menyebabkan kematian dan sebagainya. Apabila berlakunya kematian Tuan Pengerusi, yang merasa dan keluarga yang ditinggalkan itu yang menjadi hiba dan juga yang tertinggal dan kadang-kadang tempat bergantung pun hilang.

Ini yang saya rasa kita sebagai rakyat Malaysia, kita harus rasional dengan apa yang dibuat oleh kerajaan ini. Mudah-mudahan dengan adanya kamera AES ini, kita sekurang-kurangnya dapat menyelamatkan nyawa ataupun kita dapat memberikan panduan-panduan kepada pemandu-pemandu kita kerana kajian-kajian telah pun dibuat oleh pihak MIROS, Jabatan Keselamatan Jalan Raya dan pelbagai pihak di luar negara sana yang mana yang saya fikir ini adalah bertujuan yang baik kepada kita.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Sikit sahaja.

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Ya, sikit sahaja.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ada satu cadangan Yang Berhormat tadi supaya denda itu RM30 awal, RM40, RM50. Cuma saya nak tanya Yang Berhormat, macam mana agaknya cadangan kita nak buat benda ini sedangkan kontrak dengan AES itu dah dibuat. Kontrak dengan AES ini, dah *sign* kontrak dah. RM16 satu saman itu.

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: RM15.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: RM15 ke RM16 satu samanlah. Jadi macam mana kita nak kenakan kepada pengguna ini RM30? Tak nak dapat duit macam mana? Depa dah *sign* dah itu, depa dah tenyeh dah.

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Okey.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya minta pandangan Yang Berhormat. Macam mana kita nak selesaikan masalah itu? Kalau boleh bagi kepada Menteri kot-kot nak rombak balik perjanjian.

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Okey, saya nak beri pandangan.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Okey.

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena. Kita sebenarnya dalam Dewan ini, kita minta kepada kementerian untuk pelaksanaan, minta kepada Menteri yang ada dalam Dewan ini. Kita boleh berbincang, bukan hanya kita menghentam semata-mata. Kita berbincang dan kita memberi syor-syor yang baik yang mungkin boleh dipertimbangkan dan kita sama-sama minta. Kalau keadaan ini boleh berlaku dan semua orang terima, saya percaya Menteri pun terima.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta buat penjelasan Yang Berhormat.

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Ini berapa ramai penjelasan ini? Nanti saya tak boleh nak berucap ini nanti.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Boleh minta kalau AES dilaksanakan oleh kementerian, oleh kerajaan tetapi AES ini telah diswastakan. Bagaimana boleh minta?

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Okey, tak apa. Saya jawab bagi pihak Menteri. *[Ketawa]* Kalau dah kita boleh turunkan, tak apalah. Biar siapa pun kalau kementeriankah, kalau pihak yang mana pun yang kita berikan konsesi dan sebagainya sebagaimana yang saya katakan tadi, kalau boleh diturunkan kepada RM30 kemudian tambah lagi, ditambah lagi bagi kesalahan yang berikutnya sebagai memberikan pengajaran dan kalau dia boleh ikut, tidak ada masalah saya rasa. Ini demi untuk keselamatan, demi untuk nyawa, demi untuk kita menjaga rakyat kita.

Ini kalau berlaku kemalangan dalam satu bas, lapan orang, 12 orang, 13 orang yang meninggal, berapa ramai tempat bergantung kepada anak-anak yang ditinggalkan itu dan siapa yang akan memelihara mereka? Ia akan balik juga kepada masyarakat. Ini yang saya katakan tadi bahawa kita perlu rasional dalam keadaan yang macam ini.

Sebenarnya kalau kita bersama-sama untuk menyokong ini dan kita sama-sama untuk membawa perkara ini kepada satu keadaan yang terbaik, saya kata akan jadi baik. Kalau kita hanya mempersalahkan antara satu sama lain, kita tidak akan dapat menyelesaikan. Jadi, sekian Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: *[Ketawa]* Aku baru nak minta penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan.

8.29 mlm.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Terima kasih Tuan Pengerusi, hanya tiga perkara.

■2030

Perkara pertama butiran 010500 – Udara. Saya hendak tahu tentang pembinaan lapangan terbang baru KLIA II, statusnya. Status peratusan siap dan juga mengapa ada pertambahan kos yang mendadak? *So* saya hendak tahu berapa kos pada permulaan, kos sebenar dan sekarang? Berapa pertambahan peratusan kos telah ditambahkan dan mengapa wujudnya kos tambahan ini? Adakah faktor-faktor seperti tanah yang mendap ataupun kerana kita kena membina satu lapangan terbang yang canggih, yang memerlukan pertambahan kos.

Adakah dengan pertambahan kos pembinaan KLIA II ini akan meningkatkan lagi cukai *airport* di mana AirAsia sebenarnya sudah beritahu Kerajaan Pusat supaya kena berhati-hati dengan pertambahan cukai *airport*. Mereka pun sudah menjalankan kempen untuk membantah pertambahan cukai *airport. So*, adakah kerana pembinaan lapangan terbang yang melibatkan kewangan yang besar ini menyebabkan AirAsia sekarang beralih ke Indonesia. Dia beralih ke Indonesia. Adakah KLIA II ini tidak memuaskan yang disebutkan oleh AirAsia.

Yang kedua, tentang...

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan, terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan, sebelum tukar tajuk, saya pun sebenarnya berminat hendak tahu mengenai KLIA2. Sebelum di bina KLIA2, saya rasa rakyat pun hendak tahu sejauh mana kita telah mencapai keuntungan dan pulangan balik atau *Return on Investment* (ROI) bagi pembinaan KLIA itu sendiri yang telah menelan belanja berbilion-bilion. Akan tetapi dari segi dia punya peratusan penggunaannya, kapasiti yang ada dan sejauh mana ia dimanfaatkan. Ini kerana kita nampak kadangkala yang ada kapal terbang hanya *Malaysia Airlines System* sahaja. Kapal terbang-kapal terbang yang lain kurang, kurang, kurang. Kurang, ya. Kita hendak tahu dia punya *return on investment.* Maka sekiranya *return on investment*nya tidak munasabah, apakah justifikasi untuk hendak berbelanja lagi untuk hendak membina KLIA2. Apa pandangan Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan?

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Saya memang setuju dengan Yang Berhormat Shah Alam di mana kegunaan KLIA yang kita bina dahulu sampai sekarang dia punya peratusan *usage* rendah. Kalau saya bandingkan dengan *airport* di Bangkok dan di negara lain, KLIA ini memang kita jarang nampak kapal terbang *international*. Hanya MAS sahaja. MAS sahaja.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: *[Menyampuk]*

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Kalau bandingkan dengan Bangkok, tidak boleh tanding. Kalau hendak bandingkan dengan *Singapore,* tidak boleh tanding juga. *So,* mengapa kita hendak bina lagi *airport* KLIA2 ini? Kalau kita hendak bina satu *airport* yang sederhana...

Datuk Ismail Kasim [Arau]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: ...Yang khas untuk AirAsia ini, mengapa dia punya kos tambahan begitu mendadak?

Kedua, tentang Butiran 00900 – Meningkatkan Keupayaan KTM. Saya hendak tahu status projek pembinaan landasan kembar ke utara dan ke selatan. Dia punya peratusan siap itu sebab sampai sekarang saya difahamkan peratusannya tidak mengikut jadual. Mungkin *delay* atau kerana ada pertambahan kos yang mendadak seperti yang berlaku di sebelah utara ini. *So,* saya hendak tahu pembinaan kos yang sebenar dan juga pertambahan kos yang saya rasa mendadak. Saya hendak tahu juga bila siap. Bila boleh siap? Bila boleh kita gunakan landasan kereta api kembar ini? Dua landasan kereta api. Bila boleh siap dari utara ke selatan?

Ketiga, tentang Butiran 070000 – Keselamatan Jalan Raya. Saya hendak sentuh sikit AES ini kerana AES dikatakan boleh mengurangkan kemalangan jalan raya. *So* saya hendak dapatkan kepastian. Adakah dengan pelaksanaan AES ini betul-betul boleh mengurangkan kemalangan jalan raya. Kalau kita bandingkan lebih 50 peratus. Kebanyakan kemalangan jalan raya melibatkan motosikal. Mengapa kita tidak menggunakan cara lain, hendak menggunakan AES.

Adakah AES boleh untuk mengurangkan kemalangan jalan raya yang melibatkan motosikal? Saya juga tidak faham mengapa kita hendak swastakan bagi dua syarikat Beta Tegap dan juga ATES Sdn. Bhd. Mengapa Kementerian Pengangkutan dan juga pihak trafik PRDM ini tidak boleh mengendalikan saman ini? Mereka tidak mampukah atau mereka kurang tenaga?

Saya rasa dari segi moral ini, dia tidak betul. Kalau hendak saman orang, jangan diswastakan. Ini melibatkan isu moral. Saya rasa AES ini saya tidak setujulah. Saya rasa pihak parti UMNO pun ada yang tidak setuju. *So*, saya minta kita kena hentikan ini. Hentikan. Tangguhkan dan hentikan. Yang Berhormat Arau, banyak MP dari UMNO pun setuju. Setujukah? Setuju untuk tangguh dan hentikan buat masa ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Putatan.

8.36 mlm.

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kerana kerja begitu keras dan saya bersimpati dengan apa yang berlaku di Kota Kinabalu. Kementerian ini memanglah satu Menteri yang baik hati. Masalahnya ialah mungkin salah faham di antara kementerian dengan pegawai-pegawai di bawah jagaan kementerian. Saya ucap tahniahlah sekali lagi.

Saya ingin turut bahas bagi dalam kementerian ini bagi Maksud 28, Butiran 01400 – Projek Pembaikan Keretapi Negeri Sabah, Butiran 09900 – Pembangunan Lapangan Terbang Labuan/Kota Kinabalu, Butiran 13000 – Pembinaan Menaik Taraf Infrastruktur Lapangan Terbang. Ini saya lambakkan semualah.

Saya ingin berterima kasih kepada pihak kementerian kerana bertindak begitu pantas soal keselamatan sepanjang landasan kereta api negeri Sabah yang telah pun disediakan dengan jalan susur yang juga menutup dengan akses-akses *crossing.* Masalahnya yang timbul itu Yang Berhormat Menteri ialah kesesakan jalan apabila ditutup akses-akses itu walaupun ada jalan susur.

Di Putatan ini, kawasan Parlimen Putatan ini menjadi *the mother of all traffic jammed. So,* saya melihat sistem yang dijanjikan iaitu sistem GPS dan sistem *automated warning* terlebih awal yang sebenarnya dijanjikan dengan amaran loceng sebelum *train* sampai itu belum dilaksanakan lagi. Dengan peruntukan yang ada ini, saya tidak melihat ini mencukupi kalau ini dapat dilaksanakan.

Yang Berhormat Menteri, di kawasan ini banyak aduan yang saya terima sebagai wakil rakyat di situ dan saya mengharap besar, saya mengharap tinggi daripada kementerian agar dapat melihat ataupun melawat sekurang-kurangnya. Melawat aduan-aduan rakyat di kawasan itu, Yang Berhormat Menteri. Soal kegelapan di Kota Kinabalu pada beberapa minggu yang lalu, itu akibat daripada hasil daripada aduan-aduan daripada orang-orang terperangkap penumpang yang berjumlah lebih enam ribu orang penumpang. Saya juga melawat penumpang-penumpang yang bermasalah pada waktu itu. Sebagai wakil rakyat ini saya tidak dapat berdiam diri kerana dalam kawasan Parlimen saya.

■2040

Jadi pada masa itu adalah desakan daripada penumpang-penumpang yang terpaksa saya membuat satu kenyataan di surat khabar dan tidak pernah saya menyatakan saya suruh Yang Berhormat Menteri letak jawatan. Itu dipermainkan oleh pihak wartawan. Yang saya katakan *the Minister knows what to do*. Itu sahaja yang saya katakan. Bukan takut. Akan tetapi Yang Berhormat Menteri ini bagus. Dia kawan Menteri ini bagus. Hatinya lembut.

Yang Berhormat Menteri, saya mengharapkan lain kali kakitangan-kakitangan yang patut memantau yang pernah saya timbulkan di Dewan yang mulia ini mengenai permasalahan yang kotor, sisa-sisa yang masih wujud di lapangan itu sekarang saya belum pasti kalau sudah dilaksanakan pembersihan. Rumput pun belum ditanam dan batu kelikir semua bertempiaran apabila kapal terbang itu turun, kalau batu kelikir itu terbang di pesawat kemungkinan kemalangan akan berlaku. Itu saya telah pun membawa perkara ini dan telah dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri pada ketika itu.

Saya mengharapkan Yang Berhormat Menteri sendiri dapat melawat kawasan ini dan dilihat oleh pegawai-pegawai di sana dan juga penumpang-penumpang Yang Berhormat Menteri ini sungguh prihatin dengan keselamatan lapangan terbang. Ini *national interest* dan saya mengharapkan Yang Berhormat Menteri dapat mengambil satu iktibar sekali lagi atas apa yang berlaku pada tiga minggu yang lalu.

Tuan Pengerusi, satu perkara yang saya melihat aduan daripada staf atau kakitangan MAS sendiri yang mana terdapat satu perubahan di lapangan terbang KLIA yang mana satu kaunter *first class* yang jarang-jarang sekali digunakan oleh penumpang kelas pertama yang kosong yang dibina dengan harga yang begitu mahal, dengan atapnya sendiri, dengan kanopinya sendiri tapi kosong. Kelas *business* dan kelas yang lain itu saya fikir Tuan Pengerusi sendiri melihat yang mana lebih sibuk daripada *first class* itu yang kosong. Jadi kenapa mahu belanja begitu mahal MAS ini? Ini aduan daripada kakitangan MAS sendiri Yang Berhormat Menteri dan saya harap Yang Berhormat Menteri dapat menasihatkan MAS ini jangan berbelanja boros begitu teruk sekali dan orang ramai pun melihat perkara ini. *First class* kosong, *unused* dengan izin. Itu membazir Yang Berhormat Menteri.

Saya juga ingin turut berbahas dengan Butiran 070000 – Keselamatan Jalan Raya. Saya menyokong sahabat saya Yang Berhormat Sekijang Yang Berhormat Menteri. Saya bukan tidak setuju dengan pelaksanaan ini untuk semata-mata mengajar pemandu-pemandu kita. Di Malaysia ini memang ada budaya-budaya seperti Yang Berhormat Pokok Sena yang tidak begitu bertanggungjawab di atas jalan raya. Saya tahu... *[Ketawa]*

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Duduklah Yang Berhormat Shah Alam, saya tidak bagi jalan.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Pokok Sena, lesen memandu pun tidak ada. Dia tidak memandu sebab itu dia tidak kena... *[Ketawa]* Tarik balik.

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Tuan Pengerusi, ini semata-mata untuk mengajar pemandu-pemandu kita. Saya tidak membantah tetapi apa yang berlaku saya rasa dendanya terlalu tinggi. Tidak apalah. Syarikat yang melaksanakan ini memang dia ambil *risk* untuk melabur. Kalau tidak ada saman maka tidak adalah pendapatannya. Dia rugilah. Ini kita sedar bahawa ini satu kerugian besar bagi pelabur-pelabur ini. Yang masalahnya ialah rakyat ini kita melihat supaya Kerajaan Barisan Nasional lebih prihatin terhadap keperluan rakyat. Jadi tidak salah walaupun perjanjian seperti mana Yang Berhormat Pokok Sena katakan tadi perjanjian itu sudah dimeterai tapi apa salahnya kalau denda pertama itu RM30. Biarlah dia dapat RM30. Tidak apalah dia dapat RM15 bolehlah.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Boleh minta penjelasan, minta penjelasan.

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Lepas itu RM50 kesalahan yang seterusnya dan maksimum RM300. Jangan seksa rakyat. Itu sahaja.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Minta penjelasan. Sedikit sahaja. Kawan baik. Terima kasih. Duduk sebelah dia mesti bagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Terpaksa kawan.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: *[Ketawa]* Terpaksa kawan. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Putatan. Syarikat ini syarikat swasta. Dia sudah pasang semua *equipment* dan sebagainya. Lepas itu kita sudah kata bahawa di antara matlamat kenapa diswastakan ialah supaya untuk menentukan bahawa kerja-kerja penyelenggaraan dan sebagainya semua akan dilakukan dan tidak ada kos kepada kerajaan. Akan tetapi kalaulah syarikat swasta ini dia gagal ataupun dia rugi, dia tidak dapat dia punya saman dan sebagainya yang mencukupi adakah dia akan terus menyelenggarakan kamera-kamera AES dan sebagainya.

Adakah kita menganggap bahawa syarikat swasta ini dia melakukan perkara ini sebagai satu usaha kebajikan ataupun satu perniagaan? Sudah pasti kalau dia tidak mendapat keuntungan daripada projek ini dia akan tinggalkan dan dia akan gagalkan projek itu. Tidak ada orang yang akan selenggarakan dan sebagainya. Lalu akhirnya kita akan kembali kepada keadaan yang seperti mana yang asal. Nombor dua, tidakkah pelaburan itu...

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Habis sudah.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Eh, kan kata kawan? Tidakkah pelaburan itu sudah dijelaskan bahawa ianya pelaburan tapi pelaburan itu telah pun dilakukan berdasarkan kepada kajian.

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Sudahlah.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Eh, tidak hendak kawan sudahkah?

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Faham sudah itu, faham sudah itu.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Tidak ada *calculated* punya *risk* dan sebagainya. Terima kasih.

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Dalam setiap pelaburan Yang Berhormat Shah Alam, terima kasihlah Yang Berhormat Shah Alam. Tiap-tiap pelaburan itu memang ada *risk*. Ini semata-mata untuk mengajar pemandu-pemandu kita, kalau tidak ada saman itu maka pelaburannya gagal. Itu dia punya hal, itu dia punya hal. Mungkin kementerian boleh ambil alih, tarik balik. Itulah. Tidak apa, tidak apa. Itu memang hakikat pelaburan, hakikat pelaburan.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique [Tenggara]: Yang Berhormat Putatan mohon laluan.

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Okey, itu *expert* dia menjawab.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique [Tenggara]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Kadang-kadang saya tidak fahamlah kerana apa kita ini membicarakan soal nyawa. Soal nyawa manusia. Yang sibuk hendak cerita fasal pelaburanlah, cerita fasal pelaburan kenapa syarikat ini, kenapa syarikat itu dan sebagainya ini kenapa agaknya Yang Berhormat Shah Alam ini. Kita cerita pasal AES. AES ini untuk kawal supaya kemalangan jalan raya tidak berlaku, nyawa dapat diselamatkan, tidak ada kematian, kurangkan kadar kematian, disiplinkan pemandu. Jadi kenapa hendak takut dengan undang-undang jalan raya ini? Kenapa?

Baru pasang 14 sudah gelabah. Jadi kenapa? Sekarang ini saya menyokong penuh kepada pelaksanaan AES ini dan pada pendapat saya Tuan Pengerusi mana-mana keluarga yang di antara ahli keluarganya pernah terlibat dengan kemalangan jalan raya yang mengakibatkan kematian sudah tentu menyokong dengan pelaksanaan AES ini untuk menjamin supaya tidak lagi berlaku kematian yang akan mengambil nyawa-nyawa yang tidak berdosa. Jadi sokonglah untuk rakyat, kebaikan. Kalau untuk rakyat tidak hendak sokong. Entah apa-apalah pembangkang ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Masa sudah habis Yang Berhormat.

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Saya ucap terima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat Tenggara. Masuk dalam ucapan saya... *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Sudah habis Yang Berhormat.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Boleh penjelasan lagi?

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Apa lagi. Masa sudah habis, masa sudah habis.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Sedikit sahaja lagi.

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Habis masa.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Macam ini, yang kita tengah bahas...

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Saya mahu ucap terima kasih sahaja.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: ...Hari ini bukan soal nyawa. Soal nyawa itu kita semua setuju.

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Tuan Pengerusi, sekian saya menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sudah habis Yang Berhormat.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Yang sedang dibahas ialah kaedah. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batu Gajah.

8.49 mlm.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Pengerusi memberi peluang kepada saya untuk turut berbahas.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Sudah. Tidak habis lagi, kita habis 9.30 malam.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Sedikit lagi, sedikit lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Jam 9.30 malam kita habis Yang Berhormat.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Okey. Perbahasan lagilah? Okey, okey.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Pengerusi beri peluang kepada saya untuk turut berbahas. Bagus Yang Berhormat Menteri hadir bersama mendengar pandangan-pandangan berkenaan peruntukan untuk kementerian ini.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Butiran 070000 - Keselamatan Jalan Raya. Butiran yang lain 080900 - Kempen Multimedia Keselamatan Jalan Raya, 081300 - MIROS, 100500 - *One-off* di bawah Keselamatan Jalan Raya.

■2050

Tuan Pengerusi, saya ingin menegaskan bahawa saya tidak menyokongnya. Sikap pemandu yang tidak berhemah termasuk memandu dengan melebihi had laju. Akan tetapi saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri agar mendengar dan menerima pandangan orang ramai termasuk Ahli-ahli Parlimen dari kedua-dua belah barisan Pembangkang dan beberapa orang Ahli Parlimen dari Barisan Nasional yang berpendapat pelaksanaan AES ini patut ditangguhkan.

Tuan Pengerusi, kemalangan jalan raya yang berlaku mempunyai banyak puncanya. Selain daripada memandu pada kelajuan yang berbahaya, cuai, memandu terlalu dekat, memandu dalam keadaan pengaruh alkohol, memandu dalam keadaan letih. Kamera AES ini ada orang kata ini adalah kamera 1Malaysia, ada orang panggil saman rakyat 1Malaysia. Tidak dapat mengenal pasti sikap pemanduan yang saya nyatakan tadi iaitu kecuaian pemandu yang seperti memandu terlalu dekat, memandu dalam keadaan pengaruh alkohol, memandu dalam keadaan yang letih. Tuan Pengerusi, saya ingin memberi pendapat peribadi saya selepas membuat sedikit kaji selidik berkenaan perkara ini.

Saya juga akan turut memberi pandangan selepas perbahasan ini bahawa saya percaya kementerian boleh menggunakan pendekatan yang lain untuk menjayakan usaha mengurangkan kadar kemalangan jalan raya ini.

Tuan Pengerusi, satu, saya rasa pihak kementerian telah silap langkah apabila kementerian mengambil tindakan untuk, dengan izin, *outsource* tanggungjawab yang paling asas iaitu mendidik orang ramai dan menguatkuasakan kesalahan peraturan trafik ini. Ini langkah yang paling silap, tindakan meng*outsource* ini.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri dilaporkan menyatakan bahawa AES ini adalah mendidik pengguna jalan raya supaya lebih berdisiplin, mematuhi peraturan jalan raya seperti pematuhan had laju. Akan tetapi apabila kementerian mengambil langkah meng*outsource,* dengan izin, pelaksanaan AES ini kepada dua buah syarikat swasta, objektifnya dan niat asalnya telah bertukar.

Tuan Pengerusi, dua buah syarikat swasta ini yang melaksanakan AES ini tentulah bermotifkan untuk mengaut keuntungan. Mereka tidak akan mempunyai motif dan objektif sama dengan pihak kementerian, Tuan Pengerusi.

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Yang Berhormat Batu Gajah.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ya, boleh.

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Ya, saya hendak tanya Yang Berhormat Batu Gajah, sama ada AES ini apa objektif utama dia? Sama ada untuk *to raise the money* ataupun *to safe the lives*? Itu soalan saya sebab saya lihat, dalam terma-terma yang disebut oleh *the subject matter expert*, Dr. Khairi Mohd. Din Yati, seorang pensyarah Jabatan Surveying Science Geomatic di UiTM. Dia berkata, dalam keseluruhan dia punya operasi itu, syarikat yang akan mengendalikan AES sama ada Beta Tegap ataupun satu yang ATIS Sdn. Bhd., mereka telah diberi satu jaminan supaya *internal rate of return* sebanyak 17 peratus. Itu kalau kita hendak kaji gunakan perkataan orang biasa, IRR sebanyak 17 peratus itu macam keuntungan yang kita berikan kepada *independent power producer generation number one.* Saya tidak rasa AES, ia hendak untuk *raise fund* untuk siapa-siapa ataupun lebih pentingkan untuk menyelamatkan nyawa? Apa pandangan?

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya setuju dengan pendapat Yang Berhormat. Itulah sebab tadi saya kata apabila tanggung jawab yang paling asas ini, penguatkuasaan ini, pendidikan orang ramai kata untuk *safe lives* pengguna jalan telah diswastakan tanggungjawab ini kepada dua buah syarikat yang lebih untuk menjana keuntungan. Mengisi tabung dana *coffers* pihak kerajaan, Tuan Pengerusi.

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Yang Berhormat Batu Gajah, bolehkah kita sifatkan yang AES itu ialah cukai belakang pintu?

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ya, memang benar.

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong]: *The back door taxation* kepada rakyat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ya, memang benar, memang benar. *[Disampuk]* Ini memang benar dan ini sudah jadi apa Tuan Pengerusi? Ia menjadi satu menggunakan pengguna jalan sebagai *cash cow,* dengan izin, *cash cow*. Untuk mendapatkan keuntungan untuk satu syarikat, selepas itu untuk kerajaan. Tadi Yang Berhormat kata sebagai *tax* dari pintu belakang.

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Yang Berhormat Batu Gajah, satu lagi.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ya.

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Saya dok kutip kan, ada berita terbaru 13 November yang mengatakan, rakan usaha sama bagi Beta Tegap itu iaitu Redflex dari Australia. Redflex sekarang telah disiasat oleh bandar raya Chicago kerana ada satu skandal yang melanggarkan kes etika. Bagi saya orang Amerika kalau mereka gunakan perkataan kes etika, itu ialah perkataan berlembut untuk menggantikan *corruption.* Kes ini telah pun dilancarkan dan Redflex telah pun dipecat dari sembilan pembekal yang membuat pembidaan kepada *Chicago City Hall* untuk dia punya *speed camera*. Itu berlaku pada Oktober 17, dibongkar oleh *Chicago Tribune*, salah satu daripada akhbar terulung di Chicago, kalau siapa-siapa yang pergi Chicago.

Pada November 13 pula, dia punya Chicago Inspector General, nama dia Joseph Ferguson telah pun meminta mengeluarkan sepina supaya semua pembida dalam *exercise* pembekalan *speed camera* untuk *Chicago City* itu disiasat. Sama ada Beta Tegap ini saya rasa latar belakangnya tidak ada kekuatan teknikal. Mereka bergantung 100 peratus kepada Redflex.

Kalau Redflex itu sebuah syarikat yang dikatakan telah cuba pada sejak tahun 2008, *"Redflex have been trying for the past three years since 2008 to sell the company and to over 40 potential buyers*".

Kalaulah satu syarikat yang sudah tegap, teguh, takkanlah dia hendak jual syarikat itu dan dok cari 40 pembeli yang berpotensi? Jadi, saya khuatir kalau kita serahkan projek dan kontrak secara tanpa *open bidding, open tender* itu dan berikan *on a platter*, apa yang akan terjadi kepada orang-orang yang membayar cukai di Malaysia? Pandangan Yang Berhormat Batu Gajah.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya rasa pihak Yang Berhormat Menteri perlu menjelaskan apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Jelutong itu. Saya rasa ini perkara sangat penting sebab Yang Berhormat Menteri telah berulang-ulang kali membuat kenyataan bertegas akan meneruskan juga, tidak akan tangguh pelaksanaan AES ini. Jadi, perkara yang dibangkit oleh Yang Berhormat Jelutong itu sangat penting. Saya harap Yang Berhormat boleh memperjelaskan perkara ini ketika menjawab hal berkenaan AES ini.

Tuan Pengerusi, tadi saya balik kepada kes sangat cepat saya cuba sebab isu ini sangat penting. Dari pagi saya tunggu sampai sekarang, tunggu Yang Berhormat Menteri datang sampai sekarang. Jadi, harap boleh beri sedikit masa tambahan. Tuan Pengerusi, tadi saya kata, motif, objektif telah bertukar apabila kerajaan mengambil tindakan *outsource* tanggungjawab ini. Tadi saya kata Beta dengan ATIS ini, mereka telah melaburkan RM17 juta. Jadi, tentulah, dengan izinnya, logiknya, *common sense*nya, dengan izin, mereka akan cuba sedaya upaya untuk mengaut balik jumlah yang mereka telah laburkan tersebut, Tuan Pengerusi. Jadi, tambahan adalah pada 28 hari bulan Jun ini, Yang Berhormat Timbalan Menteri ada dalam perbahasan Rang Undang-undang Akta Pengangkutan Jalan menyatakan bahawa, "Oh, kita *outsource.* Kita kerajaan tidak perlu keluarkan modal".

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, masa habis Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Dan tidak perlu khuatir soal *maintenance.* Yang Berhormat Menteri juga mengulangi kenyataan ini. Tidak perlu bayar sesen untuk pelaksanaan ini. Tuan Pengerusi, kenyataan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, oleh Yang Berhormat Menteri ini jelas menunjukkan apa Tuan Pengerusi? Jelas ini menunjukkan satu, untuk mengaut keuntungan bagi dua syarikat tersebut dan kedua, mengisi dana kerajaan. Apabila Yang Berhormat kata, Tuan Pengerusi, mana ada kerajaan yang tidak mahu keluar satu sen untuk melaksanakan tanggungjawab dia? Dia mahu kaut isi tabung kewangannya. Tuan Pengerusi, ini jelasnya. Tanggungjawab ini adalah telah tersasar Tuan Pengerusi. Dan saya...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: ...Saya panjang lagi Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Habis masa dah Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang kedua, ringkas sahaja Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Pengerusi, sangat jelas Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Shah Alam hendak berucap Yang Berhormat, Yang Berhormat Shah Alam hendak berucap.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Sangat-sangat cepat Tuan Pengerusi.

■2100

Saya ingin maklumkan di Britain Tuan Pengerusi, walaupun *speed camera* telah dilaksanakan sejak tahun 1991 ya Tuan Pengerusi, hingga hari ini orang ramai masih mempertikaikan keberkesanannya, Tuan Pengerusi. Sehingga Menteri baru di Britain tersebut mengambil langkah menyiarkan semua maklumat di setiap lokasi kamera tersebut sama ada berapa kejadian telah berlaku, apakah ada penurunan ataupun peningkatan dan juga berapa orang telah dikenakan tindakan. Semua maklumat mereka terpaksa *transparent.*

Saya akhiri dengan- sebab tidak ada masa, saya ingin juga menyatakan bahawa statistik kematian *of the 6,000* setiap tahun, 60 peratus adalah penunggang motosikal dan pembonceng motosikal. Saya ada maklumat dari MIROS, Tuan Pengerusi. Itu sasarannya. Kamera ini tidak tangkap, macam Yang Berhormat PJ Selatan kata, tidak tangkap motosikal. Mesti adakan lebih *motorcycle lane.* Tadi saya ada bagi cadangan dan saya ada laporan daripada PEMANDU tahun 2011 di mana ada menyatakan NKRA kejayaan Kementerian Kerja Raya di mana ada *blackspot* yang telah dipulihkan, penurunan kemalangan 100 peratus. Jadi mungkin *blackspot* ini perlu dipulihkan. Akan tetapi saya terkejut, surat khabar pada 17 hari bulan melaporkan sekarang sudah jadi ada 1,600 *blackspots*.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Oleh kerana masa tidak mengizinkan, saya pohon nanti saya juga boleh minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tiga minit sahaja Tuan Pengerusi, isu lain. Boleh?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya Yang Berhormat Shah Alam.

9.01 mlm.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Terima kasih. Saya tidak hendak bincang AES kerana saya rasa ramai sudah bincang. Saya hendak tanya Menteri ini tentang Malaysia Airlines System (MAS). Kita semua faham bahawa selepas isu *share swapping* AirAsia semua telah dibatalkan, maka sekarang ini MAS adalah di bawah pengurusan yang baru. Lalu saya hendak tahu daripada Menteri Pengangkutan sama ada pengurusan yang baru ini telah pun membentangkan dia punya *business plan* yang baru dan bagaimana perancangannya untuk hendak *turnaround* Malaysia Airlines System? Kita hendak tentukan bahawa Malaysia Airlines System ini, MAS ini akan kembali menjadi sebagai salah satu syarikat penerbangan yang disegani. Kita hendak tahu cara bagaimana dia hendak lakukan.

Saya dapat maklumat daripada pihak kakitangan MAS, mereka merungut dikatakan bahawa vendor-vendor yang baru sudah mula masuk. Kerja-kerja yang biasa dilakukan oleh kakitangan MAS sekarang ini dilakukan oleh *vendor* yang menggunakan pekerja-pekerja asing dari Thailand, Nepal, Bangladesh, dari negara-negara asing. Mereka sampai boleh memandu jentera-jentera di atas apron untuk membawa kenderaan itu berhampiran dengan kapal terbang untuk mengangkut beg bagasi dan sebagainya. Sedangkan bila mereka sendiri sebagai kakitangan MAS untuk mendapat lesen untuk membawa kenderaan-kenderaan ini pun memakan masa dan terpaksa melalui bermacam-macam ujian. Akan tetapi bila datang *vendor* yang baru ini, macam-macam yang berlaku dan banyak kelonggaran yang diberikan.

Kedua, katering, makanan. Dahulu di bawah MAS Catering cukup bagus, lepas itu diswastakan dan sekarang ini yang LSG Catering ini saya difahamkan bahawa telah pun dibeli, diambil alih oleh pemilik yang baru. Bila dibeli dan diambil alih oleh pemilik yang baru, maka kualiti makanan itu pun sudah merudum, di mana kakitangan MAS yang bekerja sebagai *stewardess* dan sebagainya, mereka terpaksa berhadapan dengan pelanggan-pelanggan yang tidak berpuas hati dengan kualiti masakan, makanan yang disajikan ataupun yang telah disediakan.

Ketiga tentang soal kontrak-kontrak bekalan minyak. Ini pun benda yang cukup menarik. Saya amat tertarik dengan keadaan di mana satu syarikat yang baru yang bernama Petron yang kita semua tahu bahawa syarikat ini mempunyai hubungan yang begitu rapat dengan pemimpin-pemimpin negara. Syarikat Petron itu telah mengalahkan Petronas kononnya dalam tender untuk membekalkan minyak *aviation fuel* kepada Malaysia Airlines System. Ini merupakan satu perkara yang agak menakjubkan memandangkan Petron ini satu syarikat yang baru yang mana sebelum naik dia punya *signboard* sekalipun, kontrak yang baru yang bernilai berpuluh ataupun mungkin beratus juta telah pun diperolehi oleh syarikat ini.

Saya harap bahawa pihak kementerian boleh menjelaskan bagaimana perkara yang sedemikian rupa boleh berlaku dan apakah proses yang telah dilakukan oleh pihak MAS untuk menentukan bahawa pembekal minyak *aviation* itu, Petronas diketepikan dan Petron pula yang dapat kontrak yang baru ini. Saya rasa kiranya ianya merupakan satu perkara yang telah dirunding terlebih awal dengan pihak Petron atas sebab-sebab *political connection* yang ada pada Syarikat Petron itu, maka ianya merupakan satu pengkhianatan kepada sebuah syarikat penerbangan kebanggaan rakyat Malaysia yang sedang tenat sekarang ini, hasil daripada ketidakcekapan yang telah berlaku pada pengurusan di bawah pengurusan yang lama.

Sekarang ini bila sudah tenat, ada yang mengatakan bahawa sengaja hendak dilingkupkan syarikat ini supaya AirAsia boleh kembali mengambil alih MAS tetapi dengan cara di mana apabila MAS merupakan satu syarikat yang telah dikaut segala keuntungan daripadanya oleh vendor-vendor yang baru yang telah dilantik oleh pengurusan baru. Saya difahamkan bahawa pengurusan baru ini merupakan seorang yang berkenalan rapat juga dengan pihak AirAsia iaitu Tony Fernandez. Saya harap bahawa persoalan-persoalan ini dapat dijelaskan oleh pihak kementerian kerana ianya merupakan satu persoalan yang penting yang sedang menjadi bahan perbincangan di kalangan rakyat jelata.

Terakhir, selain daripada MAS, saya hendak juga bertanya kepada pihak Menteri, apakah rancangan berhubung dengan lesen teksi? Walaupun ianya di bawah SPAD, saya tahu bahawa ianya di bawah Jabatan Perdana Menteri tetapi saya harap bahawa pihak kementerian boleh memberikan penjelasan berhubung dengan perkara ini. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengisytiharkan bahawa soal pajakan lesen teksi itu merupakan sistem perhambaan yang moden. Akan tetapi selepas membuat ucapan yang begitu dramatik, hingga ke hari ini kita dapati bahawa tidak ada satu perubahan dan satu usaha untuk menyediakan kaedah di mana pemandu-pemandu teksi ini boleh dapat permit itu secara *direct* dan tidak lagi menyewanya daripada syarikat-syarikat yang telah diberikan beribu-ribu lesen dan sebagainya. Dengan itu saya ucapkan terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Jasin.

9.07 mlm.

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Pengerusi bagi saya peluang. Saya ringkas sahaja. Pertamanya Butiran 100300 – Pengangkutan udara. Kerajaan telah berbelanja lebih kurang RM4 bilion bagi memastikan supaya KLIA2 dapat memberikan bukan sahaja kemudahan dengan peralatan dan juga semata-mata untuk keselesaan kepada penumpang-penumpang.

Soalan saya, setakat manakah keengganan AirAsia untuk berpindah kepada KLIA2? Adakah mereka berpura-pura atau benar-benar mereka tidak mahu berpindah? Keduanya, bagaimana dengan kedudukan *aerobridge*? Walaupun *aerobridge* telah pun dibuat ataupun disediakan di KLIA2, AirAsia telah menunjukkan satu keangkuhan seolah-olah peralatan dan persediaan yang telah dibuat oleh kerajaan tidak mahu digunakan. Walaupun sebenarnya syarikat ini telah beroperasi dan mendapat keuntungan bermula daripada Malaysia, kita telah berikan berbagai-bagai kemudahan tetapi mereka sekarang bukan sahaja telah kaya tetapi telah menunjukkan satu keegoan.

Seterusnya saya pergi kepada perkara kedua...

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Yang Berhormat, minta celah sedikit boleh Yang Berhormat?

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Ya, boleh.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Jasin, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya tertarik dengan AirAsia yang kata keangkuhan mereka ini. Sekarang ini Tan Sri Tony Fernandez telah memindah *headquarters* syarikatnya ke Indonesia. Kenapakah itu? Sama ada Yang Berhormat Jasin ini atau pandangan Yang Berhormat Jasin ini, perlukah kementerian atau kerajaan kita hendak memberi perhatian kepada AirAsia lagi? Sedangkan mereka telah menyatakan bahawa walaupun KLIA2 siap pada tahun depan, mereka tidak akan pindah ke sana. *They would not move*. *So* kita hendak tahu sama ada bila KLIA2 ini siap sama ada kerajaan hendak tutup LCCT dengan segera? Terima kasih.

■2110

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Perkara yang sama boleh Yang Berhormat Jasin? Sekejap ya. Masa saya nanti boleh bagi kepada Yang Berhormat Jasin. Saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat Jasin sebab menyebut tentang maksud kata angkuh tadi.

Saya bersetujulah sekarang. Telah lama juga saya kaji saya tengok, saya rasa saya boleh bersetuju memang ada aspek keangkuhan tadi. Ini kerana saya tengok satu berita yang dikeluarkan, analisa yang dikatakan tidak mungkin ada syarikat penerbangan tambang murah yang boleh mencapai keuntungan sehebat macam dicapai oleh AirAsia. Ada sesuatu yang tidak kena. Kalau cara biasa tidak mungkin tidak ada satu negara dalam dunia yang punya syarikat penerbangan tambang murah boleh jadi macam dia ataupun boleh setanding dengan dia.

Maknanya ada sesuatu yang pelik berlaku. Saya hendak tanya kementerian, adakah kementerian memerhatikan perkara ini? Mesti ada sesuatu yang berlainan yang mungkin di luar daripada aspek yang dibenarkan dari peraturan atau perundangan yang membolehkan beliau syarikat beliau AirAsia ini keluar sebagai syarikat yang begitu pelik keuntungannya. Satu lagi saya hendak kata Yang Berhormat Jasin, maklumat yang dikatakan antara penyumbang kepada *illicit outflows* yang dikatakan oleh GFI itu sebenarnya daripada syarikat AirAsia kerana dia yang angkut orang menggalakkan orang belanja di luar negara begitu banyak dalam masa sepuluh tahun. Saya hendak tanya apa pandangan Yang Berhormat Jasin?

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Terima kasih...

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Yang Berhormat Jasin, pasal *aerobridge*. Adakah Yang Berhormat Jasin bersetuju dengan saya kalau saya katakan Tony Fernandez itu adalah anak si Tanggang moden. Kita membuat banyak sumbangan terhadap AirAsia tetapi sekarang dia pindah dia punya *headquarters* ke Indonesia. Itu satu si Tanggang.

Kedua, *aerobridge* di Malaysia dia suruh semua penumpang tanpa diberikan keselesaan *aerobridge*. Akan tetapi apabila AirAsia mendarat di Singapura, Hong Kong, London, dia melutut, mereka menggunakan *aerobridge.*

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Terima kasih Yang Berhormat. Apa pun saya berharap semoga kerajaan jangan sekali-kali bersifat *apologetic* bahkan kita mesti bersikap tegas. Kalau dia tidak berminat untuk bersama-sama dengan kita boleh berikan laluan kepada syarikat penerbangan murah yang lain ataupun kita boleh jadikan KLIA2 sebagai *hub* kargo.

Seterusnya saya pergi kepada perkara 07000 iaitu keadaan Keselamatan Jalan Raya di Malaysia. Di sebalik kesungguhan kerajaan untuk memastikan supaya kita dapat mengurangkan kemalangan jalan raya. Kita dapat lihat ramai daripada kalangan mereka yang tidak bertanggungjawab mempolitikkan perkara ini. Saya ingin mengambil satu contoh, dahulu Lynas, kita menghadapi pelbagai tentangan tetapi sekarang kita telah membuktikan bukan sahaja dengan kewujudan Taman Industri Kuantan yang sebenarnya dapat bersama-sama dengan penubuhan Taman Industri Qinzhou di mana bukan sahaja tempat ini strategik, bahkan kita dapat sebenarnya menembusi Rantau Asia Pasifik yang luas yang boleh memberikan pulangan yang cukup lumayan kepada negara dan kewujudan kilang Lynas sebenarnya bukan secara *coincident* bahkan satu perancangan yang cukup rapi sekali bagi memastikan supaya kita dapat memberikan pulangan ekonomi yang cukup baik sekali kepada negara. Sekarang apabila AES diperkenalkan pelbagai tohmahan.

Akan tetapi kesungguhan kerajaan bagi mengurangkan keselamatan jalan raya seharusnya diberikan satu kepujian. Walau bagaimanapun, kita dapat lihat daripada statistik, purata kematian satu hari 19 orang. Selepas itu kecederaan satu hari 17 orang. Pada tahun 2011 seramai 6,877 orang yang meninggal akibat kemalangan jalan raya. Sehingga bulan September 2012 telah merekodkan sebanyak 5,184 orang yang meninggal. Kemungkinan pada tahun ini bukan sahaja kita dapat melepasi pada tahun 2011, bahkan angka ini cukup mengerikan sekali. Jadi satu langkah drastik mesti dibuat oleh kerajaan bagi memastikan bukan sahaja kita dapat mendidik, bahkan kita dapat memastikan kemalangan jalan raya dapat dikurangkan. Apa cara sekalipun memang pada mulanya pahit untuk kita terima. Pada Lynas dahulu macam-macam tuduhan. Sekarang pembangunan Pengerang dituduh pelbagai tuduhan. Akan tetapi sebenarnya ini adalah satu kebaikan dan *insya-Allah* satu masa nanti kita akan mendapat satu kesedaran.

Apa tindakan juga yang dibuat oleh kerajaan adalah semata-mata untuk kebaikan rakyat. Kita dapat lihat bahawa dakwaan kononnya AES ini membebankan. Bagi saya saman ini hanya ditanggung oleh pemandu-pemandu yang melakukan kesalahan. Kalau kita seorang pemandu yang sentiasa beretika, kita tidak akan di saman. Akan tetapi kalau kita dengan sengaja mahu menjadikan jalan raya tempat untuk kita berlumba dan mendapat kemalangan, kita akan disaman. Akan tetapi saya walau bagaimanapun bersetuju dengan sahabat saya Yang Berhormat Sekijang. Kalau kita mahu mendidik, biar kita berfasa-fasa. Fasa pertama, fasa kedua. Mungkin kita kenakan saman yang kurang sedikit, selepas itu adalah satu saman yang bertepatan bagi memastikan...

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Yang Berhormat sebut Sekijang tadi Tuan Pengerusi. Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Jasin. Kita jangan dengarlah cakap pembangkang Yang Berhormat. Ini kerana kita sudah buktikan banyak. Dahulu kita buat jambatan Pulau Pinang pun dia bantah, dia kata membazir dan sebagainya. Sekarang sudah tidak cukup jambatan. Kita buat dahulu Proton Saga pun dia bangkang juga. Buat Putrajaya, sekarang dia pula hendak menuju ke Putrajaya. Kita jangan dengar cakap dia, sebab nyawa ini tidak ada nilai. Biarpun berjuta, berbilion tetapi nyawa tidak ada nilai, apa pendapat Yang Berhormat Jasin?

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Memang saya masuk dalam ucapan saya.

Dato' Ismail bin Abd. Muttalib [Maran]: *[Bangun]*

Tuan pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Masa sudah habis Yang Berhormat.

Dato' Ismail bin Abd. Muttalib [Maran]: Boleh sekali Yang Berhormat Jasin. Sedikit sahaja. Saya tidak mahu berucap Tuan Pengerusi. Saya setuju dengan Yang Berhormat Jasin dan Yang Berhormat Sekijang, apa sahaja yang kerajaan buat kalau tidak menguntungkan pembangkang dia akan ditentang habis-habisan. Saya hendak sebut sedikit mendidik pengguna-pengguna jalan raya. Saya hendak tanya pembangkang, apabila pembangkang datang ke kampung saya, dia tidak pernah bercakap pun hendak berkempen kepada rakyat ini. Marilah sama-sama kita mengatasi masalah jalan raya, marilah sama-sama kita membanteras masalah dadah tidak ada pun. Cuma dia cakap kempen memburukkan kerajaan, hendak politik sahaja sepanjang masa, sebab itu kita tidak percaya. Apa yang kerajaan buat semuanya dia tentang.

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Apa pun kita dapat melihat taktik pembangkang pada ketika ini dia tidak ada modal lagi dah. Hanya modal dia mencari isu. Isu itulah akan...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan.

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Habis, habis.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang Berhormat minta penjelasan.

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: ...Buktikan di sini sistem ini...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang Berhormat Sri Gading minta tangguh, Yang Berhormat Rembau minta tangguh AES, Yang Berhormat Kinabatangan minta tangguh AES. Mereka tidak ada modal lagikah?

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: ...Terbukti telah berjaya di negara-negara maju. Kita telah membuat perbandingan 34 buah negara sebenarnya kemalangan yang berlaku di Malaysia paling tertinggi sekali. Jadi perkara ini sepatutnya dihentikan kerana saya lihat dari 34 buah negara ini negara-negara maju dan kita malu sekali Tuan Pengerusi terakhir berbanding kita Malaysia dengan *Cambodia* kita jauh ketinggalan dan jumlah kemalangan jalan raya dan kematian kita berlipat ganda. Adakah kita sebenarnya boleh jadikan *Cambodia* sebagai perbandingan kita?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Habiskan Yang Berhormat.

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Tuan Pengerusi, saya menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat perbahasan kita akan habiskan. Menteri akan menjawab besok.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Pengerusi, saya rasa masa terlalu singkat. Isu ini sangat penting.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Ramai lagi...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Cukup Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Bagaimana boleh berhenti.

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Pengangkutan lebih...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tidak boleh macam ini bergegas hendak habiskan.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Tinggal beberapa Ahli Yang Berhormat sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Pokok Sena.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Jadi, semua yang berdiri ada peluang berucap?

9.19 mlm.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Baik, terima kasih Tuan Pengerusi yang memberikan peluang kepada saya untuk turut membahaskan 060000 - Pengangkutan Darat dan 070000 - Keselamatan Jalan raya.

Isu AES yang saya hendak sentuh. Sebab bagi saya bahawa hujah-hujah yang disebut sebelum ini bahawa AES ini merupakan penyelesaian kepada hendak mengurangkan kemalangan hendak mengurangkan kadar kematian dan sebagainya. Saya tidak nampak di manakah rasional dia. Akan tetapi saya tidak menolak bahawa kita perlu mencari satu jalan untuk mengurangkan kadar kemalangan, kadar kematian. Kita bersetuju untuk mengurangkan perkara tersebut. Kita bersetuju supaya masyarakat pengguna jalan raya ini dididik.

■2120

Bukan sahaja pemandu jalan raya tetapi termasuk orang yang berjalan kaki sebab faktor kemalangan jalan raya ini bukan hanya kepada persoalan kelajuan yang melebihi daripada had yang ditetapkan oleh undang-undang tetapi ada juga kemalangan disebabkan oleh orang yang membawa perlahan tetapi duduk lorong sebelah kanan. Itu juga punca kemalangan. Ada juga punca kemalangan disebabkan oleh pejalan kaki, bukan memandu laju, pejalan kaki ada jejantas, dia tidak guna jejantas tetapi dia melintas.

Jadi, saya hendak sebut bahawa faktor kemalangan ini berbagai-bagai faktor. Oleh sebab itu saya hendak katakan bahawa alasan mengatakan bahawa hanya kelajuan, kamera ini mengatasi kelajuan. Kalau kita katakan bahawa kamera untuk mengatasi kelajuan, AES ini boleh mengatasi kelajuan, saya hendak katakan bahawa polis gagal selama ini. Polis telah melaksanakan seperti yang saya katakan tadi bahawa kamera polis... *[Dewan riuh]* berpuluh juta saman sudah dikeluarkan dan memang polis mengatakan bahawa penggunaan kamera mereka itu ialah untuk mewujudkan satu persepsi supaya orang jangan lari lebih daripada kelajuan, menghormati undang-undang tetapi mereka gagal. Sekarang AES pun menggunakan yang sama supaya apabila ada kamera, orang dengan sendirinya ada persepsi untuk mengurangkan kelajuan tetapi persoalannya selesai kah masalah, kurang kah kemalangan jalan raya?

Ketua Pengarah Jalan Raya baru-baru ini Datuk Solah menyebut bahawa sejak ia dilaksanakan di 14 tempat ini, sudah berkurangan lebih kurang 20 peratus lebih iaitu pengurangan orang melanggar had kelajuan, bukan mengurangkan kemalangan sedangkan kerajaan mengatakan kamera dipasang untuk mengurangkan kadar kemalangan. Ketua Pengarah JPJ mengatakan bahawa yang berkurangan ialah orang melanggar, pelanggaran terhadap undang-undang. Maknanya apabila sampai di situ, dia *slow*. Selepas kamera dia bawa laju sebab orang sudah tahu. Maknanya, ini bagi saya sesuatu yang tidak menampakkan satu yang jelas, yang boleh kita katakan di sini boleh mengurangkan kadar kemalangan jalan raya.

Oleh sebab itu saya sangat mempersoalkan bahawa yang keduanya ialah berkaitan dengan tempat-tempat kemalangan yang dikatakan tempat *hotspot* berlakunya kemalangan khususnya kemalangan maut. Seperti mana Yang Berhormat Batu Gajah telah menyebut bahawa pihak JPJ khususnya dan juga pihak kementerian secara umumnya telah menetapkan bahawa lebih daripada 831 dan campur dengan *mobile* lebih daripada 1,000 tempat dan 1,000 kamera ini akan digunakan.

Bermakna bahawa lebih daripada 800 ataupun hampir 1,000 tempat-tempat *hotspot* yang dikenal pasti kononnya berlaku kemalangan. Semua tempat ini dikatakan diambil daripada catatan yang dibuat oleh pihak polis yang kemudian dirumuskan oleh MIROS. Kemudian polis pula mengeluarkan bahawa mereka juga akan meletakkan papan tanda di kawasan-kawasan yang merupakan *blackspot* berlaku kemalangan, 800 tempat, 800 papan tanda.

Maknanya bahawa yang mana satu tempat kemalangan yang sebenar sedangkan kita ambil daripada polis. Polis kata tempatnya dia juga berbeza. Jadi mana satu tempat kemalangan yang sebenar? Saya turun pergi ke beberapa kawasan, saya lihat bahawa itu bukan kawasan yang merupakan kawasan kemalangan. Senarai JKR sangat berlainan daripada senarai yang ditunjukkan dalam senarai, *list* yang hendak dipasang ataupun yang telah dipasang dalam kamera AES ini.

Oleh sebab itu saya minta supaya kerajaan mengemukakan senarai tempat-tempat yang sering dikatakan berlaku kemalangan dalam tempoh 10 tahun, berapa kadar kemalangan yang telah berlaku? Ini supaya kita dapat melihat apakah betul tempat-tempat yang dipasang kamera itu merupakan tempat yang sering berlakunya kemalangan.

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Yang Berhormat Pokok Sena, minta penjelasan sedikit berkaitan tempat. Terima kasih Tuan Pengerusi. Ada satu tempat Yang Berhormat Pokok Sena di sepanjang Lebuh Raya Utara Selatan ini diletak dekat dengan jejantas untuk melencong masuk ke Kamunting Taiping sedangkan kamera itu diletak, saya nampak dengan jelas, begitu juga amaran tentang ini tetapi diletakkan di... *[Disampuk]* Baru dua pun tidak mengapa tetapi di Perak, kawasan Yang Berhormat Padang Rengas, kawasan orang Perak, diletak tempat yang saya tidak nampak apa rasionalnya kerana pada ketika itu orang sudah memperlahankan kenderaan untuk hendak masuk sama ada hendak terus ke utara atau masuk ke Kamunting. Tempat itu tidak menjustifikasikan rasionalnya meletakkan AES. Apa pandangan Yang Berhormat Pokok Sena.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Baik, terima kasih. Saya bersetuju dan saya minta masuk sebahagian daripada ucapan saya. Itu memang isu yang telah saya bangkitkan. Baik, saya hendak sebut penghujahan saya pada malam ini bahawa kerajaan mengikut Ketua Pengarah JKJR Datuk Leslie Leon katakan bahawa kerajaan baru hendak mendapatkan *feedback* daripada pelaksanaan AES di luar negara, baru hendak dapat *feedback*. Kita sudah buat, kita sudah *sign* kontrak dengan syarikat, kita sudah pasang sebahagian 14 yang dikatakan untuk tempoh percubaan tetapi percubaan apa, saman sudah keluar? Sepatutnya kalau percubaan, saman janganlah keluar.

Kita sudah pasang, baru hendak dapat *feedback* daripada orang ramai dalam negara kita dan baru hendak buat kempen kesedaran orang, baru keluar tender dan juga hendak dapat *feedback* daripada pelaksanaan di luar negara. Sedangkan saya katakan sepatutnya apabila kita hendak pasang dan apabila kita hendak buat kita kena dapat *feedback* daripada luar negara dahulu, macam mana yang dipasang, dibuat di Amerika.

Di Amerika bukan 24 jam. Pukul 6 pagi sampai pukul 8 malam kalau tidak silap saya dia pasang dan kadar dendanya pun saya seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Sekijang tadi, dia ada had-had tertentu. Jadi, saya hendak sebut di sini bahawa kalau kerajaan ....

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Yang Berhormat Pokok Sena tentang...

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Sekejap. Kalau kerajaan mengatakan bahawa kalau kerajaan membuat, mendapat *feedback* lebih awal daripada negara luar, saya percaya bahawasanya tentu tidak jadi begini. Di tangan saya ini adalah *Auditor General Special Report Number 85* daripada *Parliament of Tasmania,* Australia. Ini audit kepada kamera AES, ini audit.

Hasil daripada audit yang dibuat di Australia akhirnya mereka dapati bahawa kamera-kamera itu menunjukkan keadaan yang bercampur-campur dan akhirnya kerajaan mengambil ketetapan untuk *switch off* 38 kamera yang menunjukkan bahawa tidak membantu kepada mengurangkan kadar kemalangan jalan raya. Ini yang saya katakan bahawa kalau ada di negeri-negeri yang dikatakan berjaya, saya hendak katakan bahawa, menunjukkan bahawa bukan kerana kamera yang menyebabkan tidak berlaku kemalangan jalan raya.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, habis.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Akan tetapi kerana ada faktor lain. Faktornya saya bersetuju mendidik masyarakat, mendidik pengguna jalan raya. Saya ada lagi dua minit.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, habiskan Yang Berhormat, sudah habiskan, habis Yang Berhormat. Saya hendak bagi seorang lagi sebelum habis.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya, saya hendak habis ini, hendak gulung bagi Menteri jawab. Jadi sebab itu, saya katakan bahawa sepatutnya kita lebih awal dan saya telah pun pernah menyebut di Dewan ini bahawa kalau kita melihat antara yang berlaku di bandar-bandar di England umpamanya, London, Sweden dan sebagainya. Kita melihat di Sweden, apabila dia tutup kamera, kadar kemalangannya lebih rendah daripada London yang masih terus memakai kamera AES dan London didapati oleh satu kajian menunjukkan bahawa dia adalah bandar yang paling tidak selamat dari segi keselamatan jalan raya. *[Dewan riuh]* Jadi, saya hendak katakan bahawa ada negara, ada bandar besar yang menggunakan kamera tetapi tidak membantu kepada kurangnya kadar keselamatan jalan raya.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, habis.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Akhir sekali Tuan Pengerusi, saya hendak jawab bahawa ada orang mengatakan bahawa ini untuk menyelesaikan masalah rasuah kerana kita guna kamera, tidak guna manusia. Mana tidak guna manusia? Kita guna manusia, kamera *mobile,* ia menggunakan manusia.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Bukan kamera yang *fix*, kamera yang di lampu isyarat ya, itu tidak menggunakan manusia, ia ada di situ tetapi yang *mobile* tetap menggunakan manusia, yang buat di pusat pengumpulan data AES yang dikendalikan oleh masyarakat, dia menggunakan manusia.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Sampai ke JPJ menggunakan manusia. Siapa kata tidak guna manusia? Kalau katakan bahawa ini boleh mengurangkan kasar rasuah, saya tidak nampak di mana kita boleh mengurangkan kadar rasuah.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Oleh sebab itu saya minta penjelasan supaya kerajaan dapat memberikan satu persoalan kepada saya ialah bagaimana kalau kadar saman ini tidak sampai kepada satu tahap yang seperti mana yang ada dalam perjanjian.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, habiskan.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Apakah kita kena menganggung pembayaran sepertimana dalam konsesi tol apabila kita tidak naik tol, kita kena bayar kepada mereka sebab dalam apa yang disebut tadi oleh Yang Berhormat Jelutong, Dr. Khairul itu ada menyebut bahawa Kabinet bersetuju supaya pelaksanaan ini jangan sampai syarikat itu bankrap.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Jangan sampai syarikat itu bankrap, itu persetujuan yang disebut oleh Dr. Khairul itu bahawa Kabinet bersetuju pelaksanaannya jangan sampai syarikat itu bankrap.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Jadi, saya minta penjelasan yang sebaiknya, yang sepatutnya... *[Dewan riuh]*

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Masa sudah habis itu.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ada seminit lagi, hendak bagi berhenti, seminit sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, habiskan.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Jadi, saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Pengerusi. Esok saya ada buat buka kaunter di pejabat PAS iaitu untuk menerima saman daripada OKS atau orang kena saman.

■ 2130

Jadi, kepada pegawai-pegawai kerajaan, kepada Ahli-ahli Parlimen yang hendak mendapat khidmat guaman percuma sila datang ke pejabat PAS pukul 12. Kepada pemandu-pemandu Yang Berhormat-Yang Berhormat ini, Yang Berhormat tidak mampu bayar, kita lawan di mahkamah. *Insya-Allah* kita bersedia menunggu lebih kurang 100 orang peguam untuk membantu mereka pergi ke mahkamah.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, habiskan Yang Berhormat.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Wangsa Maju, selepas itu esok Yang Berhormat Menteri menjawab.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi Yang Berhormat Batu Gajah di sini. Saya bangkit Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak payahlah hendak dipertikaikan keputusan saya Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Pengerusi, kenapa kita mahu bergegas hendak habiskan perbahasan ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, tidak perlulah pertikaikan. Ya, sila Yang Berhormat Wangsa Maju.

9.32 mlm.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Tuan Pengerusi saya bangun untuk - Terima kasih. Saya bangun untuk berbahas. Tuan Pengerusi...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Kita baru mula lebih kurang 2 jam ada ramai ahli rakan saya juga mahu bahaskan Tuan Pengerusi. Apa sebabnya? Apakah kerana Menteri yang mahu cepat pergi atau lari tidak hendak berdepan lagi dan mendengar lebih banyak lagi pandangan Tuan Pengerusi.

Tuan Jeff Oii Chuan Aun [Jelutong]: Tuan Pengerusi RM6 bilion *you know*, peruntukan RM6 bilion tidak akan berhenti di sini sahaja.

Dato' Ismail bin Abd. Muttalib [Maran]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Sudah dua sesi perbahasan bajet peringkat...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, *you are not questioning Minister now, you're questioning my decision.* Saya sudah buat keputusan *you must respect the standing order.*

Tuan Jeff Oii Chuan Aun [Jelutong]: RM6 bilion.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *No, yes I ask* dengan izin, mengapa begitu cepat? Mengapa ini kementerian lain dari yang lain Tuan Pengerusi? Mengapa mahu begitu cepat hendak habiskan. Ada ramai ahli yang mahu bahas lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: *Nothing,* saya tidak ada *hide anything.* Esok kita ada dua kementerian. Apa persoalan Yang Berhormat? *You have spoken, you have said what you want to say. You are questioning me now you know.*

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Apa sebab? Dengan izin Tuan Pengerusi - Okey saya tanya baik-baik Tuan Pengerusi. Saya hendak tanya mengapa, apa sebab.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: *I made decision, I made decision. Nobody tells me to make the decision even the Minister did not tell me to make decision. I make decision on the situation now.*

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Maaf Tuan Pengerusi, apa sebab? Mengapa hanya dua jam sahaja?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: *Ya, you do not have to question my authority.* Tidak perlu pertikaikan keputusan Speaker.

Dato' Ismail bin Abd. Muttalib [Maran]: *[Bangun]*

Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]: *[Bangun]*

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Mengapa?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Speaker di Selangor lagi teruk daripada ini. Tidak ada macam ini.

Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]: Speaker punya kuasa.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Jangan banding yang lain. Mengapa untuk kementerian ini...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang berucap tadi lebih daripada minit yang ditentukan masa pun akan di...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Mengapa untuk kementerian ini hanya dua jam sahaja Tuan Pengerusi?

Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]: *Speaker* tidak payah layanlah.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Jangan pertikaikan. Yang Berhormat, saya tidak ada orang beritahu dengan saya. Yang Berhormat Menteri tidak beritahu saya untuk berhentikan tetapi esok kita ada dua jadual. Saya membuat keputusan berasaskan kepada keadaan yang sekarang. Cuma ada lima, enam orang, empat, lima orang yang berdiri. Saya buat keputusan berasas kepada itu. Bukan semua yang bangun boleh berucap... *[Tepuk]*

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Jadi bagi mereka habiskan kalau 4-5 orang Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Jangan pertikaikan persoalan saya. Yang Berhormat sekarang pertikaikan keputusan yang dibuat oleh Speaker. Itukan melanggar peraturan mesyuarat. Yang Berhormat Wangsa Maju... *[Dewan riuh]*

Tuan Jeff Oii Chuan Aun [Jelutong]: Tuan Pengerusi kita pohon tambah dua orang, tambah dua orang.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Ya lah, kita tunggu sampai sekarang.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat Wangsa Maju.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Ya di Pulau Pinang pun mereka dikeluarkan siapa yang tidak mematuhi arahan. Di sini kita hendak kacau, di Pulau Pinang keluar terus, digantung enam bulan.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Di sini pun patut kena gantung juga.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Ya betul. Ini betul lawan dengan Speaker pula di sini. Digantung itu kerana tidak menerima arahan.

Tuan Haji Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Itu kuasa Speaker, kuasa Speaker. Dahulu pun ada gantung 6 bulan. Hari itu pun kena gantung.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Sudah ada peluang berucap daripada tadi.

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Jadi jangan sebut - kalau tidak mahu dengar arahan Speaker, gantung. Speaker beritahu tidak apa. Cuma sekarang ini kita minta budi bicara, budi bicara. Perkara ini penting.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Wangsa Maju habiskan.

Tuan Jeff Oii Chuan Aun [Jelutong]: Tuan Pengerusi, kita pohon tambah 2 orang. Kita pohon dua orang sahaja tambahan.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Tuan Pengerusi...

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: *[Bangun]*

Dato' Ismail bin Abd. Muttalib [Maran]: *[Bangun]*

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya rasa Tuan Pengerusi kita memohon, kita memohon untuk diberikan pertimbangan. Bukan kita hendak main ingkar sahaja.

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Betul.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Tuan Pengerusi kita tunggu lama sudah.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Sudah. Saya sudah cakap sudah. Itu yang saya katakan jangan pertikaikan itu lagi. *I have been lenient*. Malam tadi Yang Berhormat Serdang pun saya bagi peluang, tetapi janganlah pertikaikan saya apabila saya tidak bagi peluang.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Betul. Jadi semalam semua orang dapat peluang.

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Cuma pohon budi bicara. Perkara ini penting.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Saya tidak akan setiap hari saya... hati. Orang Barisan Nasional pun tidak ada yang tidak puas hati. Ini kerana ramai semua tidak puas hati. Ketika dahulu saya duduk dekat sana pun tidak puas hati juga tidak dapat berucap. Sama. *[Ketawa]* Ya, Wangsa Maju.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Kami pun sama dengan Speaker juga. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak payah marah-marah.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: *Speaker* jangan marahlah.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak payah marah-marah. *[Dewan riuh]*

9.34 mlm.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Terima kasih Tuan Pengerusi saya bangun untuk membahas maksud Bekalan B28 dan Butiran 010500 - Udara, 010600 - Darat, 050200 - Wilayah 1 (Subang), 080800 - Bayaran Balik Pinjaman Kerajaan Persekutuan (DCA), 100300 - Pengangkutan Udara dan 100500 - Keselamatan Jalan Raya dan saya minta izin untuk berbahas dengan sekali gus. Apa yang pentingnya Tuan Pengerusi adalah Kementerian Pengangkutan ini adalah mengawal selia juga itu DCA.

DCA ini untuk menjaga keselamatan dan sebagainya untuk *inspection*, audit kapal terbang. Akan tetapi pegawainya seperti Encik Sumali, pegawai DCA, Encik Sumali Ahmad sila catitkan. Dia bawa kapal terbang MAS, A380 daripada terus balik ke Kuala Lumpur.

Ini betul atau tidak? Pegawai DCA ini untuk mengawal keselamatan untuk audit kapal terbang supaya mereka ini selamat, tetapi dia jadi pilot baru-baru ini. Sila siasat dan ambil tindakan. Kalau tidak apa bagaimana, *conflict of interest* kerana mereka diberi peluang untuk bawa kapal terbang, jadinya mereka okey. Inikah harapkan pagar, pagar makan padi ini.

So, sila ambil tindakan dengan segera dan juga soal Alexis Sky Chef yang tadi dibangkitkan di sini juga. Selama 25 tahun, bagaimana MAS boleh dapat keuntungan. Tiap-tiap tahun RM250 juta telah disapu oleh Alexis Sky Chef ini. Secucuk sate RM3.20, aduh kenapa mahal begitu sedangkan MAS beli dengan banyak lebih banyak. Lebih banyak, lebih murah. Air mineral RM20.00. Ini untuk apa? Mengaut untung sahaja. Akan tetapi yang sakitnya MAS, MAS ini syarikat rakyat melalui Khazanah. *So*, harap siasat. Tamatkan *agreement* ini yang berat sebelah. Dalam dunia tidak ada syarikat *airline* yang menandatangani sebuah kontrak yang 25 tahun untuk *catering*nya. *Rebranding* MAS, RM600,000 katanya untuk bayaran *rebranding* baru-baru ini. Logo tukar sahaja kepada merah ke biru, tukar kepada biru sahaja, RM600,000.

Landor Associates London kalau RM600,000 dia tidak akan sentuh kerja itu, dia tidak akan buat. Apa yang kita tahu lebih daripada RM600,000. Saya harap Yang Berhormat Menteri boleh siasat perkara ini dan maklum dalam Dewan ini. Jangan terima segala-galanya yang diberi oleh *little Napoleon* dalam Khazanah. Semua tidak guna dalam Khazanah. Kalau mereka adalah baik, MAS tidak akan buat itu *share swap* dengan AirAsia itu. Satu syarikat hendak lingkup sudah. Dapat kemudahan semua daripada kerajaan tetapi masih MAS masuk itu *share swap* punya *agreement*.

So, jangan terima apa yang mereka tulis. Bila kita tanya, dia kata mula-mula tidak boleh jawab kerana ada klausa kerahsiaan, tidak boleh maklum kepada rakyat. Kalu begitu kerajaan buat semualah, AES punya kontrak pun rahsia semua supaya rakyat tanya tidak boleh cakap. Ini adalah *confidential clause*, klausa rahsia. *So*, saya harap Yang Berhormat Menteri jawab di sini yang sebenarnya berapakah kos *rebranding* ini. Kalau setakat RM600,000, diketawai oleh orang. Semua ketawa. Saya cakap ini orang MAS, *no way*lah RM600,000. *It is a joke*, dengan izin. *So please do not make this House fooled. Please tell us* berapa, sama ada RM3 juta, RM10 juta, RM20 juta. Landor Associates di London tidak akan buat kerja untuk RM600,000. Satu lagi, Kabinet telah lulus *routes* kepada MAS ke Sydney daripada Julai 2012 sehingga 2013, *exclusive ride.* Tiba-tiba *routes* ini diberi kepada AirAsia.

■2140

Apa ini Yang Berhormat Menteri? Bukankah ini harapkan pagar, pagar makan padi juga. Sedangkan kerajaan hendak jaga MAS, hendak baik pulih MAS, hendak buat MAS untung, akhirnya kementerian beri kepada AirAsia. Bukan AirAsia, AirAsia X, satu syarikat swasta, bukan AirAsia, *private company* yang dimiliki oleh Kalimullah, Tony Fernandez, Datuk Kamarudin Meranun, 'melanun' *or* Meranun tidak tahulah, puak-puak ini. Kenapa kerajaan perlu memberikan *route* ini kepada mereka sedangkan MAS yang dalam keadaan kerugian dan keadaan parah tetapi masih memberikan *route* ini kepada AirAsia X.

Bukankah ini hendak jaga AirAsia X, takut AirAsia X lingkup. Itu swasta, kita jangan peduli. MAS pun sama, bila mereka *stop* pergi ke London, Paris dan India, bukan mereka tidak mahu pergi, kerana mereka telah mengalami kerugian yang besar. Tiba-tiba MAS mengangkut semua, *uplift* semua *passenger*nya dengan 37,000 orang seperti harganya ke London RM1,100 sahaja. Bagaimana MAS tidak bankrap. *So* silalah jaga kepentingan MAS dan kita hendak tahu kenapakah kementerian tidak beri *Sydney route* ini kepada AirAsia X sedangkan ini telah diluluskan oleh Kabinet. Menteri pun ada kuasa kuat, boleh kecualikan Kabinet punya keputusan.

Saya hendak bercakap mengenai AES, yang terakhir Tuan Pengerusi. Memang saya setuju dengan AES untuk kurangkan kemalangan tetapi yang penting yang saya sebut beberapa kali, dalam blog saya pun saya sudah naikkan daripada 17 Oktober. Undang-undang baru diluluskan dalam Dewan ini tahun 2012, bulan Jun tetapi kontrak yang diberi kepada Beta Tegap ini bila?

Yang Berhormat Menteri memang amat fasih dalam perkara ini, 2005 atau 2006 selewatnya. Mana boleh, undang-undang belum lulus, kontrak sain dulu, masa itu tingkat empat punya kontraklah saya rasa. Ini semua siapa semua?... Beta Tegap?

Nik Ismail bin Nik Mohamed, To' Puan Rozana binti Haji Redzuan, Dr. Andreas Teoh, siapa ini semua? Andreas Teoh ini terlibat dengan MCA atau tidak?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, satu minit lagi Yang Berhormat.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Ya, sedikit lagi hendak gulung. *So* perkara ini amat penting dan juga dalam blog saya pun saya telah tulis mengenai dengan Redflex sistemnya yang digunakan oleh Beta Tegap telah terlibat dalam skandal, *corruption* di Chicago, Amerika pada 17 Oktober 2012. Di sini Yang Berhormat Menteri, *"Accusing Chicago's red-light camera vendor of covering up a 2-year-old breach of ethics until a Tribune investigation brought it to light, Mayor Rahm Emanuel's office on Tuesday threw out the company's bid for a lucrative new speed camera contract.*

The city also raised serious doubts about the future of Redflex Traffic Systems Inc.'s role as the longtime operator of Chicago's red-light camera program that since 2003 has generated some $300 million in fines for the city and $97 million in revenue for the publicly traded company- Redflex."

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, *9.45pm, I cannot extend anymore. That's maximum*.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Ya, sedikit sahaja. *So* saya harap Yang Berhormat ambil kira perkara ini. Kalau kita hendak juga, kita buat tender baru oleh kerana sistem yang digunakan 2006 dan sistem 2012 ini amat berbeza. Saya harap buat tender yang baru, janganlah berikan kepada dua syarikat ini sahaja. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Majlis bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat.

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) ***mempengerusikan Mesyuarat****]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Rabu, 21 November 2012.

*[**Dewan ditangguhkan pada pukul 9.45 malam**]*